

## **PROSIDING**

**SAINS SOSIAL PEMANGKIN KESEJAHTERAAN KOMUNITI**

**SEMINAR KEBANGSAAN SAINS SOSIAL 2.0 (SKSS 2.0)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

## **PROSIDING**

**SAINS SOSIAL PEMANGKIN KESEJAHTERAAN KOMUNITI**

**9 MAC 2020**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

## **PENASIHAT**

Datuk Prof. Dr. Hj. Mohd Taib bin Haji Dora

## **EDITOR**

Pn. Atini binti Alias

Pn. Norhasima binti Abdullah

Dr. Mohd Sufiean Hassan

En. Abd Aziz A'zmi

## **PENILAI**

Dr. Suhaya Deraman

Cik Faudziah Yusof

Pn. Noraini Abdol Raop

Cik Farrah Wahida Mustafar

Pn. Syazwana Aziz

Pn. Tun Mastura Wan Lokman

Pn. Nurliana Suhaini

Dr. Mohd Afendi Daud

Pn. Norli Yusuf

En. Muhammad Fadzil Ahmad Shukor

Pn. Siti Marhamah Kamarul Arifain

Pn. Suzyliana binti Mamat

Pn. Fazurah Mustafa

Pn. Siti Haziqah Shaban

Pn. Aimi Khairunnisa Abdul Karim

Cik Siti Nazurulaina Hj. Aripin

Pn. Siti Aishah binti Yahya

## **PROSIDING**

**SAINS SOSIAL PEMANGKIN KESEJAHTERAAN KOMUNITI**

**SEMINAR KEBANGSAAN SAINS SOSIAL 2.0 (SKSS 2.0)**

Hak Cipta Kolej Universiti Islam Melaka, 2020

Tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran.

Hak cipta Terpelihara.

ISBN: 978-967-2423-09-6

@2020

Penerbit

Kolej Universiti Islam Melaka

Batu 28, Kuala Sungai Baru

78200 Melaka

## KANDUNGAN

### KATA PENGANTAR

i

### TEMA 1 : PEMBANGUNAN MANUSIA/KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

HUBUNGAN ANTARA KEPUASAN KERJA DAN PRESTASI KERJA DALAM KALANGAN PEKERJA DI SYARIKAT AIR JOHOR RANHILL, BATU PAHAT

1

*Nur Khalilah Saire & Faudziah Yusof*

HUBUNGAN ANTARA SOKONGAN SOSIAL DENGAN KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH DI DAERAH KUALA KRAI, KELANTAN

11

*Siti Rasyidah Mohd Zain & Faudziah Yusof*

HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAPAAN DENGAN TINGKAH LAKU AGRESIF PELAJAR: SATU KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATOK LOKMAN, KUALA LUMPUR

23

*Norshahidah Amalina Mohd Shah & Siti Aishah Yahya*

HUBUNGAN ANTARA BEBAN TUGAS DENGAN TEKANAN GURU DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ADE PUTRA, MELAKA

30

*Zuraini Mujahid & Atini Alias*

HUBUNGAN ANTARA PENGARUH RAKAN SEBAYA DENGAN MASALAH SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATOK LOKMAN, KUALA LUMPUR

36

*Nurul Najwa Mansor & Atini Alias*

HUBUNGAN PENGARUH KEGANASAN MEDIA MASSA MEMBERI KESAN KEPADA TINGKAH LAKU AGRESIF DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN HJ. ABDUL MALEK, MELAKA

43

*Siti Nabihah Nordin & Atini Alias*

HUBUNGAN EKSPRESI EMOSI IBU BAPA DENGAN MASALAH TINGKAH LAKU KANAK-KANAK

50

*Zaleha Damanhuri & Mariani Md Nor*

KONFLIK KERJA-KELUARGA HUBUNGANNYA DENGAN

59

**KEPUASAN HIDUP DALAM KALANGAN PASANGAN DWI KELUARGA**

*Norziekah Azira Mohd Nasir & Suhaya Deraman*

**PENGARUH TELEVISYEN TERHADAP TINGKAH LAKU AGRESIF DALAM KALANGAN REMAJA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAHMAT, KUALA SUNGAI BARU, MELAKA**

*Marryanah Masandal & Siti Nazurulaina Hj. Aripin*

72

**HUBUNGAN ANTARA KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DAN TEKANAN TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR DI POLITEKNIK MELAKA**

*Vishalani A/P Selvarajo & Siti Marhamah Kamarul Arifain*

83

**STRES DAN KESIHATAN MENTAL PENDUDUK DI APARTMENT SERI ANGGERIK DESA PANDAN, KUALA LUMPUR**

*Sarif Hidayatullah Yusup & Syazwana Aziz*

95

**HUBUNGAN ANTARA PENGARUH MEDIA MASSA TERHADAP TINGKAH LAKU DEVIAN PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAHMAT, MELAKA**

*Nur Aini Saidi & Syazwana Aziz*

102

**GAYA KEIBUBAPAAN DAN PERSONALITI AGRESIF DI KALANGAN REMAJA DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAHMAT, MELAKA**

*Nor Aini Abdul Rahim & Syazwana Aziz*

108

**HUBUNGAN ANTARA TINGKAH LAKU ASERTIF DENGAN KOMITMEN KERJA DALAM KALANGAN PEKERJA SOKONGAN DI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BUKIT KATIL, MELAKA**

*Noorsyahika Mohamed Nazri & Noraini Abdol Raop*

115

**HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAPAAN DENGAN MOTIVASI KERJA DALAM KALANGAN PEKERJA DI JABATAN KEJURUTERAAN NO. 16 SKUADRON TENTERA UDARA SUBANG, SELANGOR**

*Norsyafikah Abdul Halim & Noraini Abdol Raop*

123

**KEBIMBANGAN DAN PENGHAYATAN AGAMA DALAM KONTEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DALAM KALANGAN PENGGUNA METHADONE**

*Nur Izzati Abdu Razak@Idris & Suzyliana Mamat*

131

**FAKTOR KELUARGA MEMBERI TEKANAN HIDUP KEPADA GOLONGAN PEROKOK**

*Nurul Huda Abd Manaf & Suzyliana Mamat*

137

<b>HUBUNGAN ANTARA GAYA PEMBELAJARAN DAN TEKANAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA MASJID TANAH, MELAKA</b>	145
<i>Fatin Nabilah Abdul Hamid &amp; Siti Haziqah Shaban</i>	
<b>HUBUNGAN JENIS KOMUNIKASI IBU BAPA TERHADAP TINGKAH LAKU DEVIAN DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 5, SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN HJ. ABDUL MALEK, MELAKA</b>	151
<i>Nurul Huda Ali &amp; Siti Haziqah Shaban</i>	
<b>HUBUNGAN DI ANTARA MOTIVASI DENGAN PENGHARGAAN KENDIRI DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SRI MEDAN</b>	157
<i>Muhammad Adib Haikal Norjayadi &amp; Siti Haziqah Shaban</i>	
<b>HUBUNGAN PENGHAYATAN AGAMA DENGAN SOKONGAN SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR BADAN BERUNIFORM KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA</b>	163
<i>Muhammad Yusuf Ibrahim &amp; Siti Aishah Yahya</i>	
<b>HUBUNGAN PENGHAYATAN AGAMA TERHADAP PEMBENTUKAN PERSONALITI PELAJAR FAKULTI SAINS SOSIAL, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA</b>	176
<i>Muhammad Hamizan Hamzah &amp; Siti Aishah Yahya</i>	
<b>HUBUNGAN DI ANTARA KESUNYIAN DENGAN KETAGIHAN INTERNET DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA PSIKOLOGI 1 HINGGA SARJANA MUDA PSIKOLOGI 6, KUIM</b>	183
<i>NurAqilla Daniela Ahmad Azmi &amp; Norhasima Abdullah</i>	
<b>HUBUNGAN ANTARA PENGARUH MEDIA MASSA DAN KONSEP KENDIRI TERHADAP TINGKAH LAKU AGRESIF PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT KATIL, MELAKA</b>	188
<i>Nur Afiza Ahmad Kamarudin &amp; Norhasima Abdullah</i>	
<b>HUBUNGAN ANTARA SOKONGAN SOSIAL DAN KESUNYIAN TERHADAP KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN WARGA EMAS: SATU KAJIAN DI SEKITAR KUALA SUNGAI BARU, MELAKA</b>	196
<i>Nur Adilah Rooslin &amp; Siti Marhamah Kamarul Arifain</i>	
<b>TEMA 2 : ISLAM KONTEMPORARI</b>	
<b>DASAR MALAYSIANIZATION: KESANNYA DALAM MENJADIKAN SISTEM PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA BERJAYA</b>	204
<i>Nurliana Suhaini &amp; Nuratiqah Suhaini</i>	

## **KATA PENGANTAR**

Bismillahirrahmanirrahim....

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya Kolej Universiti Islam Melaka dapat terus memperbaiki dan meningkatkan status kami ke tahap yang sama seperti universiti berprestij lain di Malaysia.

Prosiding yang bertemakan Sains Sosial Pemangkin Kesejahteraan Komuniti adalah koleksi kertas kerja yang dibentangkan serta penyumbang artikel dalam Seminar Kebangsaan Sains Sosial 2.0 (SKSS 2.0) oleh Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka.

Seminar Kebangsaan Sains Sosial 2.0 ini adalah seminar yang mengumpulkan isu-isu terkini serta informasi berkaitan dengan kajian yang terdiri daripada beberapa disiplin ilmu berdasarkan tiga subtema. Antaranya ialah Pembangunan Manusia, Kesejahteraan Manusia, dan Islam Kontemporari. Objektif utama seminar ini adalah untuk menyediakan platform kepada pelajar serta ahli akademik bagi bertukar pendapat dan membentangkan idea-idea mereka tentang kepakaran bidang masing-masing.

Sejumlah 26 kertas kerja dari pelbagai lapangan bidang kajian telah dimuatkan di dalam prosiding ini. Justeru, tinggi harapan sekiranya pandangan dan pendapat bagi kertas-kertas yang dibentangkan dapat meluaskan perspektif orang lain mengenai kepelbagaian isu dan penyelesaian dalam proses pembangunan kajian. Di samping itu, hasil kajian ini juga boleh digunakan dalam semua individu untuk mengembangkan diri dan dapat membawa perubahan dalam agama, keluarga, masyarakat dan negara.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Seminar Kebangsaan Sains Sosial 1.0 adalah menjadi harapan saya bahawa matlamat seminar ini dapat dicapai dan akan memberikan sumbangan yang berharga kepada amasyarakat.

Datuk Prof. Dr. Hj. Mohd Taib bin Haji Dora

Naib Canselor

Kolej Universiti Islam Melaka

# **HUBUNGAN ANTARA KEPUASAN KERJA DAN PRESTASI KERJA DALAM KALANGAN PEKERJA DI SYARIKAT AIR JOHOR RANHILL BATU PAHAT.**

**Nur Khalilah binti Saire, Faudziah binti Yusof**  
Fakulti Sains Sosial  
Kolej Universiti Islam Melaka  
[lielasaire@gmail.com](mailto:lielasaire@gmail.com)

## **Abstrak**

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat hubungan antara kepuasan kerja dan prestasi kerja serta melihat perbezaan prestasi kerja berdasarkan demografi iaitu jantina, umur dan pendidikan dalam kalangan pekerja di Syarikat Air Johor Ranhill Batu Pahat. Alat kajian yang digunakan ialah *Minnesota Satisfaction Questionnaire (MSQ)* oleh Weiss, Dawis, England dan Lofquist (1967) serta soal selidik Prestasi Kerja yang diadaptasi oleh dan Fatimah Wati Halim dan Iran Herman (1997). Seramai 100 orang pekerja telah dipilih sebagai responden bagi mewakili populasi. Analisis data ini dilakukan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min, kekerapan dan peratus) dan statistik inferensi menggunakan (korelasi, ujian-t dan Anova satu hala). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kepuasan kerja mempunyai hubungan terhadap prestasi kerja dan mempunyai nilai perkaitan yang kuat. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan prestasi kerja berdasarkan umur. Manakala bagi prestasi kerja berdasarkan jantina dan pendidikan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan responden. Penyelidik mencadangkan supaya pihak pengurus mengambil langkah bijak dalam mengatasi kemerosotan prestasi kerja sebagai contoh mengadakan latihan atau kursus yang bersesuaian dan menjaga kebajikan pekerja mereka bagi meningkatkan produktiviti seseorang pekerja dalam organisasi.

**Kata Kunci:** kepuasan kerja, prestasi kerja, pekerja

## **Abstract**

The purpose of this study is to look at the relationship between job satisfaction and job performance as well as look at job performance differences based on demographics (gender, age and education) among employees at Syarikat Air Johor Ranhill Batu Pahat. The research tools used were the Minnesota Satisfaction Questionnaire (MSQ) by Weiss, Dawis, England and Lofquist (1967) and Work Performance Questionnaire adapted by and Fatimah Wati Halim and Iran Herman (1997). A total of 100 workers have been selected as the respondents to represent the population. This data analysis was performed by using the Statistical Package for Social Science (SPSS). Data obtained were analyzed using descriptive statistics (mean, frequency and percentage) and inference statistics using (Correlation, t-test and one-way ANOVA). The findings show that job satisfaction is related to job performance and has strong affective value. The results also showed that there were no differences in work performance by age. Whereas for work performance based on gender and education there were significant differences among respondents. Researchers recommend that managers take smart steps to overcome work performance declines as an example of holding appropriate training or courses and safeguarding the welfare of their employees to increase the productivity of employees within the organization.

**Keywords:** job satisfaction, job performance, employees

## **1.0 PENGENALAN**

Dalam meniti arus kemodenan ini, pelbagai cabaran yang selalu dihadapi oleh pekerja dalam sektor swasta mahupun sektor awam. Sehubungan itu, dalam usaha mencapai matlamat organisasi, prestasi dan kepuasan kerja perkhidmatan awam dan swasta perlu berada pada satu tahap optimum dan cemerlang. Statistik daripada sumber Utusan Online oleh Mohamad Hafiz (2018), menyatakan prestasi kerja pekerja dilihat semakin merosot terutamanya dalam aspek kehadiran semasa musim Piala Dunia. Hal ini disebabkan berlaku peningkatan pekerja yang mengambil *Medical Certificate* (MC) dan ponteng kerja juga meningkat. Kesannya, perkara ini boleh menjelaskan produktiviti dan satu masalah yang serius dalam sesebuah organisasi atau syarikat sekiranya masalah ini tidak dibendung. Bukan itu sahaja, statistik daripada sumber My Metro oleh Mohd Husni (2015) mendapatkan seramai 2943 penjawat awam mencatatkan prestasi kerja rendah. Jumlah penjawat awam itu mewakili 0.28 peratus bagi keseluruhan 1.6 juta penjawat awam di seluruh negara dengan jumlah tertinggi dicatatkan dalam perkhidmatan awam persekutuan iaitu seramai 2194 orang. Hal ini berpunca daripada mereka terbabit dengan pelbagai masalah disiplin, gagal dikesan dan masalah ponteng kerja.

Bukan itu sahaja, matlamat utama untuk mengkaji tentang prestasi kerja adalah bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pekerja yang menyebabkan berlaku penurunan prestasi kerja. Setiap organisasi atau syarikat pasti mempunyai konflik terhadap kerja, faktor luar atau konflik terhadap ahli dalam organisasi tersebut yang menyebabkan berlaku penurunan prestasi kerja. Oleh itu, ia menjadi minat pengkaji untuk mengkaji mengenai prestasi kerja. Walau bagaimanapun, prestasi kerja setiap individu bukan sahaja boleh diukur dari aspek kuantiti kerja yang dilakukan tetapi juga kualiti yang dicapai dari pelbagai aspek seperti kecekapan, kedatangan dan tanggungjawab juga amat penting dalam meningkatkan prestasi kerja. Sementara itu, menurut Druker (2002), prestasi kerja secara umumnya merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan kerja. Namun begitu, terdapat juga masalah berlaku dalam prestasi kerja yang juga dikaitkan dengan aspek pencapaian atau kejayaan, pusing ganti kerja, masalah ponteng kerja, gaji, kecelaruan tugas dan lain-lain. Selain itu, menurut Neol (2009) pula prestasi kerja sebagai satu proses di mana pengurus ataupun pihak atasan dalam organisasi tersebut adalah bertanggungjawab dalam memastikan setiap aktiviti dan produktiviti pekerja selari dengan matlamat sesebuah organisasi.

Di samping itu, prestasi kerja juga dipengaruhi oleh kepuasan kerja di mana sekiranya seseorang pekerja itu mendapatkan kepuasan kerja yang optimum, ianya membantu dalam meningkatkan kualiti produktiviti dalam sesebuah organisasi. Manakala, menurut Spector (1997) menyatakan prestasi kerja yang baik dapat meningkatkan produktiviti organisasi dan dalam masa yang sama mampu meningkatkan ekonomi negara. Elmi dan Shazarina (1993) mendefinisikan kepuasan kerja adalah hasil daripada pengalaman yang berhubung dengan penilaian dan pengharapan mereka terhadap pekerjaan. Kepuasan kerja adalah sebagai satu tindakan emosi yang sedar akibat daripada penilaian dan pengalaman ke atas kerja yang dilakukan. Locke (1979) pula menyatakan kepuasan kerja adalah sikap positif terhadap kerja yang disamakan dengan kepuasan, sementara sikap negatif disamakan dengan ketidak puasan kerja. Manakala, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2002), kepuasan kerja adalah dengan perihal puas, kelegaan, kenikmatan, kesenangan dan ketenteraman jiwa. Robbin (2001) mendefinisikan prestasi kerja dalam sesebuah organisasi sebagai kebolehan seseorang untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh organisasi. Goleman (1998) pula menyatakan prestasi kerja ialah ukuran penting keupayaan seseorang pekerja dalam sesebuah organisasi. Porter dan Lowler (1967) menyatakan prestasi kerja adalah merupakan kejayaan seseorang itu dalam mencapai peranannya hasil daripada sesuatu tingkah lakunya. Manakala, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan prestasi ialah hasil yang diperolehi iaitu pencapaian.

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Pada era globalisasi ini, prestasi kerja dilihat semakin menurun dan disokong dengan statistik daripada sumber My Metro oleh Mohd Husni (2015) yang telah menyatakan seramai 2943 penjawat awam mencatatkan prestasi kerja rendah.

Jelaslah bahawa, jumlah penjawat awam itu mewakili 0.28 peratus bagi keseluruhan 1.6 juta penjawat awam di seluruh negara dengan jumlah tertinggi dicatatkan dalam perkhidmatan awam persekutuan iaitu seramai 2194 orang. Hal ini wujud daripada mereka yang terlibat dengan pelbagai masalah disiplin, gagal dikesan dan masalah ponteng kerja.

Dalam pada itu, berdasarkan pemerhatian pengkaji pula mendapati hanya sebahagian kecil kajian lepas mengenai hubungan prestasi kerja dengan kepuasan kerja. Malah, kajian lain berkaitan pemboleh ubah lain seperti tret optimistik, keadilan organisasi dan hubungannya dengan prestasi kerja. Antaranya seperti kajian oleh Faudziah dan Nor Ba'yah (2010) iaitu kepuasan kerja, tret optimistik, keadilan organisasi dan hubungannya dengan prestasi kerja.

Bukan itu sahaja, kebanyakan kajian lepas telah dijalankan kepada pekerja dari sektor awam manakala kurang kajian dilakukan kepada sektor swasta. Sebagai contoh kajian Sharifah et al. (2006) telah menjalankan kajian kepada kakitangan di salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. Hal ini menyebabkan pengkaji berminat untuk mengkaji tentang prestasi kerja kepada pekerja di sektor swasta.

Akhir sekali, kajian lain yang mengkaji berkaitan dengan prestasi kerja ialah insentif, kepuasan kerja dan prestasi di Itali yang telah dikaji oleh Sara et al. (2010). Kajian ini telah dijalankan kepada 4134 pekerja di 320 koperasi sosial Itali.

## 1.2 Objektif Kajian

- 1.2.1 Untuk mengkaji hubungan antara kepuasan kerja dan prestasi kerja.
- 1.2.2 Untuk mengkaji perbezaan antara prestasi kerja berdasarkan umur.
- 1.2.3 Untuk mengkaji perbezaan antara prestasi kerja berdasarkan jantina.
- 1.2.4 Untuk mengkaji perbezaan antara prestasi kerja berdasarkan pendidikan.

## 1.3 Hipotesis Kajian

- 1.3.1 Terdapat hubungan antara kepuasan kerja dan prestasi kerja.
- 1.3.2 Terdapat perbezaan antara prestasi kerja berdasarkan umur.
- 1.3.3 Terdapat perbezaan antara prestasi kerja berdasarkan jantina.
- 1.3.4 Terdapat perbezaan antara prestasi kerja berdasarkan pendidikan.

## 2.0 SOROTAN KAJIAN

Kajian oleh Jae Vanden Berghe (2011) telah mendapati bahawa terdapat hubungan yang lemah antara kepuasan kerja dengan prestasi kerja serta ketidakseimbangan sebab. Seterusnya, Platisa et al. (2014) mendapati analisis ini berlaku antara kepuasan kerja parameter berbanding parameter prestasi kerja sendiri. Bukan itu sahaja, Faudziah dan Nor Ba'yah (2010) menunjukkan kepuasan kerja berhubungan sederhana kuat dan berhubungan dengan kuat terhadap prestasi kerja serta diikuti oleh tret optimistik dan keadilan organisasi. Selain itu, kajian juga mendapati wujud perkaitan yang signifikan antara prestasi kerja dengan faktor gaji dan rakan sekerja (Rambli Hasbi, 2000). Hasil juga menyatakan terdapat perhubungan antara umur dengan prestasi kerja.

Sharifah et al. (2006) pula mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara jenis komunikasi (ke atas, mendatar dan ke bawah) dengan kepuasan kerja. Jenis komunikasi mendatar dan jenis komunikasi ke bawah memberi hubungan positif yang signifikan dengan komitmen organisasi tetapi jenis komunikasi ke atas didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen organisasi. Dapatkan juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara ketiga-tiga jenis komunikasi (ke atas, mendatar dan ke bawah) dengan prestasi kerja. Kepuasan kerja juga didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi kerja dan juga kepuasan kerja didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan komitmen organisasi. Halimatus et al. (2013) mendapati bahawa integriti bertindak sebagai mediator penuh (*full mediation*) dalam model kajian antara KKI ruhiyyah dan KKI intelek dengan prestasi kerja, sementara hanya bertindak sebagai mediator separa (*partial mediation*) antara KKI sosial dengan prestasi kerja.

Seterusnya, Anuar Hussin (2011) mendapati hubungan positif antara komponen kepuasan kerja yang menjadi promosi, kerja sendiri, pengawasan dan rakan sekerja kecuali membayar gaji terhadap prestasi kerja pekerja. Alexandru Mihalcea (2014) juga mendapati min kepuasan diselesaikan dengan keprihatinan terhadap pekerja yang mereka uruskan. Keperibadian, pemimpin yang menunjukkan orientasi tugas, dominasi, cita-cita, kebebasan, kepercayaan diri menghasilkan tahap kepuasan yang rendah di kalangan pekerja mereka. Selain itu, Sara et al. (2010) dan Nazelira Rahim dan Norfadzlia Mohamad (2010) mendapati kepuasan kerja dan prestasi berhubung antara satu sama lain. Kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kepuasan kerja dan prestasi kerja dengan faktor jantina pensyarah.

Jui-Chen et al. (2008) seterusnya mendapati tahap kepuasan kerja yang lebih tinggi dan prestasi kerja dan kurang tekanan kerja berdasarkan jenis pekerjaan atau jawatan. Perbezaan jantina juga dilihat tidak boleh dijadikan ukuran dalam menilai kepuasan dan prestasi (Nazelira Rahim & Norfadzlia Mohamad, 2010; Ghazali, 1979 & Abdul Main Salimon, 1989). Perancangan dalam meningkatkan kepuasan dan prestasi pensyarah boleh dijalankan secara menyeluruh tanpa mengambil faktor demografi jantina. Dari segi perbezaan umur pula, didapati bahawa pekerja yang berumur melebihi 40 tahun menunjukkan kurang berpuashati dengan kerja mereka jika hendak dibandingkan dengan pekerja yang lebih muda (Abdul Main Salimon, 1989). Walau bagaimanapun, hasil oleh Schermerhorn et al. (1986) dalam mendapati pekerja yang berumur melebihi 45 tahun mencapai kepuasan kerja yang lebih tinggi daripada kumpulan umur yang lain dan pekerja yang berumur bawah 30 tahun. Umur tidak memberi kesan yang signifikan terhadap kepuasan dan prestasi kerja (Wright et al, 1989).

Perbezaan prestasi dan kepuasan kerja juga boleh dilihat melalui tahap pendidikan seseorang (Jui-Chen et al. 2008). Schultz dan Schultz (1997) menyatakan hubungan antara pendidikan dengan tahap kepuasan dan prestasi banyak bergantung kepada jenis kerja yang diamanahkan kepadanya. Namun begitu, seseorang pekerja akan berasa kecewa, bosan dan tiada rasa cabaran pekerjaan sekiranya kerja yang mereka lakukannya di bawah pengetahuannya atau melebihi pengetahuannya. Hasil kajian juga mendapati wujud sedikit perhubungan negatif antara pendidikan dan tahap kepuasan. Mereka juga mendapati semakin tinggi pendidikan seseorang pekerja, maka semakin rendah tahap kepuasan kerja mereka. Selain itu, Klenke-Hamel dan Mathicu (1990) mendapati pekerja muda yang kebanyakannya mempunyai pendidikan yang tinggi lebih suka memandamkan aspirasi mereka dan kurang berpuas hati dengan kerja yang dilakukannya pada masa tersebut.

### 3.0 METODOLOGI

Kajian yang dilakukan adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik untuk mengukur pemboleh ubah hubungan kepuasan kerja dengan prestasi kerja. Selain itu, reka bentuk tinjauan ini mampu memberi peluang kepada pengkaji untuk menggunakan alat ujian melebihi daripada satu dalam set borang soal selidik yang lengkap (Mayers dan Grossen, 1974). Dengan menggunakan data numerik, penyelidikan berbentuk deskriptif dan inferensi dapat dibuat dengan senang dan sistematik. Oleh itu, analisis statistik boleh dilakukan dengan menggunakan perisian komputer iaitu *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS).

Kajian yang dijalankan menggunakan soal selidik Prestasi Kerja yang diadaptasi oleh Iran Herman dan Fatimah Wati Halim (1997) dan Kepuasan Kerja (*Minnesota Satisfaction Questionnaire-MSQ*) oleh Weiss, Dawis, England dan Lofquist (1967). Sampel kajian diambil daripada 250 orang pekerja, responden terdiri daripada 100 orang pekerja sahaja yang dipilih dalam kajian ini. Dalam kajian ini, pemilihan responden dilakukan secara rawak. Persampelan bertujuan merujuk kepada prosedur persampelan di mana pengkaji mengedarkan soal selidik kepada responden yang ingin dikaji. Kajian ini dijalankan di Syarikat Air Johor Ranhill, Batu Pahat.

### 3.1 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi tiga (3) bahagian. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden kajian seperti jantina, umur, tempoh berkhidmat dan pendidikan. Bahagian B pula ialah soal selidik *Minnesota Satisfaction Questionnaire (MSQ)* 20 item yang dibina oleh Weiss, Dawis, England dan Lofquist (1967) digunakan bagi mengukur kepuasan kerja. Format jawapan bagi kepuasan kerja adalah dalam bentuk skala likert dengan lima pilihan jawapan yang terdiri daripada sangat tidak berpuas hati, tidak berpuas hati, berkecuali, berpuas hati dan sangat berpuas hati. Pembahagian item-item MSQ mengikut dimensi dan jenis yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Kesemua 20 item MSQ adalah berbentuk item positif dan soal selidik ini menggunakan skala likert 5-poin yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Skor kepuasan kerja keseluruhan boleh ditentukan dengan menjumlahkan kesemua skor item bagi mendapatkan markat untuk setiap dimensi. Selain itu, skor bagi kepuasan kerja soal selidik pula dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi yang ditunjukkan dalam jadual 3. Julat markat bagi soal selidik kepuasan kerja ialah 20 hingga 100.

Jadual 1: Dimensi dan Item Soal Selidik MSQ

Dimensi	Item Positif	Item Negatif	Jumlah
Instrinsik	1,2,3,4,7,9,10,11,15,16,20	-	11
Ekstrinsik	5,6,8,12,13,14,17,18,19	-	9

Jadual 2: Skala Likert MSQ

Skala	Ringkasan	Penjelasan
1	STP	Sangat Tidak Puas
2	TP	Tidak Puas
3	N	Neutral
4	P	Puas
5	SP	Sangat Puas

Jadual 3: Tahap Kepuasan Kerja Mengikut Skor

Julat	Tahap Kepuasan Kerja
20-46	Rendah
47-74	Sederhana
75-100	Tinggi

Bahagian B pula iaitu prestasi kerja dinilai berdasarkan borang pemeringkatan prestasi kerja yang telah diadaptasikan oleh Iran Herman yang disesuaikan oleh Fatimah Wati Halim (1997) yang terdiri daripada 17 item berbentuk pelbagai pilihan bagi tujuan untuk menilai prestasi kerja responden dalam kajian ini. Seterusnya, item-item pemilihan prestasi kerja ini berdasarkan skala yang terdiri daripada sangat tidak memuaskan, tidak memuaskan, sederhana, baik, cemerlang dan sangat cemerlang. Soal selidik ini menggunakan skala likert 5-poin yang ditunjukkan dalam Jadual 4 dan tahap prestasi kerja mengikut skor ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 4: Skala Likert Prestasi Kerja

Skala	Ringkasan	Penjelasan
1	STM	Sangat Tidak Memuaskan
2	KM	Kurang Memuaskan
3	S	Sederhana
4	B	Baik
5	C	Cemerlang
6	SC	Sangat Cemerlang

Jadual 5: Tahap Prestasi Kerja Mengikut Skor

Julat	Tahap Kepuasan Kerja
17-45	Rendah
46-73	Sederhana
74-102	Tinggi

#### 4.0 HASIL KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 89 orang pekerja di Syarikat Air Johor Ranhill lelaki (89%) dan 11 orang pekerja di Syarikat Air Johor Ranhill perempuan (11%) terlibat dalam penyelidikan yang dijalankan. Seterusnya, bagi kategori umur, seramai 35 orang berumur 21 hingga 30 tahun (35%), 11 orang berumur 31 hingga 40 tahun (11%), 49 orang berumur 41 hingga 50 tahun (49%) manakala lima orang yang berumur 51 tahun dan ke atas (5%). Bagi tempoh berkhidmat pula, seramai 35 orang berkhidmat selama kurang lima tahun (35%), seramai enam orang berkhidmat selama lima hingga 10 tahun (6%), seramai 27 orang berkhidmat selama 10 hingga 15 tahun (27%) dan seramai 32 orang yang berkhidmat lebih 15 tahun (32%). Akhir sekali, seramai 64 orang berpendidikan Sijil (64%), seramai 14 orang berpendidikan Diploma (14%), seramai 19 orang berpendidikan Ijazah (14%) manakala seramai tiga orang berpendidikan kategori lain-lain (3%).

##### 4.1 Hasil Analisis Inferensi

Jadual 10: Korelasi diantara Kepuasan Kerja dan Prestasi Kerja.

Pembolehubah	Prestasi Kerja
Kepuasan Kerja	.510*

\* $k < .05$

Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai pekali Pearson ialah .510 ( $r = .510$ ) dan nilai kebarangkalian adalah .000 yang diuji pada aras keyakinan ( $k <.05$ ). Maka nilai yang terhasil ini adalah perkaitan yang kuat. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa kepuasan kerja mempunyai hubungan terhadap prestasi kerja. Dengan ini, hipotesis diterima iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara prestasi kerja [ $r (100) = .510$ ,  $k <.05$ ].

Jadual 11: Keputusan ANOVA Satu Hala Bagi Prestasi Kerja Berdasarkan Umur

Prestasi Kerja	JDK	dk	MKD	F	Sig
Antara Kumpulan	82.243	3	27.414	.413	.744
Dalam Kumpulan	6366.507	96	66.318		

$k > .05$

Anova sehala telah digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan prestasi kerja berdasarkan umur. Keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik F ialah .413 dengan nilai signifikannya .744 dan ia lebih besar dari nilai .05. Keputusan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan prestasi kerja berdasarkan umur [ $F (99) = .413$ ,  $k > .05$ ].

Jadual 12: Keputusan Ujian-t Bagi Prestasi Kerja Berdasarkan Jantina

	N	Min	Sisihan Piawai	t	df	k
Lelaki	89	74.98	7.511	-2.050	98	.043
Perempuan	11	80.18	11.044			

$k > .05$

Keputusan menunjukkan bahawa nilai t (98) = -2.050 di mana min prestasi kerja jantina perempuan lebih tinggi iaitu 80.18 (SP = 11.044) berbanding dengan jantina lelaki iaitu 74.98 (SP = 7.511). Dengan ini, hipotesis diterima iaitu terdapat perbezaan prestasi kerja berdasarkan jantina dalam kalangan pekerja. [ $t (98) = -2.050$ ,  $k < .05$ ]

Jadual 13: Keputusan ANOVA Satu Hala Bagi Prestasi Kerja Berdasarkan Pendidikan.

Prestasi Kerja	JDK	dk	MKD	F	Sig
Antara Kumpulan	1110.349	3	370.116	6.656	.000
Dalam Kumpulan	5338.401	96	55.608		

Anova sehala telah digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan prestasi kerja berdasarkan pendidikan. Keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik F ialah 6.656 dengan nilai signifikannya .000 dan ia lebih kecil dari nilai .05. Dengan ini, hipotesis diterima iaitu keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan prestasi kerja berdasarkan umur. [ $F(99) = 6.656, k < .05$ ].

## 5.0 PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara kepuasan kerja dan prestasi kerja dalam kalangan pekerja di Syarikat Air Johor Ranhill Batu Pahat. Kajian ini terbukti dengan nilai korelasi yang terhasil adalah sebanyak .510. Seterusnya, keadaan ini menunjukkan nilai terhasil adalah pada tahap perkaitan yang kuat. Oleh itu, keadaan ini menunjukkan hipotesis pertama ini diterima. Hasil kajian pengkaji disokong oleh Faudziah dan Nor Ba'yah (2010) yang menunjukkan hubungan sederhana kuat dan berhubungan dengan kuat terhadap prestasi kerja serta diikuti oleh tret optimistik dan keadilan organisasi serta analisis selanjutnya mendapati prestasi kerja boleh diramalkan dengan baik oleh kepuasan kerja, tret optimistik dan keadilan organisasi. Seterusnya, hasil kajian juga disokong oleh Sharifah et al. (2006). Hasil kajian menunjukkan bahawa kepuasan kerja mempunyai hubungan positif signifikan dengan prestasi kerja dan komitmen organisasi. Bukan itu sahaja, hasil kajian ini juga disokong oleh kajian Anuar Hussin (2011), yang menunjukkan hubungan positif antara komponen kepuasan kerja yang menjadi promosi, kerja sendiri, pengawasan dan rakan sekerja kecuali membayar gaji terhadap prestasi kerja pekerja. Seterusnya, kajian daripada Nzelira Rahim dan Norfadzlia Mohamad (2010) serta Rambli Hasbi (2000) juga mendapati tahap kepuasan kerja pensyarah adalah pada tahap sederhana dan terdapat hubungan signifikan di antara kepuasan kerja dengan prestasi kerja.

Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara prestasi kerja berdasarkan umur dalam kalangan pekerja di Syarikat Air Johor Ranhill Batu Pahat. Hasil kajian pengkaji disokong Rambli Hasbi (2000), mendapati bahawa umur tidak memberi kesan yang signifikan terhadap prestasi kerja walaupun mempunyai hubungan. Seterusnya, Abdul Main Salimon (1989) berpendapat bahawa pekerja yang berumur melebihi 40 tahun menunjukkan kurang berpuashati dengan kerja mereka jika hendak dibandingkan dengan pekerja yang lebih muda. Bukan itu sahaja, hasil kajian pengkaji juga diskokong oleh Schermerhorn et al. (1986) dalam kajianya mendapati pekerja yang berumur melebihi 45 tahun mencapai kepuasan kerja yang lebih tinggi daripada kumpulan umur yang lain dan pekerja yang berumur bawah 30 tahun secara keseluruhannya mendapati kurang berpuas hati dengan kerja mereka. Selain itu, Wright et al. (1989) dalam kajian mereka mendapati bahawa umur tidak memberi kesan yang signifikan terhadap kepuasan dan prestasi kerja.

Keputusan hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara prestasi kerja berdasarkan jantina dalam kalangan pekerja di Syarikat Air Johor Ranhill Batu Pahat. Hasil kajian ini disokong oleh Jui-Chen et al. (2008) di mana hasil kajian mendapati bahawa LOC wanita adalah jauh lebih besar daripada lelaki. Hasil kajian pengkaji tidak disokong oleh Nzelira Rahim dan Norfadzlia Mohamad (2010), mendapati bahawa perbezaan jantina tidak boleh dijadikan ukuran dalam menilai kepuasan dan prestasi. Selain itu, hasil kajian tidak disokong oleh Ghazali (1979) mendapati tiada perbezaan yang signifikan kepuasan bekerja pekerja lelaki dan perempuan. Kajian Ghazali (1979) disokong oleh Kaye et al. (1999) telah menjalankan kajian kepuasan bekerja dan keiltizaman bekerja di kalangan pekerja bergaji rendah, pekerja dewasa dan pekerja sambilan. Hasil kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan kepuasan kerja bagi pekerja lelaki dan perempuan. Akhir sekali, hasil kajian pengkaji tidak disokong kajian yang dilakukan oleh Abdul Main Salimon (1989) mendapati pekerja lelaki lebih berpuas hati bekerja jika dibandingkan dengan pekerja wanita.

Keputusan hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara prestasi kerja berdasarkan pendidikan dalam kalangan pekerja di Syarikat Air Johor Ranhill Batu Pahat. Hasil kajian pengkaji disokong oleh Schultz dan Schultz (1997) mendapati wujud sedikit perhubungan negatif antara pendidikan dan tahap kepuasan. Mereka juga mendapati semakin tinggi pendidikan seseorang pekerja, maka semakin rendah tahap kepuasan kerja mereka. Begitu juga disokong dengan kajian Klenke-Hamel dan Mathicu (1990) mendapati pekerja muda yang kebanyakannya mempunyai pendidikan yang tinggi lebih suka memendamkan aspirasi mereka dan kurang berpuas hati dengan kerja yang dilakukannya pada masa tersebut. Bukan itu sahaja, hasil kajian pengkaji disokong oleh Jui-Chen et al. (2008) berdasarkan tahap pendidikan responden menunjukkan terdapat perbezaan berdasarkan latar belakang pendidikan dalam skor LOC.

### 5.1 Cadangan Kajian

Pengkaji menyarankan untuk kajian pada masa akan datang supaya menilai dengan lebih terperinci agar dapat dilakukan dengan mewujudkan pelbagai persoalan kajian dan pertambahan dari sudut pemboleh ubah. Hal ini disebabkan pengkaji dapat menambahkan lagi pengetahuan terhadap kepuasan dan prestasi kerja dalam kalangan pekerja di Syarikat Air Johor Ranhill Batu Pahat. Selain itu, pengkaji mencadangkan kepada para pengkaji lain supaya bersedia lebih awal sebelum membuat kajian yang berkaitan dengan pekerjaan dalam bidang organisasi. Oleh itu, bagi mengelakkan daripada berlakunya kekangan semasa kajian dijalankan pengkaji boleh menjalankan kajian rintis supaya pengkaji dapat melihat dapatan kajian awal dalam sesebuah kajian itu. Bukan itu sahaja, pengkaji juga menyarankan pengurus bagi setiap organisasi perlulah mengambil berat terhadap sesuatu isu yang terjadi terhadap pekerja mereka. Hal ini kerana, setiap pekerja layak untuk mendapatkan hak dalam sesebuah organisasi. Sekiranya kebijakan seorang pekerja tidak diambil peduli, ia akan menyebabkan berlakunya penurunan terhadap produktiviti kerja sekali gus akan mengurangkan prestasi kerja seseorang.

Akhir sekali, pengkaji mencadangkan agar setiap responden yang terlibat dalam kajian hendaklah diberikan penghargaan di atas kesudian mereka meluangkan masa untuk menjawab soal selidik yang telah diberikan oleh pengkaji. Hal ini disebabkan, sekiranya seseorang individu itu rasa dihargai mereka akan lebih rasa bersemangat untuk membantu para pengkaji dalam melakukan kajiannya dan ia merupakan satu penghargaan sebagai tanda berterima kasih kepada responden.

## 6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan bahagian bab ini telah membincangkan keseluruhan hasil kajian yang telah dijalankan. Terdapat beberapa keputusan yang selari dengan dapatan kajian-kajian lepas dan terdapat juga beberapa perbezaan daripada kajian lepas. Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, maka dapatlah dirumuskan bahawa pekerja-pekerja di Syarikat Air Johor Ranhill Batu Pahat ini mempunyai tahap kepuasan kerja yang baik dan mampu memberikan kesan terhadap prestasi kerja mereka. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan tidak boleh mengambil ringan terhadap perkara-perkara yang boleh menjelaskan pretasi seseorang pekerja kerana ia boleh menganggu produktiviti seseorang pekerja dalam sesebuah organisasi. Seterusnya, daripada kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini diharapkan agar dapat membantu pekerja dalam mengenal pasti tahap prestasi kerja seseorang pekerja. Hal ini penting kerana prestasi kerja mampu membantu dalam meningkatkan produktiviti seseorang pekerja dan juga membangunkan sesebuah organisasi.

## RUJUKAN

- Abd. Main Salimon. (1989). Perkaitan Kepuasan Kerja dan Pencapaian Mendelagaskan Tugas Dengan Faktor-Faktor Personel dan Pentadbiran di Kalangan Pengetua Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan UKM*. 3&14: 51-57.
- Alexandru Mihalcea. (2014). Leadership, Personality, Job Satisfaction and Job Performance. Titu Maiorescu University, Calea Resti Nr 187, Bucharest, Romania.
- Anuar Hussin. (2011). The Relationship Between Job Satisfaction And Job Performance Among Employees In Tradewinds Group Of Companies. Open University.
- Campbell, J. P., McCloy, R. A., Oppler, S. H., & Sager, C. E. (1993). A Theory of Performance. In N. Schmitt & W. C. Borman (Eds.) *Personnel selection in organizations* (pp. 35-70). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Christensen, L. B. (1988). *Experimental Methodology*. Boston: Allyn and Bacon.
- Chua. (2009). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur dan McGraw-Hill Malaysia. Sdn. Bhd.
- Davies, J. A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Drucker, P. F., (2002). The Effective Executive EPub © E., New York: HarperCollins. Publishers, Inc. Available at: [www.harpercollinsebooks.com](http://www.harpercollinsebooks.com).
- Elmi & Shazarina. (1993). Kepentingan Kerohanian Dalam Meningkatkan Kepuasan Bekerja Pensyarah. Word Press.
- Fatimah Wati, H & Iran, H. (1997). Nilai Kerja dan Hubungannya Dengan Prestasi Kerja dan Kualiti Kehidupan Bekerja. Satu Kajian Perbandingan Di Antara Sektor Awam dan Sektor Swasta. Kertas Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faudziah. Y. & Nor. B. A. K. (2010). Kepuasan Kerja, Tret Optimistik, Keadilan Organisasi dan Hubungannya Dengan Prestasi Kerja. *Jurnal Kemanusiaan*. Bil. 19. Universiti Teknologi Malaysia. ISSN: 1675-1930.
- Ghazali. (1979). An Investigation of the Sources of Job Satisfaction of Malaysia School Teacher. Ph.D. Dissertation. Los Angeles: University of California.
- Goleman, D. (1998). *Working with emotional intelligence*. London: Bloomsbury Publishing Plc.
- Halimatus. S. M. S., Baharom. M. & Sharifah. H. S. I. (2013). Peranan Integriti Sebagai Mediator Antara Kepuasan Kerja Menurut Perspektif Islam dan Prestasi Kerja. *International Conference on Research in Ethics Education*. Universiti Malaya.
- Jae Vanden Berghe. (2011). *Job Satisfaction and Job Performance at the Work Place*. Arcada University. Finland.
- Jui-Chen. C. & Colin. S. (2008). The Impact of Locus of Control on Job Stress, Job Performance and Job Satisfaction. *Leadership & Organization Development Journal*. Emerald Group Publishing Limited. Vol. 29 No. 7, 2008 pp. 572-582.
- Julie Dominador C. Dausen (2004). Hubungan antara personaliti Motivasi dan Prestasi Kerja di kalangan Pegawai Tentera dan Pegawai Tadbir.
- Kamus Dewan. (2002). Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaye, et al., (1999). Factors contributing to job quality and satisfaction among ethnically diverse, lower income, elderly part-timers. Conference Paper: 49<sup>th</sup> Annual Scientific Meeting of the Gerontological-Society-of-Amerika, Vol: 31.
- Klenke-Hamel & Mathicu. (1990). Role strains, tension, and job satisfaction influences on employees' propensity to leave: A multi-sample replication and extension. *Human Relations*, 43(8), 791-807.
- Locke. (1976). The nature and causes of Job Satisfaction. *Handbook of Industrial and Organization Psychology*. Chicago. M. Dunnet and Rand McNally. 1297-1349.
- Mayers & Grossen. (1974). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur dan McGraw-Hill Malaysia. Sdn. Bhd.
- Mohd Husni. (2015). 2943 Prestasi Rendah. Harian Metro.
- Mohamad Hafiz. (2018). Mc, Kes Ponteng Kerja Meningkat. Utusan Online.

- Nazelira. A. R. dan Norfadzliah. M. Y. (2010). Hubungan Kepuasan Kerja Terhadap Prestasi Kerja Dalam Kalangan Pensyarah. E Proceeding National Innovation and Invention Competition through Exhibition (iCompex 17).
- Noel, T. W. (2009). The Impact of Knowledge Resource on New Venture Performance. *Journal of Small Business Management*, 47 (1), 1-22.
- Platisa, Reklitis & Zimerasc. (2014). Relation between Job Satisfaction and Job Performance in Healthcare Services. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 175 (2015) 480 – 487.
- Porter & Lawer (1967). The effect of Job Performance on job satisfaction. *Journal of economy and society*. 7, 20-28.
- Robbin, P. S. (2001). *Organizational Behavior*, Ninth edition. Prentice Hall International Edition. New Jersey.
- Rambli bin Haji Hasbi. (2000). Perkaitan Kepuasan Kerja dengan Prestasi Kerja di Kalangan Pekerja di Industri Pembuatan. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. Universiti Malaysia Sarawak.
- Sara. D., Ermanno. T. & Maurizio. C. (2010). Incentives, Job Satisfaction and Performance. European Research Institute on Cooperative and Social Enterprises. Fondazione Euricse.
- Schermerhorn, et al., (1986). *Management for Productivity* (2nd ed). NY: John Wiley & Sons.
- Schultz, D. P., & Schultz, S. E. (1994). *Theories of Personality*. (5th ed). Belmont, CA, US: Thomson Brooks/Cole Publishing Co.
- Sharifah. B., Joki. P. S. & Balan. R. (2006). Hubungan antara Komunikasi Dalam Organisasi Dengan Kepuasan Kerja, Prestasi Kerja dan Komitmen Kerja. *Jurnal Kemanusiaan*. Universiti Teknologi Malaysia. ISSN 2600-755X.
- Spector, P. E. (1997). *Job Satisfaction: Application, Assessment, Causes and Consequences*. Thousand Oaks, California: Sage Publication.
- Weiss, D.J., Dawis, R.V., England, G.W. & Lofquist, L.H. (1967). Manual for the Minnesota Satisfaction Questionnaire: The Minnesota Satisfaction Questionnaire. Dalam Luthans, F. 1992. *Organizational Behavior*. Edisi ke-6. New York: McGraw-Hill.
- Wright, et al., (1989). Job Satisfaction among Black Female Managers: A Causal Approach. Research Article. The University of Texas at Arlington. Volume: 40 issue: 8, page(s): 489-506.

# **HUBUNGAN ANTARA SOKONGAN SOSIAL DENGAN KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH DI DAERAH KUALA KRAI, KELANTAN**

**Siti Rasyidah binti Mohd Zain, Faudziah binti Yusof**

Fakulti Sains Sosial

Kolej Universiti Islam Melaka

[siti.rasyidahzain@gmail.com](mailto:siti.rasyidahzain@gmail.com)

## **Abstrak**

Kajian ini adalah bertujuan melihat hubungan antara sokongan sosial dengan kesihatan mental dalam kalangan guru. Selain itu, kajian juga ingin melihat perbezaan kesihatan mental berdasarkan demografi jantina, umur, tahap pendidikan dan taraf perkahwinan dalam kalangan guru sekolah di daerah Kuala Krai, Kelantan. Alat ujian yang digunakan dalam kajian ini adalah *Inventory Social Support Behavior* (ISSB) oleh Barrera, Sandler dan Ramsay (1981) yang digunakan untuk mengukur tahap sokongan sosial dan *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS) oleh Peter Lovinbond (1995) digunakan untuk mengukur kesihatan mental responden. Seramai 54 orang guru dipilih sebagai responden bagi mewakili populasi. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (min, kekerapan dan peratus) dan statistik inferensi yang menggunakan (Ujian-t dan ANOVA Sehala). Hasil kajian mendapat bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan kesihatan mental. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi jantina, umur, tahap pendidikan dan juga taraf perkahwinan dalam kalangan responden. Pengkaji mencadangkan agar pengkaji seterusnya perlu bijak memilih tempat kajian serta masa yang bersesuaian agar responden dapat menjawab dengan jujur dan betul.

Kata kunci: Sokongan Sosial, Kesihatan Mental, Guru Sekolah

## **Abstract**

This study aimed to examine the relationship between social support and mental health based on demographic (gender, age, education level and marital status) among school district in Kuala Krai, Kelantan. Testing tools used to measure social support level is the Inventory Social Support Behavior (ISSB) by Barrera, Sandler and Ramsay (1981) used to measure the level of social support while Depression Anxiety Stress Scale by Peter Lovinbond (1995) used to measure respondents' of mental health. Total of respondent are 54 teachers were selected to represent the population. The data obtained were analysed using descriptive statistics (mean, frequency and percentage) and using inference statistic are (t-test, and one-way ANOVA). The results showed that there was a significant relationship between social support and mental health. While there was no significant difference in gender, age, education level and marital status among respondents. The researcher suggested that the next researcher would be wise to choose the appropriate study site and time so that the respondents could respond correctly.

Keywords: Social Support, Mental Health, School Teachers

## **1.0 PENGENALAN**

Pada era globalisasi, isu tentang kesihatan mental di Malaysia semakin meningkat saban hari. Penyakit ini akan dihidapi tidak kira umur atau jantina. Pekerja di sektor kerajaan turut tidak terkecuali menghadapi penyakit mental ini seperti guru, jururawat dan sebagainya.

Menurut Kosmo Online (2018), kebanyakan guru yang mengalami masalah kesihatan mental berpunca daripada tekanan dan beban kerja yang dihadapi oleh mereka. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula, kesihatan adalah satu keadaan di mana ia meliputi seluruh keadaan fizikal, mental dan sosial serta tidak hanya ketiadaan penyakit. Kamus Dewan (2005) pula menyatakan kesihatan adalah berhubung dengan sihat, kesegaran, kebaikan keadaan badan dan lain-lain.

Masalah kesihatan mental merupakan masalah kedua paling serius selepas penyakit jantung menjelang tahun 2020 di Malaysia. Menurut kajian Morbiditi Malaysia, setiap tiga daripada 10 orang dewasa berusia lebih 16 menderita pelbagai masalah mental (Kosmo Online, 2018). Menurut statistik yang telah dikeluarkan seramai satu daripada tiga orang akan berisiko untuk menghidap masalah kesihatan mental dan seramai 4.2 juta orang telah mengalami masalah mental.

Negeri yang mempunyai masalah kesihatan mental paling ramai ialah Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 42.9%. Manakala yang kedua ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 39.8% dan yang ketiga ialah negeri Kelantan yang memperoleh peratusan sebanyak 39.1%. (Public Health Malaysia, 2017). Kaum India didapati menghidap masalah kesihatan mental tertinggi iaitu sebanyak 28.9% manakala kaum Melayu berada di tempat yang kedua iaitu 28.2%. Kedudukan bagi kaum Cina ialah yang paling terendah iaitu 24.2%. Menurut statistik tersebut lagi, kaum wanita lebih cenderung untuk mengalami masalah kesihatan mental iaitu sebanyak 30.8% berbanding dengan kaum lelaki sebanyak 27.6% (Public Health Malaysia, 2017). Fakta lain yang turut dikeluarkan ialah, status seseorang juga antara faktor mereka mengalami masalah kesihatan mental. Status bujang lebih cenderung untuk mengalami masalah tersebut iaitu sebanyak 32.1% berbanding dengan mereka yang telah berkahwin, bercerai, duda atau janda. (Public Health Malaysia, 2017).

Sementara itu, menurut Profesor Madya Dr Ng Chong Guan, Perunding Pakar Sakit Jiwa Pusat Pakar Universiti Malaya (PPUM) dalam Kosmo Online berkata, masalah kesihatan mental ini semakin ketara di negara ini dan perlu diberi perhatian yang serius. Tambahan pula, apa yang lebih membimbangkan lagi ialah, lebih ramai anak muda yang telah menghidap masalah kesihatan mental ini. Selain itu, kajian lain yang dijalankan oleh Firdaus (2013) melalui portal MyHealth Malaysia, terdapat tiga bahagian utama yang akan terjejas sekiranya seseorang itu menghidap masalah kesihatan mental iaitu, fisisologi, tingkah laku dan juga psikologi. Seseorang itu akan cenderung untuk mendapatkan atau memburukkan lagi keadaan fizikal seperti akan mendapat penyakit yang kronik.

Kesihatan mental yang melanda warga guru sekolah semakin membimbangkan saban hari sehingga ada di kalangan mereka mengambil keputusan untuk berpencen awal serta berhenti kerja. Hal ini kerana kebanyakan kerja di sekolah seperti kerja pentadbiran yang sepatutnya dibuat oleh kerani tetapi telah membebankan setiap guru untuk menyiapkan tugas tersebut.

## 1.1 Permasalahan Kajian

Masalah kesihatan mental semakin menular di negara Malaysia. Menurut statistik yang telah dikeluarkan seramai satu daripada tiga orang akan berisiko untuk menghidap masalah kesihatan mental dan seramai 4.2 juta orang telah mengalami masalah mental. Pekerja di sektor kerajaan juga amat berisiko untuk menghidap masalah kesihatan mental terutamanya guru sekolah (Public Health Malaysia, 2017). Guru sekolah merupakan golongan professional yang kedua berisiko mendapat masalah kesihatan mental selepas daripada jururawat (Berita Harian Online, 2019). Seterusnya, Kelantan merupakan negeri ketiga yang mendapat kesihatan mental paling tinggi selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hal ini menyebabkan penyelidik berminat untuk mengkaji tentang masalah ini. Tambahan pula, Kelantan merupakan negeri yang ketiga mengalami kesihatan mental yang paling tinggi (Public Health Malaysia, 2017).

Di Malaysia, kajian tentang sokongan sosial terhadap guru masih lagi kurang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Terdapat kekurangan dalam kajian Aishah dan Khadijah (2012) dalam kajian konflik kerja keluarga, kesihatan mental dan kecenderungan tukar ganti kerja dalam kalangan guru. Pengkaji hanya memfokuskan kajiannya terhadap konflik keluarga dalam masalah mental. Melalui pemerhatian pengkaji daripada kajian lepas, konflik kerja keluarga memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental dan akan menyebabkan kecenderungan berhenti kerja adalah tinggi.

Selain itu, kajian daripada Abdul Said Ambotan et al. (2015) dalam kajian hubungan karenah pelajar dan beban tugas dengan tahap tekanan guru di sekolah menengah. Pada pemerhatian pengkaji, kebanyakan kajian lepas yang mengkaji berkenaan dengan sokongan sosial tidak dilakukan kepada guru, tetapi mereka hanya tertumpu kepada pelajar sekolah (Jennifer Hefner et al. 2009). Hal ini yang menyebabkan pengkaji berminat untuk mengkaji tentang sokongan sosial terhadap guru.

Selain itu, terdapat sebilangan kecil pengkaji lepas yang mengkaji berkenaan dengan masalah berkaitan sokongan sosial guru, tetapi hanya berkaitan dengan tekanan dan kepuasan kerja (Lia Indah Ahmad & Ruslin Amir, 2018). Kajian lain yang mengkaji berkenaan dengan kesihatan mental ialah oleh Gooh Mo Lee et al. (2012) kepada warga guru di sekolah menengah sekitar negeri Perak tetapi tidak berkaitan dengan sokongan sosial. Dalam satu kajian oleh Baharin dan Mariam (2012) juga ada menerangkan tentang sokongan sosial di kalangan guru di tempat tersebut. Seterusnya dalam satu kajian lain yang telah dijalankan terhadap wanita bujang oleh Thuaibah @ Suaibah Abu Bakar et al. (2017) telah mengambil golongan wanita bujang yang bekerjaya sebagai responden dan agak berbeza dengan tajuk kajian yang ingin dilakukan oleh penyelidik. Dalam pada itu, kajian tentang sokongan sosial dengan kesihatan mental ini banyak diterokai oleh penyelidik daripada luar negara seperti negara Eropah (Judi Kidger et al. 2016; Marzieh Gholamitooranposhti, 2012; Wei Sun et al, 2011; Sarah Harding et al. 2019 & Jennifer Hefner, 2009).

## 1.2 Objektif Kajian

- Untuk mengkaji hubungan antara sokongan sosial dengan kesihatan mental dalam kalangan guru
- Untuk mengkaji perbezaan antara kesihatan mental di kalangan guru dengan jantina
- Untuk mengkaji perbezaan antara kesihatan mental di kalangan guru dengan umur
- Untuk mengkaji perbezaan antara kesihatan mental di kalangan guru dengan tahap pendidikan
- Untuk mengkaji perbezaan antara kesihatan mental di kalangan guru dengan status perkahwinan

## 1.3 Hipotesis Kajian

- Terdapat hubungan antara sokongan sosial terhadap kesihatan mental dalam kalangan guru
- Terdapat perbezaan antara kesihatan mental dengan jantina
- Terdapat perbezaan antara kesihatan mental dengan umur
- Terdapat perbezaan antara kesihatan mental dengan tahap pendidikan
- Terdapat perbezaan antara kesihatan mental dengan status perkahwinan

## 2.0 SOROTAN KAJIAN

Kajian oleh Jennifer dan Daniel (2009) dalam kalangan pelajar universiti mendapati bahawa terdapat hubungan antara sokongan sosial dengan kesihatan mental. Hafizah Yasin et al. (2018) juga mengatakan sokongan sosial amat penting dalam hidup seseorang individu terutamanya sokongan daripada keluarga sendiri. Seseorang yang mendapat sokongan daripada keluarga akan dapat mengurangkan masalah tekanan yang dihadapi oleh pekerja serta menjalani kehidupan yang lebih sihat. Kebanyakan mereka yang menghidap masalah kesihatan mental biasanya adalah kurang mendapat sokongan moral tidak kira daripada keluarga mahupun masyarakat sekeliling. Kajian oleh Kristen Ferguson et al. (2017), seorang pekerja terutamanya seorang guru amat memerlukan sokongan moral daripada pelbagai pihak. Hal ini kerana lambakan kerja yang semakin bertambah menyebabkan mereka lebih cenderung mendapat masalah kesihatan mental.

Dalam kajian tekanan dan kepuasan kerja guru yang dilakukan oleh Lia Indah dan Ruslin Amir (2018) mendapati tiada hubungan yang signifikan antara tahap tekanan guru dengan jantina. Dalam kajian lain yang ditulis oleh Azlina Mohd Kosnini dan Tan Sew Lee (2008) pula mengatakan nilai min pada tahap tekanan berada dalam tahap yang sederhana.

Dalam kajian Eva dan Graham (2004) telah mendapati bahawa doktor wanita mempunyai risiko tinggi untuk membunuh diri berbanding dengan doktor lelaki. Mereka didapati membunuh kajian diri dengan tindakan mengambil bahan beracun dan dadah. Hasil daripada Tadahiro (2014) juga menyatakan pelajar wanita dalam bidang perubatan memiliki kesihatan mental yang lemah berbanding dengan lelaki.

Dalam kajian oleh Ann et al. (2004) mendapati bahawa jantina mempunyai hubungan yang amat tinggi dalam masalah kesihatan mental. Wanita mempunyai faktor yang tinggi dalam masalah kesihatan mental yang terdapat dalam kalangan masyarakat (Chris Lloyd et al. 2002; Chi-Ming & Bi Kun, 2019). Hal ini demikian kerana, golongan wanita selalu berfikiran negatif, kurang mendapat kepuasan dalam kesihatan fizikal dan lebih mudah mengikut perasaan dalam pelbagai perkara.

Seterusnya, dalam kajian ECA menunjukkan terdapat peratusan yang tinggi tentang keseriusan pelbagai penyakit kecelaruan dengan 29 peratus adalah golongan wanita yang menghidap kecelaruan mental setelah mencapai usia dewasa, 53 peratus adalah golongan yang bergantung kepada dadah dan 37 peratus adalah golongan yang bergantung kepada alkohol. Dalam satu kajian lain oleh Marzieh Gholamtooranposhti (2012) dan Alan et al. (2004), umur merupakan salah satu faktor yang menjadi hubungan dengan kesihatan mental. Kajian oleh Erin et al. (2014) menyatakan golongan yang meningkat tua kurang berisiko untuk menghidap masalah ini. Hal ini kerana mereka kurang melayan perasaan dan lebih bersikap terbuka. Menurutnya, peningkatan umur seseorang adalah faktor yang paling penting untuk menghidap masalah kesihatan mental. Kebiasaan mereka kurang mendapat kesedaran apabila sudah meningkat umur. Mereka juga akan mudah mendapat tekanan apabila mendapat sesuatu masalah.

Seseorang yang mempunyai pendidikan yang lebih tinggi akan kurang untuk mendapat masalah kesihatan mental (Ann et al. 2004). Mereka akan lebih positif dalam hidup serta akan bersikap terbuka dengan masalah yang dihadapi. Kajian yang dijalankan oleh Erin et al. (2014) kepada staf jururawat didapati status perkahwinan seseorang juga merupakan antara punca terjadinya masalah kesihatan mental. Kebanyakannya golongan yang sudah berkahwin lebih cenderung mendapat masalah kesihatan mental yang tinggi. Diikuti dengan golongan yang sudah bercerai dan juga yang masih bujang. Hal ini kerana mereka perlu membahagikan masa dengan bekerja, keluarga dan juga diri sendiri. Selain itu, kajian daripada Hideki Okabayashi et al. (2004), sokongan sosial antara pasangan suami isteri akan akan mendatangkan hubungan yang lebih baik dalam kesejahteraan positif berbanding dengan golongan yang belum berkahwin.

### 3.0 METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang bertujuan untuk melihat hubungan antara sokongan sosial terhadap kesihatan mental dalam kalangan guru sekolah. Hasil yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version (SPSS V.20)*. Kajian yang dijalankan ini melibatkan analisis deskriptif dan inferensi kerana berbentuk perhubungan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah terikat. Pemboleh ubah bebas yang dikaji dalam kajian ini ialah sokongan sosial manakala pemboleh ubah terikat ialah kesihatan mental. Kajian ini juga telah mengukur demografi untuk melihat perbezaan antara jantina, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan tempoh perkhidmatan kerja.

Reka bentuk kajian yang digunakan untuk melengkapkan kajian ini ialah menggunakan kaedah persampelan bertujuan dengan menggunakan dua jenis alat ujian iaitu alat ujian sokongan sosial yang diambil daripada *Inventory of Socially Supportive Behavior* (ISSB) yang mengandungi 20 item. Manakala alat ujian yang kedua ialah alat ujian kesihatan mental yang diambil daripada ujian *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS) yang terdiri daripada 21 item. Alat ujian yang digunakan ini untuk mengukur tahap sokongan sosial terhadap kesihatan mental dalam kalangan guru sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Temalir, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkebang, Kuala Krai, Kelantan.

### 3.1 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk satu soal selidik yang terdiri daripada 41 soalan dan dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian ini terdiri daripada lima soalan yang terdiri daripada soalan berkaitan dengan maklumat diri responden seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan tempoh perkhidmatan kerja. Semua maklumat yang dikumpulkan oleh responden adalah bertujuan untuk mendapatkan makluamat peribadi responden dan segala maklumat peribadi akan dirahsiakan oleh pengkaji.

Responden perlu menandakan (/) maklumat yang berkaitan pada ruangan yang telah disediakan mengikut ketepatan makluamat yang ada dan perlu menyatakan maklumat yang diperlukan pada borang demografi yang telah diagihkan tersebut. Bahagian B pula ialah alat ujian *Inventory of Socially Supportive Behavior* (ISSB). Alat ujian ini dicipta oleh Barrera, Sandler dan Ramsay pada tahun 1981. Instrumen ini digunakan untuk mengukur sokongan sosial yang terdiri daripada sokongan emosi, sokongan maklumat, pendampingan sosial serta sokongan alatan. Seterusnya, setiap sokongan sosial mempunyai lima item. Soalan-soalan adalah menguji tentang sokongan sosial yang diterima oleh golongan guru di sekolah dan mengandungi 20 item pembolehubah yang berasaskan lima skala likert seperti berikut:

**Jadual 3.1: Jenis Sokongan Sosial**

Jenis Sokongan Sosial	Bilangan Item	Nombor Item
Sokongan Emosi	5	1 hingga 5
Sokongan Maklumat	5	6 hingga 10
Sokongan Alatan	5	11 hingga 15
Sokongan Pendampingan	5	16 hingga 20
	20	

Pemarkatan bagi alat ujian ini adalah menggunakan lima skala likert iaitu berdasarkan lima pilihan jawapan bagi setiap item dari sumber sokongan sosial.

**Jadual 3.2: Skala Likert *Inventory of Sosial Support Behavior* (ISSB)**

Keterangan	Skala
Sangat Setuju (SS)	5
Setuju (S)	4
Tidak Pasti (TP)	3
Tidak Setuju (TS)	2
Sangat Tidak Setuju (STS)	1

Tiada soalan negatif dalam bahagian ini. Markah tertinggi yang boleh dicapai dalam jenis penerimaan untuk instrumen sokongan sosial dari responden ialah skala lima. Jumlah pemarkahan telah dibahagikan kepada tiga tahap untuk menentukan secara jelas penerimaan sokongan sosial responden seperti yang terdapat dalam jadual 3.3.

**Jadual 3.3: Pembahagian Darjah Penerimaan Sokongan Sosial Mengikut Skor Pemarkahan**

Jumlah Skor Pemarkahan	Darjah Penerimaan Sokongan Sosial
20-53	Rendah
54-87	Sederhana
88-100	Tinggi

Bagi bahagian C pula ialah instrumen yang diambil daripada *Depression, Anxiety, Stress, Scale* atau DASS yang digunakan untuk mengukur tahap kesihatan mental mengandungi 21 item kesemuanya. DASS dicipta oleh Peter Lovinbond pada tahun 1995. Pada asalnya, instrumen DASS mengandungi 42 item tetapi telah diubahsuai dan dipendekkan kepada 21 item yang telah diadaptasikan kepada Bahasa Melayu untuk kegunaan dan kepentingan rakyat Malaysia.

Penggunaan instrumen DASS sangat meluas di kalangan rakyat Malaysia seperti di sekolah, sektor kerajaan, pusat-pusat pengajian tinggi, pusat-pusat kesihatan serta sektor swasta. Instrumen DASS ini digunakan sebagai pengesahan awal untuk kesihatan mental selain dapat dikenal pasti dari segi pemerhatian dan juga komunikasi antara pesakit dan doktor mahupun klien dan kaunselor.

Bagi seorang kaunselor yang terlatih, alat ujian ini salah satu cara yang digunakan sebagai petanda awal yang perlu dirujuk jika diperlukan. DASS digunakan untuk mengesan tahap depression (kemurungan), *anxiety* (kebimbangan), *stress* (tekanan).

**Jadual 3.4: Depression, Anxiety, Stress, Scale (DASS)**

Penyataan	Skala Likert
Tidak Pernah	0
Jarang	1
Kerap	2
Sangat kerap	3

Bagi menjalankan ujian ini penyelidik perlu memastikan responden berada dalam suasana bilik yang selesa, lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas seperti kerusi dan meja. Selain itu, segala arahan yang telah disediakan di dalam borang soalan perlu dipatuhi oleh responden yang akan mengambil ujian tersebut. Responden juga perlu diingatkan oleh penyelidik supaya tidak mengambil terlalu banyak masa bagi menjawab setiap soalan yang diberikan. Responden perlu menanda jawapan yang sesuai di dalam kotak yang disediakan dengan skala likert yang diberikan iaitu 0 hingga 3. Setelah selesai menjawab, responden dikehendaki memindahkan setiap jawapan yang telah ditanda markahnya ke dalam borang jawapan mengikut nombor-nombor penyataan atau item yang diberikan.

**Jadual 3.5: Dimensi DASS**

Tahap	Nombor Soalan
Depression	3,5,10,13,16,17,21
Anxiety	2,4,7,9,15,19,20
Stress	1,6,8,11,12,14,18

Data yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science* (SPSS) versi 20. Kajian ini dikemukakan dalam dua bahagian iaitu analisis deskriptif yang melaporkan taburan frekuensi dan peratusan ciri-ciri demografi responden. Bahagian kedua pula ialah analisis inferensi iaitu Ujian-t dan ANOVA sehala bagi mengenalpasti perbezaan antara kesihatan mental mengikut jantina, umur, tahap pendidikan dan taraf perkahwinan.

## 4.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif menunjukkan bilangan dan peratus subjek kajian mengikut kategori jantina mereka. Seramai 54 orang guru Sekolah Kebangsaan Temalir dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkebang yang terdiri daripada 18 orang guru lelaki (33.3%) dan 36 orang guru perempuan (66.7%) yang terlibat dalam kajian yang dijalankan. Berdasarkan jadual 4.2 menunjukkan bilangan dan peratus responden mengikut umur. Seramai enam orang yang berumur 21 hingga 30 tahun (11.1%), 14 orang yang berumur 31 hingga 40 tahun (25.9%), seterusnya, seramai 27 orang yang berumur antara 41 hingga 50 tahun (50%) dan akhir sekali seramai tujuh orang yang berumur 50 tahun ke atas (13.0%).

Peratusan guru Sekolah Kebangsaan Temalir dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkebang yang terlibat dalam kajian ini juga dilihat mengikut status perkahwinan mereka. Seramai dua orang guru sekolah yang masih bujang (3.7%) manakala seramai 52 orang yang sudah berkahwin (96.3%). Bagi tahap pendidikan pula, seramai tiga orang yang mempunyai diploma (5.6%) manakala

seramai 50 orang yang mempunyai ijazah (92.6%) dan akhir sekali seramai seorang mempunyai sijil selain daripada di atas (1.9%).

## 4.2 Analisis Inferensi

**Jadual 4.7: Korelasi diantara sokongan sosial dan kesihatan mental dalam kalangan guru sekolah**

Pembolehubah	Kesihatan Mental
Sokongan sosial	.277
$k < .05$	

Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai pekali Pearson adalah .277 ( $r = .277$ ) dan nilai kebarangkalian adalah .043 yang diuji pada aras keyakinan ( $k < .05$ ). Maka nilai yang terhasil ini adalah perkaitan yang tinggi. Dengan ini, menunjukkan bahawa sokongan sosial mempunyai hubungan dengan kesihatan mental. Oleh itu, hipotesis ini diterima kerana terdapat hubungan yang signifikan antara kesihatan mental [ $r (54) = .277$ ,  $k < .05$ ].

Hasil kajian menyatakan bahawa terdapat hubungan antara sokongan sosial dengan kesihatan mental dalam kalangan guru sekolah. Hal ini telah terbukti dengan nilai kolerasi yang terhasil adalah sebanyak .277 dan nilai kesignifikannya adalah lebih rendah daripada .05. Keadaan ini menunjukkan ianya berada pada perkaitan yang tinggi. Maka, hipotesis yang pertama ini diterima. Hasil kajian pengkaji telah disokong oleh Jennifer Hefner dan Daniel Eisenberg (2009). Dalam kajian tersebut, mereka mendapati pelajar mempunyai sokongan sosial berkualiti rendah, lebih cenderung untuk mengalami masalah kesihatan mental termasuklah mempunyai risiko yang tinggi untuk mengalami kemurungan berbanding dengan pelajar yang mempunyai sokongan sosial yang tinggi dan berkualiti.

Terdapat juga kajian lain yang menunjukkan bukti yang kukuh iaitu dalam kajian Hafizah et al. (2018). Hasil kajian tersebut mendapati, kebanyakan mereka yang mengalami masalah kesihatan mental kerana kurang mendapat sokongan sosial daripada masyarakat sekeliling terutamanya keluarga mereka sendiri. Hasil kajian daripada Parisa Tajalli (2010) juga tidak menyokong hasil kajian daripada pengkaji yang mana kajian mendapati sokongan sosial dan kesihatan mental mempunyai hubungan. Hal ini kerana, setiap manusia amat memerlukan sokongan sosial dalam diri mereka bagi mengelakkan mengalami masalah kesihatan mental. Seterusnya, kajian yang telah dijalankan oleh Kristen Ferguson et al. (2017), seorang pekerja amat memerlukan sokongan sosial dalam diri mereka untuk mengelakkan daripada berlakunya masalah kesihatan sosial terutama sekali seorang guru.

**Jadual 4.8: Keputusan Ujian-t bagi kesihatan mental berdasarkan jantina dalam kalangan guru sekolah**

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	df	k
Lelaki	18	14.67	8.402	1.604	52	.115
Perempuan	36	11.33	6.538			
$k > .05$						

Keputusan menunjukkan bahawa nilai [ $t (52) = 1.604$ ,  $k > .05$ ] di mana min kesihatan mental jantina lelaki lebih tinggi iaitu 14.67 ( $SP = 8.402$ ) berbanding dengan jantina perempuan yang mempunyai nilai yang lebih rendah iaitu 11.33 ( $SP = 6.538$ ). Oleh itu, tidak terdapat perbezaan antara kesihatan mental berdasarkan jantina dalam kalangan guru sekolah.

Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara kesihatan mental dengan jantina dalam kalangan guru sekolah. Hasil keputusan mendapati, kesihatan mental di antara kedua jantina ini tidak terdapat perbezaan secara signifikan. Dapatkan kajian pengkaji ini tidak disokong oleh beberapa orang pengkaji terdahulu yang menjalankan kajian kesihatan mental ini. Dalam kajian Eva dan Graham (2004) mendapati, doktor wanita lebih cenderung untuk membunuh diri berbanding dengan doktor lelaki. Hal ini kerana, kurangnya sokongan sosial dri pada masyarakat sekeliling serta sukar untuk mengendalikan perasaan serta keinginan mereka.

Selain itu, dalam satu kajian lain yang dijalankan oleh Chris Lloyd et al. (2002), bahawa golongan wanita lebih cenderung menghidap masalah kesihatan mental berbanding lelaki. Hal ini kerana, golongan wanita selalunya berfikiran negatif dengan pelbagai perkara dan mereka juga lebih selalu mengikut perasaan dalam membuat keputusan tanpa berfikir panjang. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Lia Indah dan Ruslin Amir (2018) mendapatkan tiada hubungan yang signifikan antara tahap tekanan guru berdasarkan jantina. Dalam satu kajian lain yang dijalankan oleh Azlina Mohd Kosnin dan Tan Sew Lee (2008), pula mengatakan bahawa nilai min pada tahap tekanan berada dalam tahap yang sederhana. Seterusnya, hasil kajian daripada Tadahiro (2014) menyatakan bahawa pelajar perempuan dalam bidang perubatan memiliki kesihatan mental yang lemah berbanding pelajar lelaki.

**Jadual 4.9: Keputusan ANOVA bagi kesihatan mental berdasarkan umur dalam kalangan guru sekolah**

Kesihatan mental	JKD	dk	MKD	F	Sig
Antara kumpulan	229.548	3	75.516	1.472	.234
Dalam kumpulan	2599.333	50	51.999		

$k > .05$

Anova Sehala telah digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan kesihatan mental berdasarkan umur. Keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik F ialah 1.472 dengan nilai signifikannya ialah .234 dan ia menunjukkan nilai tersebut lebih besar daripada .05. Keputusan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kesihatan mental berdasarkan umur.  $[F (3, 50) = 1.472, k > .05]$ . Maka hipotesis ini ditolak kerana tidak terdapat perbezaan bagi kesihatan mental berdasarkan umur dalam kalangan guru sekolah.

Hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji mendapatkan tidak terdapat perbezaan antara kesihatan mental berdasarkan umur dalam kalangan guru sekolah. Anova satu hala telah digunakan untuk melihat perbezaan kesihatan mental dengan umur. Keadaan ini terbukti dengan nilai Anova yang berhasil 1.472 dan nilai kesignifikannya lebih tinggi daripada .05.

Terdapat beberapa kajian lepas yang tidak menyokong hipotesis ini. Menurut Christine (1996), keputusan menyokong kewujudan “kesan lambat”, dengan arah yang menunjukkan kesihatan awal mempengaruhi sokongan sosial masa depan. Ia secara khusus lebih banyak apabila peningkatan kecacatan, hubungan sosial menurun. Penemuan ini mencadangkan jika kecacatan sekarang mempengaruhi hubungan masa depan, yang lebih tua orang dewasa boleh berisiko untuk penginstitusian. Implikasi untuk pekerja sosial adalah mereka perlu menangani sokongan untuk sistem sokongan serta keperluan orang dewasa yang lebih tua apabila membangunkan pelan penjagaan.

Menurut Erin et al. (2014), umur seseorang menjadi salah satu faktor untuk kenderungan mendapat masalah kesihatan mental. Golongan yang meningkat umur akan kurang berisiko untuk mendapat penyakit ini. Hal ini kerana mereka kurang melayan perasaan dan lebih bersikap terbuka. Berlawanan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Alan L. Coker et al. (2004), menyatakan bahawa peningkatan umur seseorang merupakan faktor yang penting untuk mendapat masalah kesihatan mental. Kebanyakan mereka kurang mendapat kesedaran apabila sudah meningkat dewasa. Bertepatan dengan hasil kajian daripada Marzieh Gholamitooranposhti (2012), umur merupakan salah satu faktor yang menjadi hubungan dengan kesihatan mental.

**Jadual 4.10: Keputusan ANOVA bagi kesihatan mental berdasarkan tahap pendidikan dalam kalangan guru sekolah**

Kesihatan mental	JKD	dk	MKD	F	Sig
Antara kumpulan	2774.47	2	27.44	.504	.607
Dalam kumpulan	2829.333	51	54.401		

$k > .05$

Keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik F ialah .504 dengan nilai signifikannya ialah .607 dan nilai tersebut merupakan lebih besar daripada nilai .05. Keputusan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara kesihatan mental berdasarkan tahap pendidikan.  $[F(2, 51) = .504, k > .05]$ . Maka hipotesis ini ditolak kerana tidak terdapat perbezaan antara kesihatan mental berdasarkan tahap pendidikan dalam kalangan guru.

Hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji menyatakan tidak terdapat perbezaan antara kesihatan mental berdasarkan tahap pendidikan dalam kalangan guru sekolah. Anova satu hala telah digunakan untuk melihat perbezaan antara kesihatan mental berdasarkan tahap pendidikan dalam kalangan guru sekolah. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara kesihatan mental dan tahap pendidikan dalam kalangan guru sekolah secara signifikan. Satu kajian telah dijalankan oleh Ann et al. (2004) tidak menyokong hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Dalam kajian tersebut mengatakan, seseorang yang mempunyai pendidikan yang lebih tinggi kurang berisiko untuk mendapat masalah kesihatan mental. Hal ini kerana mereka akan lebih positif dalam hidup serta lebih terbuka dengan masalah yang dihadapi.

**Jadual 4.11 Keputusan ANOVA bagi kesihatan mental berdasarkan taraf perkahwinan dalam kalangan guru sekolah**

Kesihatan mental	JKD	dk	MKD	F	Sig
Antara kumpulan	76.160	2	76.160	1.438	.236
Dalam kumpulan	2753.173	51	52.946		

$k > .05$

Berdasarkan jadual di atas nilai statistik bagi  $F = 1.438$  dengan nilai signifikannya ialah .236 dan ia lebih besar dari .05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara kesihatan mental dengan taraf perkahwinan dalam kalangan guru sekolah secara signifikannya  $[F(2, 51) = 1.438, k > .05]$ . Oleh yang demikian hipotesis tersebut ditolak.

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji hipotesis awal yang dibuat iaitu terdapat perbezaan antara kesihatan mental berdasarkan status perkahwinan dalam kalangan guru telah ditolak. Anova satu hala telah digunakan untuk melihat perbezaan dan keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara kesihatan mental berdasarkan status perkahwinan secara signifikannya.

Beberapa kajian telah dijalankan oleh pengkaji lepas dan hasilnya tidak menyokong dengan hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Hideki Okabayashi et al. (2004) mendapati, antara yang lebih tua yang berkahwin dengan anak-anak, sokongan sosila daripada suami isteri mempunyai hubungan yang lebih baik daripada kesejahteraan positif daripada sokongan daripada kanak-kanak dan lain-lain. Sebaliknya, mereka yang tidak mempunyai pasangan, hanya sokongan yang lebih besar daripada anak-anak ketara berkolerasi dengan kesejahteraan positif yang lebih tinggi, kesusahan yang kurang, dan kurang terjejas kognitif. Kajian lain yang dijalankan oleh Erin Woodhead et al. (2014) kepada staf jururawat didapati status perkahwinan seseorang juga merupakan antara punca terjadinya masalah kesihatan mental. Kebanyakan pasangan yang sudah berkahwin akan lebih cenderung untuk mendapat masalah tersebut kerana tekanan daripada kehidupan serta tanggungjawab semakin berubah.

## 5.0 CADANGAN KAJIAN

Pengkaji ingin menyarankan beberapa perkara untuk penambahbaikan berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan. Yang pertama, bagi pengkaji yang akan datang supaya membuat kajian terhadap guru di sekolah yang bermasalah seperti Henry Gurney dan Tunas Bakti.

Berdasarkan keputusan kajian pengkaji, kebanyakan hipotesis awal yang dibuat tidak diterima kerana mungkin responden yang menjawab tidak mempunyai tekanan dalam pekerjaannya. Jika sekiranya kajian dibuat kepada guru di sekolah yang lebih bermasalah, kemungkinan untuk mendapat responden yang mempunyai tekanan dalam pekerjaannya amat tinggi dan hipotesis yang dibuat akan diterima. Seterusnya saranan kedua oleh pengkaji ialah, pengkaji-pengkaji yang akan datang tidak menggunakan metod survey semata-mata sebagai medium untuk mengkaji hubungan antara sokongan

sosial dengan kesihatan mental. Hal ini kerana terdapat banyak limitasi apabila pengkaji hanya menggunakan soal selidik jenis tertutup sahaja bagi mendapatkan data seterusnya melihat hubungan antara dua pembolehubah.

Pengkaji boleh sahaja menggunakan metod kajian yang pelbagai seperti mengemukakan soalan terbuka dan tertutup, tinjauan mahupun kajian makmal. Pengkaji akan mendapatkan jawapan yang lebih relevan serta lebih tepat jika sekiranya dapat menemubual responden yang mengalami tekanan. Mungkin dengan gabungan beberapa metod yang disarankan, pengkaji mampu melihat hasil analisis yang lebih tepat dan bermakna. hal ini kerana setiap metod yang digunakan mempunyai kebaikan dan kelemahan tersendiri, jadi dengan gabungan beberapa metod tersebut dapat mengurangkan kesan limitasi pengkaji. Ketiga, masa dan waktu kajian. Pengkaji disarankan untuk membuat pemilihan masa dan waktu yang bersesuaian untuk menjalankan kajian supaya tidak terdapat masalah ketika kajian dilaksanakan. Pemilihan masa dan waktu yang tepat amat penting bagi memastikan responden kajian berasa bersemangat, tidak mengganggu tumpuannya serta jujur ketika menjawab soalan.

Seterusnya, pengkaji perlu mengkhususkan satu masa dan waktu yang tertentu untuk mengumpulkan responden yang terlibat dengan kajian untuk memberi penerangan ringkas berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan. Pengkaji perlu berhubung dengan pihak tertinggi dalam organisasi tersebut bagi memudahkan pengumpulan soalan. Selain itu juga, pengkaji disarankan untuk tidak mengganggu responden ketika sedang menjawab soalan kerana desakan daripada pengkaji boleh memberi kesan kepada responden untuk menjawab.

Akhir sekali, pengkaji tidak boleh menggesa responden menjawab soalan yang diberi. Ia akan menyebabkan responden akan menjawab dengan tidak jujur dan akan mengganggu kebolehpercayaan hasil kajian. Pengkaji seharusnya memerhatikan sahaja ketika mereka menjawab soalan dan membantu sekiranya mereka tidak memahami soalan. Pengkaji juga disarankan untuk memberi sedikit ganjaran kepada responden sebagai penghargaan responden sudi meluangkan masa mereka untuk menjawab soalan.

## 6.0 KESIMPULAN

Kajian ini telah melibatkan guru Sekolah Kebangsaan Temalir dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkebang, Kuala Krai, Kelantan seramai 54 orang yang terdiri daripada 18 orang guru lelaki dan 36 orang guru perempuan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan yang wujud antara sokongan sosial dan kesihatan mental guru sekolah.

Kajian ini dilihat mampu menjadi sumber rujukan dan penilaian bagi pengkaji lain untuk melakukan kajian selain daripada sokongan sosial. Hasil kajian telah terbukti bahawa wujudnya hubungan antara sokongan sosial dengan kesihatan mental guru sekolah. Dengan penemuan ini maka terbuktilah setiap guru memerlukan sokongan sosial daripada masyarakat sekeliling terutamanya keluarga untuk mengelakkan daripada wujudnya masalah kesihatan mental dalam diri mereka.

## 7.0 RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang, Norazizah Pilus, Christina Andin@Nur Qistina Abdullah. (2013). Hubungan Karenah Pelajar Dan Beban Tugas Dengan Tahap Stres Guru Di Sekolah Menengah. Universiti Malaysia Sabah.
- Allport, G. (1937). *Personality: A Psychological Interpretation*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Ann L.Coker et al. (2004). *Social Support Protects against the Negative Effects of Partner Violence on Mental Health*. University of Kentucky UKnowledge
- Azrina Mohd Kosnin & Tan Sew Lee. (2008). Pengaruh personaliti terhadap kepuasan kerja dan stress kerja guru. Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 48(E) Jun 2008: 33-47
- Baharin Bin Abu & Mariam Binti Aziz. (2012). Stress Dalam Kalangan Guru Di Dua Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Dan Di Kawasan Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Carol E. Billxen & Christopher Kipper. (1999). Depression, Social Support, and Quality Of Life in Older Adults with Osteoarthritis. *Journal Nursing*

- Cheng Sau Keng. (2012). Peranan sikap ketidakfungsian kendiri di antara dalam hubungan antara sokongan sosial dan tahap kemurungan dalam kalangan remaja tahap akhir. Tesis Ilmiah Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chi-Ming Hsieh & Bi-Kun Tsai. (2019). Effect of Social Support on the Stress-Health Relationship: Gender Comparison among Military Personnel. *International Journal of Environment Research and Public Health*. 16, 1317
- Chris Lloyd et al. (2002). Social Work, Stress and Burnout: A Review. *Journal of Mental Health* (2002) 11, 3, 255-265.
- Christine A. Hyduk. (1996). The Dynamic Relationship Between Social Support And Health In Older Adults: Assessment Implications. *Journal Of Gerontological Social Work*. Vol. 27(1/2)
- Cleckley, H. (1964). *The Mask of Sanity* (5<sup>th</sup> ed) St.Louis, MO: C.V. Mosby
- Gonzales G. & Rosenheck R. A. (2002). *Outcomes and Service Use among Homeless Persons with Serious Mental Illness and Substance Abuse*. Psychiatric Service.
- Gooh Mo Lee, Amirmudin Bin Udin & Hafiz Abdul Aziz. (2012). Persepsi Guru Terhadap Kesihatan Mental Di Sekolah Menengah Di Perak. Universiti Kebangsaan Malaysia. Vol.7 Pages 1-10 / ISSN: 2231-735X.
- Erin L. Woodhead et al. (2014). Stress, Social Support, and Burnout among Long-Term Care Nursing Staff. *Journal of Applied Gerontology* 1-22.
- Haque, A. (2005). Mental Health Concept and Program Development in Malaysia. *Journal of Mental Health* 14(92): 183-193
- Hideki Okabayashi, et al. (2004). Mental Health Among Older Adults In Japan: Do Sources Of Social Support And Negative Interaction Make A Difference?. *Social Science & Medicine* 59 (2004) 2259-2270.
- Hogan, R. (1973). Moral Conduct and Moral Behaviour; A Psychological Perspective. *Psychological Bulletin*. 79: 217-232.
- Jacob K. S., Sharan P., Mirza L., Garrido-Cumbrera M., Seedat S., Mari J. J., & Sreenivas. (2007). *Mental Health System in Countries: where are we now?*. Department of psychiatric, Christian Medical College, Vellore, India.
- Janis, L. L. (1958). *Psychological Stress: Psychoanalytic and Behavioral Studies of Surgical Patients*. New York: Wiley & Sons
- Jennifer Hefner, MPH, and Daniel Eisenberg. (2009). Sosial Support and Mental Health among College Students. *American Journal of Orthopsychiatry*. Vol.79, No. 4,491-499.
- Judi Kidger et al. (2016) Teachers' Wellbeing and Depressive Symptoms, and Associated Risk Factors: A Large Cross Sectional Study in English Secondary School. University of Bristol UK. *Journal of Affective Disorders* 192 (2016) 76–82.
- Johada M. (1958). *Current Concept of Positive Mental Health*. New York: Basic Books Inc. Publishers.
- Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2005). Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Kristen Ferguson, Colin Mang & Lorraine Frost (2017). Teacher Stress and Social Support Usage. Nippising University. *Brock Education Journal* 26(2).
- Lia Indah Ahmad & Ruslin Bin Amir. (2018). *Tekanan Dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Daerah Pasir Gudang*. Universiti Kebangsaan Malaysia. ISBN: 978-967-2122-47-0.
- Marzieh Gholamitooranposhti. (2012). *Teachers' Mental Health*. Islamic Azad University, Shahrbabak, Iran. 1295-1301.
- Maslow. A. (1950). *Self-actualizing people: a study of psychological health*. *Personality Symposia: Symposium # 1 on Values*, pp.11-34. New York: Grune & Stratton
- Mohd Makhzan Musa. (1997). *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur. Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd.
- Nurul Hafizah Mohd Yasin et al. (2018). A Proposed Framework on Burnout among Nursing Home Nurses in Malaysia. *Proceedings of the 6<sup>th</sup> International Seminar on Entrepreneurship and Business (ISEB 2018)*, November 24<sup>th</sup> Kota Bharu, Kelantan.

- Nor Nazimi Mohd Mustaffa, Jaffary Awang & Aminudin Basir @ Ahmad. (2017). Teori Maslow Dan Kaitannya Dengan Kehidupan Muslim. *Jurnal Hadhari*. Vol. 9 (2), 275-285.
- Othman Mohamed (2011). *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. University Putra Malaysia, Selangor
- Parisa Tajalli et al. (2010). The relationship between daily hassles and social support on mental health of university students. Islami Azad University. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 5 (2010) 99-103
- Public Health Malaysia (2017) Kesihatan Mental
- Robert J. Taormina & Jennifer H. Gao. (2013). Maslow and the Motivation Hierarchy: Measuring Satisfaction of the Needs. American Journal of Psychology. Vol. 126 (2), 155-177.
- Sarah Harding et al. (2019). Is Teachers' Mental Health And Wellbeing Associated With Students' Mental Health And Wellbeing? University of Bristol, England. *Journal of Affective Disorder* 242 (2019) 180-187.
- Siti Aisyah Panatik & Siti Khadijah Zainal Badri. (2012). Konflik Kerja-Keluarga, Kesihatan Mental Dan Kecenderungan Tukar Ganti Kerja Dalam Kalangan Guru. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. 51-56.
- Thuaibah @ Suaibah Abu Bakar, Et Al. (2017). Konflik Kerja Terhadap Keluarga Dan Kesihatan Mental Dalam Kalangan Usahawan Wanita Di Johor. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, Vol.1: No.5, Page 53-67.
- Ventis. W. L. (1995). The Relationship Religion and Mental Health. *Journal of Social Issues* 51: 33-48.
- Wei Sun, Hui Wu & Lie Wang. (2011). Occupational Stress and Its Related Factor among University Teachers in China. China Medical University. *J Occup Health* 2011; 53: 280-286.

**HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAPAAN DENGAN TINGKAHLAKU  
AGRESIF PELAJAR : SATU KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
DATUK LOKMAN, KUALA LUMPUR**

**Nurshahidah Amalina Mohd Shah, Siti Aishah Yahya**  
Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)  
[nurs.amalin@gmail.com](mailto:nurs.amalin@gmail.com)

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan hubungan gaya keibubapaan dengan tingkahlaku pelajar SMK Datuk Lokman, Kuala Lumpur. Seramai 91 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) untuk mengukur gaya keibubapaan. Selain itu instrument yang digunakan adalah *Aggression Questionnaire* (Buss & Perry) untuk mengukur tahap tingkahlaku agresif pelajar. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistic deskriptif. Dapatkan kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perbezaan jantina dengan tingkahlaku agresif pelajar,  $[t (89) = 1.474, k > .05]$ . Namun begitu, terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan dengan tingkahlaku agresif pelajar  $[r (80) = .233, k < .05]$ . Kajian ini mendapati gaya keibubapaan dan tingkahlaku agresif perlu diselaraskan seiring dengan permodenan negara dan ibu bapa kini kebanyakannya merupakan ibubapa yang dual kerjaya. Jadi, untuk menjadikan pelajar lebih cemerlang, ibu bapa, dan para guru harus mendapatkan kursus yang sesuai mengikut peredaran era pada masa kini.

**Kata kunci** : gaya keibubapaan, tingkahlaku agresif, jantina

**Abstract**

This study aimed to further explain the relationship of parenting style with the behavior of SMK Datuk Lokman students, Kuala Lumpur. A total of 91 respondents were involved in this study. The research instrument used was the Parental Authority Questionnaire (PAQ) to measure parenting style. Additionally, the instrument used was the Aggression Questionnaire (Buss & Perry) to measure students' level of aggressive behavior. The data obtained were analyzed using descriptive statistics. The study found that there was no significant relationship between gender differences and students' aggressive behavior,  $[t (89) = 1.474, k > .05]$ . However, there was a significant relationship between parenting style and student aggressive behavior  $[r (80) = .233, k < .05]$ . The study found that parenting styles and aggressive behaviors need to be adjusted in line with the country's modernization and that parents are now largely dual-career parents. So, to make students better, parents and teachers need to find appropriate courses based on the current situation.

**Keys:** parenting style, aggressive behavior, gender

## **1.0 PENGENALAN**

Masalah sosial memberikan gambaran tentang masalah sosial yang negatif yang berlaku di seluruh dunia. Ibu bapa adalah merupakan pencorak kepada anak-anak yang diibaratkan seperti kain putih. Anak-anak juga merupakan harta yang tidak bernilai yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada setiap keluarga. Dalam proses sosialisasi anak-anak, ibu bapa merupakan pembelajaran terawal yang mampu membentuk tingkah laku dan personaliti anak-anak.

Pelajar merupakan pelapis kepada negara untuk menggantikan pemimpin negara. Namun, pada masa kini ramai remaja cenderung untuk terlibat dengan pelbagai tingkah laku agresif atau tingkah laku agresif. Tingkah laku agresif terbahagi kepada dua iaitu mengakibatkan kecederaan terhadap diri sendiri atau bukan kepada diri sendiri seperti merosakkan harta benda atau mencederakan orang lain. Antara tingkah laku agresif tersebut ialah mencederakan orang lain, membuli, melakukan gangsterisme dan sebagainya. Perkara ini membimbangkan negara dengan tingkah laku agresif mereka lakukan.

Gaya keibubapaan adalah bagaimana cara asuhan ibu bapa terhadap anak-anak. Ia termasuk dalam cara yang memberi kebebasan sepenuhnya atau sekatan sepenuhnya ataupun dengan cara demokratik iaitu melalui perbincangan antara ahli keluarga. Menurut Baurind (1991), menyatakan bahawa terdapat tiga jenis gaya keibubapaan iaitu jenis authoritarian, autitratif dan jenis permisif. Setiap anak akan digunakan gaya yang sesuai dengan anak mereka dan gaya tersebut boleh berubah-ubah mengikut tahap pemikiran dan umur mereka.

Tingkah laku agresif ataupun langsang pula adalah sebuah perlakuan yang berbeza daripada norma masyarakat. Bukan itu sahaja, perlakuan ini merupakan perlakuan yang boleh mencederakan diri sendiri ataupun menderakan orang lain serta melakukan aktiviti seperti menendang barang atau sebagainya. Menurut Stumphauzer (1986) pula mendefinikan bajawa pesalah juvana yang melakukan tingkah laku agresif adalah kebanyakannya daripada golongan remaja. Ini merupakan pada peringkat umur remaja merupakan satu golongan yang mempunyai sikap memberontak dan sikap ingin mencuba yang menebal dalam diri mereka. Maka dengan itu, kajian ini ingin melihat bagaimana pengasuhan ibubapa dapat mempengaruhi tingkah laku pelajar terutama pada peringkat remaja.

### **1.1 Objektif Kajian**

- i. Mengenalpasti perbezaan antara tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar mengikut jantina di SMK Datuk Lokman.
- ii. Mengenalpasti hubungan gaya keibubapaan dengan tingkah laku agresif pelajar SMK Datuk Lokman

### **1.2 Hipotesis Kajian**

- i. H 1 : Terdapat perbezaan antara tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar mengikut jantina pelajar SMK Datuk Lokman.
- ii. H 2 : Terdapat hubungan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku agresif pelajar SMK Datuk Lokman.

## **2.0 SOROTAN KAJIAN**

Hasil kajian Samsiah Jaiset (2015) melaporkan bahawa antara gaya keibubapaan dan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja. Pengkaji menggunakan pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 2 seramai 118 yang dipilih secara rawak. Hasil kajian Samsiah menunjukkan bahwasanya tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku agresif anak-anak. Gaya keibubapaan yang paling dominan adalah gaya jenis autotratif iaitu sebanyak 39.4% manakala gaya autoritarian sebanyak 28.0% dan skor bagi gaya permisif adalah sebanyak 18.7%. perkara ini

membuktikan kajian tersebut bahawa kebanyakkan ibu bapa menggunakan gaya autiritatif dalam mengasuh anak-anak.

Di samping itu, hasil kajian oleh Noraini Othman & Salasiah Khairolla (2013) telah menjalankan explorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan. Seramai 302 pelajar yang terdiri daripada tingkatan 1 sehingga tingkatan 6 dipilih daripada sekolah menengah di daerah Batu Pahat, Johor. Melalui dapatan kajian, mendapati bahawa pengkaji menyokong kajian-kajian lepas tentang pengaruh dan peranan ibu bapa dalam pembinaan personaliti anak-anak. Kajian ini juga mendapati bahawa ketiga-tiga pengamalan gaya keibubapaan iaitu autorian, autoritatif dan permisif memberikan kesan terhadap pembentukan personaliti Islamik dalam kalangan pelajar.

Asmah Suboh dalam Nur Atikha (2016) juga telah menjalankan kajian untuk mengetahui hubungan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku agresif pelajar di sekolah rendah di pinggir Bandar daerah Johor Bahru. Responden ini adalah seramai 130 orang pelajar. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan salah laku kenakalan manakala vandalism adalah salah laku yang paling dominan bagi salah laku fizikal yang paling tinggi bagi salah laku verbal. Dalam kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara salah laku agresif pelajar sekolah dengan gaya keibubapaan yang diamalkan. Ini juga mendapati bahawa kajian ini tiada hubungan yang signifikan antara salah laku pelajar sekolah dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar sekolah.

Selain itu, adalah kajian Nike Rahayu, Taufik & Nurfahanah (2013) yang mengkaji hubungan antara keintiman dalam keluarga dengan tingkah laku agresif pelajar lelaki. Sampel kajian adalah seramai 97 orang pelajar lelaki yang merupakan pelajar SMK Muhammadiyah dengan menggunakan persampelan secara rawak. Hasil kajian mendapati hubungan intim dalam keluarga dengan tingkah laku pelajar lelaki ialah terdapat hubungan negatif yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa untuk mencegah berlakunya tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar lelaki SMK Muhammadiyah perlu meningkatkan tahap intimasi dalam keluarga.

Tambahan lagi adalah kajian oleh Kajian yang dilakukan oleh Gustav Einstein & Endang Sri Indrawati (2016) iaitu mengkaji hubungan antara cara asuhan ibubapa dengan tingkah laku agresif pelajar SMK Yudya Karya Mageleng, Indonesia. Sampel yang diambil adalah sebanyak 85 orang yang dipilih menggunakan teknik kluster. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara cara asuhan ibubapa dengan tingkah laku agresif pelajar sekolah berkenaan.

### **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini merupakan satu kajian yang berbentuk kuantitatif dalam bentuk persampelan bertujuan dengan menggunakan soal selidik yang disediakan untuk mendapatkan data dalam menjalankan kajian terhadap sampel. Terdapat 63 item yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, B dan bahagian C. sampel didapati melalui kuantitatif bertujuan. Pada mulanya saya bertanya pada bahagian sekolah dan dibawa terus untuk berjumpa dengan guru kaunseling. Apabila guru tersebut melihat soal selidik dan saya memaklumkan kepadanya bahawa kajian saya ingin fokus kepada pelajar yang mempunyai masalah disiplin, maka, guru tersebut telah meletakkan beberapa senarai kelas dan pelajar yang tergolong dalam golongan yang saya inginkan. Pada hari kejadian iaitu hari edaran soal selidik, saya dipertemukan dengan 120 orang pelajar dan seramai 91 orang subjek telah diambil untuk melengkapkan tiga bahagian. Bahagian A adalah berkenaan dengan demografi pelajar seperti jantina, bangsa, tempat tinggal dan gaji ibubapa. Bahagian B merupakan item yang berkaitan dengan gaya keibubapaan manakala Bahagian C adalah berkaitan dengan tingkah laku agresif pelajar. Subjek kajian adalah merupakan pelajar Tingkatan 4 yang mempunyai sikap agresif dalam kalangan pelajar SMK Datuk Lokman.

### 3.1 Instumen Kajian

#### 3.1.1 Bahagian A: Demografi

Di dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan demografi sampel seperti jantina, bangsa, gaji ibu bapa dan tempat tinggal. Ianya adalah untuk membantu pengkaji untuk mengenalpasti demografi subjek dijadikan sampel dalam kajian ini.

#### 3.1.2 Bahagian B: Inventori Gaya Keibubapaan [*Parental Authority Questionnaire (PAQ)*]

Di dalam kajian ini soal selidik yang digunakan ialah inventori gaya keibubapaan yang menggunakan skala likert yang terdiri daripada lima pilihan jawapan. Responden perlu memilih satu jawapan yang paling dekat dalam dirinya. Soalan ini adalah sebanyak 30 item.

#### 3.1.3 Bahagian C: Inventori Tingkahlaku Agresif [*Aggression Questionnaire*]

Di dalam kajian, alat ujian yang digunakan adalah inventori tingkahlaku agresif oleh Buss & Perry. Soal selidik ini menggunakan skala likert yang terdiri daripada lima pilihan jawapan.

## 4.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hasil deskriptif.

**Jadual 4.1:** Demografi Jantina

Jantina	N	Peratus (%)
Lelaki	52	57.1
Perempuan	39	42.9
<b>Jumlah</b>	<b>91</b>	<b>100</b>

Taburan demografi responden berdasarkan jantina adalah 91 orang. Jumlah bagi pelajar lelaki adalah 52 orang (57.1%) manakala pelajar perempuan adalah seramai 39 orang (42.9%).

Taburan bagi bangsa responden adalah seramai 71 orang adalah berbangsa Melayu, 16 orang adalah berbangsa Cina. Manakala 4 orang selebihnya adalah berbangsa India.

**Jadual 4.2 : Taburan Responden Berdasarkan Bangsa**

Bangsa	N	Peratus (%)
Melayu	71	78
Cina	16	17.6
India	4	4.4
Lain-lain	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>91</b>	<b>100</b>

**Jadual 4.3: Taburan bagi Tempat Tinggal Responden**

<b>Tempat Tinggal</b>	<b>N</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Bandar</b>	<b>85</b>	<b>93.4</b>
<b>Luar Bandar</b>	<b>6</b>	<b>6.6</b>
<b>Jumlah</b>	<b>91</b>	<b>100</b>

Taburan demografi bagi 91 orang daripada aspek tempat tinggal responden. Seramai 85 orang adalah tinggal di bandar iaitu sebanyak 93.4% manakala 6 orang selebihnya tinggal di luar bandar iaitu sebanyak 6.6 %.

**Jadual 4.4: Taburan Gaji Ibu Bapa/ Penjaga Responden**

<b>Gaji Ibu Bapa/ Penjaga</b>	<b>N</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>RM900 – RM 2000</b>	<b>43</b>	<b>47.3</b>
<b>RM2001 – RM 4000</b>	<b>28</b>	<b>30.8</b>
<b>RM4001 – RM 6000</b>	<b>12</b>	<b>13.2</b>
<b>RM 6001 &gt;</b>	<b>8</b>	<b>8.8</b>
<b>Jumlah</b>	<b>91</b>	<b>100</b>

Jadual 4.4 menunjukkan taburan gaji ibu bapa/ penjaga responden. Sebanyak 43 orang iaitu 47.3% yang ibubapanya bergaji antara RM 900 sehingga RM 2000. Manakala gaji ibu bapa antara RM 2001 hingga RM 4000 adalah seramai 28 orang ( 30.8 %). Gaji ibu bapa responden iaitu RM 4001-RM 6000 adalah sebanyak 12 orang (13.2 %). Lebihan responden adalah sebanyak 8 orang, ibu bapanya adalah bergaji RM6000 ke atas iaitu sebanyak 8.8 %.

### Hasil Analisis Inferensi

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan statistic inferensi yang diperolehi melalui kaedah ujian T dan Pearson. Hipotesis yang dibina adalah untuk melihat hubungan gaya keibubapaan dan tingkahlaku agresif pelajar. Kesemua hipotesis ini telah diuji dengan menggunakan Korelasi Pearson dan Ujian-T.

**H1: Terdapat perbezaan antara tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar mengikut jantina di SMK Datuk Lokman, Kuala Lumpur.**

**Jadual 4.5: Ujian-t bagi perbezaan tingkahlaku dalam kalangan pelajar mengikut jantina.**

<b>Jantina</b>	<b>N</b>	<b>Mean</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>t</b>	<b>df</b>
<b>Lelaki</b>	<b>52</b>	<b>89.27</b>	<b>13.813</b>	<b>1.474</b>	<b>89</b>
<b>.144</b>					
<b>Perempuan</b>	<b>39</b>	<b>84.90</b>	<b>14.255</b>		

**k > .05**

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa nilai t adalah 1.474, darjah kebebasan (dk) adalah 89 dan nilai kebarangkalian ialah .144 yang diuji pada aras keyakinan 0.05. Nilai kebarangkalian ini didapati lebih besar dari aras keyakinan 0.05 ( $k > .05$ ). Dengan itu, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan tingkahlaku agresif antara jantina [ $t (89) = 1.464$ ,  $k > .05$ ]. Maka dengan itu hipotesis ditolak.

## **H2: Terdapat hubungan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar SMK Datuk Lokman.**

**Jadual 4.6:** Pekali korelasi Pearson bagi hubungan antara Gaya Keibubapaan dengan Tingkah laku Agresif pelajar.

Pembolehubah	Tingkah laku Agresif
Gaya keibubapaan	.233
<b>k &lt;.05</b>	

Jadual 4.7 mendapati bahawa analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku agresif pelajar SMK Datuk Lokman, dimana  $r = .233$ , dengan ini nilai kebarangkalian adalah .026 yang diuji dengan aras keyakinan (.05). Nilai kebarangkalian ini mendapati lebih kecil daripada aras keyakinan ( $k < .05$ ). Maka dengan itu hipotesis diterima dengan [ $r (91) = .233, k < .05$ ].

## **5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Secara keseluruhannya, bahagian bab ini menerangkan hasil kajian yang telah dijalankan. Terdapat beberapa keputusan yang selari dengan kajian lepas. Melalui keputusan kajian apa yang dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku agresif pelajar SMK Datuk Lokman, Kuala Lumpur. Ini menunjukkan bahawa bagaimana gaya asuhan ibubapa dapat mempengaruhi sikap dan tingkah laku anak-anak. Oleh itu, ibu bapa terutama ibu bapa bekerjaya pada masa kini perlu menyesuaikan gaya asuhan yang sesuai mengikut keperluan anak-anak. Bak kata pepatah bagaimana acuan, begitulah kuihnya boleh diterapkan dalam gaya asuhan ibu bapa. Selain itu keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara tingkah laku agresif mengikut kejantinaan. Ia disokong oleh kajian Shahreen Alias yang melakukan kajian tentang tingkah laku agresif di kalangan pelajar universiti Sarawak (UNIMAS). Kajiannya menujukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara tingkah laku agresif dengan jantina pelajar. Pengkaji mencadangkan agar membuat kajian dengan skop yang lebih besar dan penggabungan tempat tinggal. Antara sebab tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan tingkah laku agresif mungkin kerana peningkatan era yang semakin membangun yang mana kurannya tingkah laku berdasarkan gender mereka. Selain itu, pengkaji juga memberi cadangan dalam melakukan kajian tentang faktor kemewahan pelajar dalam kehidupan dan tingkah laku mereka serta melakukan kajian di kawasan luar bandar dari segi demografi.

## **6.0 RUJUKAN**

- Azizi et.al. (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja. Bentong*: PTS Publication & Distributors.
- Azizi Yahaya (2007). *Mengapa Remaja Menjadi Bulisme*. Masalah Sosial di Kalangan Remaja UTM.
- Azizi Yahaya & Faizah Idris (2010). *Tingkah laku Agresif*. Universiti Teknologi Malaysia: Malaysia.
- Gustav Einstein & Endang Sri Indrawati (2016). Hubungan antara pola asuh otoriter orangtua dengan perilaku agresif siswa/siwi SMK Yudya Karya Mageleng: Fakulti Psikologi, Universiti Diponegoro Indonesia.
- Nike Rahayu, Taufik & Nurfarhannah (2013). *Hubungan antara intimasi dalam keluarga dengan tingkah laku agresif pada siswa*: Universiti Negeri Padang.
- Nooraini Othman & Salasiah Khairullah (2013). *Explorasi hubungan antara personaliti Islamik dan gaya keibubapaan*: Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.
- Nur Atikha (2016). *Hubungan gaya keibubapaan dengan tingkah laku agresif pelajar di sekolah rendah Daerah Johor Bahru*: Kolej Universiti Islam Melaka: Melaka.
- Samsiah Jaiset (2015). Gaya keibubapaan dan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja: Universiti Teknologi Malaysia: Kuala Lumpur.
- Shahreen Alias (2006). *Satu Kajian Tentang TingkahLaku Agresif di Kalangan Pelajar Sarawak*: Universiti Malaysia Sarawak.

Siti Nurshahizan Razali (2014). *Gaya Keibubapaan Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah*: Universiti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

# **HUBUNGAN ANTARA BEBAN TUGAS DENGAN TEKANAN GURU DI SMK ADE PUTRA MELAKA**

**Zuraini binti Mujahid, Atini binti Alias**

Kolej Universiti Islam Melaka

[zurainizura01@gmail.com](mailto:zurainizura01@gmail.com)

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara beban tugas dengan tekanan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Ade Putra, Melaka. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam menentukan perhubungan antara beban tugas dengan tekanan. Responden kajian seramai 52 orang guru Sekolah Menengah Kebangsaan Ade Putra, Melaka. Inventori yang digunakan untuk mengkaji beban tugas adalah inventori *Self Report Teacher Stress* dan untuk mengkaji tekanan guru menggunakan *Teacher Stress Inventory*. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (Spss)* versi 22.2. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas dengan tekanan guru. Hasil kajian juga mendapati bahawa tekanan guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Ade Putra berada pada tahap yang rendah sahaja.

Kata kunci: Beban Tugas dan Tekanan Guru

## **ABSTRACT**

This study aimed to identify the relationship between burdens of duties with teacher pressure at secondary school of Ade Putra, Melaka. The design of the study is quantitative methods were used to determine the burden of duties and teacher pressure. The samples for this study were obtained from the secondary teachers of Ade Putra, Melaka. There were 52 samples which were collected for the purpose of this study. The inventory used to study burden of duties Self Report Stress Inventory and to study the teacher pressure the inventory used is Teacher Stress Inventory tested using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 22.2 software to test each hypothesis in this study. The finding of the study show that there is significant relationship between burdens of duties with teacher pressure. This result also found that teacher pressure at secondary school of Ade Putra, Melaka is at a low level only.

Keywords: Burden of duties and teacher pressure

## **1.0 PENDAHULUAN**

Sistem pendidikan di Malaysia berkembang dengan sangat pantas. Perubahan-perubahan dalam pendidikan sejajar dengan perkembangan dan kemajuan negara. Perubahan berskala besar mahupun berskala kecil menuntut para guru untuk bersedia dalam apa jua perkara yang akan berlaku. Golongan warga pendidik juga tidak terkecuali dari tuntutan-tuntutan suasana dan persekitaran yang sentiasa berubah-ubah. Begitu juga dengan tugas yang disandang oleh guru yang semakin mencabar dan menjadi satu beban kepada guru itu sendiri (Mokhtar Ahmad, 1998).

Guru menjadi tumpuan dalam mencapai matlamat dan hasrat pendidikan negara kerana mereka merupakan pemangkin utama kepada proses pembinaan bangsa dan negara. Kepelbagaiannya peranan dan bidang tugas serta tanggungjawab yang semakin banyak menjadikan para guru berasa tertekan. Walaupun tekanan atau stres adalah sesuatu yang biasa bagi kebanyakan kita, akan tetapi tekanan atau stres dalam kalangan guru di Malaysia perlu diambil perhatian oleh semua pihak terutama daripada pengubal dasar. Istilah “stress” merujuk kepada apa sahaja pengaruh yang mengganggu keseimbangan semulajadi tubuh badan (Stanks, 2005). Stanks juga menyatakan bahawa stres akan

menyebabkan tindak balas perubahan persekitaran, psikologi, perasaan kelesuan dalam masa yang panjang kerana kegagalan untuk menanggung masalah, kebolehan dan keupayaan bagi memenuhi kehendak tertentu.

Kyricou dan Sutcliffe (1978) menjelaskan faktor tekanan yang berlaku biasanya berpunca daripada aspek kerja mereka yang akhirnya menganggu emosi. Gangguan emosi ini akhirnya akan menimbulkan rasa marah, perasaan tidak selesa, kebimbangan, tekanan serta kekecewaan yang tinggi.

Bekas Timbalan Menteri Pendidikan, Aziz Samsudin melaporkan bahawa sehingga akhir tahun 2003 di seluruh negara terdapat 760 orang guru yang menghadapi gangguan psikologi dan emosi. Guru-guru berkenaan mengalami tekanan dari pelbagai faktor dan bilangan ini didapati telah meningkat beberapa tahun kemudian. Beliau juga mendedahkan bahawa terdapat 600 orang guru yang mengalami tekanan perasaan atau masalah sakit jiwa yang serius (Utusan Malaysia, 2006).

Profesional keguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Kajian Borg (2000) mengatakan bahawa satu pertiga daripada guru mengakui mereka menghadapi stress tinggi dalam profesion mereka. Faktor persekitaran tempat kerja, masa bekerja dan aspek profesion yang memerlukan banyak interaksi dengan manusia juga mungkin menimbulkan kesan-kesan negatif. Keadaan ini akan lebih mendatangkan tekanan berbanding dengan profesion yang kurang berinteraksi dengan manusia semasa bekerja. Beban tugas, salah laku pelajar, kekangan masa dan sumber, perhubungan antara personal dan penghargaan merupakan perkara-perkara yang akan menyumbang kepada stress yang dihadapi oleh guru.

Seterusnya, golongan guru atau pendidik menghadapi tekanan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Tanggungjawab yang dipikul oleh guru menyebabkan mereka terpaksa berdepan dengan pelbagai tanggungjawab yang lebih mencabar, berat dan semakin sukar (Azizi Yahaya, Jamaluddin Ramli & Mazeni Ismail, 2010). Kenyataan yang menjelaskan dalam kajiannya bahawa penambahan beban yang diterima oleh guru memberi tekanan daripada aspek emosi, fizikal dan psikologi disokong oleh (Lemaire, 2009).

Menurut Kyriacou (2001) berpendapat tekanan yang dihadapi oleh guru adalah disebabkan oleh beban tugas yang berat dan iklim kerja yang kurang memuaskan. Faktor-faktor yang dikenal pasti menghasilkan stress guru termasuk pengurusan bilik darjah, pertambahan beban tugas, tingkah laku pelajar dan kekurangan sokongan pihak pengurusan (Pervez & Hanif, 2003; Bachkirova *et al.*, 2005). Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk:-

- 1) Untuk mengenalpasti hubungan beban tugas dengan tekanan guru.
- 2) Untuk mengenalpasti perbezaan beban tugas guru mengikut jantina.

## 2.0 METODOLOGI

### 2.1 Reka bentuk kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Satu set soal selidik diedarkan kepada responden untuk dijawab. Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini.

### 2.2 Sampel kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teknik persampelan bertujuan ke atas populasi. Saiz sampel dalam kajian ini adalah seramai 52 orang responden iaitu terdiri daripada guru-guru yang mengajar di SMK Ade Putra, Melaka.

### 2.3 Lokasi kajian

Sasaran kajian ialah guru-guru di SMK Ade Putra, Melaka. Pemilihan sekolah ini wajar sekali kerana sekolah ini merupakan sekolah yang berada di kawasan luar bandar. Hal ini kerana, masyarakat Malaysia sering mendengar khabar berita yang mengatakan bahawa guru-guru di sekolah luar bandar sering dibebani dengan tugas-tugas yang banyak atau bukan dari bidang mereka. Beban tugas juga salah satu faktor yang menyebabkan tekanan kepada guru-guru yang mengajar di sekolah luar bandar.

## 2.4 Tatacara kajian

Kajian telah dilakukan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Pertama, pengkaji perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Ade Putra, Melaka. Setelah mendapat kelulusan daripada pihak sekolah, pengkaji membuat surat kebenaran untuk mengedarkan boring soal selidik. Sebanyak 52 borang soal selidik diedarkan kepada guru-guru di sekolah tersebut. Kemudian, data yang diperoleh dianalisis menggunakan SPPSS versi 22.2 untuk mendapatkan kebolehpercayaan, ujian korelasi dan ujian-t.

## 2.5 Alat ujian kajian

Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian yang terdiri daripada bahagian A merangkumi maklumat yang berkaitan dengan responden iaitu jantina, umur status perkahwinan, tahun perkhidmatan dan juga jawatan yang disandang di sekolah. Manakala, bahagian B pula merangkumi soalan mengenai beban tugas (*Self Report Teacher Stress*) oleh Kyriaou dan Sutcliffe (1978) dan bahagian akhir sekali iaitu bahagian C merangkumi soalan berkaitan dengan tekanan guru (*Teacher Stress Inventori*) yang digunakan oleh Boyle (1995).

## 3.0 ANALISIS DATA

### 3.1 Kebolehpercayaan Soal Selidik

Kajian rintis telah dilakukan di SMK Ade Putra, Melaka dengan sampel seramai 52 orang guru. Dapatkan menunjukkan kebolehpercayaan item beban tugas *self-report teacher stress* adalah 0.878 yang mana menunjukkan soal selidik sesuai digunakan dalam kajian ini.

### 3.2 Hasil Deskriptif

Jadual 3.2.1 Maklumat Demografi Responden

		Bilangan	Peratus (%)
Jantina	lelaki	25	48.1
	Perempuan	27	51.9
Umur	bawah 31 tahun	15	28.8
	31-35 tahun	8	15.4
	36 - 40 tahun	15	28.8
	41-45 tahun	7	13.5
	Melebihi 45 tahun	7	13.5
Status	bujang	10	19.2
	Berkahwin	41	48.8
	Duda/ janda	1	1.9
Tahun Perkhidmatan	1-15 tahun	42	80.8
	15-20 tahun	3	5.8
	20-25 tahun	4	7.6
	25-30 tahun	3	5.8

Di dalam kajian ini, bilangan responden adalah seramai 52 orang. Soal selidik diedarkan kepada semua guru di SMK Ade Putra, Melaka yang melibatkan guru lelaki seramai 25 orang dan guru perempuan seramai 27 orang.

Guru yang berumur bawah 31 tahun dan berumur 36 hingga 40 tahun mempunyai bilangan yang paling ramai. Hal ini boleh dikatakan kerana guru yang berada dalam lingkungan umur ini

mempunyai pengalaman yang banyak serta masih bertenaga dalam mencerahkan ilmu kepada para pelajar. Manakala guru yang berumur melebihi 45 tahun mempunyai bilangan yang sedikit. Hal ini boleh dikatakan ramai guru yang sudah berumur melebihi 45 tahun sudah bersara.

Selain itu, status perkahwinan responden yang berkahwin adalah seramai 41 orang. Manakala, guru yang masih bujang seramai 10 orang dan guru yang berstatus janda atau duda seramai 1 orang sahaja. Hal ini dapat dilihat bahawa guru-guru di SMK Ade Putra, Melaka majoritinya sudah berkahwin.

Seterusnya adalah tahun perkhidmatan, di mana tahun perkhidmatan guru yang paling tinggi adalah seramai 42 orang, yang berkhidmat selama 1-15 tahun di sekolah tersebut. Selain itu, guru yang berkhidmat melebihi 23 tahun adalah seramai 7 orang. Manakala, guru yang berkhidmat melebihi 29 tahun adalah seramai 3 orang sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa guru yang berkhidmat melebihi 29 tahun mempunyai jumlah yang paling sedikit di SMK Ade Putra.

### **3.3 Hasil Kajian Inferensi**

#### **3.3 Hasil Kajian Inferensi**

**Jadual 3.3.1 Hubungan antara beban tugas dengan tekanan guru**

Pembolehubah bebas	Beban tugas
Tekanan Guru	.302

\* $k < .05$

Jadual 3.3.1 menunjukkan nilai pekali korelasi bagi kajian ini ialah .302. Nilai signifikan bagi kajian ini ialah .030 dan ini didapati nilai signifikan lebih kecil dari aras keyakinan 0.05. Oleh itu, terdapat hubungan antara beban tugas dengan tekanan guru di SMK Ade Putra, Melaka [ $r = .302$ ,  $k <.05$ ]. Oleh itu, hipotesis ini diterima kerana terdapat hubungan antara beban tugas dengan tekanan guru.

**Jadual 3.3.2 Tidak terdapat perbezaan beban tugas mengikut jantina**

Jantina	N	Min	Sisihan piawai	t	dk	Signifikan
Lelaki	25	53.56	12.28	.058	50	.954
Perempuan	27	53.37	11.40			

$k > .05$

Dapatkan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara beban tugas yang dihadapi oleh guru mengikut jantina,  $t(.058) = 0.954$ ,  $k <.95$ . Oleh itu, hipotesis yang dibina adalah ditolak. Ini menunjukkan bahawa beban tugas yang diterima oleh guru lelaki mahupun perempuan hampir sama sahaja.

## **4.0 PERBINCANGAN**

Setelah dianalisis, hasil kajian mendapati seramai 52 orang responden yang di peroleh. Seramai 25 orang (48.1%) guru lelaki dan guru perempuan seramai 27 orang (51.9%). Dapat kita lihat bahawa di Sekolah Menengah Kebangsaan Ade Putra, Melaka mempunyai bilangan guru perempuan yang lebih ramai berbanding guru lelaki. Dari aspek umur pula di dapati umur sekitar 31 ke bawah dan 36 hingga 40 tahun mempunyai bilangan yang ramai iaitu seramai 15 orang (28.8%). Selain itu, status perkahwinan pula mendapati guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Ade Putra, Melaka kebanyakannya sudah berumah tangga. Seterusnya, di Sekolah Menengah Kebangsaan Ade Putra guru yang paling lama bekhidmat adalah selama 1 hingga 15 tahun seramai 42 orang (80.8%).

Hasil keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara beban tugas dengan tekanan guru. Keadaan ini terbukti jelas melalui nilai pekali korelasi Pearson yang diperoleh menunjukkan hubungan yang signifikan antara beban tugas dengan tekanan guru. Oleh itu, hipotesis ini diterima. Pada pendapat pengkaji, kebanyakkan guru berasa tertekan dengan beban tugas yang diterima disekolah. Hal ini kerana, guru dibebani dengan kerja yang banyak dan diluar tugas mereka seperti kerja-kerja perkeranian. Pakar Perunding Kanan Psikiatri, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Prof. Nor Zuraida Zainal menyatakan setiap tahun dianggarkan 22,000 pesakit mendapatkan rawatan di klinik dan wad psikiatri hospital berkenaan. Kira-kira 10% daripada mereka terdiri daripada golongan guru. Isu ini disokong oleh Kajian Van Dick dan Wagner (2001) yang mana beliau mendapati bahawa beban kerja yang banyak menyebabkan guru mengalami *stress*.

Mengikut Che Yaakob (1996), para guru kini telah dibebani dengan tugas-tugas sampingan yang banyak sehingga mengurangkan tumpuan mereka kepada tugas utama, iaitu mengajar. Ini menyebabkan kualiti pengajaran dan pembelajaran akan turut terjejas. Jika hal seperti ini berlarutan tanpa perhatian pihak pengurusan sekolah boleh mengakibatkan murid-murid menjadi mangsa dan prestasi guru mungkin akan merosot.

Selain itu, menurut Nelms (1993) beliau mengatakan bahawa guru tidak sepatutnya dibebani dengan tugas yang berkaitan dengan sekolah pada sebelah petang dan hujung minggu kerana guru juga memerlukan masa untuk bersama-sama keluarga dan keperluan peribadi, namun keadaan seperti ini masih berlaku sehingga ke hari ini. Penyataan ini dikaji oleh Butt dan Lance (2005) beliau mendapati bahawa seramai 96% guru bekerja pada waktu petang dan 90% guru bekerja pada hujung minggu. Seterusnya, menurut teori tekanan yang dikemukakan oleh Cooper dan Marshall (1979), sekiranya guru mengalami ketegangan yang berlarutan akan membawa kepada masalah kesihatan fizikal dan masalah kesihatan mental. Masalah kesihatan adalah seperti keunikan kadar nadi, tekanan darah tinggi, paras kolestrol yang tinggi serta penyakit jantung. Masalah kesihatan mental pula termasuklah kurang motivasi, emosi tertekan, tiada kepuasan kerja dan kurang aspirasi.

## **5.0 PENUTUP**

Berdasarkan kepada dapatan kajian dan rumusan kajian ini implikasinya sudah tentu kepada pihak penggubal dasar iaitu Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan dan Pengawal Pendidikan Daerah. Sebagai langkah dalam menangani masalah tekanan guru dan beban yang dihadapi oleh guru-guru di SMK Ade Putra, pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia perlu melihat dan mengkaji aspek kebijakan guru-guru di sekolah. Kebijakan guru-guru yang tidak terurus akan menimbulkan masalah kepada guru dan implikasi seterusnya sudah tentulah kepada murid-murid. Sebaik-baiknya apa juar kemudahan dan keistimewaan yang dinikmati oleh penjawat-penjawat awam yang lain dinikmati juga oleh golongan guru.

Pengkaji juga mengharapkan agar pengkaji seterusnya dapat meluaskan lagi skop kajian dengan melakukan kajian terhadap populasi yang lebih besar. Hal ini kerana, pengkaji hanya menumpukan kajian terhadap satu sekolah sahaja iaitu di SMK Ade Putra, Melaka. Oleh itu, pengkaji hanya dapat mengetahui tahap tekanan guru di sekolah terabit sahaja. Pengkaji berharap kajian yang seterusnya akan dilakukan di seluruh Sekolah Menengah Kebangsaan di Melaka.

## **RUJUKAN**

- Azizi Yahaya, Jamaluddin. Ramli. Mazeni Ismail (2010). *Stress Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri di Malaysia*. (Tesis Sarjana). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Borg, M. G. (2000). Occupational stress in british. *Journal of Occupational Psychology*, 61, 335-340.
- Butt, G., & Lance, A. (2005). Secondary Teacher Workload and Job Satisfaction. *Educational Management Administration and Leadership*, 33(4): 401-422.
- Cooper & Marshall. (1979). *Executives Under Pressure A Psychological Study*. Praegar Publishers. New York.
- Che Yaakob. (1996). *Beban tugas di kalangan guru sekolah rendah*. (Tesis Sarjana). Universiti Utara Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). Kajian tugas dan tanggungjawab guru.
- Kyriacou, (2001). Teacher's stress and burnout: An international review. *Educational Research*, 29 (2): 146-152.
- Lemaire, J. (2009). *Addressing teacher workload*. (Ed.Ke-2). London: Routlegde.
- Mokhtar Ahmad (1998). *Tekanan Kerja di Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian Di Daerah Kulim Bandar Baharu, Kedah Darul Aman*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaysia Sarawak.
- Nelms, B.F. (1993). The Arithmetics of Teacher Workloads. *English Journal*. Vol.82 (2), 92-93.
- Pervez & Hanif, (2003). Level and sources of work stress among women school teachers, Pakistan. *Journal of Psychological Research*. Vol. (18), 97-108.
- Stank J. (2005). *Stress at Work: Management and Prevention*. Legal & General. Oxford Burlington, MA.
- Van Dick, R., & Wagner, U. (2001). Stress and strain in teaching: A structural equation approach. *British Journal of Educational Psychology*, 2: 71, 243.

# **HUBUNGAN ANTARA PENGARUH RAKAN SEBAYA DENGAN MASALAH SOSIAL DALAM DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN LIMA DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATOK LOKMAN, KUALA LUMPUR.**

Nurul Najwa Mamsor, Atini Alias  
Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)  
[najwannm96@gmail.com](mailto:najwannm96@gmail.com)

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar tingkatan lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Datok Lokman, Kuala Lumpur. Seramai 97 orang pelajar yang terdiri daripada 53 orang pelajar lelaki dan 44 orang pelajar perempuan telah terlibat menjadi responden dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah *Index of Relationship* (IPR) bagi mengukur hubungan rakan sebaya sama ada mempunyai pengaruh masalah sosial atau sebaliknya serta *Delinquency Scale* bagi mengukur penglibatan individu dalam masalah sosial. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya dengan masalah sosial. Dapatkan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan masalah sosial berdasarkan jantina.

Kata kunci: pengaruh rakan sebaya, masalah sosial, pelajar

## **ABSTRACT**

This study aimed to study the relationship between peer influence and social problems among fifth graders at Datok Lokman National Secondary School, Kuala Lumpur. A total of 97 students consisting of 53 male students and 44 female students were involved in this study. The instruments used are the Index of Relationship (IPR) to measure peer relationships whether they have a social impact or vice versa and the Delinquency Scale to measure individual involvement in social problems. The data obtained were analyzed using descriptive statistics and inference statistics. The study show that there was no significant relationship between peer influence and social problems. The findings also show that there is no significant difference in social problems based on gender.

Keywords: peer influence, social problems, students

## **1.0 PENGENALAN**

Masalah sosial bukan lagi satu isu yang asing dalam kalangan remaja yang membimbangkan pelbagai pihak. Golongan remaja yang lebih senang terlibat dengan masalah sosial adalah pelajar sekolah menengah yang sedang menginjak usianya. Isu ini sangat menyediakan kerana mereka merupakan pelapis untuk negara ini. Masalah sosial yang berlaku sering dikaitkan dengan golongan remaja khususnya pelajar sekolah menengah yang sedang mengalami suatu fasa pengalihan antara masa kanak-kanak dan dewasa. Pelbagai tafsiran yang dilemparkan terhadap mereka yang terlibat dengan masalah sosial. Golongan remaja yang melanggar norma masyarakat dianggap sebagai golongan bertingkah laku devian di mana ia lebih dikenali sebagai delikuen apabila mereka masih bersekolah. (Azizi & Rosnah, 2007 dalam Mohd Khairi Hj Othman et.al, 2016).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), delinkuen merupakan suatu sikap yang melanggar undang-undang atau melakukan perkara yang tidak boleh diterima oleh masyarakat. Apa yang jelas, remaja yang bermasalah adalah golongan yang tidak mampu mengikuti undang-undang yang ditetapkan dalam sesuatu perkara. Terdapat sembilan salah laku disiplin yang telah disenaraikan selain ponteng sekolah iaitu bersikap kurang sopan, tidak mementingkan masa, kekemasan diri, rokok, berunsurkan jenayah, kenakalan, buli, kelucahan dan tingkah laku musnah. (Harits Asyraf Hasnan, 2018). Kesannya, ia juga boleh menggugat dan mencemarkan nama baik negara terhadap negara yang lain.

Individu yang bergelar sebagai pelajar, masanya lebih banyak dihabiskan bersama rakan-rakan berbanding dengan keluarga sendiri. Oleh itu, majoritinya masih gagal membuat keputusan yang terbaik buat diri mereka sendiri di mana mereka lebih cenderung mengikuti apa yang dilakukan oleh rakan-rakan. Maka pemilihan rakan sebaya yang tepat sangat diperlukan dalam pembentukan sahsiah diri golongan remaja agar menjadi remaja yang berakhhlak tinggi, mempunyai daya saing yang tinggi dan bijak dalam melakukan sesuatu perkara. Apabila remaja terjebak dengan pemilihan rakan sebaya yang salah, ia berkemungkinan boleh merosakkan kehidupan mereka.

Apabila dibandingkan dengan masa kanak-kanak, remaja lebih banyak melakukan kegiatan di luar rumah seperti kegiatan sekolah, ko-kurikulum dan bersukan. Rakan sebaya juga dijadikan sebagai tempat rujukan dari segi pembentukan sikap dan gaya hidup mereka. Hal ini demikian kerana kepercayaan yang diberikan oleh remaja kepada rakan sebaya lebih besar jika dibandingkan dengan keluarga sendiri. Oleh itu, kumpulan rakan sebaya dapat mempengaruhi dari segi pertimbangan membuat sesuatu keputusan serta tindakan remaja tersebut.

Justeru, pengaruh rakan sebaya merupakan satu topik yang boleh dijadikan sebagai suatu kajian. Terdapat banyak jenis pengaruh rakan sebaya yang boleh membentuk pembentukan sahsiah diri remaja, sama ada secara baik ataupun tidak baik. Hal ini demikian kerana bahasa orang muda lebih mudah diterima dan difahami oleh golongan yang sama (Kosmo Online, 2017).

Oleh itu, pengkaji turut berminat untuk mengkaji hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Datok Lokman, Kuala Lumpur. Hal ini demikian kerana masalah sosial yang tinggi lebih dipadankan dengan pelajar yang berada di tengah bandar. Pelajar juga lebih banyak menghabiskan masa bersama rakan-rakan berbanding dengan keluarga dalam setiap hari kerana kesibukan keluarga untuk menjana pendapatan bagi menampung kehidupan.

## 2.0    OBJEKTIF KAJIAN

- 2.1    Mengkaji hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Datok Lokman, Kuala Lumpur.
- 2.2    Mengkaji perbezaan pengaruh rakan sebaya berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Datok Lokman, Kuala Lumpur.

## 3.0    SOROTAN KAJIAN

Kajian oleh Jonathan B. Bricker et. al (2005) adalah untuk mengenalpasti faktor di antara rakan sebaya, ibu bapa dan adik-beradik yang lebih tua dalam mempengaruhi responden untuk merokok. Kajian ini dijalankan terhadap 4576 buah keluarga yang mempunyai rakan sebaya, ibu bapa atau adik-beradik yang merokok. Hasil kajian mendapati pengaruh rakan sebaya berada di tahap kedua dalam mempengaruhi perbuatan tersebut.

Seterusnya, Miller (2010) telah menjalani sebuah kajian untuk mengenalpasti kenakalan dan kecenderungan pengaruh rakan sebaya. Kajian tersebut melibatkan remaja Amerika-Mexico yang berada di gred 9 hingga gred 12. Hasil kajian menunjukkan bahawa rakan sebaya mampu mempengaruhi individu yang tidak bertingkah delinkuen untuk menjadi seseorang yang delinkuen.

Nur Hafizah Yusoff (2020) telah menjalani kajian mengenai lumba haram dan budaya pertaruhan di Bagan Ajam, Pulau Pinang. Kajian ini tersebut dijalankan terhadap tujuh orang responden dengan menggunakan kaedah tembusan. Kegiatan ini merupakan salah satu masalah yang tersenarai di dalam masalah sosial yang ada. Oleh yang demikian, hasil kajian menunjukkan bahawa faktor luaran iaitu pengaruh rakan sebaya merupakan faktor utama kepada gejala tersebut dan pada masa yang sama menyebabkan masalah lain seperti pengambilan dadah.

Selain itu, Norhasilah Mat Nor, Aspaniza Hamzah dan Nurul Farhana Junus (2012) telah menjalankan sebuah kajian untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selesa Jaya 2, Skudai. Kajian telah dijalankan ke atas 50 orang pelajar tingkatan empat. Dapatkan daripada kajian tersebut menunjukkan faktor rakan sebaya berada pada tahap yang tinggi kerana mereka lebih banyak mempercayai rakan sebaya berbanding golongan lain termasuklah ibu bapa mereka sendiri. Akan tetapi, dapatkan kajian tersebut menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan, maka dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan antara faktor pengaruh rakan sebaya dengan jantina pelajar.

Nur Nadirah Hairozi (2017) telah menjalankan kajian mengenai hubungan antara pengaruh rakan dan stress dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar tahun akhir Kolej Vokasional Muar, Johor. Kajian berikut adalah bertujuan untuk melihat sama ada terdapat hubungan antara pengaruh rakan dan stress dengan masalah sosial. Kajian tersebut dijalankan terhadap 70 orang responden yang dipilih dengan menggunakan kaedah rawak mudah. Keputusan menunjukkan tahap masalah sosial di tempat kajian adalah sederhana dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah sosial dengan jantina.

Seterusnya, kajian oleh Fatin Syuhada Mohd Refflis (2017) mengenai hubungan antara ikatan kekeluargaan dan pengaruh rakan sebaya terhadap masalah sosial dalam kalangan pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Cempedak, Kedah. Kajian berikut dijalankan untuk melihat sama ada terdapat hubungan antara ikatan kekeluargaan dan pengaruh rakan sebaya terhadap masalah sosial dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian ini dijalankan terhadap 80 orang responden yang dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan mudah. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor ikatan kekeluargaan tidak mempengaruhi dalam permasalahan sosial pelajar. Akan tetapi, faktor daripada rakan sebaya yang mempengaruhi permasalahan sosial pelajar.

#### 4.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan kaedah yang berbentuk kuantitatif iaitu pengumpulan data melalui borang soal selidik. Penggunaan borang soal selidik merupakan instrumen yang sering digunakan untuk menjalankan kajian yang berbentuk tinjauan. Terdapat 68 item yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Subjek kajian adalah dalam kalangan pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Datok Lokman, Kuala Lumpur.

Di dalam bahagian A adalah merujuk kepada demografi responden yang berkaitan dengan jantina, bangsa, bilangan adik-beradik dan pekerjaan ibubapa atau penjaga. Ia bertujuan untuk memudahkan pengkaji mengenalpasti demografi subjek yang dijadikan sebagai sampel dalam kajian ini. Alat ujian yang digunakan di dalam kajian ini ialah *Index of Relationship* (IPR) yang menggunakan skala likert di mana mempunyai tujuh pilihan jawapan. Soal selidik ini telah dicipta oleh Walter (1992). Jumlah item yang terdapat di dalam soal selidik adalah sebanyak 24 item.

Seterusnya, di dalam kajian ini turut mengguna soal selidik *Delinquency Scale* yang dicipta oleh Junger (1997). Jumlah item yang terdapat di dalam soal selidik adalah sebanyak 40 item.

## 5.0 HASIL KAJIAN

Hasil kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hasil deskriptif dan hasil inferensi.

### i. Hasil analisis deskriptif

Jadual 5.1: Demografi Pelajar

Demografi	N	Peratus (%)
	53	54.6
	44	45.4
Bangsa		
Melayu	70	72.2
Cina	21	21.6
India	6	6.2
Bilangan adik-beradik		
1-2 orang	28	28.9
3-5 orang	52	53.6
6 orang keatas	17	17.5
Pekerjaan ibubapa atau penjaga		
Swasta	22	22.7
Kerajaan	36	37.1
Sendiri	39	40.2

Jadual 5.1 menunjukkan maklumat demografi pelajar. Bagi taburan jantina, pelajar lelaki adalah seramai 53 orang iaitu 54.6 %. Manakala pelajar perempuan pula adalah seramai 44 orang iaitu 45.4%. Bagi taburan bangsa, seramai 70 orang iaitu 72.2% pelajar adalah berbangsa Melayu. Manakala, pelajar yang berbangsa Cina adalah seramai 21 orang iaitu 21.6%. Seterusnya, bagi pelajar yang berbangsa India pula adalah seramai 6 orang iaitu 6.2%. Bagi taburan bilangan adik-beradik pula, seramai 28 orang pelajar iaitu 28.9% mempunyai seorang hingga dua orang adik-beradik. Manakala, bagi bilangan 3 hingga 5 orang adik-beradik adalah seramai 52 orang pelajar iaitu 53.6%. Seterusnya, pelajar yang mempunyai lebih daripada 6 orang adik-beradik adalah seramai 17 orang iaitu 17.5%. Bagi taburan pekerjaan ibubapa atau penjaga pula, seramai 22 orang pelajar iaitu 22.7% mempunyai ibubapa atau penjaga yang bekerja di dalam sektor swasta. Manakala, ibubapa atau penjaga yang bekerja di dalam sektor kerajaan pula adalah seramai 36 orang pelajar iaitu 37.1%. Seterusnya, seramai 39 orang pelajar iaitu 40.2% yang mempunyai ibubapa atau penjaga bekerja sendiri.

## ii. Hasil analisis inferensi

Dalam bahagian ini, pengkaji mengemukakan statistik inferensi yang telah diperolehi melalui kaedah korelasi Pearson dan Ujian-t.

### **H1: Terdapat hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMK Datok Lokman, Kuala Lumpur.**

**Jadual 5.2: Pekali korelasi Pearson bagi terdapat hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMK Datok Lokman, Kuala Lumpur**

Pembolehubah	Masalah sosial	Sig
Pengaruh rakan sebaya	.079	.442
k>.05		

Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai pekali korelasi adalah .079 yang diuji pada aras keyakinan .05. Hal ini didapati nilai signifikan yang diperoleh adalah besar dari aras keyakinan ( $k>.05$ ). Oleh itu, tidak terdapat hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMK Datok Lokman, Kuala Lumpur. Maka, hipotesis ditolak.

### **H2: Terdapat perbezaan pengaruh rakan sebaya berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMK Datok Lokman, Kuala Lumpur.**

**Jadual 5.3: Ujian-t bagi terdapat perbezaan pengaruh rakan sebaya berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMK Datok Lokman, Kuala Lumpur.**

Jantina	N	Min	Sisihan piawai	t	dk	k
Lelaki	52	68.48	18.554	1.590	94	.115
Perempuan	44	62.66	17.036			
k>.05						

Jadul 5.3 menunjukkan nilai min yang diperoleh pelajar lelaki adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai min bagi pelajar perempuan iaitu 68.48 dan 62.66. Perbezaan antara kedua-dua jantina ini adalah tidak signifikan iaitu nilai t adalah  $t(95) = 1.590$ ,  $k >.05$ . Hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengaruh rakan sebaya berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMK Datok Lokman, Kuala Lumpur. Maka, hipotesis ditolak.

## **6.0 PERBINCANGAN**

Keputusan bagi analisis pengaruh rakan sebaya dengan masalah sosial menunjukkan nilai pekali korelasi ialah [ $r = .079$ ,  $k>.05$ ]. Oleh itu, hipotesis yang dibina oleh pengkaji ditolak kerana tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan masalah sosial. Hal ini demikian kerana media massa yang semakin meningkat naik lebih mempengaruhi masalah sosial yang semakin berleluasa. Jadi, pelajar lebih banyak menghabiskan masa tanpa memerlukan rakan sebaya dengan menggunakan teknologi dan internet. Hal ini bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Fatin Syuhada Mohd Refflis (2017), di mana berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan olehnya,

pengaruh rakan sebaya memberi kesan terhadap masalah sosial pelajar. Ini kerana pelajar yang menjadi responden adalah penduduk di luar bandar. Jadi, mereka lebih banyak menghabiskan masa bersama rakan-rakan sebaya berbanding dengan pelajar di bandar yang sinonim kehidupannya bersama teknologi yang semakin canggih. Oleh itu, pengaruh rakan sebaya dengan masalah sosial ini tidak signifikan dengan kajian yang lepas.

Selain itu, keputusan bagi perbezaan pengaruh rakan sebaya berdasarkan jantina yang menunjukkan nilai t ialah 1.590. Hal ini telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya berdasarkan jantina iaitu [ $t(94) = 1.590$ ,  $k>.05$ ]. Maka, hipotesis tersebut ditolak. Kenyataan ini disokong oleh Nur Nadirah Hairozi (2017) di mana hasil kajiannya yang dijalankan ke atas 70 orang responden mendapati tahap masalah sosial di tempat kajian adalah sederhana dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah sosial dengan jantina.

## 7.0 CADANGAN

Diharapkan kajian ini dapat memberikan cadangan kepada pengkaji lain dalam menambahbaik dan meluaskan skop kajian ini. Antaranya adalah membuat kajian perbandingan antara sekolah ataupun institusi di Malaysia bagi melihat adakah wujud perbezaan hubungan pengaruh rakan sebaya dengan masalah sosial antara pelajar di bandar dan luar bandar. Di samping itu, pihak kementerian perlu sentiasa memantau permasalahan sosial yang sering dikaitkan dengan pelajar sekolah supaya ia tidak akan meningkat pada masa akan datang.

## 8.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bahagian ini menerangkan keseluruhan hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Peratusan pelajar SMK Datok Lokman, Kuala Lumpur yang terlibat dengan masalah sosial disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya secara keseluruhannya berada di tahap yang rendah. Kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan untuk kajian akan datang.

## RUJUKAN

- Azizi dan Rosnah dalam Mohamad Khairi Haji Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Fauziah Abdul Rahim, Alis Puteh, Muhamad Dzahir Kasa, NurFasihah Roslan. (2016). Perspektif Ibu Bapa Terhadap Permasalahan dan Cabaran dalam Pembentukan Nilai Murni Pelajar. *Sains Humanika*, 8 (4-2).doi: 10.11113/sh.v8n4-2.1052
- Bricker J. B., Peterson A. V., Andersen M. R., Leroux B. G., Rajan K. B., & Sarason I. G. (2006). *'Close friends', parents', and older siblings' smoking: Reevaluating their influence on children's smoking*. Nicotine and Tobacco Research, 8(2), 217–226. <https://doi.org/10.1080/14622200600576339>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatin Syuhada Mohd Refflis. (2017). Hubungan Antara Ikatan Kekeluargaan Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Masalah Sosial Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Cempedak, Kedah. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Sains Sosial: Kolej Universiti Islam Melaka (Tidak Diterbitkan).

Harits Asyraf Hasnan. (2018, Mac 21). Ponteng sekolah catat rekod tertinggi salah laku disiplin 2017. Diperolehi pada 9 Januari 2020 daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ponteng-sekolah-catat-rekod-tertinggi-salah-laku-disiplin-2017-171057>

Miller, H. V. (2010). If Your Friends Jumped Off of a Bridge, Would You Do It Too? Delinquent Peers and Susceptibility to Peer Influence. Diperolehi pada 10 Mac 2020 daripada <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/07418820903218974>

Norhasilah Mat Nor, Aspaniza Hamzah & Nurul Farhana Junus. (2012). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selesa Jaya 2, Skudai*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

Nur Nadirah Hairozi. (2017). Hubungan Antara Tahap Stress Dan Pengaruh Rakan Dengan Masalah Sosial Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Kolej Vokasional Muar Johor. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan. Jabatan Psikologi. Fakulti Sains Sosial. Kolej Universiti Islam Melaka.

# **HUBUNGAN PENGARUH KEGANASAN MEDIA MASSA DENGAN TINGKAH LAKU AGRESIF DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN HAJI ABDUL MALEK, CHENG, MELAKA**

**Siti Nabihah binti Nordin, Atini binti Alias**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

[nabihahnordin3105@gmail.com](mailto:nabihahnordin3105@gmail.com)

## **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan pengaruh keganasan media massa dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek, Cheng, Melaka. Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Seramai 113 orang pelajar yang terdiri daripada 74 orang lelaki dan 39 perempuan telah menjawab soal selidik yang diberikan. Kajian menggunakan soal selidik *The Effect by Violent Media on Aggression* dan *General Aggression Model: Short- Term and Long- Term Effect of Media Violent Exposure*. Data yang diperoleh telah diproses menggunakan *Statistical Package for Social Science, Versi 17.0* (SPSS). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh keganasan media massa dengan tingkah laku agresif. Dapatkan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku agresif mengikut jantina dalam kalangan pelajar sekolah

Kata Kunci: Keganasan Media Massa, Tingkah Laku Agresif, Pelajar

## **Abstract**

This study aims to the influence of mass media violence affects aggressive behaviour among the student form 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek, Cheng, Melaka. This study was quantitative using survey method. A total of 113 student consisting of 74 boy and 39 girl answered the questionnaire. Research using the questionnaire The Effect by Violent Media on Aggression and General Aggression Model: Short- Term and Long- Term Effect Of Media Violent Exposure. The data obtained using Statistical Package for Social Science, Versi 17.0 (SPSS). The study found that there was a significant relationship between the influence of mass media violence and aggressive behavior. The result of the study also show there was not have significant difference in aggressive behaviour by gender among school students.

Keywords: Mass Media Violence, Aggressive Behaviour, Student

## **1.0 PENGENALAN**

Perubahan masa kini tidak seperti yang sekarang kerana dahulu media massa jarang digunakan kerana untuk membalas mesej hanya perlu menggunakan surat sahaja berbanding dengan sekarang. Selain itu, media massa boleh memberikan kebaikan dan keburukan kepada manusia, ekonomi, politik dan sebagainya. Media massa juga adalah saluran yang tepat, cepat dan berkesan untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Media massa kini mengalami kemajuan teknologi yang sangat pesat sehingga mengeluarkan produk-produk yang semakin canggih dan berkesan untuk masyarakat. Media massa mempunyai dua jenis iaitu media elektronik dan media cetak. Contohnya, media elektronik merangkumi televisyen, radio dan internet manakala media cetak pula merangkumi akhbar, majalah, buku (Abdul Munir, 2016)

Namun dengan kemajuan media massa, ia memberi pengaruh kepada keganasan dan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja. Pengaruh keganasan pada pelajar dalam media massa sangat

merunsingkan kerana remaja sekarang mudah terikut-terikut dengan sesuatu tidak berfaedah sehingga menyebabkan berlakunya tingkah laku yang agresif. Contohnya, telah tular remaja berkelakuan agresif yang telah merosakkan makanan di Family Mart untuk menjadi terkenal atau inginkan perhatian di media sosial (Mohd Izzat, 2019).

Selain itu, Malaysia adalah negara yang ke- 9 paling aktif media sosial. Sebanyak 24 juta masyarakat Malaysia aktif dalam media sosial termasuk dalam kalangan pelajar. (Hadri Khalil, 2018). Namun, terdapat pengaruh-pengaruh yang dibawa oleh media massa dalam kalangan remaja. Antara kesan yang pertama adalah remaja terikut-terikut dengan perkembangan budaya barat yang negatif. Contohnya, aktiviti “*Black Mental*”, “*Punk*” dan “*Hip Hop*” boleh membawa remaja ke arah berkelakuan agresif kerana mesej yang dibawa dalam setiap lagu menggalakkan seks rambang dan keganasan (Zaleha Yaacob, 2010).

Zaman sekarang, tidak dinafikan akhlak remaja sangat membimbangkan kerana budaya barat sudah meresap masuk ke dalam jiwa remaja yang diperoleh daripada media massa seperti majalah, surat khabar, televisyen, internet dan sebagainya. Contohnya, pernah dilaporkan di dalam akhbar Jun 2014, seorang pelajar perempuan tingkatan empat di sebuah sekolah di Johor cuba untuk membunuh diri selepas tidak tahan menjadi mangsa buli kenalan Facebooknya yang mahu menyebarkan gambar lucah beliau di media sosial (Al Zahrin Alias & Nasaruddin Parzi, 2015).

Pelajar zaman sekarang dan dahulu sangat berbeza, tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar berkait rapat dengan masalah sosial dan perlu dibendung dengan segera supaya tidak berleluasa. Walaubagaimanapun, pelajar adalah salah satu aset negara yang boleh memajukan negara Malaysia dari segi ekonomi, politik dan masyarakat. Oleh itu, dari sekolah pelajar dapat membentuk sahsiah yang cemerlang dan terbilang. Pelajar cemerlang tidak seharusnya hanya didefinisikan berdasarkan gred yang diperoleh, tetapi harus juga dinilai dari sudut kecemerlangan sahsiah (Madihah & Nur Farrah Nadia, 2017)

Selain itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti keganasan yang sering dilakukan oleh pelajar zaman kini yang semakin membimbangkan. Pelajar sekarang tidak takut kepada keganasan yang dilakukan dan sanggup bertindak agresif untuk kepuasan diri sendiri. Seterusnya, pengaruh media massa juga adalah salah satu punca pelajar-pelajar untuk bertindak ganas dan hilang kawalan. Contohnya, sanggup melawan ibu bapa, melawan guru, merosakkan harta awm dan sebagainya. Pelajar yang berpengaruh kepada keganasan dalam media massa telah memberi kesan kepada tingkah laku apabila meningkat usia. Pelajar yang menggunakan media massa dengan cara yang salah boleh menyebabkan mereka bertingkah laku agresif seperti meniru aksi-aksi yang ganas seperti menendang, menumbuk, menampar, menonton web-web lucah dan boleh mempengaruhi remaja untuk melakukannya, menunjukkan aksi-aksi yang merosakkan akidah remaja seperti minum arak dan sebagainya. Dari situ, personaliti pelajaran sukar untuk diperbaiki apabila sudah dipengaruhi oleh media massa. Peranan ibu bapa atau guru sangat digalakkan kerana daripada situ mereka boleh mencegah pelajar daripada lebih leka. Contohnya, ibu bapa perlu tetapkan masa untuk anak-anak supaya mereka tidak ketagih manakala guru pula perlu mengawasi pelajar dengan memberi perhatian di kelas dan latihan tambahan untuk pelajar.

## 2.0 OBJEKTIF

- i) Mengenalpasti hubungan antara pengaruh keganasan media massa dengan tingkah laku agresif pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek.
- ii) Mengenalpasti perbezaan tingkah laku agresif mengikut jantina dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek.

## 3.0 SOROTAN KAJIAN

Zaleha Bte Yaacob (2010) mengkaji keganasan dalam media dan kesan terhadap tingkah laku agresif pelajar-pelajar. Sampel terdiri daripada pelajar-pelajar daripada tiga buah Sekolah Menengah di Zon Permas Jaya, Daerah Pasir Gudang, Johor Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan

rawak mudah. Hipotesis pertama mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara perbezaan pengaruh keganasan media dengan jantina. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa jantina pelajar tidak langsung memainkan peranan yang menyebabkan keganasan akibat pengaruh media atau disebabkan pemilihan program-program tertentu di media.

Selain itu, Azizi Yahaya, Ismail Maakip dan Peter Voo ( 2008) mengkaji pengaruh media berunsur agresif dan kesannya terhadap tingkah laku pelajar sekolah menengah. Sampel terdiri daripada 127 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar masalah disiplin di Daerah Kulai, Johor Kaedah persampelan digunakan persampelan rawak mudah. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam ciri-ciri program media berunsurkan agresif yang ditonton antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Hasil dapatan kajian adalah bersesuaian dengan teori Pembelajaran Sosial Bandura yang menyatakan usia dan jantina model memainkan peranan dalam peniruan tingkah laku. Pelajar perempuan didapati lebih meminati program berbentuk informasi kerana bersesuaian dengan watak jantinanya yang mempunyai tingkah laku yang kurang agresif dan takut untuk menonton kisah-kisah agresif secara langsung. Pelajar-pelajar lelaki pula lebih meminati program-program media yang dapat menggambarkan kewujudan secara asli kerana bersesuaian dengan watak jantinanya yang lebih agresif dan berani untuk melihat adegan-adegan ganas secara langsung melalui media.

Kajian ini dijalankan oleh Siti Nur Adibah (2017) yang bertajuk hubungan antara pengaruh media massa terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan remaja. Tujuan kajian untuk mengkaji hubungan antara pengaruh media massa terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan remaja. Sampel seramai 50 orang pelajar yang terdiri daripada 25 orang pelajar lelaki dan 25 orang perempuan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh media massa terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar. Hasil kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam bertingkah laku agresif berdasarkan pengaruh media massa. Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan anatra pengaruh media massa terhadap jenis tingkah laku agresif dalam kalangan remaja sama ada berbentuk fizikal, verbal, permusuhan dan jenayah.

## **4.0 METODOLOGI**

Kajian ini merupakan satu kajian yang berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak. Terdapat dua soal selidik digunakan iaitu *The Effect by Violent Media On Aggression* dan *General Aggression Model: Short- Term and Long- Term Effect Of Media Violent Exposure*. Subjek kajian adalah di kalangan pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek, Cheng, Melaka.

### **4.1 SAMPEL KAJIAN**

Seramai 113 orang pelajar dipilih untuk melengkapkan soal selidik.

### **4.2 INSTRUMEN KAJIAN**

Bahagian A meliputi demografi seperti jantina, bangsa, rancangan kegemaran dan aliran. Bahagian B menggunakan inventori tingkah laku agresif. Soal selidik ini berjumlah 35 item dan menggunakan Skala Likert 1 hingga 5. Bahagian C pula menggunakan inventori kisah-kisah keganasan di dalam media. Soal selidik ini berjumlah 28 item dan responden perlu memilih jawapan “ya” atau “tidak.

### 4.3 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hasil deskritif dan hasil inferensi

#### I) Hasil Deskritif

Jadual 1.1: Demografi Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden

Demografi	Kekerapan ( <i>f</i> )	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	74	65.5
Perempuan	39	34.5
<b>Bangsa</b>		
Melayu	92	81.4
India	6	5.3
Cina	15	13.3
<b>Rancangan Kegemaran</b>		
Kartun	20	17.7
Hiburan	28	24.8
Sukan	26	23.0
Aksi	32	28.3
Lain	7	6.2
<b>Aliran</b>		
Sastera	27	23.9
Perakaunan	23	20.4
Sains Tulen	8	7.1
Perniagaan	36	31.9
Sains Komputer	19	16.8

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi pelajar. Bagi taburan jantina pelajar seramai 74 orang iaitu 65.5% manakala pelajar perempuan pula 39 orang 34.5%. Seterusnya, bagi data bangsa pula bangsa melayu seramai 92 orang 81.4% diikuti bangsa india pula seramai 6 orang 5.3% manakala bangsa cina seramai 15 orang 13.3%. Bagi rancangan kegemaran, rancangan kartun diminati 20 orang 17.7%, diikuti rancangan hiburan diminati 28 orang 24.8%, rancangan sukan pula diminati 26 orang 23.0%, rancangan aksi diminati 32 orang 28.3% manakala selain rancangan lain-lain 7 orang 6.2%.

Selain itu, bagi aliran pula, aliran sastera 27 orang 23.9%, bagi aliran perakaunan 23 orang 20.4%, aliran sains tulen 8 orang 7.1%, aliran perniagaan 36 orang 31.9% manakala aliran sains komputer seramai 19 orang 16.8%.

#### II) Hasil Analisis Inferensi

Dalam bahagian ini, pengkaji mengemukakan statistik inferensi yang telah diperolehi melalui kaedah ekali korelasi Pearson, Ujian t dan Anova. Hipotesis yang dbina adalah untuk melihat hubungan pengaruh keganasan media massa dan tingkah laku agresif pelajar. Hipotesis ini telah diuji dengan menggunakan kaedah pekali korelasi, Ujian t dan Anova.

Hipotesis I: Terdapat hubungan antara pengaruh keganasan dalam media massa dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar

Jadual 1.2: Pekali Korelasi Pearson bagi hubungan di antara pengaruh keganasan dalam media massa dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar.

Tingkah laku Agresif	
Pengaruh Media Massa	1.00*
* $p < .05$	

Jadual 1.2 menunjukkan terdapat hubungan antara pengaruh keganasan dalam media massa dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar. Kaedah pekali korelasi Pearson telah digunakan untuk menganalisis hubungan antara pengaruh keganasan media massa dan tingkah laku agresif tersebut. Keputusan analisis inferensi menunjukkan terdapat hubungan antara pengaruh keganasan media massa kepada tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar dan semakin tinggi pengaruh media massa, semakin tingkah laku agresif iaitu [ $r = 1.00$ ,  $p < 0.05$ ]

Hipotesis II: Tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif mengikut jantina dalam kalangan pelajar sekolah.

Jadual 1.3: Ujian t bagi perbezaan tingkah laku agresif mengikut jantina dalam kalangan pelajar sekolah

Jantina	(N)	Mean	Sig. Deviation	t	df	Sig
Lelaki	74	42.95	6.756	.459	111	.647
Perempuan	39	42.38	4.886			

$p > .05$

Hasil daripada Ujian t yang dijalankan menunjukkan nilai  $t = 0.459$  dan signifikan pada aras  $p = 0.647$ . Nilai  $p = 0.647$  tersebut adalah lebih besar daripada signifikan .05. Ini menunjukkan hipotesis ditolak dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku agresif mengikut jantina dalam kalangan pelajar sekolah. Jadual 1.3 menunjukkan keputusan Ujian t yang telah dijalankan [ $t(111) = 0.459$ ,  $p > .05$ ]

## 5.0 PERBINCANGAN

Hasil analisis mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh keganasan dalam media massa dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar. Sebanyak 24 juta masyarakat Malaysia aktif dalam media sosial termasuk dalam kalangan pelajar. (Hadri Khalil, 2018). Hasil kajian disokong oleh kajian Siti Nur Adibah (2017), dimana pengkaji menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh media massa terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar. Tingkah laku yang sering dilakukan oleh golongan remaja dipengaruhi oleh menonton rancangan media massa berunsurkan keganasan dan kekerasan. Contoh perlakuan keganasan yang kebiasaan ditiru oleh pelajar memukul, mencuri, melawan ibu bapa dan sebagainya.

Selain itu, hasil keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku agresif mengikut jantina dalam kalangan pelajar sekolah. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa jantina tidak memainkan peranan dalam membezakan tingkah laku agresif yang dilakukan kesan daripada pengaruh media massa. Zaman sekarang, tidak membezakan antara lelaki dan perempuan untuk melakukan tingkah laku agresif kerana pelajar-pelajar ini berbeza dari segi jantina tetapi mereka mempunyai banyak persamaan dalam bentuk tingkah laku, kegemaran, pakaian dan menonton program media. Selain itu, disebabkan persekitaran juga lelaki dan perempuan boleh bertingkah laku agresif seperti terpengaruh dengan rakan sebaya untuk menggunakan media massa yang boleh beri kesan kepada tingkah laku agresif terutamanya perempuan. Contohnya, perempuan

menggunakan media massa seperti *facebook*, *twitter* untuk keluar dengan lelaki yang tidak dikenali dan boleh menyebabkan tingkah laku agresif terjadi seperti merogol, persetubuhan, dipukul dan sebagainya.

Hasil kajian pengkaji disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Zaleha Bte Yaacob (2010) yang mendapat tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara perbezaan pengaruh keganasan media dengan jantina. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa jantina pelajar tidak langsung memainkan peranan yang menyebabkan keganasan akibat pengaruh media atau disebabkan pemilihan program-program tertentu di media.

Hasil kajian pengkaji bertentangan dengan kajian yang dilakukan yang dijalankan oleh Ismail Maakip, Azizi Yahaya dan Peter Voo (2018) yang mendapat terdapat perbezaan yang signifikan dalam ciri-ciri program media berunsurkan agresif yang ditonton antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Beliau juga menyatakan hasil dapatan kajian adalah bersesuaian dengan teori Pembelajaran Sosial Bandura yang menyatakan usia dan jantina model memainkan peranan dalam peniruan tingkah laku. Pelajar perempuan didapati lebih meminati program berbentuk informasi kerana bersesuaian dengan watak jantinanya yang mempunyai tingkah laku yang kurang agresif dan takut untuk menonton kisah-kisah agresif secara langsung. Pelajar-pelajar lelaki pula lebih meminati program-program media yang dapat menggambarkan kewujudan secara asli kerana bersesuaian dengan watak jantinanya yang lebih agresif dan berani untuk melihat adegan-adegan ganas secara langsung melalui media.

## 6.0 CADANGAN

Oleh yang demikian, pihak sekolah perlu sentiasa peka dan mengambil berat tentang masalah pelajar dan sebagai guru perlu mencari inisiatif untuk membaewa perubahan kepada pelajar yg sering bermasalah. Selain itu, tidak lupa juga kepada peranan ibu bapa. Ibu bapa adalah tunggal yang paling penting kepada anak-anak kerana ibu bapa yang membentuk anak-anak dari rumah. Ibu bapa juga perlu membina hubungan yang baik dengan anak-anak kerana anak memerlukan perhatian sepenuhnya dan kasih sayang daripada ibu bapa. Sekiranya cukup kasih sayang tersebut, anak akan rasa dihargai dan tidak melakukan perkara yang berbentuk agresif dan bermasalah. Ibu bapa juga, perlu mengawasi anak-anak apabila mereka melayari internet, menonton televisyen, dan sebagainya supaya anak mereka tidak mengikut perkara yang tidak elok di media massa. Contohnya, apabila ibu bapa tidak menghiraukan atau tidak mengambil tahu pasal anak-anak, mereka akan melakukan perkara di luar kawalan seperti memukul, membuli, kurang ajar dengan guru kerana mereka inginkan perhatian dan kasih sayang.

Secara keseluruhannya, kajian ini dua objektif diterima dan satu ditolak kerana tidak terdapat berbezaan perbezaan tingkah laku agresif mengikut jantina dalam kalangan sekolah kerana pelajar lelaki adalah responden teramai dengan peratus 65.5%. Pelajar lelaki lebih mendominasi daripada pelajar perempuan. Walaubagaimanapun, ibu bapa dan guru perlu berkolaborasi agar keperluan dan kekurangan ini dapat dipenuhi dan menyelidik latar belakang mereka untuk mengelakkan ringkah laku agresif ini berlaku. Seterusnya, pengkaji juga mencadangkan bahawa kajian pada masa akan datang mampu lagi meluaskan skop kajian dalam faktor demografi dengan lebih memfokuskan lagi mengenai hubungan pengaruh keganasan media massa serta tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar.

Diharapkan kajian ini dapat memberikan cadangan kepada pengkaji lain dalam menambahbaikan dan meluaskan skop kajian ini. Kajian ini menumpukan pengaruh keganasan media massa memberi kesan kepada tingkah laku agresif. Hasil kajian hanyalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pelajar-pelajar agresif. Oleh itu, dicadangkan supaya kajian-kajian akan datang dapat menggunakan pelbagai latar belakang seperti pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang baik, pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang sederhana dan rendah, pelajar-pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang tinggi dan pelajar-pelajar yang tidak mempunyai masalah berkaitan dengan tingkah laku agresif. Faktor-faktor ini juga mempunyai pengaruh keganasan yang memberi kesan pada tingkah laku agresif.

## **7.0 KESIMPULAN**

Masalah pengaruh keganasan media massa dan kesannya kepada tingkah laku agresif pelajar merupakan suatu perkara yang tidak boleh dipandang remeh. Masalah ini mampu menggugut tahap disiplin dan boleh menyebabkan pelajar-pelajar mempunyai akhlak dan moral yang rendah. Keadaan perlu ditangani dengan segera agar ianya tidak membarah dan menjadi satu masalah besar kepada negara pada masa hadapan

## **RUJUKAN**

- Azizi Yahaya, Ismail Maakip, Peter Voo (2018). Pengaruh Media Berunsur Agresif Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Pelajar Sekolah Menengah. Latihan Ilmiah. Universiti Malaysia Sabah.
- Al Zahrin Alias Dan Mohd Nasaruddin Parzi (2015). Remaja Terpengaruh Media Sosial. Diperolehi pada 1 Mei 2015 daripada <https://www.bharian.com.my/node/50941>
- Hadri Khalil (2018). Malaysia Negara Ke-9 Paling Aktif Media Sosial, Ke-5 Paling Ramai Guna E-dagang. Diperolehi pada 30 Januari 2018 daripada: <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/malaysia-negara-ke-9-paling-aktif-media-sosial-ke-5-paling-ramai-guna-e-dagang-laporan-166998>
- Mohd Izzat Mohd Khalizan (2019). Remaja Merosakkan Makanan Sambil Ketawa Di Kedai Serbaneka, Remaja Mohon Maaf. Diperolehi pada 21 Jun 2019 daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2019/06/21/kawan-budak-family-mart>
- Madinah Rushaidi Dan Nur Farra Nadia Najib (2017). Cemerlang Akademik Tiada Makna Jika Sahsiah Rapuh. Diperolehi pada 21 Januari 2017 daripada <https://www.bharian.com.my/node/237545>.
- Siti Nur Adibah (2017). Hubungan ntara Pengaruh Media Massa Terhadap Tingkah laku Agresif Dalam Kalangan Pelajar. Latihan Ilmiah. Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka
- Zaleha Bte Yaacob (2010). Pengaruh Keganasan Dalam Media Terhadap Tingkah Laku Agresif Remaja. Latihan Ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

## **HUBUNGAN EKSPRESI EMOSI IBU BAPA DENGAN MASALAH TINGKAH LAKU KANAK-KANAK**

**Zaleha Damanhuri**  
Faculty of Education, University of Malaya, Malaysia

**Mariani Md Nor**  
Faculty of Education, University of Malaya, Malaysia

## **Abstract**

This study examines the relationship of family expressiveness (positive or negative) towards the behavioral problems among children. Five domains of behavioral problems are (i) self-centered, (ii) attention or overactive issues, (iii) externalization, (iv) withdrawing from socialism and (v) anxiety or body problems. This study also examines the demographic factors (education and income) of parents having a relationship with the development of behavioral problems based on age and gender. The study was conducted quantitatively using two sets of instruments: (i) Family Expressiveness Questionnaire (FEQ) translation by Norly (2010) and (ii) Preschool Kindergarten Behavior Scale (PKBS) translation of Zaharah (2015).

Keywords: Family expressiveness, behavioral problems, FEQ, PKBS-2

## **1.0 PENGENALAN**

Peredaran zaman yang kian pesat memberi ruang dan peluang kepada golongan ibu bapa khasnya untuk berkongsi kepintaran dan kecemerlangan anak-anak di lapangan media sosial. Pastinya ibu bapa merasa bangga dan selesa berkongsi sesuatu yang membahagiakan mereka dan sekaligus menerima tontonan dan komen yang menyenangkan. Sepintas lalu, fenomena ini dianggap biasa sahaja, sememangnya menjadi tanggungjawab ibu bapa memberi galakkan untuk anak-anak belajar. Malah terdapat ibu bapa yang sanggup membelanjakan wang yang lebih demi menghantar anak ke pusat-pusat tuisyen atau menggaji tutor peribadi bagi membantu anak-anak mereka belajar demi mencapai keputusan yang terbaik di dalam peperiksaan. Senario ini menjadi *trend* dalam masyarakat kini, yang memberi impak negatif ke atas kesejahteraan kanak-kanak.

Desawarsa ini, ibu bapa sangat mementingkan pencapaian akademik dalam kalangan anak-anak. Namun, dalam keghairahan memperkasakan kemampuan kognitif anak-anak, ibu bapa sering alpa dan mengabaikan keperluan pembentukan sosioemosi yang seimbang. Hal ini amat bersangkut-paut dengan pembentukkan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak usia prasekolah (Femmi Nurmalitasari, 2015). Hal ini demikian kerana, kanak-kanak yang bermasalah tingkah laku dikaitkan dengan risiko kegagalan di sekolah (Zaharah, 2015). Oleh yang demikian, penelitian dan penyelidikan lanjut terhadap masalah tingkah laku kanak-kanak perlu dilaksanakan agar dapat membantu ibu bapa melahirkan generasi insan kamil yang holistik (Mazni, 2015).

## **2.0 OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan di antara ekspresi emosi ibu bapa (positif dan negatif) terhadap masalah tingkah laku kanak-kanak. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

- i. Untuk mengenal pasti ekspresi emosi dalam kalangan ibu bapa
- ii. Untuk mengenal pasti masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak
- iii. Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara ekspresi emosi positif ibu bapa dengan lima (5) domain masalah tingkah laku kanak-kanak
- iv. Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara ekspresi emosi negatif ibu bapa dengan lima (5) domain masalah tingkah laku kanak-kanak

### **3.0 PERNYATAAN MASALAH**

Justeru, guru dan ibu bapa perlu bijak mengenal pasti maksud tersirat di sebalik setiap masalah tingkah laku anak-anak dan memberikan respons yang sesuai. Kanak-kanak yang mengalami masalah tingkah laku ini akan mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran akademik seperti membaca dan numerasi (McClelland et al., 2007). Kanak-kanak ini juga dilihat mempunyai berinteraksi yang negatif terhadap ibu bapa dan juga guru. Sering bermasalah dalam berhubungan sosial dengan rakan sebaya, dan lebih membimbangkan berisiko untuk terlibat dalam tingkah laku delinkuen (Youngstrom, Findling & Calabrese, 2003). Malah, kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesihatan mental dengan masalah tingkah laku kanak-kanak (Zanariah dan Kamarul, 2017). Kanak-kanak ini juga diklasifikasikan sebagai agresif dan sekaligus memberi impak yang negatif secara psikologinya sekaligus menghalang komunikasi sosial yang berkesan dengan rakan sebaya dan orang sekelilingnya.

Oleh hal yang demikian, kajian ini dapat melihat sejauhmana perkaitan antara ekspresi emosi ibu bapa dan masalah tingkah laku kanak-kanak prasekolah. Kajian tentang ekspresi emosi ibu bapa ini amat penting kerana ibu bapa adalah '*role model*' utama kepada kanak-kanak prasekolah. Ekspresi emosi ibu bapa juga turut dikaitkan dengan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Melalui kajian ini juga, ibu bapa khasnya dapat mengetahui ekspresi emosi yang terbaik yang boleh membantu mengurangkan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

### **4.0 METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan penggunaan teknik bersistematik dam pengumpulan dan penganalisisan data kajian. Menurut Creswell (2013), pendekatan kuantitatif digunakan untuk menguji beberapa objektif dan hipotesis kajian berdasarkan teori untuk mengkaji hubungan antara ke semua pembolehubah. Bagi mencapai tujuan tersebut, reka bentuk deskriptif korelasi digunakan bagi menerangkan hubungan interaksi antara pembolehubah-pembolehubah (Ary et al., 2010).

Reka bentuk kajian ini dipilih untuk mencari hubung kait atau perhubungan antara pembolehubah dengan menggunakan kaedah statistik korelasi tanpa mencari sebab dan penyebabnya. Reka bentuk kajian merujuk kepada keseluruhan rangka projek penyelidikan yang menyatakan apakah jenis kajian yang hendak dilaksanakan, jenis maklumat yang perlu dikumpul, daripada sumber mana maklumat boleh didapati dan dengan kaedah apa maklumat boleh diperolehi (Majid, 1998; Suziyani, 2014). Menurut Creswell (2013), pengkaji menggunakan kajian tinjauan adalah untuk menghurai, membanding dan meramal sikap, pendapat, tingkah laku dan ciri-ciri sesuatu populasi. Ini membolehkan pengkaji secara terus mendapatkan maklumat daripada sampel yang diinginkan.

### **5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **5.1 Keputusan Deskriptif**

Jadual 1: Taburan Demografi ( $n = 68$ )

Pembolehubah	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Jantina Kanak-kanak</b>		
Lelaki	32	47.1
Perempuan	36	52.9
<b>Umur Kanak-kanak</b>		
Lima (5) Tahun	37	54.4
Enam (6) Tahun	31	45.6
<b>Status Penjaga</b>		

Ibu	55	80.9
Bapa	13	19.1
<b>Umur Penjaga</b>		
Kurang daripada 25 tahun	2	2.9
26 tahun – 35 tahun	34	50.0
36 tahun – 45 tahun	31	45.6
46 tahun ke atas	1	1.5
<b>Tahap Pendidikan Penjaga</b>		
UPSR	1	1.5
SRP/PMR	3	4.4
SPM	16	23.5
STPM/Diploma	18	26.5
Ijazah Sarjana Muda	27	39.5
Ijazah Sarjana/Master	3	4.4
Doktor Falsafah/PhD	0	0
<b>Pendapatan</b>		
Kurang daripada RM1500	9	13.2
RM1500 – RM3000	21	30.9
RM3000 – RM4500	14	20.6
RM4500 – RM6000	16	23.5
RM6000 – RM7500	7	10.3
RM10 000 ke atas	1	1.5

Berdasarkan jadual di atas, seramai 68 orang penjaga terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan jumlah yang terlibat, seramai 55 orang ibu dan 13 orang bapa terlibat dalam penyelidikan ini. Di mana penyelidikan ini hanya melibatkan para ibu bapa yang menghantar anak mereka ke tadika swasta sahaja yang berumur lingkungan 5 hingga 6 tahun. Hal ini demikian kerana, penyelidik ingin melihat faktor pendapatan keluarga memberi impak atau tidak ke atas ekspresi emosi ibu bapa dan masalah tingkah laku kanak-kanak. Selain itu juga, tahap pendidikan ibu bapa kanak-kanak juga ingin dilihat sama ada memberi pengaruh atau tidak kepada ekspresi emosi ibu bapa dan masalah tingkah laku kanak-kanak.

Berdasarkan analisis deskriptif demografi menunjukkan dominasi pendapatan ibu bapa paling ketara dalam lingkungan RM1500 hingga RM3000 iaitu seramai 21 orang, diikuti dengan 16 orang lingkungan RM4500 hingga RM6000, seterusnya 14 orang lingkungan RM3000 hingga RM4500, 9 orang dalam lingkungan bawah RM1500, diikuti 7 orang dalam lingkungan RM6000 hingga RM7500 dan seterusnya seorang yang berpendapatan melebihi RM10 000 dan ke atas.

Manakala tahap pendidikan pula menunjukkan majoriti ibu bapa memiliki pendidikan pada tahap Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 27 orang, diikuti dengan peringkat STPM/Diploma seramai 18 orang, seterusnya SPM seramai 16 orang, diikuti Oleh Ijazah Sarjana/Master seramai 3 orang seri dengan pemegang SRP/PMR iaitu seramai 3 orang, manakala UPSR adalah seorang.

Manakala majoriti ibu bapa berada dalam lingkungan usia 26 hingga 35 tahun iaitu seramai 34 orang, diikuti dengan 31 orang dalam lingkungan usia 36 hingga 40 tahun, seterusnya diikuti dengan 2 orang dalam lingkungan usia 25 tahun ke bawah dan yang terakhir seorang berusia 46 tahun ke atas.

Jadual 2 : Kebolehpercayaan alat ujian

Soal Selidik/Domain	Jumlah Item	Nilai Alpha Cronbach
<i>Family Expressiveness Questionnaire (FEQ)</i>	30	0.740
i. Item Positif (A1)	14	0.810

ii. Item Negatif (A2)	16	0.817
<i>Preschool Kindergarten Behaviour Scales (PKBS)</i>	42	0.940
i. Berpusatkan diri sendiri, (B1)	11	0.888
ii. Masalah perhatian atau terlalu aktif, (B2)	8	0.861
iii. Eksternalisasi, (B3)	8	0.740
iv. Menarik diri dari bersosial, (B4)	7	0.679
v. Kegelisahan atau masalah tubuh badan, (B5)	8	0.694


Bagi kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah memperoleh nilai kebolehpercayaan ( $\alpha$ ) seperti mana yang tertera dalam jadual di atas. Nilai pekali alpha cronbach bagi 2 set soal selidik ini adalah sangat baik dan nilai kebolehpercayaan adalah diterima. Menurut Ghazali (2018) nilai alpha cronbach yang boleh diterima dan dianggap baik adalah dalam lingkungan 0.60 ke atas. Hal ini dipersetujui oleh Mohd Majid (1994), di mana nilai alfa cronbach 0.6 adalah mempunyai kebolehpercayaan item yang tinggi. Alat ujian ini juga dipercayai dapat mengukur kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji.

## 5.2 Keputusan Berdasarkan Objektif Kajian

### Objektif 1 : Untuk mengenal pasti ekspresi emosi positif dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak tadika

Jadual 3 : Ekspresi emosi positif ibu bapa

Tahap	kekerapan	Peratusan (%)
Sangat baik	16	23.5
Baik	49	72.1
Lemah	03	04.4
Total	68	100




Berdasarkan objektif kajian menunjukkan bahawa kekerapan ekspresi emosi positif ibubapa dipamerkan dihadapan anak-anak. Berdasarkan dapatan deskriptif ini menunjukkan majoriti ibubapa memamerkan ekspresi emosi positif secara baik iaitu 72.1% (49 orang), manakala seramai 23.5%

(16 orang) ibubapa sangat baik dalam mempamerkan ekspresi emosi positif mereka dihadapan anak-anak dan bakinya sebanyak 4.4% (3 orang) ibubapa lemah dalam mempamerkan ekspresi emosi positif.

**Objektif 2 : Untuk mengenal pasti ekspresi emosi negatif dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak tadika**

Jadual 4 : Ekspresi emosi negatif ibu bapa

Tahap	kekerapan	Peratusan (%)
Sangat baik	02	02.9
Baik	63	92.6
Lemah	03	04.4
Total	68	100



Berdasarkan objektif kajian menunjukkan bahawa kekerapan ekspresi emosi positif ibubapa dipamerkan dihadapan anak-anak. Berdasarkan dapatan deskriptif ini menunjukkan majoriti ibubapa mempamerkan ekspresi emosi positif secara baik iaitu 92.6% (63 orang), manakala seramai 04.4% (3 orang) ibubapa lemah dalam mempamerkan ekspresi emosi positif mereka dihadapan anak-anak dan bakinya sebanyak 02.9% (3 orang) ibubapa sangat baik dalam mempamerkan ekspresi emosi positif.

**Objektif 3 : Untuk mengenal pasti domain masalah tingkah laku yang paling dominan dalam kalangan kanak-kanak**

Jadual 5: Domain Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak

<b>Domain Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Berpusatkan Diri Sendiri (B1)</b>		
Selalu	34	50.0
Kadang-kadang	31	45.6
Jarang-jarang	03	04.4
Tidak pernah	0	0
<b>Masalah Perhatian/Terlalu Aktif (B2)</b>		
Selalu	36	52.9
Kadang-kadang	29	42.6
Jarang-jarang	03	04.4
Tidak pernah	0	0
<b>Anti sosial/Agresif (B3)</b>		
Selalu	46	67.6
Kadang-kadang	20	29.4
Jarang-jarang	2	02.9
Tidak pernah	0	0
<b>Menarik diri dari bersosial (B4)</b>		
Selalu	44	64.7
Kadang-kadang	24	35.3
Jarang-jarang	0	0
Tidak pernah	0	0
<b>Masalah Kebimbangan (B5)</b>		
Selalu	40	58.8
Kadang-kadang	27	39.7
Jarang-jarang	1	01.5
Tidak pernah	0	0

Berdasarkan jadual di atas dapat disimpulkan bahawa domain ke tiga anti sosial/agresif (B3) adalah lebih dominan berbanding domain-domain lain. Di mana mencatatkan peratusan selalu memperlihatkan masalah tingkah laku anti sosial/agresif (B3) iaitu sebanyak 67.6% (46 orang), manakala kadang-kadang sebanyak 29.4% (20 orang), jarang-jarang sebanyak 2.9% (2 orang). Berdasarkan jadual di atas juga menunjukkan keseluruhan domain menunjukkan tidak pernah sebanyak 0%. Di mana setiap tingkah laku tersebut secara keseluruhannya pernah ditonjolkan oleh kanak-kanak.

### **Objektif 3 : Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara ekspresi emosi positif ibu bapa dengan masalah tingkah laku kanak-kanak**

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Ekspresi Emosi Positif</b>	<b>Signifikan</b>
Masalah tingkah laku Kanak-kanak	.192	.117
p > .05		

Keputusan menunjukkan nilai pekali korelasi bagi ekspresi emosi positif ibubapa dengan masalah tingkah laku kanak-kanak ialah 0.192 ( $r = .192$ ) dan nilai kebarangkalian adalah 0.119 yang diuji pada aras keyakinan .05. Nilai kebarangkalian ini didapati lebih besar dari aras keyakinan ( $p > .05$ ). Hal ini, menunjukkan bahawa hubungan adalah positif, tetapi tidak signifikan dengan masalah tingkah laku kanak-kanak ( $r_{(68)} = .192$ ,  $p > .05$ ). Keputusan ini juga, menunjukkan bahawa semakin tinggi ekspresi emosi positif ibubapa, maka semakin kurang masalah tingkah laku ditonjolkan dalam kalangan kanak-kanak tadika. Maka hipotesis nul diterima, iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara masalah tingkah laku kanak-kanak dengan ekspresi emosi positif ibu bapa.

**Objektif 4 : Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara ekspresi emosi negatif ibu bapa dengan masalah tingkah laku kanak-kanak**

Pemboleh Ubah	Ekspresi Emosi Negatif	Signifikan
Masalah tingkah laku Kanak-kanak	-.25	.04*

\* $p < .05$

Keputusan menunjukkan nilai pekali korelasi bagi ekspresi emosi negatif ibubapa dengan masalah tingkah laku kanak-kanak ialah  $-0.25$  ( $r = -0.25$ ) dan nilai kebarangkalian adalah  $0.04$  yang diuji pada aras keyakinan  $.05$ . Nilai kebarangkalian ini didapati lebih kecil dari aras keyakinan ( $p < .05$ ). Hal ini, menunjukkan bahawa hubungan yang negatif, adalah signifikan dengan masalah tingkah laku kanak-kanak ( $r_{(68)} = -0.25$ ,  $p < .05$ ). Keputusan ini juga, menunjukkan bahawa semakin tinggi ekspresi emosi negatif ibubapa, maka semakin kerap tingkah laku bermasalah ditonjolkan dalam kalangan kanak-kanak tadika. Maka hipotesis nul ditolak, dan hipotesis alternatif diterima iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara masalah tingkah laku kanak-kanak dengan ekspresi emosi negatif ibu bapa

## 6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya terdapat perhubungan di antara ekspresi emosi positif dan negatif ibu bapa terhadap masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika. Di mana hubungan yang signifikan ditunjukkan di antara ekspresi emosi negatif ibu bapa dengan masalah tingkah laku kanak-kanak.

## RUJUKAN

- Anita Abdul Rahim (2014), Jenayah Kanak-kanak dan Undang-undang Malaysia, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [Asmawati Desa, Getrude Cosmas, Mariny Abdul Ghani, Siti Rozaina Kamsani, Noor Azniza Ishak, Nabisah Ibrahim dan Mohd Maksan Musa, \(2015\), Pengantar Psikologi](#) (Edisi-1), Selangor: SJ Learning.
- Azizi Yahya (2015), Tingkah Laku Remaja Berisiko berdasarkan teori pembelajaran sosial Albert Bandura, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bandura, A., Ross, D., & Ross, S. A. (1961). *Transmission of aggression through the imitation of aggressive models. Journal of Abnormal and Social Psychology*, 63, 575-582 di atas talian: <https://www.uky.edu/~eushe2/Bandura/Bandura1963JASP.pdf>
- Berk, E. L., (2017), *Child Development*, United State of America: John Wiley
- Briggs, R. D. (2012). The Importance of Social Emotional Development in Early Childhood. American Pediatrics For Parent, Volume: 28, 11 & 12, 15. Pages 377 – 384. Atas talian: [http://www.medc.com.my/medc/seminar\\_medc/fromCD/pdf/36.pdf](http://www.medc.com.my/medc/seminar_medc/fromCD/pdf/36.pdf)
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: experiments by nature and design*. Cambrigde, MA: Havard Univ Press.
- Carter D. R., & Van Norman, R. K. (2010). *Class-Wide Positive Behavior Support In Preschool: Improving Teacher Implementation Through Consultation*. Journal Early Childhood Education 38: 279 – 288.
- Collins, D., Jordan, C. & Coleman, H. (2007). *Introduction to family social work* (2nd ed). Belmont: Thompson.
- Femmi Nurmalitasari, (2015), Perkembangan Sosial Emosi pada Anak Usia Prasekolah, Buletin Psikologi, Fakultas Psikologi Universitas Gadjah Mada, Volume 23, No. 2, Disember 2015: 103 – 111. Atas talian: [www.journal.ugm.ac.id/buletinpsikologi/article/download/.../7946](http://www.journal.ugm.ac.id/buletinpsikologi/article/download/.../7946)
- Garner, P. W., Jones, D. C., Gaddy, G., & Rennie, K. M. (1997). *Low-Income Mothers' Conversations about Emotions and Their Children's Emotional Competence*. Journal Of Social Deveopment, 6, 37 – 52.

<https://www.ffri.hr/~ibrdar/socialsciences/journal/Garner,%201997%20%Low%Income%20%mother%socialsciences%20.pdf> access on 19 October 2015.

- Halberstadt, A. G. (1986). *Family socialization of emotional expression and nonverbal communication styles and skills*. Journal of Personality and Social Psychology, 51, 827–836. Atas talian:  
<http://www.familysocialization/journal/emotionalexpression/socialpsychology.htm?y=1986&issue=4325&page=20.pdf> access on 19 October 2015
- Mohd Majid Konting (1994), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halberstadt, A. G., & Eaton, K. L. (2002). *Socialization of emotion expression, and understanding in the family*. and Family Review, 34, 35–62. Atas talian:  
<https://www.ffri.hr/~ibrdar/socialsciences/journal/Halberstadt,%202002%20%socialofemotion%expression%20&%understanding%inthefamily%20.pdf> access on 19 October 2015.
- Halberstadt, J. B. (2003). *The paradox of emotion attribution: Explanation biases perceptual memory for emotional expression*. Current Directions in Psychological Science, 12, 197–201. Atas talian:  
[https://www.ffri.hr/~ibrdar/the-paradox/journal/Halberstadt,%202003%20%emotionattribution%expression%20&%explanationbiases%perceptualmemory\\_for\\_emotional\\_expression%20.pdf](https://www.ffri.hr/~ibrdar/the-paradox/journal/Halberstadt,%202003%20%emotionattribution%expression%20&%explanationbiases%perceptualmemory_for_emotional_expression%20.pdf) access on 19 October 2015
- Haliza Hamzah & Joy Nesamalar Samuel, (2016), Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku : Siri Pendidikan Guru, Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Hasnah, T., Squires, J. & Lawrence, K. (2011). *Infant Mental Health in Malaysia*. Infant Mental Health Journal 32(2): 263 – 275.
- Huffman K., (2007), *Psychology in Action* (7 Edition), United State of America: John Wiley
- Jabatan Perdana Menteri. (2009). *Dasar Asuhan Dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, atas talian:  
www.permata.jpm.my/.../Dasar\_Asuhan\_dan%20Didikan\_Awal\_Kanak\_Kanak\_Kebangsaan.pdf. 24/3/2012 akses pada 20 Jun 2015.
- Jas Laile Suzana Jaafar (2016), Psikologi Kanak-kanak dan Remaja, (4<sup>th</sup> Ed.) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kathryn W., (2014), Child Development (3-Edition), New Jersey: Prentice Hall
- Kimberly L. E. (2001)., *Family Expressiveness and Emotion Understanding: a Meta-Analysis of One Aspect of Parental Emotion Socialization*, North Carolina State University: Master Degree Thesis. Atas talian :  
<https://www.ffri.hr/~ibrdar/komunikacija/seminari/Eaton,%202001%20%20Family%20expressiveness%20&%20emotion%20understanding%20.pdf> access on 18 November 2015.
- Mohd Hasani Dali, (2010), Pengurusan Bilik Darjah untuk Guru Novis, (Edisi-2), Sintok : Universiti Utara Malaysia.
- Mohd. Sharani Ahmad, (2008), *Psikologi Kanak-kanak* (Edisi-1), Kuala Lumpur: PTS Publication Sdn. Bhd.
- Noralina Omar, (2016), Ekologi Keluarga dan Kesejahteraan Hidup Kanak-kanak Miskin di Malaysia (Tesis Ph. D). Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya,
- Nordin, A. (2002). *Masalah disiplin dalam kalangan remaja* (Tesis Ph. D). Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya,
- Norhaleyyza Mohd Hairul Quah (2011), Harapan Ibu Bapa Terhadap Anak Bermasalah Pembelajaran, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Atas talian:  
<http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdfwp2/.pdf> akses pada 6 Mai 2016.
- Noriah Mohd. Ishak, Shaharuddin Ahmad, Kadderri Md. Desa & Rozlina Tan Abdullah, (2008), *Kepintaran Emosi Sebagai Faktor Peramal Pencapaian Akademik Pelajar IPTA: Implikasi Terhadap Kebolehpasaran*, Jurnal Personalia Pelajar Bil. 11 Jun/June, 1 – 28.
- Norly Jamil (2010), *Tingkah Laku Emosi Kanak-kanak dan Ekspresi Emosi Ibu bapa*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Kali ke 4, Pendidikan Guru, UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010



# **KONFLIK KERJA-KELUARGA HUBUNGANNYA DENGAN KEPUASAN HIDUP DALAM KALANGAN PASANGAN DWI KERJAYA**

**Norziekah Azira Mohd Nasir, Suhaya Deraman**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

Norziekah\_azira@yahoo.com

## **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara konflik kerja–keluarga dengan kepuasan hidup dalam kalangan pasangan dwi kerjaya di Daerah Pasir Gudang, Johor. Konflik kerja–keluarga merupakan suatu konflik yang tidak dapat dielakkan bagi seseorang pekerja yang sudah berumah tangga lebih-lebih lagi kepada pasangan dwi kerjaya. Ketidakseimbangan antara peranan kerja dan peranan keluarga menyebabkan konflik kerja–keluarga ini terjadi sekali gus mengakibatkan kepuasan hidup seseorang individu itu terjejas. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis hubungan antara konflik kerja–keluarga dengan kepuasan hidup dalam kalangan pasangan dwi kerjaya. Kajian kuantitatif berbentuk deskriptif dan inferensi ini dijalankan ke atas 80 orang responden iaitu 40 pasangan dwi kerjaya dengan menggunakan borang soal selidik *Work-Family Conflict Questionnaire* (WFC) dan *Satisfaction with Life Scale* (SWLS). Analisis Alpha Cronbach telah digunakan dalam kajian sebagai ujian kebolehpercayaan dan bacaan telah menunjukkan 0.908 untuk *Work-Family Conflict Questionnaire* (WFC) manakala bacaan untuk *Satisfaction with Life Scale* (SWLS) ialah 0.881 yang mana menunjukkan bahawa ketekalan dalaman adalah tinggi untuk kedua-dua borang soal selidik. Data kajian ini dianalisis menggunakan program perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dengan menggunakan teknik analisis korelasi, Ujian – *t* dan ANOVA. Dapatan kajian telah menunjukkan terdapat hubungan yang negatif antara konflik kerja–keluarga dengan kepuasan hidup dalam kalangan pasangan dwi kerjaya. Kajian juga turut mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan kepuasan hidup mengikut faktor demografi iaitu jantina, umur, pekerjaan dan bilangan anak. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan kesedaran kepada pasangan dwi kerjaya bahawa konflik kerja–keluarga merupakan suatu konflik yang perlu diatasi agar konflik kerja–keluarga ini dapat dikawal dengan baik sekali gus meningkatkan tahap kepuasan hidup pasangan dwi kerjaya dalam usaha meningkatkan kualiti hidup serta mencapai kesejahteraan hidup.

Kata kunci: Konflik kerja–keluarga, kepuasan hidup, pasangan dwi kerjaya

## **Abstract**

This study aimed to identify the relationship between work-family conflict and life satisfaction among dual career couples in Pasir Gudang District, Johor. Work-family conflict is an inevitable conflict for a worker who is already married especially to a dual career couple. The imbalance between work and family roles causes work-family conflict happen thus resulting in an individual's life satisfaction affected. Accordingly, this study was conducted to analyze the relationship between work-family conflict and life satisfaction among dual career couples. This quantitative study in the form of descriptive and inference was conducted on 80 respondents that is 40 dual career couples using the Work-Family Conflict Questionnaire (WFC) and Satisfaction with Life Scale (SWLS). Alpha Cronbach's test was used in the study as a reliability test and readings showed 0.908 for the Work-Family Conflict Questionnaire (WFC) while the reading for Satisfaction with Life Scale (SWLS) was 0.881 which indicates that internal consistency is higher for both forms questionnaire. The data of this study were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) software using correlation analysis techniques, *t* - tests and one-way ANOVA. The findings of this study have shown that there is a negative relationship between work-family conflict and life satisfaction among dual career

couples. The study also found that there were no differences in life satisfaction according to demographic factors such as gender, age, occupation and number of children. Overall, this study recognizes dual career couples that work-family conflict is a conflict that needs to be addressed so that work-family conflict can be effectively controlled, thus enhancing the life satisfaction of dual-career couples in an effort to improve their quality of life and achieve well-being.

Keywords: Work–family conflict, satisfaction life, dual career couples

## 1.0 PENGENALAN

Dalam meniti arus pemodenan, institusi keluarga sekarang mempunyai perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan masa dahulu. Perkara ini disebabkan oleh perubahan peranan yang berlaku di antara suami isteri. Jika pada zaman dahulu, suami mempunyai tanggungjawab untuk keluar bekerja mencari nafkah kepada keluarga manakala isteri pula bertanggungjawab untuk menguruskan anak-anak. Namun begitu, zaman sekarang tanggungjawab untuk keluar bekerja tersebut telah dikongsi bersama oleh suami dan isteri. Pernyataan ini disokong oleh Karyl dan Julian (1988) yang menyatakan bahawa institusi keluarga pada masa kini tidak lagi bercirikan tradisi di mana hanya suami sahaja yang keluar bekerja dan isteri menguruskan rumah tangga tetapi kini kebanyakan isteri juga turut bekerja. Keadaan pasangan sebegini digelarkan sebagai pasangan dwi kerjaya di mana ianya bermaksud pasangan suami isteri yang kedua-duanya keluar bekerja.

Menurut statistik tenaga buruh di Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) pada tahun 2019, terdapat kadar peningkatan tenaga buruh daripada 15.38 tenaga buruh pada Jun 2018 kepada 15.66 juta tenaga buruh pada Jun 2019. Berdasarkan statistik tersebut, kadar peningkatan tersebut mempunyai kaitan secara langsung dengan jumlah pasangan dwi kerjaya yang semakin meningkat pada masa sekarang. Di samping itu, menurut Kementerian Sumber Manusia terdapat peningkatan dari segi jumlah penyertaan tenaga buruh mengikut jantina berdasarkan statistik kadar penyertaan tenaga buruh berdasarkan jantina 2018. Menurut statistik tersebut, kadar penyertaan tenaga buruh pada tahun 2017 mengikut jantina ialah seramai 9213.5 ribu lelaki manakala 5766.6 ribu perempuan di mana terdapat peningkatan pada kadar penyertaan tenaga buruh pada tahun 2018 mengikut jantina iaitu lelaki seramai 9330.2 ribu manakala perempuan seramai 5950.1 ribu. Perkara ini telah jelas menunjukkan bahawa pasangan dwi kerjaya ini memainkan peranan dalam kadar peningkatan tersebut jika diperhatikan dalam statistik ini.

Dalam masa yang sama, peningkatan kos sara hidup juga turut menyumbang kepada peranan pasangan dwi kerjaya ini muncul. Malahan, menurut Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) pada tahun 2017 yang menyatakan terdapat sekitar 59.7 peratus penduduk di ibu negara terbeban ekoran peningkatan kos sara hidup berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM). Perkara ini menyebabkan isteri terpaksa memikul tanggungjawab bersama dalam membantu suami mencari nafkah bagi mengurangkan kos sara hidup keluarga.

Selain daripada itu, menurut Nooriah Yusof dan Zakiyah Jamaluddin (2018) yang menyatakan bahawa pada zaman ini kos perbelanjaan perumahan telah menjadi semakin mahal dan membebankan sehingga terdapat sekelompok penduduk menghadapikekangan kewangan dalam mengurus kos perumahan. Sehubungan itu, isteri perlu turut sama membantu suami supaya isu kekangan kewangan tidak menjadi permasalahan dalam keluarga. Perkara ini menyebabkan peranan pasangan dwi kerjaya ini muncul untuk membantu mengatasi isu kekangan kewangan berterusan berlaku dalam institusi keluarga.

Dalam pada itu, kemunculan pasangan dwi kerjaya ini juga turut berkait rapat dengan peluang pendidikan sama rata yang ditekankan dalam negara Malaysia ini. Perkara ini dapat diperhatikan dalam konsep kepelbagaian budaya iaitu konsep pendidikan yang memberi peluang pendidikan yang sama rata kepada semua murid tanpa mengira aspek etnik, keturunan, bahasa, adat resam dan budaya untuk mendapat pendidikan yang adil, sama rata, berinteraksi serta memahami setiap rakan dalam bilik darjah dengan baik (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017). Di samping itu, konsep kepelbagaian budaya ini juga turut memberikan peluang pendidikan yang sama rata kepada wanita seperti mana kepada lelaki. Hal ini menyebabkan wanita mempunyai peluang yang tinggi untuk mendapatkan pekerjaan dan menjawat jawatan yang tinggi dalam organisasi kerana mereka

mempunyai kelayakan pendidikan yang sesuai. Terdapat juga wanita yang mengambil peranan sebagai wanita bekerja kerana mereka berkelayakan walaupun hanya suami bekerja sudah mencukupi bagi kewangan keluarga mereka.

Dengan kewujudan pasangan dwi kerjaya yang sudah menjadi kebiasaan telah membawa kepada satu permasalahan muncul disebabkan oleh dua peranan yang perlu dimainkan pada satu masa oleh pasangan dwi kerjaya ini iaitu sebagai seorang pekerja dan suami atau isteri. Konflik kerja-keluarga akan menjadi suatu permasalahan apabila berlaku ketidakseimbangan antara peranan tersebut dalam kehidupan pasangan dwi kerjaya ini. Malahan, pasangan dwi kerjaya tidak dapat mengelakkan daripada konflik kerja-keluarga ini terjadi dalam kehidupan mereka yang membezakannya sama ada konfliknya berada di tahap rendah atau tinggi dan cara pengurusan konflik tersebut. Konflik kerja-keluarga ini juga boleh mempengaruhi tahap kepuasan hidup seseorang individu di mana tahap konflik kerja-keluarga yang rendah akan membawa kepada kepuasan hidup yang tinggi dan begitu juga sebaliknya (Noorazwana & Agnis, 2017).

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian mengenai konflik kerja-keluarga mula mendapat perhatian daripada penyelidik setelah berlakunya perubahan dalam tenaga buruh yang berganjak ke arah dwi pendapatan bukan lagi bercirikan tradisi (Nor Azimah, 2016). Menurut Noorazwana dan Agnis (2017), perkara ini menyebabkan ibu bapa mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan peranan dalam pekerjaan dan keluarga. Ketidakseimbangan antara kedua-dua peranan tersebut akan mengakibatkan konflik kerja-keluarga ini berlaku. Malahan, terdapat kajian yang menyatakan bahawa konflik kerja-keluarga ini juga akan memberikan kesan kepada kepuasan hidup individu (Noorazwana & Agnis, 2017). Hal ini kerana kepuasan hidup individu akan terganggu apabila individu tersebut tidak dapat mencapai tahap yang ditetapkan oleh diri individu tersebut dalam peranan pekerjaan dan keluarga.

Seterusnya, pasangan dwi kerjaya ini mempunyai tanggungjawab yang berat. Hal ini sedemikian kerana bagi pasangan dwi kerjaya amatlah penting kepada mereka untuk membahagikan masa dengan bijak antara kerja dan keluarga. Malahan, pasangan dwi kerjaya ini perlulah pandai dalam mengimbangi antara peranan kerja dan peranan keluarga. Ketidakseimbangan antara peranan akan menyebabkan konflik kerja-keluarga berlaku kepada pasangan dwi kerjaya ini. Konflik kerja-keluarga ini sedikit sebanyak telah mengubah kehidupan pasangan dwi kerjaya kerana dua peranan yang dipegang oleh pasangan tersebut (Nor Azimah, 2016).

Menurut Jeffrey dan Nicholas (1985), konflik kerja-keluarga merupakan satu bentuk konflik antara peranan (*interrole conflict*) yang muncul apabila permintaan daripada satu peranan membuatkan ianya sukar untuk memenuhi keperluan yang lain. Selain itu, konflik kerja-keluarga ini adalah keseimbangan tuntutan peranan kerja dan keluarga yang tidak selari serta mengakibatkan kesan negatif dalam pekerjaan dan keluarga ataupun sebaliknya (Noorazwana & Agnis, 2017). Konflik kerja-keluarga ini merupakan suatu konflik yang tidak dapat dielakkan oleh individu terutamanya kepada pasangan dwi kerjaya.

Malahan, *National Institute for Occupational Safety and Health* (NIOSH) telah mengenalpasti bahawa konflik kerja-keluarga merupakan satu daripada 10 tekanan utama dalam pekerjaan (Kevin, Benjamin & Lisa, 1999). Namun begitu, konflik ini tidak menjadi penghalang kepada pasangan dwi kerjaya ini untuk meneruskan dalam memegang dua peranan dalam satu masa. Hal ini menunjukkan bahawa pasangan dwi kerjaya ini boleh mendapatkan kepuasan dalam hidup dengan memegang dua peranan tersebut. Hal ini disebabkan oleh pasangan dwi kerjaya ini mampu untuk menanggung perbelanjaan keluarga dan dalam masa yang sama dapat memenuhi keperluan dan kehendak peribadi mereka (Noorazwana & Agnis, 2017).

Di samping itu, kepuasan hidup ini membawa maksud penilaian global terhadap kualiti hidup seseorang mengikut kriteria yang ditetapkan dirinya (Diener et.al, 1985). Selain itu, kepuasan hidup ini juga boleh diertikan sebagai seseorang individu yang berpuas hati dengan kehidupan dirinya walaupun tanpa memenuhi kesemua keperluan dan kehendak dirinya. Apabila semakin seseorang individu cuba untuk memenuhi kesemua keperluan dan kehendak mereka maka semakin tinggi kepuasan hidup individu tersebut.

Tanpa disedari sebenarnya konflik kerja-keluarga ini memainkan peranan dalam kepuasan hidup seseorang individu. Dengan munculnya konflik kerja-keluarga ini dalam kehidupan pasangan dwi kerjaya ianya akan memberikan tekanan kepada pasangan tersebut kerana ketidakseimbangan peranan antara kerja dan keluarga. Pada masa yang sama, ianya turut menganggu dan memberikan kesan negatif kepada kepuasan hidup pasangan tersebut (Noorazwana & Agnis, 2017). Malahan, Samina dan Sana (2013) turut menyatakan bahawa konflik kerja-keluarga ini berpunca daripada tekanan kerja yang dialami serta ketiadaan masa untuk keluarga. Di samping itu, konflik tersebut juga boleh memberikan kesan kepada kepuasan hidup dan kepuasan kerja. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan konflik kerja-keluarga dengan kepuasan hidup dalam kalangan pasangan dwi kerjaya.

### **3.0 HIPOTESIS KAJIAN**

Secara umum, terdapat beberapa hipotesis dalam kajian ini iaitu:

1. Terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan umur.
2. Terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan jantina.
3. Terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan pekerjaan.
4. Terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan bilangan anak.
5. Terdapat hubungan antara konflik kerja-keluarga dengan kepuasan hidup dalam kalangan pasangan dwi kerjaya.

### **4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umum, kajian ini ingin mencapai beberapa objektif iaitu:

1. Untuk mengkaji perbezaan kepuasan hidup berdasarkan umur.
2. Untuk mengkaji perbezaan kepuasan hidup berdasarkan jantina.
3. Untuk mengkaji perbezaan kepuasan hidup berdasarkan pekerjaan.
4. Untuk mengkaji perbezaan kepuasan hidup berdasarkan bilangan anak.
5. Untuk mengkaji hubungan antara konflik kerja-keluarga dengan kepuasan hidup dalam kalangan pasangan dwi kerjaya.

### **5.0 KAJIAN LEPAS**

Terdapat banyak kajian luar negara mengenai konflik kerja-keluarga dan kepuasan hidup yang digunakan oleh penyelidik sebagai kajian lepas. Antaranya kajian daripada Arzu dan Orkide (2017) yang telah dijalankan kepada pekerja sepenuh masa di Usak, Turkey dan dilaksanakan sebanyak dua kali (Arzu & Orkide, 2017). Selain itu, kajian pertama mempunyai 274 orang responden manakala kajian kedua mempunyai seramai 356 orang responden (Arzu & Orkide, 2017).

Selain itu, Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa kajian ini telah mencipta alat ujian “*Work-Life Balance Scale*” yang baru serta mendapati bahawa terdapat hubungan antara konflik kerja-keluarga, keseimbangan kerja-hidup dan kepuasan hidup dalam kajian ini (Arzu & Orkide, 2017). Akhir sekali, kajian ini juga mendapati bahawa keseimbangan kerja-hidup merupakan perantaraan keseluruhan antara konflik kerja-keluarga dan keluarga-kerja serta kepuasan hidup (Arzu & Orkide, 2017).

Seterusnya, kajian oleh Xinyuan, Hailin dan Richard (2011) yang dijalankan di Pearl River Delta di China dan mengambil seramai 121 orang pengurus jualan sebagai responden. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa konflik kerja-keluarga terutamanya konflik keluarga ganggu kerja mempunyai kesan secara langsung dan tak langsung kepada kepuasan hidup serta individu yang mempunyai tahap kepuasan hidup yang tinggi akan lebih berpuas hati dengan kerja mereka (Xinyuan, Haillin & Richard, 2011). Selain itu, kajian oleh Salman Zarei et.al (2016) yang dijalankan kepada 30 orang respondeen iaitu pekerja lelaki di Bank bertempat di Tehran. Hasil yang diperolehi oleh kajian

mendapati bahawa model pengurusan konflik kerja-keluarga berkesan dalam meningkatkan kepuasan hidup (Salman Zarei et.al, 2016).

Di samping itu, kajian telah dijalankan kepada 171 orang responden iaitu pekerja di sebuah Perbadanan Teknologi Tinggi bertempat di U.S Mid-West (Cynthia, Daniel & Robert, 2000). Hasil kajian mendapati bahawa pekerja kuat bekerja yang tidak bersemangat mengalami konflik kerja-keluarga lebih, kurang kepuasan hidup dan kurang tujuan dalam hidup apabila dibanding dengan jenis pekerja yang tidak kuat bekerja lain. Dalam pada itu, kajian Pamela, Wayne dan Christian (1999) pula dijalankan ke atas 270 orang responden iaitu pengurus hotel bertempat di hotel bahagian selatan dan timur laut Amerika Syarikat. Hasil kajian mendapati bahawa pencapaian nilai adalah pengantaraan antara hubungan tersebut terutamanya konflik kerja-keluarga mempunyai hubungan negatif dengan pencapaian nilai yang mana memberi kesan kepada kepuasan kerja dan hidup (Pamela, Wayne & Christian, 1999).

Selain itu, kajian Shiyi Zhou et.al (2018) yang mengambil 351 orang responden iaitu pekerja perempuan di lokasi negara China. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat kesan pengantaraan yang signifikan oleh kesan negatif dan tekanan yang diterima dengan hubungannya antara konflik kerja-keluarga dan kesihatan mental (Shiyi Zhou et.al, 2018). Dalam pada itu, Kajian oleh Deniz Yucel (2016) yang mengambil 3204 orang iaitu pekerja American sebagai responden dan kajian dijalankan di Amerika Syarikat. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa responden yang tinggi konflik kerja-keluarga akan mendapatkan tahap kepuasan hidup yang rendah (Deniz Yucel, 2016).

Akhir sekali, kajian daripada Hailin dan Xinyuan (2012) yang telah dijalankan ke atas 121 orang responden iaitu pengurus jualan di kawasan Pearl River Delta di China. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa pekerja yang kurang menghadapi konflik kerja dan keluarga kebiasaannya membawa aspek yang positif daripada kehidupan harian kepada tempat kerja.

Di Malaysia, kajian mengenai konflik kerja-keluarga kurang dikaitkan dengan kepuasan hidup. Terdapat beberapa kajian lepas dari dalam negara yang mengkaji mengenai konflik kerja-keluarga dan kepuasan hidup. Antaranya, kajian oleh Noorazwana dan Agnis (2017) di mana lokasi kajian adalah The Public Department di sekitar Kota Kinabalu, Sabah dan mengambil seramai 378 orang ibu dan bapa bekerja sebagai responen. Hasil kajian menunjukkan bahawa konflik kerja-keluarga mempengaruhi kepuasan hidup pekerja (Noorazwana & Agnis, 2017). Selain itu, kajian yang telah dijalankan oleh Siti Aisyah Panatik et.al (2011) di Malaysia dan mengambil 100 orang cikgu sebagai responden kajian. Hasil kajian mendapati bahawa konflik kerja-keluarga merupakan kebimbangan penting kepada individu dan organisasi disebabkan ianya merupakan punca kepada tekanan serta mempunyai hubungan dengan kesan negatif seperti pengurangan kepuasan hidup dan kesihatan mental (Siti Aisyah Panatik et.al, 2011).

Di samping itu, kajian Siti Aisyah dan Siti Khadijah (2012) yang telah dijalankan ke atas 100 orang responden iaitu guru di Sek. Keb. Simpang, Taiping dan Sek. Men. Keb. Kampung Jambu, Taiping. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap konflik kerja kepada keluarga yang tinggi berbanding konflik keluarga kepada kerja di mana konflik kerja-keluarga ini boleh mengganggu kesihatan mental dan meningkatkan kecenderungan tukar ganti kerja dalam kalangan guru (Siti Aisyah & Siti Khadijah, 2012).

Dalam pada itu, kajian oleh Aminah Ahmad (1996) pula telah dijalankan kepada 120 orang setiausaha wanita sebagai responden dan dilaksanakan di negeri Selangor, Malaysia. Menurut Aminah Ahmad (1996), hasil kajian mendapati bahawa konflik antara peranan kerja dan keluarga secara signifikan mengurangkan kepuasan kerja serta kepuasan keluarga. Kajian turut mendapati bahawa kepuasan kerja dan kepuasan keluarga mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kepuasan hidup (Aminah Ahmad, 1996). Seterusnya, kajian oleh Noraini M. Noor (2004) yang mengambil 147 orang pekerja perempuan sebagai responden dan kajian dijalankan di Oxford dan The Oxford City Council. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa kesungguhan kerja memburukkan lagi kesan negatif konflik kerja ganggu keluarga berbanding konflik keluarga ganggu kerja yang beri kesan negatif kepada kesejahteraan hidup (Noraini M. Noor, 2004).

Akhir sekali, kajian oleh Meguellati et.al (2017) yang mana mempunyai seramai 250 orang responden yang dijalankan kepada pensyarah wanita di universiti sekitar Klang Valley termasuk Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Hasil kajian telah menunjukkan bahawa pemintaan kerja-keluarga mempunyai hubungan

yang negatif dengan kesejahteraan hidup pekerja. Hal ini kerana kajian ini menjelaskan bahawa pekerja yang mempunyai konflik kerja – keluarga yang rendah akan memiliki tahap kepuasan hidup yang tinggi (Meguellati et.al, 2017).

## 6.0 METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan 80 orang responden dalam kalangan pasangan dwi kerjaya di Daerah Pasir Gudang, Johor. Responden kajian dipilih berlandaskan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Selain daripada itu, kajian ini telah menggunakan instrumen kajian yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A merupakan maklumat demografi responden seperti umur, jantina, pekerjaan dan bilangan anak.

Di samping itu, Bahagian B pula merupakan soal selidik *Work-Family Conflict Questionnaire* (WFC) oleh Kevin, Benjamin dan Lisa (1999) yang mengukur empat dimensi iaitu Kerja Ganggu Keluarga Berasaskan Masa (*Work Interference with Family Time-Based*), Keluarga Ganggu Kerja Berasaskan Masa (*Family Interference with Work Time-Based*), Kerja Ganggu Keluarga Berasaskan Ketegangan (*Work Interference with Family Strain-Based*) dan Keluarga Ganggu Kerja Berasaskan Ketegangan (*Family Interference with Work Strain-Based*). Kajian ini telah menggunakan terjemahan soal selidik *Work-Family Conflict Questionnaire* (WFC) oleh Aazami, Akmal dan Shamsuddin (2014). Instrumen ini terdiri daripada 22 item dan diukur menggunakan pengukuran skala Likert bermula dari skala 1 (Tidak Pernah Berlaku) hingga ke skala 4 (Hampir Setiap Masa) bagi mengetahui tahap konflik kerja – keluarga. Nilai reliabiliti bagi soal selidik ini adalah 0.76 hingga 0.84.

Akhir sekali, Bahagian C iaitu soal selidik *Satisfaction with Life Scale* (SWLS) oleh Diener et.al (1985) yang digunakan untuk mengukur tahap kepuasan hidup individu secara keseluruhan. Kajian ini telah menggunakan soal selidik *Satisfaction with Life Scale* (SWLS) yang diterjemahkan oleh Universiti Malaysia Terengganu pada tahun 2018. Inventori ini merangkumi 5 item bagi mengukur kepuasan hidup dan menggunakan skala Likert dengan skala pengiraan dari 1 (Sangat Tidak Bersetuju) hingga 7 (Sangat Setuju). Purata skala pemarkahan ialah antara 5 hingga 35 dengan skor tertinggi menunjukkan tahap kepuasan hidup individu yang tinggi. Kebolehpercayaan bagi instrumen ini ialah 0.87. Kebolehpercayaan instrumen kajian adalah seperti jadual di bawah:

Inventori	Cronbach's Alpha ( $\alpha$ )
<i>Work – Family Conflict Questionnaire</i> (WFC)	0.908
<i>Satisfaction With Life Scale</i> (SWLS)	0.881

## 7.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan konflik kerja–keluarga dengan kepuasan hidup dalam kalangan pasangan dwi kerjaya. Taburan responden dilihat berdasarkan demografi iaitu jantina, umur, pekerjaan dan bilangan anak responden.

Jadual 1: Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	40	50.0
Perempuan	40	50.0
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan Jadual 1, jumlah responden lelaki adalah seramai 40 orang responden (50%) manakala jumlah responden perempuan pula adalah seramai 40 orang responden (50%) yang terlibat dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.

Jadual 2: Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Mengikut Umur

<b>Umur</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
20–30 Tahun	25	31.3
31–40 Tahun	21	26.2
41–50 Tahun	30	37.5
51 Tahun Ke Atas	4	5.0
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100.0</b>

Jadual 2 merupakan hasil daripada analisis kajian yang jelas menunjukkan bahawa majoriti responden kajian ini berada dalam lingkungan umur 41–50 tahun diwakili seramai 30 orang responden (37.5%). Seterusnya, responden kajian yang berada dalam lingkungan umur 20–30 tahun adalah seramai 25 orang responden (31.3%) dan diikuti dengan responden kajian yang berada dalam lingkungan umur 31–40 tahun pula adalah seramai 21 orang responden (26.2%). Akhir sekali, responden kajian yang berada dalam lingkungan umur 51 tahun ke atas merupakan minoriti yang diwakili seramai 4 orang responden (5.0%) sahaja.

Jadual 3: Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Mengikut Pekerjaan

<b>Pekerjaan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Kerajaan	29	36.3
Swasta	38	47.5
Bekerja Sendiri	13	16.2
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100.0</b>

Jadual 3 menunjukkan bahawa responden kajian yang bekerja dalam sektor swasta merupakan majoriti di mana seramai 38 orang responden (47.5%). Seterusnya, responden kajian yang bekerja dalam sektor kerajaan adalah seramai 29 orang responden (36.3%). Akhir sekali, responden kajian yang bekerja sendiri merupakan minoriti yang diwakili seramai 13 orang responden (16.2%) sahaja.

Jadual 4: Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Mengikut Bilangan Anak

<b>Bilangan Anak</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
0–3 Orang	54	67.5
4–7 Orang	20	25.0
8 Orang Ke Atas	6	7.5
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan Jadual 4 telah menunjukkan bahawa responden kajian dengan bilangan anak 0–3 orang adalah majoriti yang diwakili oleh 54 orang responden (67.5%). Seterusnya, responden kajian dengan bilangan anak 4–7 orang adalah seramai 20 orang responden (25.0%). Akhir sekali, hasil analisis kajian menunjukkan responden kajian dengan bilangan anak 8 orang ke atas adalah minoriti yang diwakili seramai 6 orang responden (7.5%) sahaja.

**Hipotesis 1:** Terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan umur.

Jadual 5: Keputusan ANOVA Satu Hala Bagi Kepuasan Hidup Berdasarkan Umur

<b>Kepuasan Hidup</b>	<b>JKD</b>	<b>dk</b>	<b>MKD</b>	<b>F</b>	<b>Sig</b>
Antara Kumpulan	147.252	3	49.084	.974	.410
Dalam Kumpulan	3830.548	76	50.402		

$k > .05$

Hipotesis 1 ini telah menggunakan kaedah analisis statistik ANOVA satu hala untuk melihat sama ada terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan umur. Hasil analisis keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik F ialah .974 di mana nilai signifikannya adalah .410 dan ianya lebih besar dari nilai .05. Hasil analisis keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan

umur. [ $F(3, 76) = .974$ ,  $k > .05$ ]. Maka, ini menunjukkan bahawa hipotesis ini telah ditolak kerana tidak terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan umur dalam kalangan pasangan dwi kerjaya.

Seterusnya, hasil kajian pengkaji ini konsisten dengan hasil kajian oleh William Pavot dan Ed Diener (1993) yang mengulas mengenai soal selidik “*Satisfaction with Life Scale*”. Hasil kajiananya mendapati bahawa secara umumnya kepuasan hidup ini telah dikenalpasti tidak mempunyai kaitan dengan umur. Dalam masa yang sama, hasil kajian ini turut disokong oleh Hailin dan Xinyuan (2012) yang mengkaji kesan konflik kerja–keluarga terhadap hubungan antara kepuasan hidup dan kerja. Kajiannya melibatkan responden daripada kalangan pekerja hotel iaitu pengurus jurujual (Hailin & Xinyuan, 2012). Berdasarkan hasil kajian Hailin dan Xinyuan (2012) mendapati bahawa umur tidak mempunyai kesan yang signifikan kepada kepuasan hidup.

Namun begitu, hasil kajian ini tidak dipersetujui oleh kajian Shiyi Zhou et.al (2018) yang melibatkan 105 pekerja wanita sebagai responden di mana mengkaji hubungan antara konflik kerja – keluarga dengan kesihatan mental. Menurut Shiyi Zhou et.al (2018), umur memberi kesan kepada kepuasan hidup. Kajiannya menjelaskan bahawa umur memberi kesan kepada persepsi wanita terhadap kepuasan hidup (Shiyi Zhou et.al, 2018).

**Hipotesis 2:** Terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan jantina.

Jadual 6: Keputusan Ujian –  $t$  Bagi Kepuasan Hidup Berdasarkan Jantina

	N	Min	Sisihan Piawai	t	df	k
Lelaki	40	23.10	6.968	- .439	78	.662
Perempuan	40	23.80	7.293			

$k > .05$

Hipotesis 2 ini diuji menggunakan kaedah analisis statistik Ujian –  $t$  untuk melihat sama ada terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan jantina. Hasil analisis keputusan menunjukkan bahawa nilai t ialah - .439 di mana nilai signifikannya adalah .662 yang mana ianya lebih besar dari nilai .05. Keputusannya adalah nilai [ $t(78) = -.439$ ,  $k > .05$ ]. selain itu, min kepuasan hidup jantina perempuan lebih tinggi iaitu 23.80 di mana sisihan piawai adalah 7.293 berbanding dengan jantina lelaki iaitu 23.10 di mana sisihan piawai adalah 6.968. Sehubungan itu, hipotesis ini ditolak kerana tidak terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan jantina dalam kalangan pasangan dwi kerjaya.

Selain itu, hasil kajian pengkaji ini telah dipersetujui oleh kajian William Pavot dan Ed Diener (1993) yang mengulas mengenai soal selidik “*Satisfaction with Life Scale*”. Kajian William Pavot dan Ed Diener (1993) ini telah meneliti kajian-kajian yang menggunakan soal selidik “*Satisfaction with Life Scale*” untuk membuat pengulasan tersebut. Berdasarkan hasil kajiananya, William Pavot dan Ed Diener (1993) mendapati bahawa jantina tidak mempunyai kaitan dengan kepuasan hidup. Di samping itu, kajian oleh Hailin dan Xinyuan (2012) yang menguji kesan konflik kerja–keluarga kepada hubungan antara kepuasan hidup dan kerja di mana melibatkan 121 orang pengurus jualan sebagai responden turut menyokong hasil kajian pengkaji. Menurut Hailin dan Xinyuan (2012), hasil kajiananya mendapati bahawa jantina tidak memberikan kesan yang signifikan kepada kepuasan hidup.

Selain itu, hasil kajian pengkaji juga turut dipersetujui oleh Arzu dan Orkide (2017) yang menjalankan kajian keatas pekerja Turkish lelaki dan perempuan untuk mengkaji kesan keseimbangan kerja–hidup terhadap hubungan antara konflik kerja–keluarga dan kepuasan hidup. Menurut Arzu dan Orkide (2017), hasil kajiananya menunjukkan bahawa kepuasan hidup tidak menunjukkan perbezaan mengikut jantina. Walau bagaimanapun, hasil kajian pengkaji ini tidak disokong oleh kajian Pamela, Wayne dan Christian (1999) yang mengkaji kesan negatif konflik kerja–keluarga kepada kepuasan kerja dan hidup. Menurut Pamela, Wayne dan Christian (1999), jantina mempunyai hubungan dengan kepuasan hidup di mana wanita didapati mempunyai hubungan negatif yang kuat dengan kepuasan hidup.

**Hipotesis 3:** Terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan pekerjaan.

Jadual 7: Keputusan ANOVA Satu Hala Bagi Kepuasan Hidup Berdasarkan Pekerjaan

Kepuasan Hidup	JKD	dk	MKD	F	Sig
Antara Kumpulan	187.551	2	93.776	1.905	.156
Dalam Kumpulan	3790.249	77	49.224		

k > .05

Hipotesis ini menggunakan kaedah analisis statistik ANOVA satu hala untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan pekerjaan. Hasil analisis keputusan menunjukkan nilai statistik F ialah 1.905 dengan nilai signifikannya adalah .156 di mana ianya lebih besar dari nilai .05. [F (2, 77) = 1.905, k > .05]. Oleh itu, hasil analisis keputusan menunjukkan hipotesis ini ditolak kerana tidak terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan pekerjaan dalam kalangan pasangan dwi kerjaya.

Walau bagaimanapun, hasil kajian pengkaji ini tidak disokong oleh Noraini M. Noor (2004) dalam kajiannya yang melibatkan 147 pekerja English wanita. Menurut Noraini M. Noor (2004), hasil kajiannya mendapati bahawa jenis pekerjaan boleh mempengaruhi kepuasan hidup di mana individu yang bekerja profesional lebih mudah membeli perkhidmatan tertentu seperti rawatan untuk anak. Oleh itu, ianya akan mengurangkan konflik dan kesusahan serta meningkatkan kepuasan hidup.

Di samping itu, hasil kajian pengkaji ini tidak konsisten dengan kajian oleh Deniz Yucel (2016) yang mengkaji peranan jenis pekerjaan terhadap konflik kerja–keluarga dan kepuasan hidup. Berdasarkan hasil kajiannya, Deniz Yucel (2016) menjelaskan bahawa jenis pekerjaan mempunyai hubungan negatif dengan kepuasan hidup terutamanya kepada individu yang bekerja sendiri. Kajian Deniz Yucel (2016) menyatakan bahawa individu yang bekerja sendiri didapati mempunyai konflik kerja–keluarga yang tinggi dan kepuasan hidup yang rendah berbanding pemilik perniagaan dan pekerja bergaji.

**Hipotesis 4:** Terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan bilangan anak.

Jadual 8: Keputusan ANOVA Satu Hala Bagi Kepuasan Hidup Berdasarkan Bilangan Anak

Kepuasan Hidup	JKD	dk	MKD	F	Sig
Antara Kumpulan	165.646	2	82.823	1.673	.194
Dalam Kumpulan	3812.154	77	49.508		

k > .05

Hipotesis ini telah menggunakan kaedah analisis statistik ANOVA satu hala untuk menguji sama ada terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan bilangan anak. Hasil analisis keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik F ialah 1.673 dengan nilai signifikannya adalah .194 yang mana ianya lebih besar dari nilai .05. Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan bilangan anak. [F (2, 77) = 1.673, k > .05]. Dengan ini, menunjukkan hipotesis ini ditolak kerana tidak terdapat perbezaan kepuasan hidup berdasarkan bilangan anak dalam kalangan dwi kerjaya.

Selain itu, hasil kajian pengkaji ini disokong oleh Hailin dan Xinyuan (2012) dalam kajiannya yang melibatkan 121 orang pekerja hotel sebagai responden bagi mengkaji kesan konflik kerja–keluarga kepada hubungan antara kepuasan hidup dan kerja. Menurut kajian Hailin dan Xinyuan (2012) mendapati bahawa bilangan tanggungan tidak mempunyai kesan yang signifikan kepada kepuasan hidup. Dalam masa yang sama, kajian oleh Xinyuan, Hailin dan Richard (2011) yang mengkaji hubungan konflik kerja–keluarga terhadap kepuasan hidup dan kerja turut mempersetujui hasil kajian pengkaji ini. Menurut kajian Xinyuan, Hailin dan Richard (2011) menunjukkan bahawa bilangan anak tidak mempunyai kesan yang signifikan keatas kepuasan hidup.

Namun begitu, hasil kajian ini tidak konsisten dengan kajian oleh Noraini M. Noor (2004) yang melibatkan 147 orang pekerja English wanita yang menjelaskan bahawa bilangan anak boleh memberi kesan kepada kepuasan hidup di mana anak yang ramai akan meningkatkan permintaan kerja

dan keluarga. Menurut Noraini M. Noor (2004), perkara tersebut akan membawa kepada tahap konflik kerja–keluarga yang tinggi sekali gus merendahkan kepuasan hidup.

**Hipotesis 5:** Terdapat hubungan antara konflik kerja–keluarga dengan kepuasan hidup dalam kalangan pasangan dwi kerjaya.

Jadual 9: Keputusan Korelasi Di Antara Konflik Kerja–Keluarga Dengan Kepuasan Hidup Dalam Kalangan Pasangan Dwi Kerjaya

Pembolehubah	Kepuasan Hidup
Konflik Kerja – Keluarga	- .538
$k < .05$	

Hipotesis ini menggunakan kaedah analisis statististik korelasi pearson untuk melihat sama ada terdapat hubungan antara konflik kerja–keluarga dengan kepuasan hidup dalam kalangan pasangan dwi kerjaya. Hasil analisis keputusan menunjukkan bahawa nilai pekali Pearson adalah - .538 ( $r = -.538$ ) di mana nilai kebarangkalian adalah .000 yang diuji pada aras keyakinan ( $k < .05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa hipotesis ini diterima kerana terdapat hubungan yang negatif antara konflik kerja–keluarga dengan kepuasan hidup dalam kalangan pasangan dwi kerjaya [ $r (80) = -.538$ ,  $k < .05$ ].

Selain itu, hasil kajian pengkaji ini konsisten dengan kajian oleh Xinyuan, Haillin dan Richard (2011) yang mengkaji hubungan konflik kerja–keluarga terhadap kepuasan hidup dan kerja. Menurut Xinyuan, Haillin dan Richard (2011), konflik kerja–keluarga terutamanya keluarga ganggu kerja mempunyai hubungan atau kesan secara langsung atau tidak langsung kepada kepuasan hidup. Berdasarkan kajian Xinyuan, Hailin dan Richard (2011), konflik kerja–keluarga secara langsung boleh mempengaruhi kepuasan hidup. Dalam masa yang sama, kajian oleh Noorazwana dan Agnis (2017) yang melibatkan 288 orang responden daripada kalangan ibu bapa yang bekerja di sektor awam turut sama mempersetujui hasil kajian pengkaji ini. Berdasarkan kajiannya, Noorazwana dan Agnis (2017) mendapatkan bahawa konflik kerja–keluarga mempunyai pengaruh kepada kepuasan hidup seseorang individu.

Malah, jika tahap konflik kerja–keluarga tinggi maka tahap kepuasan hidup adalah kurang memuaskan (Noorazwana & Agnis, 2017). Menurut Noorazwana dan Agnis (2017), konflik yang berlaku di tempat kerja sehingga menjelaskan peranan dalam pekerjaan akan memberikan tahap kepuasan hidup yang menurun dan tidak memuaskan kepada ibu bapa bekerja. Di samping itu, hasil kajian pengkaji ini turut disokong oleh Pamela, Wayne dan Christian (1999) yang mengkaji kesan negatif konflik kerja–keluarga terhadap kepuasan kerja dan hidup yang melibatkan 270 orang responden iaitu pengurus hotel. Menurut kajian oleh Pamela, Wayne dan Christian (1999) mendapatkan bahawa konflik kerja–keluarga mempunyai hubungan yang negatif dengan kepuasan hidup. Malahan, konflik kerja–keluarga ini turut menjelaskan tahap kepuasan hidup seseorang individu (Pamela, Wayne & Christian, 1999).

## 8.0 IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa pembolehubah kepuasan hidup ini boleh dipengaruhi oleh konflik kerja–keluarga. Namun begitu, pengkaji mendapatkan bahawa pengkaji–pengkaji dalam negara kurang menjalankan kajian berkaitan konflik kerja–keluarga dengan kepuasan hidup di mana kebanyakkan pengkaji luar yang menerokai kajian ini. Pengkaji mengharapkan kajian ini dapat menjadi panduan kepada pengkaji yang lain terutama dalam negara yang ingin menerokai dan mengkaji konflik kerja–keluarga dengan kepuasan hidup dalam kajian mereka.

Selain itu, berdasarkan hasil analisis keputusan kajian mendapatkan bahawa terdapat hubungan yang negatif antara konflik kerja–keluarga dengan kepuasan hidup dalam kalangan pasangan dwi kerjaya. Perkara ini menunjukkan bahawa individu yang memiliki tahap konflik kerja–keluarga yang tinggi akan merendahkan tahap kepuasan hidup mereka dan sebaliknya individu yang memiliki tahap konflik kerja – keluarga yang rendah akan meninggikan tahap kepuasan hidup mereka. Sehubungan

itu, individu perlu bijak mengurus konflik kerja–keluarga yang dialami supaya tidak menjelaskan tahap kepuasan hidup dan turut menyenangkan terutamanya kepada pasangan dwi kerjaya untuk menjalankan urusan kerja dan keluarga.

Di samping itu, seharusnya pasangan dwi kerjaya ini perlu mewujudkan satu garis panduan untuk mereka menguruskan keperluan kerja dan keluarga dengan baik tanpa mengabaikan salah satu tugas. Maka dengan garis panduan itu membolehkan mereka menjalankan peranan sebagai pekerja dan suami atau isteri dengan lebih baik serta mengurangkan konflik kerja–keluarga ini daripada berlaku sekali gus meningkatkan tahap kepuasan hidup. Berhubung dengan implikasi kajian yang dinyatakan ini diharapkan boleh dijadikan sebagai satu cadangan atau saranan yang berguna kepada pasangan dwi kerjaya ini.

Dalam masa yang sama, pengkaji juga mencadangkan kepada pasangan dwi kerjaya ini untuk berjumpa dengan pihak yang boleh membantu mereka mengatasi konflik yang dialami daripada cuba menyelesaikannya sendiri. Sebagai contoh, berbincang dengan pihak organisasi, berjumpa dengan kaunselor atau berbincang dengan pasangan sendiri. Melalui cara ini diharapkan individu akan mendapat jalan penyelesaian bagi konflik yang dialami dan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan sebagai pasangan dan pekerja.

Seterusnya, pengkaji juga mencadangkan kepada pihak organisasi supaya mengenalpasti pekerja yang mempunyai masalah konflik kerja–keluarga terutamanya bagi pasangan dwi kerjaya. Perkara ini untuk memudahkan pihak organisasi untuk mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap individu tersebut seperti mencadangkan berjumpa kaunselor, menguruskan tugasan mengikut kepentingan dengan efisien, memberikan ganjaran, mengajurkan program dan sebagainya.

Dengan itu, para pekerja akan menjalankan kerja dengan lebih lancar dan cekap setelah diatasi konflik tersebut. Pihak organisasi juga akan lebih berpuas hati apabila pekerja lebih cekap dalam melakukan tugas. Dalam masa yang sama, pihak organisasi juga akan turut dipuji kerana menjaga kebijakan pekerja tidak kira fizikal dan mental.

## 9.0 CADANGAN

Sepanjang pengkaji menjalankan kajian ini, terdapat beberapa perkara yang ingin disarankan kepada pengkaji akan datang yang berhasrat untuk melakukan kajian yang sama di masa akan datang. Pengkaji amat mengharapkan cadangan yang diberikan ini dapat membantu pengkaji akan datang agar kajian tersebut akan berjalan dengan lebih lancar tanpa sebarang permasalahan yang kemungkinan boleh berlaku. Namun, pengkaji tidak menekankan pengkaji akan datang untuk menggunakan cadangan pengkaji ini dalam menjalankan kajian di masa akan datang. Hal ini kerana cadangan ini hanya sekadar saranan sahaja untuk memudahkan urusan kajian pengkaji akan datang.

Pertamanya, pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang supaya mengfokuskan kajian kepada konflik kerja–keluarga berbanding kepada kepuasan hidup. Pengkaji menyarankan perkara ini kerana pengkaji mendapati pembolehubah konflik kerja–keluarga lebih ditekan oleh pengkaji lepas berbanding pembolehubah kepuasan hidup. Pengkaji menyatakan sedemikian kerana tanpa konflik kerja–keluarga tahap kepuasan hidup pekerja tidak akan menurun. Sekiranya, apabila pengkaji akan datang mengfokuskan kepada punca konflik tersebut terjadi maka kesannya iaitu kepuasan hidup menurun akan dapat diatasi dengan lebih efektif.

Selain daripada itu, pengkaji akan datang juga dicadangkan untuk memperkembangkan kajian dengan mengkaji hubungan konflik kerja–keluarga terhadap kepuasan kerja atau kesihatan mental. Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kebanyakkan para pengkaji lepas mengkaji konflik kerja–keluarga dengan kepuasan kerja atau dengan kesihatan mental berbanding dengan kepuasan hidup dalam kajian mereka. Sebagai contoh, kajian konflik kerja keluarga dengan kesihatan mental oleh Shiyi Zhou et.al (2018), Siti Aisyah Panatik et.al (2011), Siti Aisyah dan Siti Khadijah (2012) dan lain–lain. Pengkaji menyarankan perkara ini disebabkan konflik kerja–keluarga dilihat mempunyai hubungan yang ketara dengan pembolehubah kepuasan kerja dan kesihatan mental berbanding kepuasan hidup.

Seterusnya, pengkaji akan datang juga dicadangkan untuk memfokuskan kajian kepada wanita bekerjaya sebagai responden. Hal ini disebabkan oleh konflik kerja–keluarga lebih dialami kepada wanita berbanding lelaki walaupun mereka merupakan pasangan dwi kerjaya. Pengkaji

mendapati bahawa dalam pasangan dwi kerjaya, isteri lebih terkesan dengan konflik kerja–keluarga ini berbanding suami. Malahan, jika terdapat permasalahan dengan keluarga isteri akan menguruskan terlebih dahulu sebelum suami mengambil alih jika isteri tidak dapat menguruskannya. Malahan, kajian-kajian daripada pengkaji lepas juga turut mengfokuskan kepada wanita berbanding lelaki.

Akhir Sekali, pengkaji menyarankan kepada pengkaji akan datang untuk menjalankan kajian kepada populasi yang lebih besar daripada populasi pengkaji sekarang. Pengkaji menyarankan sebegini supaya kajian pengkaji akan datang itu boleh digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar daripada populasi kajian ini. Sebagai contoh, pengkaji akan datang boleh mengambil pasangan dwi kerjaya di Johor, Melaka atau Malaysia sebagai populasi. Dengan itu, kajian pengkaji akan datang boleh digeneralisasikan kepada semua pasangan dwi kerjaya di Johor, Melaka atau Malaysia. Maka, kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji akan datang diharapkan akan lebih berguna untuk dijadikan sebagai panduan kepada pihak tertentu untuk mengatasi permasalahan konflik kerja–keluarga ini supaya dapat meningkatkan tahap kepuasan hidup setiap individu.

## 10.0 KESIMPULAN

Tuntasnya, kajian yang dijalankan pengkaji ini melibatkan 80 orang responden meliputi 40 pasangan dwi kerjaya di Daerah Pasir Gudang, Johor. Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara konflik kerja–keluarga dengan kepuasan hidup tetapi tidak terdapat perbezaan kepuasan hidup dengan umur, jantina, pekerjaan dan bilangan anak. Walaupun, empat hipotesis dalam kajian ini ditolak dan hanya satu hipotesis yang diterima. Namun begitu, ianya telah disokong oleh kajian daripada pengkaji yang lepas. Pengkaji mengharapkan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dan membantu pengkaji akan datang melaksanakan kajian mereka.

## RUJUKAN

- Aazami Sanaz, Akmal Syaqirah & Shamsuddin Khadijah. (2014). Validation Study of The Malay Version of The Work-Family Conflict Questionnaire. *The Malaysian Journal of Medical Sciences*. Vol. 21. Hlm. 50-57.
- Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin. (2017). Pembelajaran Abad Ke 21 Dalam Kepelbagaian Budaya: Harapan Dan Cabaran. *Kertas Kerja Ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa Ke-8*. (Conference Paper). Hlm. 1-12.
- Aminah Ahmad. (1996). Associations of Work-Family Conflict, Job Satisfaction, Family Satisfaction and Life Satisfaction: A Study of Married Female Secretaries. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*. Vol. 4 (2). Hlm. 101-108.
- Arzu Tasdelen-Karckay & Orkide Bakalim. (2017). The Mediating Effect of Work-Life Balance on The Relationship between Work-Family Conflict and Life Satisfaction. *Australian Journal of Career Development*. Vol. 26(1). Hlm. 3-13.
- Cynthia A. Bonebright, Daniel L. Clay & Robert D. Ankenmann. (2000). The Relationship of Workaholism with Work-Life Conflict, Life Satisfaction and Purpose of Life. *Journal of Counseling Psychology*. Vol. 47 (4). Hlm. 469-477.
- Deniz Yucel. (2016). Work to Family Conflict and Life Satisfaction: The Moderating Role of Type of Employment. *Applied Research Quality of Life*. Vol. 12. Hlm. 577-591.
- Ed Diener, Robert A. Emmons, Randy J. Larsen & Sharon Griffin. (1985). The Satisfaction with Life Scale. *Journal of Personality Assessment*. Hlm. 71-75.
- E. Kevin Kelloway, Benjamin H. Gottlieb & Lisa Barham. (1999). The Source, Nature and Direction of Work and Family Conflict: A Longitudinal Investigation. *Journal of Occupational Health Psychology*. Vol. 4. Hlm. 337-346.
- Haillin Qu & Xinyuan (Roy) Zhao. (2012). Employees Work-Family Conflict Moderating Life and Job Satisfaction. *Journal Of Business Research* 65. Hlm. 22-28.
- Jeffrey H. Greenhaus & Nicholas J. Beutell. (1985). Sources of Conflict between Work and Family Roles. *Academy of Management Review*. Vol. 10. Hlm. 76-88.

- Karyl E. Macewen & Julian Barling. (1988). Interrole Conflict, Family Support and Marital Adjustment of Employed Mothers: A Short Term, Longitudinal Study. *Journal of Organizational Behavior*. Vol. 9. Hlm. 241-250.
- Meguellati Achour, Shahidra Abdul Khalil, Bahiyah Ahmad, Mohd Roslan Mohd Nor & Mohd Yakub Zulkifli Abdul Yusoff. (2017). Management and Supervisory Support as A Moderator of Work-Family Demands and Women's Well-Being. *Humanomics*. Vol. 33 (3). Hlm. 335-356.
- Noorazwana Musida & Agnis Sombuling. (2017). Pengaruh Konflik Kerja-Keluarga Terhadap Kepuasan Hidup Dalam Kalangan Ibu Bapa Bekerja. *Jurnal Psikologi Malaysia* 31. Vol. 3. Hlm. 19-30.
- Nooriah Yusof & Zakiyah Jamaluddin. (2018). Kos Perbelanjaan Perumahan Dalam Kalangan Penduduk Kawasan Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Di Pulau Pinang. *Akademika*. Vol. 88 (1). Hlm. 167 – 179.
- Noraini M. Noor. (2004). Work-Family Conflict, Work and Family Role Salience, and Women's Well-Being. *The Journal of Social Psychology*. Vol. 144. Hlm. 389-405.
- Nor Azimah Chew Abdullah. (2016). Konflik Kerja-Keluarga Dalam Kalangan Pensyarah: Satu Tinjauan. *Sains Humanika*. Vol. 8. Hlm. 131-135.
- Pamela L. Perrewe, Wayne A. Hochwarter & Christian Kiewitz. (1999). Value Attainment: An Explanation for The Negative Effect of Work-Family Conflict on Job and Life Satisfaction. *Journal of Occupational Health Psychology*. Vol. 4 (4). Hlm. 318-326.
- Salman Zarei, Masomeh Esmaeili, Hossein Salimi Bajastani & Kiumars Farabakhsh. (2016). Effect of Work-Family Conflict Management Model in Life Satisfaction of Male Employees. *Journal of Research & Health*. Vol. 6. Hlm. 530-536.
- Samina Nawab & Sana Iqbal. (2013). Impact of Work-Family Conflict on Job Satisfaction and Life Satisfaction. *Journal of Basic and Applied Scientific Research*. 3(7). Hlm. 101-110.
- Shiyi Zhou, Shu Da, Heng Guo & Xichao Zhang. (2018). Work-Family Conflict and Mental Health among Female Employees: A Sequential Mediation Model Via Negative Effect and Perceived Stress. *Journal Frontiers in Psychology*. Vol. 9: 544.
- Siti Aisyah Panatik & Siti Khadijah Zainal Badri. (2012). Konflik Kerja-Keluarga, Kesihatan Mental dan Kecenderungan Tukar Ganti Kerja Dalam Kalangan Guru. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. Hlm. 51-56.
- Siti Aisyah Panatik, Siti Khadijah Zainal Badri, Azizah Rajab Hamidah Abdul Rahman & Ishak Mad Shah. (2011). The Impact of Work Family Conflict on Psychological Well-Being among School Teachers in Malaysia. *Procedia–Social and Behavioral Sciences* 29. Hlm. 1500-1507.
- William Pavot & Ed Diener. (1993). Review of The Satisfaction with Life Scale. *Psychological Assessment*. Vol. 5. Hlm. 164-172.
- Xinyuan (Roy) Zhao, Hailin Qu & Richard Ghiselli. (2011). Examining The Relationship of Work-Family Conflict to Job and Life Satisfaction: A Case of Hotel Sales Managers. *International Journal of Hospitality Management* 30. Hlm. 46-54.
- [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul\\_id=QzdJY2R1K0pvZ2hUb3MzTFVJU0FiZz09&menu\\_id=U3VPMIdoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul_id=QzdJY2R1K0pvZ2hUb3MzTFVJU0FiZz09&menu_id=U3VPMIdoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09) dilayari pada 22 Ogos 2019.
- [https://myhos.mohr.gov.my/ebook/istatistik2\\_2019/index.html#p=14](https://myhos.mohr.gov.my/ebook/istatistik2_2019/index.html#p=14) dilayari pada 22 Ogos 2019.
- [https://myhos.mohr.gov.my/ebook/istatistik2\\_2019/index.html#p=22](https://myhos.mohr.gov.my/ebook/istatistik2_2019/index.html#p=22) dilayari pada 22 Ogos 2019.
- <http://www.fomca.org.my/v1/index.php/2-uncategorised/215-kajian-hampir-60-warga-kota-terbeban-kos-sara-hidup> dilayari pada 10 Disember 2019.

# **PENGARUH TELEVISYEN TERHADAP TINGKAH LAKU AGRESIF DALAM KALANGAN REMAJA SEKOLAH MENENGAH RAHMAT KUALA SUNGAI BARU, MELAKA**

**Marryanah Binti Masandal & Cik Nazurulaina Binti Haji Aripin**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

marryanahanah@gmail.com

## **Abstrak**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Kuala Sungai Baru Melaka. Responden kajian terdiri daripada seramai 60 orang pelajar iaitu lelaki seramai 28 dan perempuan seramai 32 orang yang dilibatkan dalam kajian ini. Instrumen kajian yang telah digunakan ialah set soalan soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A digunakan untuk melihat latar belakang responden. Manakala bagi Bahagian B pula adalah soal selidik Pengaruh Televisyen daripada soal selidik *The Attractive Media and The Effect on Audience Questionnaire* (Heinichi, Molenda, Russel dan Ely, 1991). Yang mengandungi 42 item dan menggunakan skala lima tahap. Bagi Bahagian C pula ialah tentang tingkah laku agresif yang diambil daripada soal selidik *The Effect by Violent Media on Aggression Questionnaire* (Buss and Perry, 1992) juga mempunyai skala lima tahap. Data yang diperolehi telah diproses dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science*, Versi 22 (SPSS) untuk menilai peratusan kekerapan, pekali korelasi, ujian t dan Anova. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pengaruh televisyen berunsur keganasan adalah pada tahap tinggi iaitu kebolehpercayaan sebanyak .922. Dapatkan bagi tingkah laku agresif juga berada pada tahap tinggi iaitu kebolehpercayaan sebanyak .869. Murid-murid merupakan modal insan yang paling berharga untuk negara kita. Kajian ini mempunyai implikasi penting tentang peranan televisyen supaya menilai kembali program-program yang disiarkan agar dapat meminimakan unsur-unsur agresif yang boleh menyebabkan pelajar-pelajar bertingkah laku agresif.

Kata kunci: pengaruh televisyen, kebolehpercayaan dan tingkah laku agresif

## **1.0 PENGENALAN**

Media merupakan alat atau perantara dalam sesuatu komunikasi untuk mewujudkan perhubungan. (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Media massa merupakan sesuatu yang meliputi pelbagai aspek seperti media cetak, media elektronik dan internet yang mempunyai pengaruh kuat terhadap kehidupan golongan remaja. Media elektronik pada masa kini banyak menayangkan unsur-unsur yang kurang menyenangkan seperti adanya unsur keganasan yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat. Kebanyakan remaja minat untuk menonton televisyen dan secara tidak langsung mereka boleh terpengaruh dengan watak-watak yang terdapat dalam media tersebut, dan yang lebih hebat lagi mereka muda terpengaruhi dengan watak antagonis yang membawa unsur negatif dalam sesebuah rancangan tersebut. Adegan-adegan ini sedikit sebanyak membantu memberikan mereka idea untuk melakukan gejala sosial.

Justeru, kebanyakkan rancangan yang ditayangkan adalah berasal daripada negara barat yang sering memaparkan gaya hidup yang bebas dan mewah serta menarik minat para remaja untuk meniru budaya hidup sedemikian dan mempraktikkannya dalam kehidupan sehari-hari mereka. (Zaleha Yaacob, 2010).

Kajian ini juga membuktikan bahawa menonton program berunsurkan keganasan dalam media telah menyebabkan remaja cenderung untuk bertingkah laku agresif. Selain itu, kewujudan kesan pemodelan yang kuat dalam media juga boleh mempengaruhi sikap, emosi, dan tingkah laku pelajar agresif untuk bertingkah laku agresif, walaupun pengaruh itu berlaku hanya melalui pendedahan terhadap tindakan-tindakan orang lain (Stein dan Federich, 1972). Kajian Eron (1982) mendapatkan bahawa remaja yang kerap menonton media yang berunsur ganas lebih cenderung bertingkah laku agresif kerana terpengaruh dengan model-model ganas yang mereka tontoni. Fenomena ini menyebabkan remaja, khususnya pelajar bertingkah laku agresif di sekolah.

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Dewasa ini pelbagai gejala sosial yang berlaku terhadap golongan remaja seperti terlibat dengan gejala buli, pergaulan bebas, penangihan dadah dan lain-lain lagi yang mencetuskan kepada perkara negatif dalam kehidupan mereka. Umum mengetahui bahawa remaja merupakan golongan yang mempunyai sifat ego dan mempunyai keinginan yang tinggi. Dan sifat ini mengakibatkan mereka akan berusaha untuk mencuba sesuatu perkara yang memuaskan keinginan mereka. Selain itu, mereka juga merupakan golongan yang mudah dipengaruhi dan terpengaruh serta dalam usaha pembentukan diri untuk melibatkan diri dalam kehidupan bersosial. Namun demikian, sifat yang mereka miliki ini amat membimbangkan pelbagai pihak. Ini kerana pelbagai teknologi moden yang kini mula berkembang majunya, teknologi seperti media massa banyak faedahnya namun, terdapat juga keburukan yang boleh melanda golongan ini.

Media Massa seperti televisyen walaupun membawa input baru ke dalam rumah dan penghuninya namun maklumat itu sebenarnya tidak bertapis berdasarkan kesesuaian umur. Murid-murid yang menonoton cerita orang dewasa bakal mendapat input dewasa namun demikian kemungkinan input tersebut kerana pengetahuan terdahulu atau *prior knowledge* yang ada sebelum ini terlalu sedikit dan kecil (Hamidah Hamdan, 2013)

Program-program yang memaparkan adegan-adegan yang berunsurkan keganasan dalam media massa menggunakan pelbagai daya tarikan untuk menarik perhatian remaja-remaja agresif untuk menontonnya dan perkara ini tidak boleh dipandang ringan. Kesan menonton pelbagai program yang agresif dalam media telah mewujudkan masalah meningkatnya kecenderungan melakukan tindakan berunsurkan kekerasan dan perilaku negatif lainnya dalam kalangan remaja (Baron dan Bryne, 1991). Menurutnya lagi, ketika ini media memiliki potensi besar dalam mengubah sikap dan perilaku masyarakat terutama remaja yang relatifnya masih mudah terpengaruh dan dipengaruhi. Hasil penelitian para pengkaji menunjukkan bahawa paparan media elektronik dan cetak seperti televisyen, empayar internet, filem, majalah, akhbar dan buku boleh mempengaruhi tingkah laku agresif golongan remaja (Bushman dan Heusman 2001).

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.3.1 Mengenalpasti hubungan antara pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Kuala Sungai Baru, Melaka.
- 1.3.2 Mengenalpasti perbezaan antara pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Kuala Sungai Baru, Melaka berdasarkan jantina
- 1.3.3 Mengenalpasti perbezaan pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Kuala Sungai Baru, Melaka berdasarkan umur.
- 1.3.4 Mengkaji kesan pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Kuala Sungai Baru, Melaka.

### **4.0 HIPOTESIS KAJIAN**

- 1.5.1 Terdapat hubungan antara pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Kuala Sungai Baru, Melaka.
- 1.5.2 Terdapat perbezaan antara pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Kuala Sungai Baru, Melaka berdasarkan jantina.
- 1.5.3 Terdapat perbezaan pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Kuala Sungai Baru, Melaka berdasarkan umur.

### **5.0 KAJIAN RINTIS**

Kajian dilakukan juga hampir sama dengan Musa (2000) terhadap para pelajar sekolah menegah di sekitar Lembah Klang dan Kuala Lumpur. Analisis kajiannya mendapati akibat daripada menonton kisah-kisah yang memaparkan keganasan seks menyebabkan pelajar-pelajar melakukan tingkah laku lucah dalam kategori bercumbu-cumbuan, berkhalawat, membawa bahan lucah ke sekolah, mengintai pelajar perempuan, menggunakan kata-kata lucah, isyarat lucah, melukis, menulis kata-kata dan gambar lucah. Hal ini, ia telah mencatatkan peratusan sebanyak 31.8% daripada jumlah responden yang terlibat dalam isu tingkah laku lucah seperti bercumbu-cumbuan dan berkhalawat. Berdasarkan kajiannya ia mendapati peningkatan tahap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh punca makro yang dimainkan oleh media massa. Justeru, jelaslah disini menunjukkan peningkatan tahap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh pengaruh media massa.

Seterusnya, menurut Tennebaum dan Zilman (1975), keganasan dalam media merujuk kepada “hipotesis bangkitan” iaitu pendedahan terhadap keganasan media akan membangkitkan perasaan dan meningkatkan ransangan untuk bertindak balas terhadap pelajar yang berusia 10 hingga 15 tahun di New York. Pelajar perempuan telah digunakan sebagai sampel kajiannya yang menggunakan kaedah tayangan MTV (Music Television), perhatian, temubual dan soal selidik.

## **5.0 TEORI**

### **5.1 Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura**

Manusia suka mencari cara yang mudah dan senang untuk melakukan sesuatu dalam kehidupan. Adakalanya adalah lebih senang mempelajari sesuatu dengan cara melihat apa orang buat iaitu dengan cara peniruan. Satu daripada kajian awal yang melihat kepada perkara ini telah dilakukan oleh Albert Bandura (1965 dan 1973). beliau ingin tahu apakah anak-anak boleh mempelajari sesuatu tingkah laku agresif dengan hanya melihat orang lain bertingkah laku agresif.

### **5.2 Teori Pembelajaran Pemerhatian: Proses perkembangan penilaian dan pemilihan Krull dan Dill**

Menurut teori pembelajaran Krull dan Dill (1960), terdapat beberapa episod sebelum terjadinya keganasan, individu akan menyimpan maklumat keganasan tersebut di naluri mereka dan kemudian individu tersebut akan menilai semula keganasan tersebut. Dan menurut beliau juga individu akan bertingkah laku ganas adalah disebabkan oleh perkara yang berlaku secara automatik tanpa disedarinya. Proses ini dinamakan bangkitan jangka pendek. Setelah bertindak agresif dan menerima peneguhan sama ada secara positif atau negatif, manusia akan memilih sumber keganasan yang sesuai dengan dirinya. Jika keganasan tersebut sesuai dengan dirinya maka akan membawa kesan kepada tingkah lakunya.

Namun apabila tingkah laku ini tidak bersesuaian dengan dirinya maka individu akan menilai semula melalui pemikiran dan tindakan ini akan dihindarkan. Proses penilaian akan berlaku secara berulang kali terhadap setiap bangkitan keganasan yang diterima. Oleh itu, keganasan yang berlaku dalam diri individu adalah berdasarkan ransangan persekitaran yang kemudiannya dihasilkan melalui aksi pemikiran dan muncul dalam bentuk tingkah laku.

### **5.3 Teori Hierarki Keperluan Manusia Maslow**

Maslow (1951), menekankan aspek manusia mempunyai naluri semula jadi yang baik dan mempunyai keinginan untuk mencapai kesempurnaan kendiri. Jika keadaan persekitaran menghalang atau menganggu perkembangan tersebut, individu akan berkembang secara neurotik kerana naluri dalaman manusia adalah lemah dan mudah dipengaruhi oleh faktor persekitaran.

## **6.0 METODOLOGI**

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Menurut Azizi et.al (2007), reka bentuk kajian adalah teknik dan kaedah tertentu untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Kuala Sungai Baru, Melaka. Satu set soal selidik telah disediakan bagi mendapatkan maklumat dan data. Data diperoleh dengan mengedarkan soal selidik kepada pelajar-pelajar sekolah seramai 60 orang.

Menurut Tuckman (1988), penggunaan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik memudahkan penyelidik memperolehi kerjasama daripada responden. Penyelidik menggunakan instrumen berbentuk soal selidik kerana ia senang ditadbir, data mudah dikutip dan dianalisa.

## **TEMPAT KAJIAN**

Sasaran kajian ini adalah dalam kalangan remaja Sekolah Menengah yang dikatakan sebagai budak remaja di Sekolah Menengah Rahmat Kuala Sungai Baru. Melaka.

## **SUBJEK KAJIAN**

### **Populasi**

Populasi kajian ini adalah dikalangan remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Kuala Sungai Baru. Melaka

### **Sampel kajian**

Menurut Portney dan Walkin (1993), sampel adalah subset populasi yang dipilih untuk dikaji. Responden kajian ini terbahagi kepada dua jantina utama iaitu lelaki dan perempuan. Jumlah keseluruhan pelajar adalah seramai 60 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 28 orang adalah pelajar lelaki dan bakinya 32 orang adalah pelajar perempuan.

### **Instrumen Kajian**

Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu A, B dan C menggunakan skala nominal di mana soalan perlu ditanda (/) oleh responden berkenaan latar belakang mereka. Bahagian B pula, soalan berkaitan dengan pengaruh televisyen. Skala yang digunakan adalah untuk mengukur pemarkahan Bahagian B bagi kajian ini ialah menggunakan kaedah skala 5 mata iaitu 1,2,3,4 dan 5. manakala Bahagian C adalah berkaitan dengan tingkah laku agresif yang juga menggunakan kaedah skala 5 mata.

### **Bahagian A**

Bahagian A, mengandungi item-item yang berkaitan dengan faktor demografi seperti jantina, umur, bangsa dan agama. Responden hanya perlu menjawab dengan menandakan (✓) pada ruangan yang disediakan mengikut kesesuaian maklumat.

### **Bahagian B**

Bahagian ini mengandungi 42 item soalan menjurus kepada aspek yang hendak dikaji oleh penyelidik berdasarkan persoalan kajian yang telah dinyatakan bagi menjawab permasalahan yang dikemukakan. Skala likert digunakan untuk mendapatkan maklum balas mengenai aspek. Penyelidik menggunakan skala pemeringkatan Likert 1 hingga 5 disetiap pernyataan. Responden diminta untuk menandakan jawapan mereka tentang sesuatu pernyataan berdasarkan satu skala. Tujuannya untuk mengukur maklumbalas responden.

## Bahagian C

Bahagian C ini mengandungi 29 item soalan menjurus kepada aspek yang hendak dikaji iaitu tingkah laku Agresif. Sebanyak 5 skala likert yang telah digunakan dalam Bahagian ini. Responden diminta untuk menandakan jawapan mereka tentang sesuatu pernyataan berdasarkan satu skala. Tujuannya adalah bagi memudahkan pengkaji mengukur maklumbalas responden.

### 7.0 Hasil Dapatan

Jadual di bawah adalah berkaitan dengan keputusan inferensi, demografi responden iaitu yang terdiri daripada bangsa, umur, jantina dan agama.

Jadual 1 Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	28	46.7
Perempuan	32	53.3
Jumlah	60	100

Jadual 1 adalah demografi responden berdasarkan demografi jantina iaitu lelaki sebanyak 28 orang bersamaan dengan 46.7% manakala responden perempuan pula seramai 32 orang bersamaan dengan 53.3%. Demografi jantina ini menunjukkan bahawa jantina perempuan lebih ramai berbanding lelaki.

Jadual 2 Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	44	73.3
Cina	11	18.3
Lain-lain	5	8.3
Jumlah	60	100

Jadual 2 adalah demografi responden berdasarkan demografi bangsa iaitu Melayu 44 orang bersamaan 73.3% manakala bangsa Cina pula 11 orang bersamaan 18.3%. Seterusnya bangsa Lain-lain adalah sebanyak 5 orang bersamaan 8.3%. Keputusan menunjukkan bahawa bangsa Melayu adalah yang lebih tinggi berbanding bangsa lain.

Jadual 3 Umur

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
13 tahun	1	1.7
14 tahun	21	35.0
16 tahun	17	28.3
17 tahun	21	35.0
Jumlah	60	100

Jadual 3 menunjukkan demografi responden berdasarkan umur iaitu 13 tahun adalah 1 orang bersamaan dengan 1.7% bagi umur 14 tahun adalah seramai 21 orang bersamaan 35.0. Seterusnya ialah 16 tahun sebanyak 17 orang bersamaan 28.3% dan 17 tahun menunjukkan persamaan jumlah dengan 14 tahun iaitu 21 orang bersamaan dengan 35.0%. Keputusan menunjukkan umur 14 tahun dan 17 tahun adalah yang mempunyai jumlah yang banyak berbanding yang lain.

Jadual 4 Agama

Bangsa	Kekerapan	Peratus (%)
Islam	45	75.0
Buddha	5	8.3
Lain-lain	10	16.7
Jumlah	60	100

Jadual 4 menunjukkan keputusan demografi responden berdasarkan agama iaitu islam seramai 45 orang bersamaan dengan 75.0%. Buddha seramai 5 orang bersamaan dengan 8.3% dan agama laian-lain ialah sebanyak 10 orang bersamaan 16.7%. Keputusan menunjukkan bahawa agama Islam ialah agama yang mempunyai jumlah yang lebih tinggi berbanding agama lainnya.

Jadual 5 adalah berkaitan dengan mengkaji hubungan pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif remaja Sekolah. Jadual 6 adalah berkaitan dengan mengenalpasti perbezaan pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan remaja Sekolah berdasarkan jantina. Manakala jadual 8 adalah berkaitan dengan mengenalpasti perbezaan pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif remaja Sekolah berdasarkan umur.

Jadual 5 Korelasi antara pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif

Tingkah Laku Agresif	
Pengaruh TV	.514*
$k^* < .05$	

Berdasarkan jadual 5 dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai pekali korelasi ialah .514. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan diantara pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Kuala Sungai Baru, Melaka. Hipotesis nol ditolak dan terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif. ( $r(59) = .514$ ,  $k < .05$ )

Jadual 6 Ujian *t* pengaruh televisyen dalam kalangan remaja berdasarkan jantina

Jantina	Jumlah	Min	Sishan	t	dk	sig	k
Piawai							
Lelaki	28	131.4643	17.68549	4.461	58	.012	.000
Perempuan	32	105.87306	25.87306				

Daripada jadual menunjukkan bahawa nilai ( $t(58)= 4.461$ ,  $k>.05$ ). di mana menunjukkan min pengaruh televisyen lelaki lebih tinggi berbanding perempuan iaitu 131.4643(SP= 17.68549). Bagi perempuan pula min 105.87306(SP=25.87306). Ini menunjukkan hipotesis nol diterima, dengan kata lain tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengaruh televisyen antara pelajar lelaki dan perempuan.

Jadual 7: Analisis ujian-t untuk menunjukkan perbezaan yang signifikan antara tingkah laku Agresif berdasarkan jantina.

Jantina	Jumlah	Min	Sishan	t	dk	sig	k
Piawai							
Lelaki	28	87.9643	16.54283	1.503	58	.480	.138
Perempuan	32	81.1250	18.44390				

Daripada jadual menunjukkan bahawa nilai ( $t(58)= 1.503$ ,  $k>.05$ ). di mana menunjukkan min tingkah laku agresif lelaki lebih tinggi berbanding perempuan iaitu 87.9643(SP= 16.54283). Bagi perempuan pula min 81.1250(SP=18.44390). Ini menunjukkan hipotesis nol diterima, dengan kata lain tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku agresif antara pelajar lelaki dan perempuan.

Jadual 8 Analisis Anova untuk menunjukkan perbezaan yang signifikan antara pengaruh televisyen berdasarkan umur.

		df	mean	F	Sig
Pengaruh Televisyen	Between Groups	3	1444,839	2.320	.085
	Within Groups	56	622.877		
	Total	59			

Anova sehala telah digunakan untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan pengaruh televisyen berdasarkan umur. Keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik F ialah 2.320 dengan nilai signifikannya ialah .085 dan ianya lebih besar dari nilai .05. Keputusan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengaruh televisyen berdasarkan umur ( $F(3,56 = 2.320 > .05)$

Jadual 9 Analisis Anova untuk mengkaji perbezaan yang signifikan antara tingkah laku agresif berdasarkan umur.

		df	Mean	F	sig
Tingkah_laku_Agresif	Between Groups	3	140.802	.433	.730
	Within Groups	56	325.189		
	Total	59			

Anova sehala telah digunakan untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan umur. Keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik ialah F .433 dengan nilai signifikannya sebanyak .730 dan lebih besar dari nilai .05. Keputusan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan umur  $F(3,56 = .433 > .05$ . ini bermakna hipotesis nol diterima.

## 8.0 CADANGAN

Pengkaji mengharapkan agar kajian ini dapat memberikan cadangan kepada pengkaji akan datang dalam menambahbaik dan meluaskan lagi skop kajian ini. Dengan mengkaji permasalahan remaja terhadap pengaruh media massa seperti televisyen terhadap tingkah laku agresif. Pengkaji akan datang diharapkan menggunakan kaedah pengedaran soal selidik sambil melakukan pemerhatian dan temubual bersama responden untuk mendapatkan input yang lebih banyak dan baik untuk kajian. Hal ini seterusnya membantu memudahkan pengkaji menjalankan kajian dengan bukti yang kukuh malah mendapatkan idea untuk memberikan cadangan dan perbincangan yang baik.

Selain itu, pengkaji seterusnya juga perlu melakukan kajian yang lebih banyak iaitu dengan mengkaji sekolah-sekolah lain, ini bagi memudahkan membuat perbandingan dan jenis permasalahan pelajar. Selaian itu pengkaji lain juga boleh menggunakan perkhidmatan kaunseling. Menurut Zainudin et al. (2008). Perkhidmatan ini mampu membantu pelajar dalam membendung isu-isu berkaitan dengan diri sendiri, akademik, sosial dan perkembangan kerjaya pelajar.

Masyarakat juga diharapkan kesedaran dalam masyarakat bahawa begitu besarnya pengaruh persekitaran terutamanya pengaruh televisyen yang mampu mempengaruhi remaja mahupun kanak-kanak. Pengaruh televisyen dapat membentuk pola dan tingkah laku keganasan remaja kerana minda mereka mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang ditonjolkan dalam televisyen.

## 9.0 KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa keseluruhan pengaruh televisyen terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat adalah baik iaitu mempunyai hubungan yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa pengaruh televisyen atau mana-mana media massa menjadi pencetus kepada tingkah laku agresif. Ini kerana televisyen pada masa kini kurangnya tapisan tayangan yang ditunjukkan kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak dan remaja.

Justeru itu, kurangnya pantauan aktiviti anak-anak daripada keluarga juga menjadi permasalahan kepada berlakunya tingkah laku agresif yang berpunca daripada pengaruh televisyen. Kerjasama daripada kerajaan, masyarakat, pendidik dan keluarga amat diperlukan bagi memberikan pencerahan kepada anak-anak remaja tentang penyalahgunaan televisyen yang boleh mengakibatkan pelbagai kemungkinan permasalahan bakal berlaku terutamanya pengaruh keganasan yang menjadi contoh untuk mereka ikuti hingga terhasilnya tingkah laku agresif.

## RUJUKAN

- Adiku Intan Najihah Binti Ismail. (2017). Fakulti Sains Sosial. Kolej Universiti Islam Melaka. (Versi Elektronik). *Pengaruh Keganasan dalam Media Massa Memberi Kesan Kepada Tingkah Laku Agresif Pelajar di Rumah Budak Laki-laki Tun Abdul Azizi, Durian Daun, Melaka*.
- Alzahrin Alias dan Mohd Nasaruddin Parzi. (2015). Remaja terpengaruh media sosial. *Berita Harian*.
- Azizi Yahaya & Faizah Idris. (2010). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. (Versi Elektronik). *Jurnal Tingkah Laku Agresif*.
- Azizi, Y., Ismail, M. & Peter, V. (2018). (Versi Elektronik). *Jurnal Pengaruh Media Berunsur Agesif dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Pelajar Sekolah Menengah*.
- Azizi, Y., Sharin, H., Yusof, B., & Zurhana, M. (2008). *Tip Menengani Buli di Sekolah*. Pts Professional. Kuala Lumpur.
- Baron, R. A., Bryne, D., & Suls, J. (1991). Aggression and heat: Mediating effects of prior provocation and exposure to an aggressive model. *Journal of Personality and Social Psychology*. 31, 825 - 832
- Dr. Aham Susanto, M.Pd. (2015). *Bimbingan & Konseling di Taman kanak-kanak*. Prenadamedia Group. Jakarta.
- Gerbner, G., Gross, L., & Morgan, M. (1994). *Television violence profile no. 16: The turning point from research to action*. Philadelphia: The Annenberg School for Communications, Univ. of Pennsylvania.
- Hamidah Binti Hamdan. (2013). Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. (Versi Elektronik). *Tesis Pengaruh Televisyen Terhadap Tingkah Laku Keganasan Murid-murid Sekolah*.
- Hans J. Morgenthau. (1996). *Politik Antarabangsa*. Yayasan Obor Indonesia. Jakarta
- Huesmann, L. R., & Guerra, N. G. (1997). *Children's normative beliefs about aggression and aggressive behavior*. *Journal of Personality and Social Psychology*, 72, 408-419
- Huston, A.C., & Wright, J.C. (1998). *Mass media and children's development*. In W. Damon (Series Ed.), and I.E. Sigel & K.A. Renninger (Vol. Eds.), *Handbook of child psychology: Vol. 4. Child psychology in practice* (5th ed., pp. 999–1058). New York: John Wiley & Sons.
- Jas laile Suzana Jaafar. (2008). *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Arah Pendidikan Sdn Bhd. Selangor.
- Nor Azizah Mokhtar. (2019). PPS Bantu Cegah, pantau jenayah pelajar sekolah. *Berita Harian*.
- Nur Syafiqah Binti Tajuddin. (2017). Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka. (Versi Elektronik). *Hubungan antara pengaruh media massa dan konsep kendiri dengan tingkah laku agresif pelajar Sekolah Menengah seri Setia Seremban, Negeri Sembila*.
- Nurul Husna Mahmud. (2019). Remaja mudah terjebak. *Harian Metro*.
- Ricky Ricky Indria & Iwan Djoko Prasetyo. (2017). *Jurnal Pengaruh tayangan Sinetron anak Jalanan terhadap perilaku Agresif Murid SMP Muhammadiyah 6 Surabaya*.
- Riski Amelia & Ruri Fitriyani. Prodi Psikologi Islam Universitas Islam Negeri Raden fatah Palembang. (Versi Elektronik). *Jurnal Hubungan Intensitas menonton tayangan kekerasan Di Televisi dengan perilaku Agresif Yang Dilakukan Anak Usia sekolah Di Madrasah diniyah Awaliyah Nurul Huda Pajar Bulan*.
- Rukaya, S.Pd. (2019). *Aku Bimbing dan Kaunseling*. Pangkep. Indonesia
- Samsudin A. Rahim & Latifah Pawanteh. 2000. *Media penetration and cultural consequences on adolescents in Malaysia*. *Jurnal Komunikasi*. 16. pp 51 – 70.

- Shahabuddin, H, & Noor Miza., A., R. (2014). *Pendidikan Sosioekonomi kanak-kanak*. Pts Akademia. Selangor.
- Siti Nur Adibah Binti Mohd Yusof. (2017). Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka. (2017). *Jurnal Hubungan Antara Pengaruh Media Massa Terhadap Tingkah Laku Agresif dalam Kalangan Remaja*.
- Strasburger, V. C. (1997). “Sex, drugs, rock ‘n’ roll,” and the media: Are the media responsible for adolescent behavior? Adolescent Medicine: State of the Art Reviews, 8,403-414.
- Wan Norina, W., H, Zaharah. H, Ahmad Fakrudin. M., Y, & Ahmad Arifin, S. (2013). (Versi Elektronik). *Jurnal Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia*.
- Yosua, I., P, Yari., D, Setyorini. (2018). Universitas Kristen Satya Wacana. (Versi Elektronik). *Hubungan Antara Menonton Acara Kekerasan Televisi dengan Perilaku Agresif Siswa SMP di Salatiga*.
- Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad. (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Pahang.
- Zaleha Bte Yaacob. (2010). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. (Versi Elektronik). *Jurnal Pengaruh Keganasan Dalam Media Terhadap Tingkah Laku Agresif Remaja*.

# **HUBUNGAN ANTARA KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DAN TEKANAN TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR DI POLITEKNIK MELAKA**

Vishalani A/P Selvarajo

[sherleyn96@gmail.com](mailto:sherleyn96@gmail.com)

Kolej Universiti Islam Melaka

Siti Marhamah binti Kamarul Arifain

[sitimarhamah@kuim.edu.my](mailto:sitimarhamah@kuim.edu.my)

Kolej Universiti Islam Melaka

## **Abstrak**

Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat hubungan antara kesejahteraan psikologi dan tekanan terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di Politeknik Melaka. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kajian berbentuk tinjauan iaitu soal selidik diedarkan kepada responden kajian. Seramai 322 pelajar dipilih menjadi responden berdasarkan jadual persampelan Krejcie dan Morgan (1970). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah Skala Kesejahteraan Psikologi Ryff dan *Perceived Stress Scale* (PSS). Dapatkan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan psikologi terhadap tekanan dalam kalangan pelajar politeknik Melaka,  $r = -.180^{**}$ ,  $k < .05$ . Selain itu, kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan psikologi dan tekanan terhadap pencapaian akademik pelajar Politeknik Melaka iaitu masig-masing,  $r = .020$ ,  $k > .05$  dan  $r = -.026$ ,  $k > .05$ . Seterusnya, dapatkan kajian turut mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tekanan berdasarkan jantina pelajar di Politeknik Melaka  $t (320) = .237$ ,  $k > .05$ .

**Kata Kunci:** Kesejahteraan Psikologi, Tekanan, Pencapaian Akademik, Pelajar, Politeknik Melaka

## **Abstract**

This research was to investigate the relationship between psychological well-being and stress on academic achievement among Malacca Polytechnic students. This study was conducted using quantitative method which is a survey-based study where the questionnaire was distributed to the study samples. A total of 322 students were selected to be the sampel in this research based on Kriejcie and Morgan's sampling table. Two instruments were used in this study which is Ryff Psychological Well-Being Scale and the Perceived Stress Scale (PSS). These research findings showed that there was a negative significant correlation between psychological well-being and stress among Malacca Polytechnic students,  $r = -.180^{**}$ ,  $k < .05$ . Besides, the other findings showed that there was no significant correlation among psychological well-being and stress on academic achievement which respectively  $r = .020$ ,  $k > .05$  and  $r = -.026$ ,  $k > .05$ . On the other hand, the findings also showed that there is no significant differences between stress by gender,  $t (320) = .237$ ,  $k > .05$ .

**Key:** Psychological Well-Being, Stress, Academic Achievement Students, Malacca Polytechnic

## **1.0 PENGENALAN**

Dalam era globalisasi, kemajuan negara seringkali diangkat dan diiktiraf namun tidak bagi kesejahteraan psikologi manusia. Selain itu, masyarakat kini sentiasa berhadapan dengan pelbagai masalah dalam kehidupan seharian ekoran daripada pelbagai konflik yang timbul dalam diri dan persekitaran (Amran, 2011). Konflik yang wujud ini kebanyakannya berpunca daripada tekanan yang wujud tanpa pengawalan emosi yang dihadapi oleh manusia sama ada dalam faktor dalaman dan faktor luaran. Seperti mana kita ketahui baru-baru ini kebanyakannya masalah tekanan berlaku dalam kalangan para pelajar yang sukar mengawal emosi dan dipengaruhi oleh kesejahteraan psikologi. Kesejahteraan adalah sesuatu yang penting dalam menentukan kualiti hidup manusia. Salah satu aspek yang perlu diberi penekanan adalah kesejahteraan psikologi. Di samping itu, kesejahteraan psikologi juga boleh menjadi salah satu penyumbang kepada pencapaian prestasi pelajar yang sekiranya pelajar mempunyai minda dan persekitaran yang sihat.

Selain itu, kesejahteraan psikologi seseorang individu membawa pelbagai impak kepada diri dan persekitaran. Pelajar yang mempunyai masalah tekanan dalam pelajaran juga boleh menganggu prestasi akademik mereka. Hal ini kemungkinan disebabkan oleh faktor kesejahteraan psikologi yang tidak seimbang. Pengamalan cara hidup yang tidak sihat menyebabkan kehidupan pelajar gagal mencapai matlamat diri dan negara. Oleh itu, hal ini boleh dibincangkan dalam aspek psikologi khususnya untuk mengenalpasti bagaimana elemen ini menjadi faktor ke arah kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar pada masa kini. Sehubungan dengan itu, setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza namun masalah tekanan ini tidak dapat diatasi terutamanya dalam hal pembelajaran kerana setiap individu biasa akan mengalami tekanan dalam kehidupan lebih-lebih lagi golongan remaja yang sedang berkembang. Ini adalah kerana kebanyakannya pelajar sukar untuk menguasai sesuatu mata pelajaran tersebut maka membawa keputusan akademik yang kurang memuaskan. Kemungkinan sesetengah pelajar tidak menyukai pembelajaran yang melibatkan teoritikal disebabkan menggunakan kemahiran ingatan dan pendengaran.

Falsafah Pendidikan Negara turut memberi penekanan dalam perkembangan sesebuah negara melalui sumber pendidikan merupakan satu platform yang menyumbang kepada pencapaian sesebuah matlamat (Kementerian Pendidikan, 1987). Namun demikian, dalam satu elemen pendidikan, untuk melahirkan pelajar yang cemerlang, gemilang dan terbilang, tenaga pengajar perlulah mempunyai pengalaman dalam bidang mata pelajaran dan intelektual yang tinggi bagi meningkatkan pencapaian akademik seseorang pelajar tersebut. Dalam masa yang sama, pelajar juga kurang keterlibatan dalam aktiviti-aktiviti luar. Hal ini disebabkan oleh stigma pelajar sendiri bahawa sekiranya memperuntukkan masa berlebihan dalam aktiviti di luar, kemungkinan akan mempengaruhi keputusan akademik. Hal ini menyebabkan timbulnya satu keimbangan terhadap pembelajaran. Sememangnya kesejahteraan psikologi ini adalah bergantung dengan faktor dalaman dan faktor luaran. Selain itu, semakin umur meningkat, maka semakin meningkat kesejahteraan psikologi seseorang individu.

Jika diteliti dengan lebih mendalam Ryff (1989) mengatakan secara ekstensif meneroka makna kesejahteraan psikologi dan mendefinisikan kesejahteraan psikologi sebagai persepsi berkaitan kebebasan dan tanggungjawab manusia dalam membentuk kehidupan sendiri dan mengalami kehidupan sepenuhnya. Selain itu, kesejahteraan psikologi mengandungi enam dimensi iaitu penerimaan kendiri, perhubungan positif dengan orang lain, menguasai persekitaran, autonomi, tujuan hidup dan perkembangan kendiri Ryff, 1989). Oleh itu, dimensi-dimensi yang diasaskan oleh Ryff juga merupakan komponen penting dalam mendefinisikan kesejahteraan psikologi. Tambahan pula, kesejahteraan psikologi adalah suatu konsep yang bersifat multi dimensi kerana terdapat banyak aspek-aspek istimewa iaitu seperti keyakinan, kawalan kendiri, rasa kepentingan, bebas daripada kegagalan, keresahan dan kesunyian (Sinha & Verma, 1992). Seterusnya, menurut Asmawati Desa,

Asmah Ahmad dan Zaini Sharkawi (2009) kesejahteraan psikologi merupakan pengalaman seseorang individu. Justeru, kesejahteraan psikologi merujuk kepada kesejahteraan yang diasosiasi atau diperoleh daripada pelbagai keperluan sosial, psikologi atau keperluan kebebasan. Justeru, pertumbuhan seseorang individu itu bergantung kepada penilaian subjek kesejahteraan. Hal ini menunjukkan kesejahteraan psikologi manusia adalah satu aspek yang perlu dititik berat bagi menentukan kualiti hidup manusia. Bagaimana kesejahteraan guru penentu kepada kesejahteraan muridnya, begitulah kesejahteraan pelajar merupakan penentu kepada masa depan negara.

## 1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Dewasa ini sering diperlihatkan tentang isu-isu kesihatan mental remaja yang kian meruncing dan turut memberi kesan terhadap Kementerian Kesihatan Malaysia. Hal ini juga tergolong dalam kesejahteraan psikologi yang menjadi beberapa punca salah satunya adalah masalah pembelajaran. *National Health and Morbidity Survey* (2018) telah mendedahkan keadaan kesihatan mental dalam kalangan remaja yang semakin membimbangkan. Perilaku membunuh diri dalam kalangan usia remaja meningkat sejak tahun 2012. Seterusnya, turut mendapat anak remaja berusia 13 hingga 17 tahun kebanyakannya mengalami masalah kesihatan mental. Hal ini kerana, berlaku proses peralihan usia pada peringkat remaja ke peringkat dewasa dan lonjakan perubahan terhadap pertumbuhan dan perkembangan individu juga akan berlaku mengikut faktor biologi, kognitif, fizikal dan psikologi diri mereka. Menurut Nor Ba'yah et. al (2018), remaja akhir yang berumur 19-24 tahun iaitu umur remaja yang berada di peringkat IPT mempunyai kebarangkalian membunuh diri yang sangat tinggi iaitu seramai empat orang (10.3%) dan kebarangkalian mendapat kemurungan adalah di tahap sederhana iaitu seramai 89 orang (20.2%). Fenomena ini juga boleh dikaitkan dengan faktor persekitaran dan pengalaman hidup remaja itu sendiri seperti masalah di sekolah, masalah komunikasi dengan ibu bapa serta tingkah laku seksual berisiko.

Selain itu, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh seseorang individu kemungkinan diri mereka tidak boleh menerima masalah atau tidak tahu penyelesaian bagi sesuatu masalah tersebut dan hal ini membawa tekanan dalam diri seseorang individu. Dalam peringkat ini, pelajar akan mula mengenali dunia cabaran yang sebenar apabila mereka bergerak sendiri tanpa pemantauan ibu bapa. Di sini, kebanyakannya boleh dilihat ramai pelajar biasanya mengalami tekanan khususnya dari segi pembelajaran. Menurut Siti Haziqah (2017), faktor pembelajaran amat mempengaruhi tekanan pelajar terutamanya di dalam persekitaran pembelajaran yang merangkumi persekitaran kelas, pengajaran pensyarah dan rakan sebaya. Ini turut akan menjelaskan pencapaian akademik pelajar. Kesan tekanan yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah adalah kesan daripada tekanan yang dialami oleh pelajar itu sendiri (Hanina, Tan & Jumali, 2010).

Ekoran daripada pelbagai isu yang timbul dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia pada masa kini, kajian oleh Siti Marhamah et. al (2017) juga telah mengenalpasti beberapa masalah yang sering dialami oleh pelajar IPT antaranya adalah masalah kesihatan dan perkembangan fizikal, masalah di universiti, masalah rumah dan keluarga, masalah kewangan, masalah pekerjaan dan masa hadapan, masalah perhubungan antara jantina dan perhubungan antara orang lain dan diri mereka sendiri. Kebanyakkhan pelajar yang tidak mampu untuk menghadapi permasalahan ini dengan baik maka akan menimbulkan tekanan justeru menjelaskan kesejahteraan psikologi mereka sehingga menyebabkan pencapaian akademik mereka terganggu, tekanan, kemurungan malah paling teruk akan mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri. Maka, kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti hubungan antara tekanan dan kesejahteraan psikologi terhadap pencapaian akademik pelajar.

## **1.2     OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan permasalahan yang telah dihuraikan, kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek kesejahteraan psikologi dan tekanan yang dihadapi oleh pelajar. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah :-

- i. Mengenalpasti hubungan kesejahteraan psikologi terhadap tekanan dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka.
- ii. Mengenalpasti hubungan kesejahteraan psikologi terhadap pencapaian akademik pelajar Politeknik Melaka.
- iii. Mengenalpasti hubungan tekanan terhadap pencapaian akademik pelajar Politeknik Melaka.
- iv. Mengenalpasti perbezaan tekanan berdasarkan jantina pelajar Politeknik Melaka.

## **1.3     HIPOTESIS KAJIAN**

- i. Terdapat hubungan kesejahteraan psikologi terhadap tekanan dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka.
- ii. Terdapat hubungan kesejahteraan psikologi terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka.
- iii. Terdapat hubungan tekanan terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka.
- iv. Terdapat perbezaan tekanan berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka.

## **2.0 SOROTAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Ryff (1989) mengatakan bahawa membentuk teori kesejahteraan psikologi merupakan gabungan idea-idea dalam teori personaliti seperti Maslow, Jung, Rogers, Allport, Erikson, Buhler, Neugarten dan Johada di mana dalam model kesejahteraan psikologinya terkandung enam komponen kefungsian psikologi positif. Oleh itu, Ryff dan Keyes (1995) mengatakan kekuatan keenam-enam dimensi yang dibentuk dalam model kesejahteraan Ryff ini adalah meluas perbincangannya di mana ianya merangkumi psikologi perkembangan, kesihatan mental dan psikologi klinikal dan menunjukkan bahawa bidang psikologi luas merangkumi banyak aspek.

Oleh itu, Ryff telah mencipta setiap dimensi yang memainkan peranan mengikut individu antaranya ialah penerimaan kendiri (*self-acceptance*), perkembangan peribadi (*personal growth*), matlamat hidup (*purpose in life*), hubungan positif dengan orang lain (*positive relations with others*), menguasai persekitaran (*environmental mastery*) dan kebebasan (*autonomy*). Terdapat beberapa kajian berkaitan dengan kesejahteraan psikologi dan tekanan terhadap pencapaian akademik pelajar yang telah dilakukan oleh para penyelidik sebelum ini. Antaranya kajian lepas tersebut ialah :-

Nadia Van der Merwe (2005), dengan kajiannya untuk menentukan hubungan antara kecerdasan emosi, kesejahteraan psikologi (keyakinan, kepuasan hidup, keberkesan diri) terhadap prestasi akademik mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi terhadap akademik namun kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesejahteraan psikologi terhadap pencapaian akademik.

Turashvili dan Japaridze (2012), melakukan kajian untuk mengenalpasti tahap kesejahteraan psikologi dalam konteks pelajar di Georgia. Sampel terdiri daripada 252 pelajar yang dipilih secara rawak di lima Universiti yang terkenal di Georgia. Kajian ini menggunakan instrumen *Psychological*

*Well-Being Inventory, Coping Inventory for Stressful Situation (CISS) dan Endler & Parker Kucher Adolescent Depression Scale (KADS-6)*. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai tahap kesejahteraan yang sederhana dan rendah sehingga berlaku kemurungan mengikut prestasi akademik yang dinilai secara keseluruhan. Oleh itu, kajian ini mempunyai hubungan signifikan kesejahteraan psikologikal terhadap prestasi akademik dalam kalangan pelajar di seluruh Universiti Georgia.

Emaasit (2016), melakukan kajian bertujuan untuk meneroka hubungan antara kerja akademik tekanan, kesejahteraan psikologi dan kehidupan sosial pelajar ijazah sarjana di Universiti. Sampel kajian ini terdiri daripada 100 orang pelajar *master* dari pelbagai kursus pengajian di Linnaeus University Vaxjo-Sweden. Kajian ini juga menggunakan instrumen *Lakaev Academic Stress response Scale* dan *Psychological Well-being Scale*. Hasil kajian menunjukkan bahawa tekanan kerja akademik dengan kesejahteraan psikologi menunjukkan signifikan korelasi yang negatif antara pembolehubah ( $r=-.448$ ,  $p< .001$ ) di mana pelajar yang mengalami tahap stres kerja akademik yang tinggi mempunyai kesejahteraan psikologi yang lebih rendah.

Halimah Mohd Yusof et. al (2019) pula melakukan kajian untuk melihat kesan tekanan terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar dari beberapa fakulti di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sampel kajian ini terdiri daripada 368 pelajar yang terpilih di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian ini menggunakan instrumen *Depression, Anxiety and Stress Scale (DASS)* dan *General Health Questionnaire (GHQ)*. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan yang negatif antara tekanan terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar di UTM.

Wiliam (2015), juga mengkaji hubungan antara tekanan akademik dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar sekolah tinggi. Sampel kajian ini terdiri daripada 250 pelajar sekolah tinggi Accra, Ghana. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah *Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS)*, *Depression Anxiety Stress scale (DASS)* dan *Student-Life Stress Inventory (SLSI)*. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan yang negatif antara tekanan akademik dan kesejahteraan psikologi pelajar sekolah tinggi di Ghana manakala pengkaji mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara prestasi akademik terhadap kesejahteraan psikologi pelajar.

### **3.0 METODOLOGI**

Dalam kajian ini menggunakan kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan iaitu dengan menggunakan kaedah soal selidik. Populasi kajian ini adalah seramai 2000 orang pelajar di Politeknik Melaka. Oleh itu, berdasarkan jadual persampelan Krejie dan Morgan (1970), sampel yang dipilih adalah seramai 322 orang pelajar.

#### **3.1 INSTRUMEN KAJIAN**

Kajian ini menggunakan instrumen *Psychological Well-Being* yang terdiri daripada 18 item dan diasaskan oleh Ryff dan Keyes (1995). Soal selidik ini merangkumi enam dimensi dalam setiap diri individu. Soal selidik ini adalah berbentuk skala likert iaitu skala 1 hingga skala 7. Selain itu, pengkaji juga menggunakan instrumen *Perceived Stress Scale Questionnaire (PSSQ)* yang terdiri daripada sepuluh item yang dipelopori oleh Cohen (1988). Soal selidik ini juga mempunyai skala *likert* iaitu skala 0 hingga skala 4.

## 4.0 HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini membincangkan hipotesis yang telah dibentuk oleh pengkaji. Perbincangan ini adalah hasil analisis secara deskriptif dan inferensi yang menggunakan perisian *Statistical Package for Social Support (SPSS)* versi 23.0.

- i) Hasil Analisis Deskriptif

**Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Umur**

Umur	Kekerapan (N)	Peratus (%)
18 - 21 tahun	288	89.4
22 - 25 tahun	33	10.2
26 - 29 tahun	1	3
<b>Jumlah</b>	<b>322</b>	<b>100</b>

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut umur dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka. Seramai 288 orang pelajar (89.4%) berada dalam lingkungan umur antara 18 hingga 20 tahun yang merupakan majoriti umur pelajar yang sedang belajar di Politeknik Melaka. Manakala, bagi pelajar yang berumur antara 22 hingga 25 tahun didapati seramai 33 orang pelajar (10.2%) sahaja dan hanya 1 orang pelajar (3%) yang berada dalam lingkungan umur antara 26 hingga 29 tahun.

**Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Jantina**

Jantina	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Lelaki	128	39.8
Perempuan	194	60.2
<b>Jumlah</b>	<b>322</b>	<b>100</b>

Jadual 2 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina di Politeknik Melaka. Seramai 128 orang (39.8%) terdiri daripada pelajar lelaki dan selebihnya adalah seramai 194 orang (60.2%) pelajar perempuan.

**Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Bangsa**

Bangsa	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Melayu	200	62.1
Cina	24	7.5
India	95	29.5
Lain-lain	2	3
<b>Jumlah</b>	<b>322</b>	<b>100</b>

Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden mengikut bangsa di Politeknik Melaka. Terdapat seramai 200 orang (62.1%) pelajar yang terdiri daripada bangsa Melayu, manakala seramai 24 orang (7.5%) pelajar sahaja yang terdiri daripada bangsa Cina. Selain itu, seramai 95 orang (29.5%) pelajar juga terdiri daripada bangsa India dan selebihnya adalah dari bangsa lain.

Jadual 4 pula menunjukkan kekerapan dan peratusan responden mengikut semester pelajar di Politeknik Melaka. Terdapat seramai 95 orang (29.5%) pelajar yang belajar semester dua. Selain itu, didapati seramai 65 orang (20.2%) pelajar yang berada dalam semester tiga. Tambahan pula, seramai

84 orang (26.1%) pelajar yang berada dalam semester empat Bagi semester lima pula, kekerapan yang didapati adalah seramai 54 orang (16.8%) pelajar. Manakala, bagi semester enam dibahagikan kepada dua iaitu pelajar yang berada dalam semester enam seramai 17 orang (5.3%) dan segelintir pelajar semester enam yang mengambil *carry subject* didapati adalah seramai tujuh orang (2.2%) pelajar.

**Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Semester**

Semester	Kekerapan (N)	Peratus (%)
2	95	29.5
3	65	20.2
4	84	26.1
5	54	16.8
6	17	5.3
6 ( <i>Carry subjects</i> )	7	2.2
<b>Jumlah</b>	<b>322</b>	<b>100</b>

ii) Hasil Analisis Inferensi

**Hipotesis 1 : Terdapat hubungan kesejahteraan psikologi terhadap tekanan dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

**Jadual 5: Hubungan kesejahteraan psikologi terhadap tekanan dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

Pembolehubah	Tekanan
Kesejahteraan Psikologi	-.180**

$k < .01$

Jadual 5 menunjukkan keputusan pekali korelasi bagi kesejahteraan psikologi terhadap tekanan adalah  $-.180$  ( $r = -.180$ ) dan nilai kebarangkalian adalah  $.001$  yang diuji pada aras keyakinan  $.05$ . Nilai kebarangkalian ini mendapat lebih kecil dari aras keyakinan ( $k < .01$ ). Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan psikologi terhadap tekanan pelajar Politeknik Melaka dengan  $r = -.180$ ,  $k < .01$ . Maka, hipotesis ini diterima.

**Hipotesis 2: Terdapat hubungan kesejahteraan psikologi terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

**Jadual 6: Hubungan kesejahteraan psikologi terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

Pembolehubah	Pencapaian akademik
Kesejahteraan Psikologi	.020

$k > .05$

Jadual 6 menunjukkan keputuan pekali korelasi bagi kesejahteraan psikologi terhadap pencapaian akademik adalah  $.020$  ( $r = .020$ ) dan nilai kebarangkalian adalah  $.725$  yang diuji pada aras keyakinan  $.05$ . Nilai kebarangkalian ini didapati lebih besar dari aras keyakinan ( $k > .05$ ). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan psikologi terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka dengan  $r = .020$ ,  $k > .05$ . Maka, hipotesis ini ditolak.

**Hipotesis 3: Terdapat hubungan tekanan terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

**Jadual 7: Hubungan tekanan terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

Pembolehubah	Pencapaian akademik
Tekanan	- .026
k > .05	

Jadual 7 menunjukkan keputusan pekali korelasi bagi tekanan berdasarkan pencapaian akademik adalah -.026 ( $r = -.026$ ) dan nilai kebarangkalian adalah .642 yang diuji pada aras keyakinan .05. Nilai kebarangkalian ini mendapat lebih besar dari aras keyakinan ( $k > .05$ ). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan tekanan terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka dengan  $r = -.026$ ,  $k > .05$ . Maka, hipotesis ini ditolak.

**Hipotesis 4: Terdapat perbezaan yang signifikan antara tekanan berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

**Jadual 8: Perbezaan yang signifikan antara tekanan berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

Jantina	N	Min	SP	t	dk	Sig.
Lelaki	128	1.55	.49895	.237	320	.630
Perempuan	194	1.54				

k > .05

Jadual 8 menunjukkan keputusan ujian-t bagi data di atas ialah .237. darjah kebebasan (dk) pula 320 dan nilai kebarangkalian yang digunakan untuk menentukan signifikannya .630 yang diuji pada aras keyakinan .05. Nilai min yang diperolehi bagi perbezaan tekanan pelajar lelaki ialah 1.55 manakala bagi pelajar perempuan adalah nilai min 1.54. Nilai kesignifikanan tekanan berdasarkan jantina ialah .630 dan ianya lebih besar dari aras keyakinan .05. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tekanan berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka,  $t (320) = .237$ ,  $k > .05$ . Oleh itu, hipotesis ini ditolak.

## 5.0 PERBINCANGAN KAJIAN

**Objektif 1: Hubungan kesejahteraan psikologi terhadap tekanan dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

Objektif kajian pertama adalah untuk mengenalpasti hubungan kesejahteraan psikologi terhadap tekanan dalam kalangan pelajar politeknik Melaka. Oleh itu hasil daripada keputusan pekali korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan psikologi terhadap tekanan dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka. Selain itu. Kajian ini turut disokong oleh Emaasit (2016), yang mendapat tekanan kerja akademik dan kesejahteraan psikologi mempunyai hubungan negatif yang signifikan dalam kalangan pelajar universiti di Sweden. Kajian ini juga sejajar dengan dapatan kajian Halimah Mohd Yusof et al (2019) menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan yang negatif antara tekanan terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar UTM.

## **Objektif 2: Hubungan kesejahteraan psikologi terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

Objektif kedua adalah untuk mengenalpasti hubungan kesejahteraan psikologi terhadap pencapaian akademik pelajar Politeknik Melaka. Oleh itu hasil daripada keputusan pekali korelasi menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan psikologi berdasarkan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka. Namun begitu, kajian ini bertentangan dengan kajian yang lain seperti kajian yang dilakukan oleh Nadia Van der Merwe (2005), mendapati bahawa kecerdasan emosi dan pencapaian akademik tidak membuktikan hubungan yang signifikan tetapi mempunyai hubungan yang positif yang signifikan dengan prestasi akademik. Kajian ini juga disokong oleh Turashvilli Japaridzen (2012) menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan yang negatif antara kesejahteraan psikologikal terhadap prestasi akademik pelajar di seluruh universiti Georgia.

## **Objektif 3: Hubungan tekanan terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

Objektif ketiga adalah untuk mengenalpasti hubungan tekanan terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka. Hasil daripada keputusan pekali korelasi menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan tekanan berdasarkan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di Politeknik Melaka. Dapatkan kajian ini bercanggah dengan kajian yang dilakukan oleh Kartini Abd Ghani dan Johari Taha (2015) yang bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara tekanan dan pencapaian akademik pelajar universiti yang melibatkan diri dengan badan beruniform seperti PALAPES. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan yang negatif antara tekanan dengan pencapaian akademik pelajar PALAPES. Malah, kajian ini juga disokong oleh kajian Norlizawati (2006) bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara tekanan dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian ini mempunyai hubungan signifikan yang negatif antara tekanan dengan pencapaian akademik pelajar.

## **Objektif 4: Perbezaan antara tekanan berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka**

Keputusan ujian t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tekanan berdasarkan faktor jantina iaitu lelaki dan perempuan dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka. Nilai skor min bagi pelajar lelaki adalah lebih kurang sama dengan pelajar perempuan. Oleh itu keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan tekanan antara kedua-dua jantina di Politeknik Melaka.

Berdasarkan dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa tekanan seseorang pelajar tidak bergantung kepada jantina mereka samada perempuan atau lelaki. Hasil kajian ini turut disokong oleh Norlizawati (2006) yang mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara tekanan dengan pencapaian akademik berdasarkan jantina pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan di UTM. Kajian ini juga turut disokong oleh Nurul Aini Mudayat (2013), Noraida Mohd Saim et al (2016) dan Wan Norhayati et. al (2017) yang mengatakan bahawa tidak mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap tahap stress antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

### **5.1 CADANGAN KAJIAN**

Berdasarkan dapatan daripada kajian ini, beberapa cadangan yang boleh diberikan kepada para pengkaji pada masa akan datang. Kajian ini juga merangkumi beberapa cadangan yang penting mengenai kesejahteraan psikologi dan tekanan terhadap prestasi akademik dalam kalangan pelajar di Malaysia. Cadangan yang pertama ialah melakukan ujian psikologi. Jika kita dilihat sedikit isu

kesihatan mental semakin meningkat dalam kalangan remaja khususnya dalam kes cubaan bunuh diri sangat membimbangkan semua pihak, oleh itu tindakan yang boleh diambil oleh pihak kaunselor dan psikologi adalah memberikan alat pengukuran psikologi seperti ujian DASS, ujian kesejahteraan psikologi (Ryff) terlebih dahulu kepada pelajar sebelum melakukan intervensi bersama pelajar tersebut. Hal ini demikian kerana, dapat mengenali masalah pelajar yang sebenar dengan menjurus beberapa elemen yang terkandung dalam Model Kesejahteraan Psikologi Ryff bagi mengukur kesejahteraan psikologi seseorang individu terhadap kekuatan dan kelemahan yang sedia ada pada diri pelajar tersebut

Aspek kedua adalah sistem pembelajaran dan pengajaran di IPT. Sehubungan dengan itu, bagi mengurangkan masalah tekanan terhadap akademik, pihak institusi perlu mengurangkan jumlah jam kredit bagi setiap semester, sekaligus dapat mengurangkan topik yang perlu diulangkaji oleh pelajar. Selain itu, jadual peperiksaan yang tidak terlalu padat membolehkan pelajar dapat membuat persediaan yang secukupnya sebelum menduduki peperiksaan. Di samping itu, peranan pensyarah sebagai penasihat Akademik turut membantu pelajar yang lemah dalam mata pelajaran yang sukar mencapai gred Cemerlang dan pensyarah perlu kerap membuat pertemuan untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar. Malahan, pensyarah juga secara langsung dapat memberikan idea, pandangan, dan nasihat kepada pelajar berkenaan masalah akademik serta masalah peribadi.

Cadangan yang terakhir kepada kajian akan datang, penyelidik boleh mempertimbangkan untuk menumpukan lebih banyak faktor luaran yang lain boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi pelajar selain dari tekanan, prestasi akademik, masalah peribadi yang mudah dialami oleh pelajar agar kajian ini lebih meluas dan terperinci kepada penyelidik yang akan melakukan penyelidikan mengenai kesejahteraan psikologi dengan pemboleh ubah lain terhadap pencapaian akademik pada masa akan datang. Selain itu, kajian ini juga boleh dikembangkan lagi dengan melihat kesan langsung tekanan ini terhadap pencapaian akademik dan kualiti kehidupan pelajar. Justeru, pemilihan sampel responden juga boleh divariasikan dari kalangan pelajar pelbagai semester. Maka kesejahteraan psikologi dan tahap tekanan boleh dinilai dengan lebih spesifik berdasarkan tahun pengajian yang berbeza. Penyelidik juga boleh melakukan kajian terhadap populasi yang lebih meluas seperti di kalangan seluruh daerah politeknik yang terdapat di Melaka.

## 6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, semua pihak perlu mengambil serius terhadap golongan remaja yang mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang rendah terutamanya dalam kalangan pelajar. Ini adalah kerana, berlaku peralihan daripada alam persekolahan kepada kehidupan baru di kampus yang penuh dengan cabaran dan stres. Ini kerana semasa di kampus, mereka akan berdepan dengan suasana baru, belajar berdikari dan menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial baru, mengurus diri sendiri seperti dalam hal urusan pembelajaran, kehidupan sehari-hari, berkomunikasi, urusan kewangan, dan menguruskan masa dengan bijak. Selain itu, pelajar kurang mendapat sokongan sosial oleh itu pelajar cenderung dengan gangguan sosial, kekeliruan matlamat hidup dan keadaan yang mungkin dialami seperti krisis keluarga, rekod akademik yang tidak memuaskan sehingga menjadi mengalami tekanan dan akhirnya mengambil tindakan ke arah salah. Selain itu, seseorang individu mengalami stres dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar universiti adalah disebabkan beban tugas yang diterima daripada pensyarah, situasi di universiti itu sendiri, masalah menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sibuk, konflik dan persaingan dalam pencapaian akademik (Kohn & Frazer, 1986). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mewajibkan di setiap institusi pengajian tinggi dengan mengadakan program intervensi (stress), aktiviti kerohanian, program kesedaran dan aktiviti

mentor mentee kepada pelajar tiga bulan sekali agar mereka dapat melakukan pengurusan stress ketika berdekatan tempoh peperiksaan, dapat mengelakkan kegiatan sosial dan dapat menangani masalah kesihatan mental juga. Seterusnya, badan-badan profesional seperti Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA), Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA) dan *Malaysian Mental Health Association* (MMHA) perlu mengorak langkah dan mencari kaedah terbaik dalam membantu pelajar yang berisiko dalam tekanan dan gangguan dalam kesejahteraan psikologi. Akhir sekali, pelajar di IPT bakal memaju negara pada masa akan datang, jadi amat perlu bagi pelbagai pihak membantu golongan pelajar agar lebih sejahtera dan terpelihara.

## **RUJUKAN**

- Amran Hassan, Khairiah Khairuddin. (2014). Hubungan Tekanan terhadap Kesejahteraan Umum dalam Kalangan Penjawat Awam di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. *Jurnal Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia*. Vol. 9. hlm.87-104.
- Amran Hassan. (2011). *Konflik*. Batu Pahat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Asmawati Desa, Asmah Ahmad, dan Zaini Sharkawi (2009). Kesejahteraan Psikologikal Orang Asli di Pertak dan Gerachi Jaya. *Jurnal Psikologi Malaysia*. Vol. 23. hlm 19-25.
- Cohen, S., Kamarck, T., Mermelstein. R. (1983). *Perceived Stress Scale*. American Sociological Association. Newbury Park, CA.
- Elias, H., Ping, W. S., & Abdullah, M. C. (2011). *Stress and academic achievement among undergraduate students in Universiti Putra Malaysia*. Procedia-Social and Behavioral Sciences, 29, hlm 646-655.
- Emaasit, D. (2016). *Work Stress and Well-Being: Academic work stress and its relation to the psychological well-being and social life of university master students*. (Master thesis). Linnaeus University Sweden.
- Halimah Mohd Yusof, Rabeatul Husna Abdull Rahman, Nurul Farhana Mohd Noordin, Salwa Abdul Patah, Wan Mohd Azam Wan Mohd Yunus, Goh Chin Fei. (2019). Does University Students' Stress Have an Impact on their Psychological Well-Being?. *Indian Journal Of Public Health Research & Development*. Vol. 10. No, 6.
- Hanina, H.H., Tan, P.M. & Jumali, S. (2010). Stress dan pencapaian akademik mahasiswa pembangunan manusia di Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 13: 57-72.
- Intan Mas Ayu Suhaimi.(28 Sep 2018). Kesihatan Remaja Mental. Harian Metro.
- Isaac, N.O, Prince, A., John, A., Mame, G.Q. (2018). Too Much Academic Stress: Implication on Interpersonal Relationship and Psychologcal Well-Being among Final Year University of Ghana Students. *Asian Journal of Education and Social Studies*. hlm. 2-7.
- Kartini Abd Ghani, Johari Bin Taha. (2015). Tekanan dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar PALAPES Universiti. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2015*. hlm. 1-11.
- Kementerian Pendidikan. (1987). Falsafah Pendidikan Negara. Malaysia.
- Kohn, J.P. & Frazer, G.H. (1986). An academic stress scale: identification and rated importance of academic stressors. *Psychological Reports*. 59 (1-8)
- Krejie, R. V & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities.
- Nadia van der Merwe. (2005). *The Relationship Between Psychological Well-Being And Academic Performance Of University Students*. (Master's Degree Research project). North-West University Potchefstroom Campus.
- Noraida Mohd Saim, Siti Hawa Rosli, Haslin Idayu Amaruddin, Nurul Farraheeda Abdul Rahman. (2016). *Kajian Stress dalam Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam (EC110) UITM Cawangan Pahang*. Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA Pahang.
- Norlizawati Bt Ya'akob. (2006). *Hubungan antara Tekanan dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara*. (Ph.D thesis). Universiti Teknologi Mara Malaysia.

- Nor Ba'yah, A.K., Diana, J., Nor Saadah M.N., Nor Hayati, I., Hilwa A.M.N. (2018). Kadar Prevalensi Kemurungan dan cubaan bunuh diri dalam kalangan remaja di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32 (4): 150-158.
- Nurul Aini Mudayat. (2013). *Kesejahteraan psikologi dalam kalangan warga emas di rumah perlindungan orang tua di Selangor*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rafidah, K., Azizah, Norzaidi, M. D., Chong, S. C., Salwani, M. I., & Noraini, (2009). Stress and academic performance: Empirical evidence from university students. *Academy of Educational Leadership Journal*, 13(1), 37
- Rohany Nasir & Fatimah Omar. (2006). *Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruziati Mior Ahamad Ariffin, Abdul Jalil Hassan, Amran Hassan, Zuraini Ismail, Ami Haji Patola. (2018). Keperluan Indeks Kesejahteraan Psikologi Dalam Perkhidmatan Awam: Satu Tinjauan Umum. *Jurnal Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia* 13 (1), 1-58.
- Ryff, C. D. (1995). Psychological Well-Being In Adult Life. *Current Directions In Psychology Science*, 4. hlm. 99-104.
- Ryff, C. D. (1995). *Well-Being 18-Items*. American Psychological Association. Washington, US.
- Ryff, C. D. (1989). Happiness Is Everything, Or Is It? Exploration On The Meaning Of Psychological Well-Being. *Journal of Personality and Social Psychology*. 57(6). hlm. 1069-1081.
- National Health and Morbidity Survey. (2018). Key Finding From The Adolescent Health and Nutrition Surveys. <http://iku.moh.gov.my/> [17 May 2020]
- Savage, S. D. (2000). *Academic Stress and Student Alienation a Descriptive Study of Perceived Worst School Experience*. UMI ProQuest Digital Dissertation.
- Sinha J, N. P., & Verma, J. (1992). Social Support As A Moderator Of The Relationship Between Alcoholism And Psychological Well-Being. *Social and Applied Issues*.
- Siti Haziqah, S. (2017). Pengaruh Faktor Persekutaran Pembelajaran Terhadap Kecemerlangan Akademik Pelajar di Fakulti Pengajian UKM. Promoting Socially Prosperous Nation Through High Impact Ideas of Discourse. *Proceeding 1<sup>st</sup> Melaka International Conference of Social Sciences 2017*. Melaka: Holiday Inn.
- Siti Marhamah, K.A., Atini, A., Siti Haziqah, S. & Siti Nazurulaina, A. (2017). Permasalahan Pelajar di IPT Menggunakan Senarai Semak Masalah Mooney. Promoting Socially Prosperous Nation Through High Impact Ideas of Discourse. *Proceeding 1<sup>st</sup> Melaka International Conference of Social Sciences 2017*. Melaka: Holiday Inn.
- Sohana Binti Abdul Hamid. (2019). Tahap Kesihatan Mental dalam kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi: Kajian Literasi Mental Health Level Among Student Institute of Higher Education: Literacy Study. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*. hlm. 329 - 336.
- Stres. (2005). Kamus Dewan Edisi Keempat. Capaian pada Oktober 24, 2016 daripada laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka: <http://prpm.dbp.gov.my>
- Turashvili, T., & Japaridze, M. (2012). Psychological well being and itsrelation to academic performance of studentsin Georgian context. *Journal of Problems of Education in the 21st Century*. 49: 73-80.
- Wan Norhayati W.O, Mohamad Nazli O, Suzyliana, M., Aishah, Y & Farah, H. (2017). Hubungan Penghayatan Agama Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar di IPTS Melaka. Promoting Socially Prosperous Nation Through High Impact Ideas of Discourse. *Proceeding 1<sup>st</sup> Melaka International Conference of Social Sciences 2017*. Melaka: Holiday Inn.
- Williams, B.D. (2015). *Academic Stress, Academic Performance and the Psychological Well-Being of Senior High School Remedial Students in the Greater Accra Region of Ghana*. (Degree Thesis). University of Ghana, Legon.

# **STRES DAN KESIHATAN MENTAL PENDUDUK DI APARTMENT SERI ANGGERIK DESA PANDAN, KUALA LUMPUR**

**Sarif Hidayahullah Yusup, Syazwana Aziz**  
Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka  
sarifhidayahullah@gmail.com

## **Abstrak**

Kesihatan mental adalah komponen yang penting untuk pembentukan modal insan yang berprestasi tinggi. Modal insan yang mempunyai produktiviti tinggi adalah faktor penentu kepada pertumbuhan sesebuah negara. Kegagalan individu untuk menangani stres dalam kehidupan seharian berisiko membawa kepada masalah kesihatan mental yang lebih serius. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti kajian konsep berdasarkan kajian lepas bagi faktor yang menyebabkan meningkatnya tahap masalah kesihatan mental di Kuala Lumpur. Di dalam kajian ini juga mencari permasalahan bagaimana stres itu mampu mempengaruhi tahap kesihatan mental. Faktor utama yang menyebabkan meningkatnya masalah kesihatan mental dalam kalangan rakyat marhaen adalah disebabkan oleh tekanan hidup yang mereka lalui. Tekanan hidup merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia sejak dulu tanpa disedari. Stress atau tekanan adalah suatu perasaan yang dimiliki atau dirasai seseorang apabila melakukan sesuatu pekerjaan atau aktiviti pada tahap tinggi untuk mencapai sesuatu objektif atau memenuhi permintaan (Hatta Sidi & Mohammed Hatta Shaharom, 2002). Tekanan ini berpunca daripada masalah di tempat kerja seperti beban kerja yang terlalu banyak, perhubungan di antara lelaki dan wanita, pergaulan sosial seperti media sosial dan masalah di dalam keluarga sendiri. Kelemahan dalam mengawal stres memberi kesan ke atas tahap kesihatan mental manusia. Kesimpulannya, pengawalan stres perlu dititik beratkan dalam menjamin tahap kesihatan mental orang awam yang lebih baik.

**Kata kunci:** Masalah, kesihatan mental, tekanan

## **Abstract**

Mental health is an integral component to the formation of human capital performance. Human capital with high productivity is the key factor to the growth of a country. The failure of individuals to cope with stress in their daily lives can lead to more serious mental health problems. The objective of this study is to determine the concept used in the previous studies on the factors leading to increased level of mental health problems in Kuala Lumpur. The study also explored how stress can affect mental health. The main factor contributing to the rising mental health problem among those people is due to the stress of living. Life stress is a part of human life from time to time without realizing it. Stress is a feeling that a person has or feels when they do a job or activity at a high level to achieve a goal or fulfill a request (Hatta Sidi & Mohammed Hatta Shaharom, 2002). This stress is caused by problems in the workplace such as overwork, relationships between men and women, social interactions such as social media and family problems. Failure in coping with stress affect the level of human mental health. In conclusion, stress management should be emphasized in ensuring a better level of public mental health.

**Keywords:** Problem, mental health, stress

## **1.0 PENDAHULUAN**

Kesihatan mental merupakan aspek yang penting di dalam kehidupan manusia. Kesihatan mental dapat dilihat dari aspek baik maupun buruk. Setiap orang, mungkin dalam hidupnya mengalami kedua-dua aspek tersebut, kadangkala keadaan mentalnya sangat sihat, tetapi jadi sebaliknya pada waktu-waktu lain. Pada saat mengalami masalah kesihatan mental, seseorang individu sangat memerlukan pertolongan orang lain untuk mengatasi masalah yang dihadapinya. Kesihatan mental dapat memberikan kesan terhadap kehidupan harian atau masa depan seseorang termasuk kanak-kanak dan belia. Merawat dan melindungi kesihatan mental anak-anak dan belia merupakan aspek yang sangat penting bagi membantu perkembangan individu yang lebih baik di masa depan (Intan Nurhaila, 2011).

Berdasarkan Kajian Morbiditi Kesihatan Nasional 2015, 29% penduduk Malaysia secara keseluruhannya mengalami masalah kemurungan, dan penyakit mental dijangka menjadi isu kesihatan kedua terbesar yang memberi kesan kepada rakyat Malaysia selepas penyakit jantung menjelang 2020. Penyebaran masalah kesihatan mental berbeza-beza mengikut negeri, dengan Kuala Lumpur mencatatkan peratusan sebanyak 40% manakala Perak mempunyai peratusan paling rendah pada 17%. Ringkasnya, dua daripada lima individu di Kuala Lumpur akan mempunyai beberapa bentuk masalah kesihatan mental.

Terdapat perkaitan di antara stres dengan masalah kesihatan mental yang dialami oleh individu. Tekanan bukan diagnosis psikiatri, tetapi ia berkait rapat dengan kesihatan mental dengan dua cara; Tekanan boleh menyebabkan masalah kesihatan mental, dan membuat masalah yang lebih teruk. Sebagai contoh, jika seseorang individu sering gagal untuk menguruskan tekanan yang dialaminya, dia mungkin mengalami masalah kesihatan mental seperti kebimbangan atau kemurungan.

## **2.0 SENARIO KESIHATAN MENTAL DI MALAYSIA**

Sejarah di Malaysia, perkhidmatan kesihatan mental telah bermula sejak akhir abad ke-18, di mana pada ketika itu “*lunatic asylum*” telah diwujudkan sewaktu pihak British menawan Pulau Pinang. Sebuah rumah untuk menempatkan golongan yang mempunyai masalah kesihatan mental di bina sebelah Hospital Pulau Pinang. Ia dibina untuk pelaut pada zaman kolonial tentera laut yang disyaki mempunyai masalah kesihatan mental pada ketika itu (Intan Nurhaila, 2011). Pembukaan hospital mental pertama di Malaysia adalah pada tahun 1911 dan dinamakan sebagai Hospital Pusat Mental. Kemudian, pembukaan sebuah klinik psikiatri pesakit luar di Ipoh pada tahun 1959. Pada masa kini, kesemua Institusi Pengajian Perubatan di Malaysia sudah mempunyai Jabatan Psikiatri bagi memenuhi keperluan penjagaan dan rawatan kesihatan mental dalam kalangan masyarakat.

Menurut statistik Persatuan Psikiatri Malaysia (2004), sejumlah 9.0% (3% lelaki dan 6% wanita) daripada keseluruhan penduduk Malaysia mengalami depresi yang teruk, dan angka ini terus meningkat saban tahun. Kementerian Kesihatan Malaysia (2004) pula menyatakan 10.7% orang dewasa dan 13% remaja mengalami masalah kesihatan mental. Terdapat satu kajian yang telah dijalankan oleh Sherina et. al.(2003) yang menunjukkan bahawa sebanyak 41.9% pelajar yang mengambil jurusan perubatan di Universiti Putra Malaysia mengalami gangguan perasaan dan ianya berhubung kait dengan hubungan mereka dengan ibu bapa, adik beradik, pensyarah dan tekanan menghadapi hari peperiksaan akhir.

Satu lagi kajian telah dijalankan oleh Chua Bee Seok (2004) yang mengkaji masalah kajian mental dalam kalangan guru sekolah di Kota Kinabalu, Sabah. Keputusan kajian ini menunjukkan kepuasan kerja boleh menyederhanakan hubungan antara sumber stres ‘peranan dalam pengurusan’ (sumber stres ini dirasai akibat daripada subjek kabur tentang peranannya dalam pekerjaan atau mengalami konflik peranan seperti mengalami konflik dalam membuat keputusan dan memikirkan implikasi daripada keputusan yang dibuat) dengan masalah kesihatan mental. Keputusan ini menunjukkan pada tahap kepuasan kerja tinggi, stres pekerjaan yang dialami guru kurang memberi

kesan ke atas masalah kesihatan mental. Sebaliknya, jika tahap kepuasan kerja subjek rendah, kesan negatif sumber stres itu ke atas masalah kesihatan mental adalah lebih jelas.

Secara keseluruhannya, tahap kesihatan mental rakyat Malaysia dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran seperti perhubungan sosial, tekanan kerjaya, kewangan dan dalaman seperti hubungan kekeluargaan, hubungan dengan pasangan, dan penyakit. Kesemua faktor ini jelas memberi kesan terhadap risiko masalah kesihatan mental manusia untuk jangka panjang.

### **3.0 STRES DAN KESIHATAN MENTAL**

Stress adalah tindak balas emosi, fizikal dan mental akibat perubahan dalam sesuatu keadaan yang berlaku dalam kehidupan harian manusia. Stress merangkumi beban, tekanan, kebimbangan, keletihan, konflik, panik, kemurungan dan tidak bermaya. Secara umumnya, stres terbahagi kepada stres jangka pendek dan stres jangka panjang. Stres jangka pendek merupakan tindak balas spontan tubuh badan terhadap apa-apa situasi yang mencabar, bahaya atau menakutkan. Tahap stres biasanya bergantung kepada beberapa faktor seperti tempoh stres yang dialami dan bagaimana individu tersebut menangani stres tersebut. Stres jangka panjang pula selalunya dialami oleh mereka yang menghadapi stres yang berpanjangan. Stres seperti ini selalunya disebabkan oleh penyakit berbahaya atau masalah yang berpanjangan.

Chung (2001) berpendapat bahawa tekanan adalah tekanan mental dan fizikal yang dilalui oleh pengalaman individu apabila mereka mengejar sesuatu matlamat. Robbin dan Stephen (2003) meringkaskan sebagai suatu syarat yang dinamik di mana individu berhadapan dengan peluang, kekangan atau permintaan yang berkaitan dengan apa yang individu itu hasratkan dan yang mana hasil yang dilihat sebagai kedua-dua tidak menentu dan penting. Ringkasnya, tekanan berlaku apabila seseorang individu itu berhadapan dengan situasi di mana dia terpaksa berhadapan dengan cabaran dalam usahanya untuk mencapai apa yang dia inginkan.

Stres yang berlebihan berisiko menjelaskan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ia disebabkan oleh gangguan psikologi dan fisiologi seseorang individu. Apabila gangguan ini berterusan, ia boleh menyebabkan kemurungan (Murphy, 1995; Smith, 1994). Stres dapat dilihat melalui reaksi tubuh badan tanpa kesedaran mental. Semasa stres mana-mana bahagian tubuh secara tidak langsung akan menjelaskan kefungsian mental. Sebaliknya stres ke atas mental membabitkan reaksi ketegangan pada tubuh (Jamaliyah Ahmad, 1999). Tekanan atau stres yang melampau berupaya menjelaskan tahap kesihatan mental pada diri seseorang. Ini menjadikan seseorang itu tidak dapat menjalani kehidupan atau melakukan pekerjaan mereka dengan baik.

#### **3.1 Tekanan Di Tempat Kerja**

Stres di tempat kerja bukan lagi satu fenomena yang baru dalam dunia industri pekerjaan (Korolija dan Lunberg, 2010). Apabila seseorang mengalami stres di tempat kerja, ia berisiko menyebabkan munculnya simptom yang boleh menjelaskan fisiologi, psikologi dan gelagat (Myoung-Hee et al. , 2008). Dapatan disokong oleh Schermerhorn et al. (2005) yang menyatakan bahawa peringkat kehabisan tenaga (burnout) boleh terjadi jika stres berlaku secara berterusan dan individu tidak mempunyai daya pertahanan badan yang kuat. Hal ini menunjukkan bahawa individu yang mengalami stres yang keterlaluan di tempat kerja berisiko mengalami burnout dan kelesuan fizikal.

Menurut Sackey dan Sanda (2009), stres di tempat kerja yang berlebihan dan tidak terkawal boleh melumpuhkan keseluruhan operasi organisasi melalui peningkatan kos dan aduan pampasan pekerja, tragedi kemalangan di tempat kerja, masalah kualiti produk dan pengurangan kepada jumlah pengeluaran. Namun, terdapat juga beberapa individu yang berkembang maju apabila wujudnya stres. Tahap minimum dalam stres di tempat kerja menjadikan seseorang individu melalui peningkatan prestasi kerja, merangsang kreativiti dan menggalakkan ketekunan (Schermerhorn et al., 2005). Kenyataan ini disokong oleh Cunningham et al. (2004) yang menyatakan stres di tempat kerja yang boleh meningkatkan kebolehan seseorang individu adalah apabila stres diminimumkan dalam persekitaran kerja. Tuntasnya, stres yang negatif dan keterlaluan dialami oleh pekerja akan membawa

kepada penurunan prestasi kerja mereka. Ini kerana tidak semua individu mampu berdepan dengan stres dan menjadikannya sebagai penguat semangat dalam menyelesaikan pekerjaan.

Noor Azuan Hashim et al. (2013) menyatakan bahawa masalah stres yang berlaku di tempat kerja berisiko menjelaskan kehidupan sosial individu. Ini adalah kerana apabila stres terhadap kerja tidak diatasi, ia boleh menyebabkan masalah ini berpanjangan sehingga ke rumah dan melibatkan pihak lain. Doby dan Caplan (1995) menegaskan bahawa stres yang berlaku di tempat kerja boleh menyebabkan terbawanya simptom kebimbangan tersebut ke rumah. Situasi ini akan mengganggu psikologi dan hubungan sosial mereka.

Kesimpulannya, tekanan yang berpunca daripada tempat kerja boleh menjelaskan kualiti kerja seseorang individu. Kesannya, produktiviti di tempat kerja akan merudum dan memberi kesan terhadap industri dan organisasi sesuatu pekerjaan. Pekerja yang mengalami stres sehingga *burnout* pula berisiko mendapat penyakit fizikal ataupun terjejas dari segi psikologi mereka. Oleh demikian, pihak majikan perlu mengambil berat terhadap kondisi dan tahap bebanan kerja yang pekerja hadapi bagi mencegah tekanan kerja yang berlebihan.

### 3.2 Tekanan Belajar

Menurut Towbes dan Cohen (1996) pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) sangat mudah terdedah kepada stres pada awal tahun pengajian disebabkan oleh proses transisi kehidupan mereka di kampus. Penyataan ini disokong oleh Abd. Rahman Yaacob et al. (2010) yang menjelaskan bahawa terdapat sesetengah golongan pelajar yang menunjukkan kecemerlangan akademik di peringkat persekolahan tetapi tidak dapat mengekalkan pencapaian yang baik apabila berada di IPT. Persaingan yang sengit dalam mengejar kecemerlangan akademik telah memberikan stres yang tinggi kepada pelajar dalam merealisasikan wawasan mereka. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada stres dalam kalangan mahasiswa seperti bebanan tugas, rakan sebaya, persekitaran, dan penggunaan bahasa Inggeris (Abd. Rahman Yaacob et al. , 2010).

Menurut Atkinson (1998), bebanan kerja terlalu banyak dalam masa yang singkat juga boleh mengakibatkan *stress*. Ramai dalam kalangan pelajar yang berasaskan bahawa usaha mereka untuk menyiapkan tugas tepat pada waktunya memberikan tekanan kepada mereka. Dapatkan kajian ini turut disokong oleh Kohn dan Frazer (1986) yang menyatakan bahawa pelajar universiti sering berhadapan dengan stress dalam menjalani kehidupan akibat daripada sumber stress seperti beban tugas yang diberikan oleh pensyarah, situasi kolej yang tertekan, masalah penyesuaian, konflik dan persaingan dalam pencapaian akademik. Ini menjelaskan bahawa tekanan yang dirasai pelajar dalam mengejar tarikh akhir tugas mendatangkan stres pada diri mereka.

Selain itu, rakan sebaya turut menjadi salah satu sebab kepada stres pelajar. Menurut Romano (1992) dan Ellis (2002), rakan sebaya adalah penyumbang besar *stress* di kalangan pelajar. Ini disebabkan oleh pelajar lebih banyak bersama rakan sebaya bukan sahaja di dalam bilik kuliah, bahkan di luar bilik kuliah. Malahan, pelajar berasa *stress* apabila mempunyai konflik dengan rakan sebaya. Jelaslah di sini bahawa hubungan yang kurang baik dengan rakan sebaya juga menyumbang kepada masalah tekanan pelajar.

Suriani dan Suraini (2005) juga mendapati universiti merupakan punca kedua utama stres pelajar universiti selepas akademik. Keadaan bilik kuliah yang tidak selesa dan peraturan universiti yang terlalu ketat antara punca berlakunya tekanan dalam kalangan pelajar. Dapatkan kajian ini disokong oleh Riggio (2003) yang menekankan bahawa faktor persekitaran pembelajaran boleh mendatangkan masalah *stress* kepada individu. Ini terbukti bahawa suasana persekitaran yang tidak selesa atau kondusif memberikan tekanan kepada mahasiswa.

Menurut Abd. Rahman Yaacob et al. (2010) penggunaan bahasa Inggeris turut mempengaruhi tekanan pelajar. Hampir 30 peratus daripada 132,000 pelajar Kolej Komuniti, Politeknik dan universiti awam hanya dapat menguasai Tahap 1 dan 2 Ujian Inggeris Universiti Malaysia (*MUET*), iaitu tahap terendah pada ujian berkenaan. Sebahagian besar pelajar atau 43.3 peratus pula menguasai Tahap 3 dan 21.0 peratus lagi Tahap 4. Kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah (2004) menunjukkan ketidaksediaan pelajar untuk belajar dalam Bahasa Inggeris menyebabkan pelajar mengalami *stress* yang tinggi. Kenyataan tersebut tergambar pada dapatan kajian beliau, iaitu 75

peratus pelajar tidak setuju dengan proses pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris, 77 peratus bersetuju bahawa Bahasa Melayu mampu menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan, 71 peratus meminati sains dan matematik kerana diajar dalam Bahasa Melayu dan 70 peratus responden yakin akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam Sains dan Matematik jika diajar dalam Bahasa Melayu. Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam sesi pembelajaran sedikit sebanyak memberi tekanan kepada pelajar untuk belajar.

Tuntasnya, tekanan yang dihadapi oleh mahasiswa sepanjang sesi perkuliahan memberi impak yang negatif terhadap pelajaran dan kehidupan sosial mereka. Suasana pembelajaran yang kondusif, pengurusan masa yang baik serta pengaruh rakan sebaya yang sihat boleh membantu dalam mengatasi masalah tekanan berlebihan dalam diri seorang mahasiswa atau pelajar.

### **3.3 Tekanan Dalam Perhubungan**

Tekanan boleh mempengaruhi cara individu berinteraksi dengan individu yang lain, khususnya dengan pasangan romantik mereka (Randall & Bodenmann, 2009). Sementara itu sesetengah individu mungkin menghadapi pengalaman peningkatan tekanan kerana sifat keperibadian atau keadaan kesihatan mental, seperti kegelisahan yang didiagnosis atau kemurungan (Lovibond, 1998).

Randall dan Bodenmann (2009) menyatakan, terdapat tekanan yang berkaitan dengan konflik hubungan atau tabiat yang mengganggu daripada pasangan dan memberi implikasi kepada kepuasan perhubungan. Sebagai contoh, seperti tekanan berkaitan dengan ketidaksuburan atau penyakit yang dialami pasangan seperti PTSD atau kanser memberi tekanan sama ada pada individu atau pasangan. Terdapat individu yang berasa risau ditinggalkan atau dipulaukan pasangan sekiranya mengetahui kelemahan atau penyakit yang dialami mereka. Stres tidak dapat dielakkan dalam perhubungan dengan pasangan. Oleh itu, adalah penting untuk memahami bagaimana pasangan boleh mengatasi tekanan dalam konteks hubungan mereka (Bodenmann, 2005). Stres pasangan mempunyai pengaruh bersama di antara satu sama lain disebabkan oleh hubungan yang dijalin bersama.

Suami dan isteri tidak banyak berbeza dalam penggunaan respons empati untuk menguruskan stressor keluarga. Apabila keseriusan yang lebih tinggi disambungkan kepada keluarga yang tertekan keadaan, kedua-dua suami dan isteri cenderung meningkat penggunaan respons empati. Preece & DeLongis (2005) menunjukkan bahawa dalam pengurusan tekanan keluarga, suami dan isteri yang melaporkan kebimbangan yang lebih besar untuk kesejahteraan orang yang dicintai, lebih tinggi tahap hubungan yang difokuskan dalam perhubungan. Penemuan ini menunjukkan bahawa tanggapan empati mungkin sangat relevan untuk menguruskan keadaan keluarga yang tertekan itu mempunyai kepentingan peribadi yang lebih besar dan tekanan itu mempunyai implikasi yang lebih besar untuk kesejahteraan orang yang tersayang atau untuk kesejahteraan hubungan. Selaras dengan kajian terdahulu (Gottman, 1998; Lyons et al., 1998), menunjukkan bahawa perkahwinan yang lebih baik dikaitkan dengan kegunaan sifat empati yang lebih besar di antara kedua-dua suami dan isteri. Dapatan ini juga bersesuaian dengan penyelidikan terdahulu yang mendokumentasikan hubungan antara kualiti hubungan dan penggunaan tingkah laku penyelenggaraan perhubungan (Bodenmann & Cina, 2005).

Kesimpulannya, stres memberi kesan terhadap perubahan tahap kesihatan fizikal dan mental manusia. Pengawalan stres yang baik mampu mengurangkan risiko penyakit-penyakit berkaitan mental, sebaliknya kegagalan dalam mengawal stres berisiko menjelaskan tahap kesihatan mental individu.

## **4.0 SARANAN PENGKAJI**

Kajian ini dapat membantu majikan dan tenaga pengajar dalam memahami keadaan psikologi pekerja atau pelajar mereka. Tekanan yang dilalui mempunyai hubungan dengan kesihatan mental mereka. Dengan ini, mereka dapat mengambil inisiatif bagi memastikan tekanan berkurang dan meletakkan kesihatan mental pada tahap yang baik.

Selain itu, kajian ini juga boleh membantu individu yang mengalami masalah tekanan di dalam perhubungan mereka. Usaha mengatasi tekanan dalam perhubungan adalah sangat penting bagi

memastikan hubungan individu dengan pasangan terus berada dalam keadaan yang baik tanpa sebarang konflik.

Tambahan, artikel ini bersesuaian untuk dijadikan rujukan pengkaji pada masa akan datang. Pengkaji dapat menggunakan hasil kajian ini bagi melakukan kajian dan rujukan yang lebih mendalam di samping melakukan penambahbaikan bagi kegunaan pada masa akan datang.

## 5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, tahap kesihatan mental dalam kalangan masyarakat di Kuala Lumpur sedikit sebanyak dipengaruhi oleh stres yang dihadapi mereka. Hal ini kerana masih ramai di antara mereka yang tidak mampu atau tidak tahu bagaimana cara yang berkesan untuk menangani tekanan hidup yang mereka alami. Selain itu, tekanan dari sudut luaran seperti hubungan sosial, masalah di tempat kerja dan kesesakan lalu lintas memainkan peranan dalam meningkatkan risiko masalah kesihatan mental mereka. Seterusnya, tidak ketinggalan juga tekanan dari sudut dalaman seperti masalah perhubungan, kewangan dan penyakit juga menjadi pendorong stres yang dialami oleh mereka. Kegagalan mereka dalam menangani stres dengan baik menjadikan mereka semakin tertekan dan seterusnya memberi kesan terhadap urusan sehari-hari dan masalah kesihatan mereka. Lantaran itu, mereka perlu berusaha mencari cara bagi mengurangkan stres mereka bagi mengelakkan kesan jangka panjang yang lebih serius terhadap masalah kesihatan mental mereka.

## RUJUKAN

- Abd. Rahman Yaacob, Ros Aini Ibrahim, Majdi @ Abd Hadi Ishak & Rashdan Rashid. 2010. Punca Stress Di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.
- Atkinson, J.M. (1988). *Coping with stress at work*. London: Thorson Publishers Ltd.
- Bodenmann G: *Dyadic coping and its significance for marital functioning*. In *Couples Coping with Stress: Emerging Perspectives on Dyadic Coping*. Edited by Revenson T, Kayser K, Bodenmann G. American Psychological Association; 2005:33-50
- Cunningham, J. B., Lischeron, J., Koh, H. C. & Farrier, M. 2004. A cybernetic framework linking personality and other variables in understanding general health. *Personnel Review* 33(1): 55-80.
- Doby, V. J. & Caplan, R. D. 1995. Organizational Stress as Threat to Reputation: Effects on Anxiety at Work and at Home. *Academy of Management Journal* 38(4): 1105-1123.
- Ellis, A., (2002). *Overcoming resistance: A rational emotive behaviour therapy integrated approach* (2nd Ed.). New York: Springer Publishing Company.
- Gottman, J.M. (1998). *Psychology and the study of marital processes*. *Annual Review of Psychology*, 49, 169–97
- Korolija, N. & Lundberg, J. 2010. Speaking of human factors: Emergent meanings in interviews with professional accident investigators. *Safety Science* 48: 157-165.
- Lovibond PF: *Long-term stability of depression, anxiety, and stress syndromes*. *J Abnorm Psychol* 1998, 107:520-526
- Lyons, R.F., Mickelson, K.D., Sullivan, M.J.L., & Coyne, J.C. (1998). *Coping as a communal response*. *Journal of Social and Personal Relationships*, 15, 579–605
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2004). *Pelaksanaan Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan guru*. (Projek Penyelidikan II/10/2003). Persatuan Linguistik Malaysia / ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noor Azuan Hashim, Nor Liza Abdullah dan Zafir Mohd Makbul, 2013. Stres Di Tempat Kerja: Isu Global Dalam Melestarikan Organisasi (Stress at the Workplace: Global Issues in Organizations Sustainability). *Journal Of Social Science And Humanities*. Vol 8, No.1, 041-059.
- Randall AK, Bodenmann G, 2009: *The role of stress on close relationships and marital satisfaction*. *Clin Psychol Rev* 2009, 29:105-115
- Romano, J.L. (1992). Psychoeducational interventions for stress management and well-being. *Journal of Counselling & Development*, 71, 199-202.

- Sackey, J. & Sanda, M. 2009. Influence of occupational stress on the mental health of Ghanaian professional women. *International Journal of Industrial Ergonomics* 39(5): 876-887.
- Schermerhorn, J. R., Hunt, J. G. & Osborn, R. N. 2005. *Organizational Behavior*. 9th ed. United States of America: John Wiley & Sons, Inc.
- Suriani Abdul Hamid, & Suraini Mohd Rhouse. (2005). Punca tekanan pelajar di universiti: Satu perbandingan antara gender. *Prasidang Persidangan Psikologi Malaysia 2005*, 30 Julai – 2 Ogos 2005, Hotel Promenade, Kota Kinabalu.
- Tess Byrd O'Brien, Anita DeLongis, Georgia Pomaki, Eli Puterman, & Amy Zwicker, 2009. *Couples Coping with Stress, The Role Of Emphatic Responding*. University of British Columbia, Vancouver, British Columbia, Canada.
- Towbes, L.C., & Cohen, L.H. (1996). Chronic stress in the lives of college students: Scale development and perspective prediction of distress. *Journal of Youth & Adolescence*, 25, 199-217.
- Zafir Mohd Makhbul, 2010. Stres Di Tempat kerja: Bagaimana Faktor Ergonomik Boleh Meminimumkannya? Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **MEDIA MASSA DAN TINGKAH LAKU DEVIAN PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAHMAT MELAKA.**

**Nur Ain Binti Saidi, Syazwana binti Aziz**

Fakulti Sains Sosial,

Kolej universiti Islam Melaka

Nurainsaidi8@gmail.com

### **ABSTRAK**

Pada masa kini ramai pelajar sekolah mudah terpengaruh dengan tingkah laku devian seperti menghisap rokok, membuli, bergaduh, menghisap dadah, memeras ugut dan sebagainya melalui tontonan daripada media massa. Mereka juga mudah terjebat dengan kegiatan yang tidak sihat dan secara tidak langsung terjerumus dengan tingkah laku devian dengan tidak sengaja. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti kajian konsep berdasarkan kajian lepas bagi melihat pengaruh media massa dan tingkah laku devian pelajar. Dalam kajian ini juga terdapat permasalahan iaitu bagaimana media massa mempengaruhi tingkah laku devian pelajar. Selain itu, terdapat juga beberapa pengaruh media massa terhadap tingkah laku devian pelajar iaitu berpunca daripada pengaruh media itu sendiri yang menyebabkan pelajar bertingkah laku devian. Seterusnya, punca pelajar bertingkah laku devian juga adalah disebabkan oleh perkembangan teknologi pada masa kini yang sentiasa dinaik tarafkan sehingga pelajar dapat melayari apa sahaja yang mereka inginkan (Rosly Kayar 2007). Kesimpulanya, dalam hal ini semua pihak khususnya ibu bapa perlu memantau setiap pergerakan anak-anak dalam menggunakan elektronik supaya tidak disalahgunakan seperti melihat perkara-perkara negatif yang boleh merosakkan diri mereka.

Kata kunci: Pelajar, tingkah laku devian, pengaruh media massa

### **ABSTRACT**

Nowadays, many school students are prone to deviant behavior such as smoking, bullying, quarreling, drug abuse, extortion and so on through mass media. They are also vulnerable to unhealthy activities and are indirectly involved in behavior. The purpose of this study is to study conceptual studies based on past studies to see the influence of mass media and student devotional behavior. In this study there is also the issue of how mass media influences student deviant behavior in addition, there is also some influence of mass media on student deviant behavior, which is due to the influence of the media itself which causes students to act deviant. Further, the cause of student deviancy is also due to the ever-evolving technological advancements that allow students to escape whatever they want (Rosly 2007). In conclusion, in this case, all parties especially parents need to monitor every child's movements in the use of electronics to avoid misuse such as seeing negative things that could harm themselves.

Keywords: Student, devian behavior, mass media influence

### **1.0 PENGENALAN**

Dalam era model yang serba canggih kini, tidak dapat dinafikan bahawa tingkah laku devian dalam kalangan pelajar adalah sangat ramai di negara ini. Menurut Kamus Dewan (2003), tingkah laku devian dedifinisikan sebagai perlakuan yang menyimpang atau melencong. Azizi et al.(2005), pula menyatakan bahawa tingkah laku devian membawa maksud tingkah laku yang melanggar norma-norma masyarakat tertentu. Tingkah laku devian adalah tingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat (Mc Caghy, 1988). Ianya juga dinyatakan bahawa tingkah laku devian atau kenakalan merupakan pelanggaran norma-norma masyarakat (Lemert, 1972).

Tingkah laku devian boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu fizikal dan verbal (Pepler, 1998). Tingkah laku devian fizikal termasuklah ugutan secara fizikal atau kekerasan, menendang, memukul, mencederakan, membunuh, menolak, merogol, mengambil atau memusnahkan barang milik orang lain. Manalaka tingkah laku devian verbal pula ialah seperti panggilan nama yang tidak disukai, mengejek, menyebarkan fitnah dan gossip (Smith, 1991). Tingkah laku devian ini juga sering dikaitkan dengan tingkah laku agresif, tingkah laku langsang atau tingkah laku delinkuen. Namun, terdapat perbezaan di antara ketiga-tiga tingkah laku ini. Maka, tingkah laku devian dalam kajian ini dinyatakan sebagai tingkah laku yang berlawanan dengan norma-norma masyarakat.

Malah, disebalik kemudahan yang tersedia terdapat juga kesan negatif yang didapati daripada media massa ini seperti masyarakat telah menyalahgunakan internet, menonton filem-filem monografi yang tidak sepatutnya dan sebagainya sehingga boleh mendorong mereka kepada perubahan tingkah laku serta melakukan perbuatan jenayah terutamanya pada golongan remaja. Kesimpulannya, media menjadi penyumbang utama dan terbesar kepada corak kehidupan belia pada hari ini (Samsudin A.Rahim, 1998).

## **2.0 SENARIO TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI MALAYSIA**

Individu yang terlibat dengan tingkah laku devian mempunyai konsep kendiri yang rendah. Mereka juga melihat diri mereka dari perspektif yang negatif, yakin diri agak rendah, tidak mempunyai matlamat tertentu dalam kehidupan. Disamping itu, eganasan dalam media juga telah menimbulkan masalah yang negatif dalam kalangan remaja kerana didapati tingkah laku ini telah merangsang golongan remaja melakukan kesalahan juvana (Samsudin, 2002). Laporan muka hadapan akhbar yang bertajuk ‘Kerana VCD lucah, adik dirogol abang ke penjara’ membuktikan, kesan dari menonton vcd lucah telah menyebabkan 2 orang remaja lelaki telah merogol adik kandungnya sendiri yang berusia 17 tahun sebanyak 12 kali (Berita Harian, 8 Mac 2006). Remaja ini dalam kenyataannya mengakui kesan daripada menonton vcd (cakera padat video) lucah inilah yang menyebabkan mereka melakukan keganasan seks terhadap adik kandungnya sendiri.

Menurut kajian Sivamurugan (2004), beliau mendapati kesan menonton media yang berunsur ganas juga telah menimbulkan masalah peningkatan kes devian dalam kalangan pelajar iaitu daripada 4,931 pada tahun 1994 kepada 5,562 pada tahun 2003, iaitu peningkatan sebanyak 13%. Menurutnya lagi, kebelakangan ini pembabitan artis di dalam budaya penyelewengan agak ketara seperti Black Metal dan penyalahgunaan dadah. Walau bagaimanapun, terdapat ramai golongan remaja yang masih menjadikan artis ini idola mereka. Ini akan menyebabkan golongan remaja mudah meniru perlakuan negatif yang dilakukan oleh idola mereka. Begitu juga dengan kajian yang telah dijalankan oleh kumpulan pelajar Ijazah Pendidikan Moral, Universiti Islam Antarabangsa (2004) yang mengkaji mengenai Pola Laku Seks dalam kalangan pelajar dari tahun 1996 hingga 2004 (Kosmos, 15 Mac 2007). Kumpulan pengkaji ini mendapati kesan menonton keganasan seks dalam media telah menyebabkan seramai 15 hingga 88.2 peratus pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah mengaku telah melakukan perbuatan menulis perkataan lucah, menunjuk isyarat lucah dan menyebut perkataan lucah. Tingkah laku devian dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah merupakan satu masalah yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dengan institusi pendidikan dan persekolahan. Masalah tingkah laku agresif perlu ditangani dengan sebaik mungkin supaya ianya tidak menjadi isu yang boleh mendatangkan kesan negatif dalam perkembangan akademik dan sahsiah pelajar. Masalah ini juga perlu diselesaikan dengan teliti supaya peranan sekolah sebagai pusat perkembangan ilmu dan jati diri pelajar tidak terjejas imej serta ketampilan diri.

Senario tingkah laku devian yang berlaku dalam pelajar di Malaysia diperlihatkan berdasarkan peningkatan statistik penglibatan awal usia sudah terjebak dengan tingkah laku devian yang diperakui oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun (2010). Pelajar yang terlibat ini merangkumi daripada sekolah rendah sehingga sekolah menengah. Terdapat beberapa jenis kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar seperti berunsurkan jenayah, lucah, kurang sopan, laku musnah, kekemasan diri, ponteng sekolah, kenakalan, dan tidak mementingkan masa untuk datang ke sekolah. Kesemua kes ini dianggap sebagai pelajar yang melanggar peraturan sekolah. Jadual 2.1.

Jadual 2.1: kategori penglibatan tingkah laku pelajaran dikesan oleh KPM (2010)

<b>JENIS SALAH LAKU</b>	<b>SEKOLAH RENDAH</b>	<b>SEKOLAH MENENGAH</b>
Berunsurkan Jenayah	8677	8918
Berunsurkan Kelucahan	1579	1452
Kurang Sopan	4436	13910
Laku Musnah	2001	3211
Kekemasan Diri	6657	14727
Ponteng Sekolah	8313	11232
Kenakalan	3878	4685
Tidak Pentingkan Masa	3368	14422
<b>JUMLAH</b>	<b>38927</b>	<b>72557</b>

Kesimpulannya, senario tingkah laku devian remaja yang berlaku di Malaysia melbatkan remaja daripada sekolah rendah sehingga sekolah menengah. Selain itu, jenis tingkah laku devian yang dilakukan oleh pelajar adalah seperti ponteng sekolah, membuli, bergaduh, memukul, penyalahgunaan dadah, menghisap rokok, berjudi, jenayah, kelucahan, vandalisme, kelakuan kurang sopan dan sebagainya.

### **3.0 MEDIA MASSA DAN TINGKAH LAKU DEVIAN**

Pada era teknologi maklumat kini, mesej-mesej dapat disampaikan dalam sekelip mata. Media massa terbahagi kepada dua iaitu media cetak seperti risalah, majalah, dan akhbar manakala media elektronik pula iaitu Internet, televisyen, dan radio. Namun demikian, media massa telah disalahgunakan dan menjadi salah satu daripada punca penyumbang utama berlakunya gejala sosial.

Tidak dapat dinafikan lagi, media massa merupakan penyumbang utama kepada keruntuhan moral di kalangan belia terutamanya pelajar sekolah. Program-program televisyen khasnya, lebih mementingkan hiburan daripada maklumat. Tayangan-tayangan filem Barat dan Hindustan contohnya, telah menolak unsur-unsur ketimurah yang sebat dalam jiwa masyarakat. Adegan-adegan lucah hanyalah sebagai halwa mata bagi mereka. Jadi, apabila filem tersebut dipertontonkan, sudah tentu golongan remaja amnya, akan meniru stail dan aksi artis pujaan mereka. Natijahnya wujudlah budaya ‘punk’, bertindik di telinga kiri bagi lelaki, seks bebas, dan lebih dahsyat lagi pembuangan bayi yang semakin berleluasa. Secara tidak langsung, ia mencetuskan kemelut jati diri bagi remaja yang sedang mencari identiti diri seterusnya terlibat dalam gejala gejala yang tidak sihat seperti bertingkah laku devian.

Seterusnya, isu penyalahgunaan media sosial telah mendatangkan banyak impak negatif sama ada terhadap pelajar itu sendiri mahupun masyarakat negara kita. Antaranya ialah akan menyebabkan pelajar di negara kita terlibat dengan gejala yang tidak bermoral. Menurut Nor Azahdan Che Azlina dalam Mazulizam Ismail (2015), mendapati bahawa terdapat segelintir pengguna media sosial ini telah menyalahgunakan kemudahan komunikasi ini untuk mengakses laman yang tidak bermoral seperti laman pornografi yang akhirnya boleh mendorong mereka melakukan hubungan seksual dengan kekasih, rakan dan juga antara penyebab berlakunya peningkatan kadar tingkah laku devian terhadap pelajar serta meningkatkan sumbang mahram dan kes pembuangan bayi yang semakin berleluasa di negara Malaysia.

Seterusnya, tingkah laku devian merupakan individu yang terlibat dengan tingkah laku devian mempunyai konsep kendiri yang rendah. Mereka juga melihat diri mereka dari perspektif yang negatif, keyakinan diri agak rendah, tidak mempunyai matlamat tertentu dalam kehidupan dan kurang memikirkan keperluan sumbangan mereka kepada masyarakat (Byrne, et al., 1981). Di samping itu, remaja yang bertingkah laku devian dan agresif berasal daripada keluarga yang mengamalkan corak disiplin yang terlalu ketat. Ibu bapa dari keluarga sebegini sering menggunakan hukuman fizikal secara berlebihan sebagai cara untuk mendisiplinkan anak-anak ( Bandura, Walters (1959). Sepatutnya, keluarga terutama ibu bapa tidak seharusnya mengamalkan corak mendidik anak-anak mereka dengan memberi hukuman apabila mereka melakukan kesalahan malah haruslah mendidik mereka supaya tidak mengulangi kesalahan yang dibuat.

### **3.1 MEDIA MASSA ELEKTRONIK TERHADAP TINGKAH LAKU DEVIAN**

Media massa memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan dan menyampaikan maklumat dan pendidikan kepada masyarakat terutamanya kepada pelajar. Masa kini, boleh dikatakan setiap rumah dari pelbagai lapisan masyarakat mempunyai kemudahan audio video seperti televisyen, radio, internet, VCD, DVD dan komputer. Namun sebaliknya, penyalahgunaan media massa semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat terutamanya para pelajar dan media massa ini memberi pengaruh yang negatif terhadap akhlak dan tingkah laku pelajar (Rosly Kayar (2007). Menurut Ab. Halim Tamuri (t.t.), masalah keruntuhan akhlak pelajar pada masa kini adalah berada pada tahap sangat krisis kerana disebabkan oleh pembentukan watak remaja banyak dipengaruhi oleh media massa. Tuntasnya, semua pihak khususnya kepada ibu bapa seharusnya memainkan peranan untuk memantau setiap apa yang anak-anak mereka layari semasa menggunakan internet dan mendekatkan diri untuk mengetahui apa yang anak mereka buat.

Menurut Azizi Yahaya (2005), terdapat kesan negatif daripada media massa seperti televisyen melalui filem atau adegan ganas serta kurang bermoral ditonton golongan pelajar secara berterusan dan berulangkali menyebabkan jenayah bertambah dan akhlak remaja kian rosak. Selain itu, Menurut Mustafa Kamil Ayub (1994), media massa ialah saluran pendidikan tidak formal kepada masyarakat. Usteru, isu-isu sosial remaja di negara ini sebenarnya timbul daripada pengaruh mediamassa. Maka penggunaan media massa perlulah pemantauan oleh pihak berwajib supaya para pelajar dapat mengelakkan penayangan unsur-unsur yang menyumbang kepada keruntuhan akhlak dan tingkah laku negatif pelajar.

Perlakuan jenayah seperti tingkah laku devian mempunyai perkaitan dengan proses pembesaran seseorang individu bermula dari zaman kanak-kanak sehingga meningkat dewasa (Haines, 1999). Peningkatan ini mempunyai hubungan dengan perlakuan anti-sosial di zaman kanak-kanak seperti terlibat dengan aktiviti buli, pembohongan, ponteng sekolah dan bertindak kejam ke atas haiwan. Pembawaan sikap itu diteruskan ketika meningkat dewasa seperti serangan ke atas pasangan, penderaan kanak-kanak, sering mabuk alkohol dan mengamalkan seks rambang. Selain itu, kenyataan ini disokong oleh pakar psikologi penjenayah yang menekankan bahawa tingkah laku antisosial dan devian akhirnya akan mendorong seseorang untuk terjerumus dalam perlakuan jenayah (Haines, 1999). Secara kesimpulannya, ini merupakan benih atau akar umbi perlakuan jenayah yang disemai sejak zaman kanak-kanak atau remaja jika tidak diambil berat oleh penjaga mereka melalui asuhan daripada mereka kecil.

### **3.2 FAKTOR PERSEKITARAN DAN KELUARGA ATAU IBU BAPA**

Perkembangan remaja amat dipengaruhi oleh persekitarannya. Persekitaran yang terdekat dan terpenting buat remaja ialah keluarga mereka. Mengikut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Seterusnya, hubungan kekeluargaan yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep kendiri, tingkah laku seks, dan pencapaian akademik (Fatanah, 1997). Kegagalan ibu bapa dalam mendisiplinkan anak-anak juga dilihat sebagai salah satu faktor berlakunya tingkah laku devian. Jika ibu bapa tidak mementingkan dan tidak mempededulikan aktiviti harian anak-anak menyebabkan mereka berasa diri mereka tidak penting dan kurangnya kasih sayang terhadap mereka. Oleh itu, ini adalah punca utama anak-anak mudah terjebak dengan anasir yang tidak sihat seperti bertingkah laku devian.

Tingkah laku devian di kalangan remaja juga disebabkan oleh konflik dan tekanan psikologikal. Remaja-remaja yang terlibat dengan melakukan tingkah laku devian ini juga mengalami konflik dalam keluarga mereka sendiri. Mereka gagal melihat keluarga adalah satu persekitaran yang tidak sihat dan boleh menyebabkan kebahagiaan serta rasa seronok kepada mereka hilang (Mahmood Nazar Muhammad (1993). Kekurangan komunikasi yang berkesan dan kasih sayang dalam keluarga turut memainkan peranan dalam pembentukan personaliti devian remaja. Kebanyakan tingkah laku anti sosial remaja juga berpunca daripada kegagalan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga

(Jacobvitz et al., 1996, Vuchinich, 1992). Bagi mengelakkan anak-anak daripada bertingkah laku devian ini adalah ibu bapa seharusnya, bersikap tegas dalam mendidik anak-anak mereka dan meluangkan masa yang secukupnya kepada mereka supaya mereka berasa tidak kekurangan kasih sayang dan perhatian daripada keluarga terutama ibu bapa.

Seterusnya, melalui keluarga juga telah membentuk personaliti seseorang individu sejak kecil lagi dan ianya terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa (Hoffman 1994). Di samping itu, pengkaji kajian lepas mendapati bahawa persekitaran keluarga adalah merupakan medan kepada proses perkembangan emosi, kognitif dan sosial setiap ahli dalamnya (Sham Sani Salleh 1994). Jelaslah bahawa perkara ini menunjukkan persekitaran keluarga adalah merupakan aspek yang sangat penting dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang.

#### **4.0 CADANGAN UNTUK KAJIAN SELANJUTNYA**

Cadangan ini patut dijadikan panduan dan ingatan kepada pengamal media yang terlibat dalam menerbitkan dan menyiaran program-program media supaya dapat menapis pelbagai bentuk pengaruh negatif dalam media sebelum ianya disiarkan untuk tontonan ramai. Media sepatutnya berperanan menyajikan program-program yang bermanfaat dan ianya menjadi tanggungjawab kepada semua pihak seperti guru, masyarakat, produser program, stesen televisyen dan pemerintah dalam memantau program-program media yang tidak bersesuaian dengan budaya Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memainkan peranan yang amat penting supaya dapat menerbitkan pelbagai bentuk perisian media yang sangat efektif untuk situasi pengajaran dan pembelajaran semasa. Begitu juga dengan peranan yang telah dimainkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum di mana agensi ini telah menerbitkan buku-buku teks yang disertai dengan laman-laman web berkaitan untuk diakses oleh pelajar-pelajar supaya mereka dapat memahami dengan lebih lanjut sesuatu topik pelajaran. Usaha-usaha seumpama ini seharusnya diberikan nilai tambah dan dijadikan panduan oleh semua pihak untuk menjadikan negara Malaysia pusat perkembangan ilmu pengetahuan. Pihak sekolah boleh merancang aktiviti-aktiviti yang sesuai dan selaras dengan perkembangan remaja supaya mereka dapat dilibatkan dengan pelbagai aktiviti yang dapat membina sahsiahan diri.

Pihak sekolah juga boleh mendapatkan sokongan daripada ibu bapa, badan-badan kerajaan, badan bukan kerajaan, korporat dan masyarakat bagi memberikan sumbangan moral dan kewangan dalam melaksanakan pelbagai programnya.

Ibu bapa juga disarankan supaya sentiasa mengawal masa anak-anak menonton media kerana ini akan mendedahkan anak-anak kepada pelbagai bentuk keagresifan dalam media. Bagi ibu bapa yang mempunyai kemudahan internet di rumah, mereka seharusnya mengawal penggunaan internet yang digunakan oleh anak-anak mereka supaya kemudahan ini tidak disalahgunakan untuk melayari halaman-halaman yang agresif, ganas dan porno. Mereka juga harus memahami bahawa media seharusnya digunakan untuk tujuan mendapatkan maklumat dan hiburan yang beretika.

#### **5.0 KESIMPULAN**

Kadar peningkatan tingkah laku devian yang berlaku dalam kalangan pelajar di Semenanjung Malaysia haruslah diberi perhatian oleh semua pihak termasuk ibu bapa. Hal ini kerana, peningkatan tingkah laku devian pelajar pada hari ini akan memberi impak yang negatif kepada pelajar lain secara berpanjangan jika perkara ini tidak dibendung. Dengan kata lain, zaman perkembangan kanak-kanak dan remaja merupakan zaman yang sangat kritikal dalam kehidupan seseorang individu terutama ibu bapa yang mempunyai anak dalam meningkat usia remaja. Hal ini kerana, pengaruh yang tidak sihat atau negatif yang tidak diingini mudah meresap ke dalam jiwa kanak-kanak dan remaja kerana mereka sangat mudah terpengaruh terutamanya semasa menggunakan internet.

Kesimpulannya, tingkah laku devian secara keseluruhan merupakan salah satu perkara yang bersifat negatif di mana ia sangat membimbangkan semua pihak terutamanya ibu bapa mereka sendiri. Sepatutnya tingkah laku devian ini seharusnya tidak wujud dalam diri kalangan remaja di negara kita kerana ia boleh merosakkan jiwa muda remaja dan memberi impak yang besar terhadap remaja yang terlibat

## **RUJUKAN**

Abdul Munir Ismail (2018), *PENGARUH MEDIA MASSA TERHADAP AKHLAK PELAJAR*. Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak Malaysia

<https://www.academia.edu/34835751/PENGARUHMEDIAMASSATERHADAPAKHLAKPELAJAR>

*Laporan Statistik Kebajikan Masyarakat Malaysia.* (2015) Retrieved from

<http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/Buku%20JKM%202015%E2%80%A2Final.pdf>. 26 Disember 2016.

Maklumat Dadah 2015. *Agensi Antidadah Kebangsaan. Kementerian Dalam Negeri.* Retrieved from <http://www.adk.gov.my/html/pdf/buku%20maklumat%20dadah/BUKU%20MAKLUMAT%20DADAH%202015.pdf>. 8 Mac 2017.

Nik Nursyairah Nik Nordin, Mohd Nasir Selamat (2018), *Tingkah Laku Delinkuen Pelajar dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhinya*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

<http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/62/40/tingkah-laku-delinkuen-pelajar>

*Penyalahgunaan Media Sosial.* 2015

[https://www.academia.edu/36050807/Isu\\_Penyalahgunaan\\_Media\\_Sosial\\_Dalam\\_Kalangan\\_Remaja](https://www.academia.edu/36050807/Isu_Penyalahgunaan_Media_Sosial_Dalam_Kalangan_Remaja)

<https://mazlan66.wordpress.com/2008/03/25/media-massa-merupakan-antara-faktor-berlakukan-gejala-sosial/>.

# **GAYA KEIBUBAPAAN DAN PERSONALITI AGRESIF DALAM KALANGAN REMAJA DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAHMAT**

**Nor Aini Abdul Rahim, Syazwana Aziz**

Fakulti Sains Sosial

Kolej Universiti Islam Melaka

[aini\\_kireina@yahoo.com](mailto:aini_kireina@yahoo.com)

## **ABSTRAK**

Remaja merupakan satu tahap di mana mereka ini sedang mencari identiti diri mereka. Peranan ibu bapa adalah yang paling penting bagi mengelakkan daripada terbentuknya personaliti agresif dalam kalangan remaja. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti kajian konsep berdasarkan kajian lepas bagi melihat hubungan di antara gaya keibubapaan dengan personaliti agresif dalam kalangan remaja. Di dalam kajian ini juga mencari permasalahan bagaimana gaya keibubapaan itu boleh mempengaruhi personaliti individu seseorang remaja tersebut. Terdapat tiga gaya keibubapaan menurut Baumrind (1991) yang telah dikaji iaitu autoritarian, authoritative dan permisive. Keputusan menunjukkan ibu bapa yang menggunakan gaya keibubapaan authoritarian lebih cenderung dalam membentuk personaliti remaja itu menjadi agresif. Hal ini kerana, ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan authoritarian ini lebih bersikap sangat tegas dan tidak memberi kebebasan kepada anak-anak mereka dalam membuat keputusan serta kurang komunikasi dianatara ibu bapa dan anak-anak mereka. Bagi ibu bapa yang menggunakan gaya asuhan authoritative pula, hasil kajian mendapati, gaya asuhan ini dapat membentuk personaliti anak menjadi lebih berdikari dan bijak meletakkan batas didalam tindakan mereka. Bagi gaya asuhan permisive pulak, ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan ini boleh membentuk personaliti yang kurang berdikari, kurang menjelajah dan mereka lebih bersikap terlalu bergantung atau terlalu bebas. Kesimpulannya, setiap ibu bapa itu seharusnya bijak memilih gaya keibubapaan yang bersesuai dalam membentuk personaliti anak-anak mereka bersesuaian dengan keperluan remaja.

**Kata Kunci:** Remaja, Gaya Keibubapaan, Personaliti Agresif

## **ABSTRACT**

Adolescent is a stage where they are looking for their identity. The role of parents is the most important to avoid the formation of aggressive personality among adolescents. In addition, parents should establish good relationships with their adolescent that trust can be established in themselves. The objective of this study was to examine the concept study based on previous studies of the relationship between parenting style and aggressive personality among adolescents. In these studies also find the problem how parenting styles that can affect an adolescent's individual personality. There are three styles of parenting by Baumrind (1991) that have been studied are authoritarian, authoritative and permissive. Results showed that parents who use authoritarian parenting style is more likely to form the teen's personality became aggressive. This is because parents who adopt this style authoritarian more care to be very firm and not give freedom to their children in decision-making and lack of communication with both parents and their children. For parents who use authoritative nurturing style, the study found, this style of upbringing can build the personality of the child becomes more independent and intelligent placing limits on their actions. Permissive style of upbringing for parents who us this style of upbringing can build the personality of less independent, less traveled and they are being too dependent or too free. In conclusion, parents should wisely choose the parenting style for their children. Parents also have to communicate with their children wisely.

**Keywords:** Adolescent, Parenting Style, Aggressive Personality

## **1.0 PENGENALAN**

Keluarga merupakan satu komponen penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat dan membentuk sebuah negara yang maju. Tanpa institusi kekeluargaan sesebuah negara itu tidak akan sempurna. Menurut Dr Norharlina binti Bahar (2015), sebuah keluarga itu merupakan satu unit asas sosial yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak yang akan membentuk satu kumpulan dan setiap keluarga itu mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Apabila setiap ahlinya bergaul dengan baik, tidak merasa tertekan mahupun sedih ia bermakna keluarga itu berfungsi dengan baik. Menurut Dr Norharlina lagi, sesebuah keluarga yang berpecah belah akan sering mengalami konflik, salah laku, penderaan sehingga menyebabkan ahlinya turut berkelakuan sedemikian.

Menurut Duvall dan Logan (1986), keluarga merupakan sekumpulan orang yang disatukan dengan ikatan perkahwinan, kelahiran atau anak angkat yang bertujuan untuk mewujudkan satu budaya dan meningkatkan perkembangan fizikal, emosi serta sosial bagi setiap ahli didalam sesebuah keluarga itu. Menurut Johnson's (1992) pula, keluarga merupakan kumpulan dua orang atau lebih yang mempunyai hubungan darah atau tidak, yang tinggal dalam satu bumbung, mempunyai ikatan emosi serta setiap ahlinya mempunyai kewajipan antara satu sama lain. Keluarga juga merupakan kelompok manusia yang mempunyai ikatan perkahwinan, keturunan, atau hubungan darah atau pengangkatan dan ahlinya tinggal bersama-sama di dalam satu rumah. Mereka juga berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain serta mempunyai kebiasaan yang sama. (Bergess, 1962).

Bussard dan Ball (1996) berpendapat keluarga merupakan lingkungan sosial yang sangat rapat hubungannya dengan seseorang. Di dalam keluarga itulah seseorang itu dibesarkan, tinggal bersama, berinteraksi antara satu sama lain, membentuk nilai-nilai, pola pemikiran dan kebiasaan yang sama dan ibu bapa itu sendiri merupakan peranan yang paling besar dalam membentuk personaliti anak-anak mereka. Oleh yang demikian, jika ibu bapa itu gagal dalam melaksanakan tugas mereka dengan sepatutnya, ianya boleh memberi kesan buruk kepada personaliti anak mereka. Ibu bapa yang terlalu garang atau tegas serta terlalu mengongkong anak-anak mereka, terutamanya anak-anak remaja, di dalam tidak sedar, mereka telah mewujudkan tekanan kepada anak-anak ini sehingga membentuk suatu personaliti yang agresif di dalam diri anak-anak tersebut. Hal ini berlaku kerana, mereka cuba untuk melepaskan tekanan itu dengan membuatkan sesuatu yang negatif sebagai satu bentuk pemberontakan atau cara mereka untuk melepaskan tekanan yang berlaku di rumah. Selain itu, jika ibu bapa tidak mempedulikan atau tidak ada langsung komunikasi diantara ibu bapa dan anak-anak, hal ini akan menyebabkan anak-anak remaja ini bagaikan "tergantung tidak bertali" serta terkapai-kapai untuk mencari jalan kehidupan mereka sendiri. Secara tidak langsung, "kehilangan" yang mereka rasa ini, akan menyebabkan mereka mencari sesuatu bagi mengisi kekosongan tersebut dan ianya akan menjadi buruk jika mereka tersalah langkah dalam memilih jalan tersebut.

## **2.0 SENARIO PERSONALITI AGRESIF DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA**

Personaliti agresif di mana satu bentuk personaliti negatif yang terbentuk di dalam diri seseorang yang melibatkan perlakuan yang tidak bermoral yang dilakukan oleh individu tersebut yang boleh menyebabkan kemusnahan harta benda, mencederakan orang lain atau diri sendiri dan menuturkan kata-kata yang tidak bermoral. Olweus (1993) dan Smith dan Sharps (1994) bersetuju bahawa personaliti agresif adalah satu personaliti di luar norma masyarakat contohnya seperti membuli, bergaduh, mengambil hak orang lain, mencederakan dan bergaduh. Menurut Manminder dan Jaspreet (2014), personaliti agresif adalah seperti panas baran, suka membuli, bergaduh, memukul, menerajang, bersikap biadap, cemburu, meragut dan menggores sesuatu. (Assyaadah, 2017).

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, remaja seawal usia 10 tahun, telahpun terjebak dengan jenayah berat seperti cubaan membunuh tanpa niat, kejadian rogol, dan pecah rumah. Menurut Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, terdapat dua pembahagian jenayah yang membabitkan remaja iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. (Azizi Yahaya et.al 2011).

Personaliti agresif yang melibatkan remaja ini bukan sahaja melibatkan remaja Melayu akan tetapi remaja dalam kalangan bangsa lain turut terlibat. Akan tetapi, personaliti agresif yang melibatkan jenayah ini, kebanyakannya dalam kalangan remaja Melayu yang beragama Islam. Hal ini

diperakui daripada laporan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kanak-kanak dan remaja yang terlibat dengan jenayah mengikut jenis kesalahan, umur dan jantina pada tahun 2017. Rajah menunjukkan, remaja lelaki lebih cenderung dalam melakukan jenayah berbanding pelajar perempuan. Selain itu, di usia 13 hingga 17 tahun, remaja dilihat melakukan jenayah paling kerap.

Jadual 2.1: Remaja yang terlibat dengan jenayah mengikut jenis kesalahan, umur dan jantina (2017)  
(JKM)

<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>10-12 tahun</b>		<b>13-15 tahun</b>		<b>16-17 tahun</b>		<b>18-21 tahun</b>		<b>Jumlah</b>
	L	P	L	P	L	P	L	P	
<b>Bersabit dengan harta benda</b>	55	0	414	14	1008	43	70	1	1605
<b>Akta kesalahan kecil</b>	36	0	143	6	532	10	51	0	778
<b>Melanggar syarat pengawasan</b>	0	0	0	0	4	0	1	0	5
<b>Dadah</b>	64	0	255	36	1223	93	155	11	1837
<b>Judi</b>	0	0	4	0	31	5	5	0	45
<b>Lalulintas</b>	29	2	93	4	208	11	8	2	357
<b>Lari dari sekolah diluluskan</b>	1	0	3	0	9	0	0	0	13
<b>Lain-lain</b>	27	4	103	9	423	34	78	8	686
<b>Jumlah</b>	218	7	1036	70	3518	198	374	22	5443

Daripada kejadian-kejadian yang melibatkan personaliti agresif dalam kalangan pelajar sekolah, hal ini menunjukkan bahawa berlakunya krisis identiti dan mereka sedang mencari identiti mereka yang sebenar ketika di usia 13 tahun hingga 17 tahun. Menurut Zainal dan Sharani (2004), zaman remaja merupakan zaman di mana berlakunya perubahan apabila mereka mencapai akil baligh atau cukup umur. Perubahan-perubahan yang berlaku akan mencipta pelbagai masalah apabila mereka gagal untuk mengawal emosi dan hal ini akan menyebabkan mereka mengalami tekanan mental dan mereka boleh melakukan sesuatu di luar batas kawalan (Arief dan Wardah, 2006).

### **3.0 GAYA KEIBUBAPAAN BAUMRIND (AUTORITATIF, AUTORITARIAN DAN PERMISIF) BOLEH MEMPENGARUHI PERSONALITI AGRESIF REMAJA**

Di dalam teori keibubapaan yang diperkenalkan oleh Baumrind, terdapat tiga jenis gaya asuhan keibubapaan iaitu gaya autoritatif, gaya asuhan autoritarian dan gaya asuhan permisif. Ketiga-tiga jenis gaya ini dapat membantu ibu bapa dalam proses mendidik anak-anak mereka dan sehingga ke hari ini, masyarakat masih lagi menggunakan teori ini untuk mendidik anak-anak mereka.

Gaya asuhan autoratif adalah dimana ibu bapa itu mengamalkan ketegasan tetapi bersedia mendengar pandangan anak-anak mereka serta bersikap toleransi dalam membuat keputusan, setiakawan dan sentiasa melibatkan diri bersama dengan anak-anak mereka. Bagi gaya asuhan authoritarian pula, ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan ini lebih cenderung mempunyai sikap kawalan yang tinggi tetapi kurang bertanggungjawab. Kebiasaannya, ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan ini akan meletakkan jangkaan yang tinggi terhadap anak-anak mereka dengan mempraktikkan pendekatan kawalan, hukuman dan peraturan yang ketat dan anak-anak sama sekali tidak boleh mempertikaikan tindakan dan keputusan yang dibuat oleh ibu bapa mereka. Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif pula lebih bersikap mesra, terlalu berlembut dan sentiasa memenuhi kehendak anak-anak mereka tanpa kawalan.

Menurut Maccaboy dan Martin (1993), terdapat dua golongan ibu bapa di dalam gaya asuhan ini iaitu ibu bapa yang mengabaikan anak-anak mereka dan ibu bapa yang memanjakan anak-anak mereka.

### **3.1 Gaya Asuhan Keibubapaan Autoritarian dan Personaliti Agresif Remaja**

Di dalam kajian yang telah dilakukan oleh Azizi Yahaya dan Badrulzaman (2007), hasil kajian menunjukkan bahawa, ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan autoritarian lebih cenderung membentuk personaliti atau tingkah laku anak-anak yang lebih agresif berbanding dengan ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan autoratif dan gaya asuhan permisif. Daripada kajian yang dilakukan oleh Sara dan Baba (2016) pula menunjukkan bahawa gaya asuhan authoritarian ini memberi impak yang negatif kepada personaliti anak-anak. Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan authoritarian dengan perlakuan ponteng sekolah (personaliti agresif).

Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan authoritarian cenderung mengawal anak-anak mereka dengan ketat, tegas dan anak-anak tidak bebas memberi pendapat mereka dalam segala hal. hal ini akan memberi kesan psikologi kepada anak-anak mereka seperti mereka akan lebih pendendam, memberontak dan kurang bermotivasi. Ini kerana, anak-anak ini akan mengikut model tingkah laku yang ditunjukkan oleh ibu bapa mereka ini. Tidaklah menjadi kesalahan ibu bapa itu untuk bersikap tegas kepada anak-anak mereka, akan tetapi, komunikasi dua hala itu juga sangat penting dalam membentuk personaliti anak-anak ini.

### **3.2 Gaya Asuhan Keibubapaan Autoratif dan Personaliti Agresif Remaja**

Di dalam kajian yang dilakukan oleh Mehezabin Dordi dan Shraddha (2018) menunjukkan, ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan autoratif lebih cenderung membentuk personaliti anak-anak mereka dengan lebih positif. Siti Nurshahizan (2014) turut berpendapat bahawa ibu bapa yang sering memberi galakan dan didikan, bersikap mengambil berat terhadap anak-anak dan cita-cita mereka akan mewujudkan rasa selesa dalam kalangan anak-anak mereka ketika di rumah serta akan membentuk motivasi di dalam diri mereka dan ini akan memberi kesan yang positif kepada mereka.

Ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan autoratif ini menunjukkan sikap yang bertoleransi, demokratik serta mempunyai komunikasi dua hala yang baik bersama anak-anak mereka. Dengan ini, anak-anak akan merasa selesa untuk memberi pendapat serta mendengar pendapat daripada ibu bapa mereka. Mereka akan lebih bertolak ansur dengan pendapat yang diberikan oleh ibu bapa mereka kerana melihat perlakuan yang sama dibuat oleh ibu bapa mereka kepada mereka apabila mereka memberi pendapat.

### **3.3 Gaya Asuhan Keibubapaan Permisif dan Personaliti Agresif Remaja**

Bagi ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif pula kebiasaannya akan terlibat dalam membuat keputusan untuk anak-anak mereka. Mereka juga jarang menggunakan disiplin dalam mendidik anak-anak kerana ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan ini memiliki harapan dan kawalan yang rendah. Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan ini juga dilihat kurang melaksanakan peraturan dan batasan yang ada dirumah. Hal ini akan mengakibatkan permasalahan internalisasi sama ada ketika dirumah, sekolah maupun lingkungan masyarakat serta prestasi kerja (Igbo & Ihejiene, 2014).

Menurut Pravitasari (2012) pula, ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif ini juga tidak mengambil tahu atau masuk campur langsung dalam kehidupan anak-anak mereka. Oleh disebabkan itu, anak-anak ini akan memiliki keyakinan diri yang rendah, tidak matang dan sering mengasingkan dirinya daripada keluarga. Selain itu, mereka juga cenderung dimanjakan dan kadang kala, ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan ini juga tidak mahu masuk campur dalam kehidupan

anak-anak mereka. Akibat daripada itu, anak-anak ini akan cenderung untuk melakukan jenayah terutamanya apabila mereka meningkat dewasa. Terdapat dua jenis gaya asuhan keibubapaan jenis permisif, yang pertama ibu bapa yang terlalu memanjakan anak-anak mereka dan yang kedua pula ibu bapa yang mengabaikan anak-anak mereka. kedua-dua jenis asuhan jenis permisif ini akan menyebabkan anak-anak terlalu bebas tanpa pengawasan dan bimbangan ibu bapa mereka sehinggalah boleh menyebabkan mereka ini cenderung untuk melakukan jenayah.

Jika ibu bapa yang terlalu memanjakan anak-anak mereka, anak-anak ini akan beranggapan bahawa jika mereka melakukan sesuatu kesalahan atau berada di dalam kesusahan atas kesalahan yang mereka lakukan, mereka percaya bahawa ibu bapa mereka ini akan sentiasa ada untuk menyelesaikan masalah itu. Bagi ibu bapa yang mengabaikan pula, anak-anak ini akan merasa tidak diperlukan dan akan menjauhkan dari keluarga dan mencari jalan hidup mereka sendiri tanpa bimbangan daripada orang dewasa. Hal ini boleh mendorong mereka untuk berada di jalan yang salah atau lebih buruk lagi cenderung untuk melakukan jenayah kerana ketiadaan orang dewasa di samping mereka untuk menegur atau membetulkan kesalahan yang mereka lakukan itu.

#### **4.0 SARANAN KAJIAN**

Kajian yang telah dilakukan ini sedikit sebanyak dapat membantu para ibu bapa dalam membentuk personaliti anak remaja mereka agar menjadi individu berpersonaliti yang berkualiti. Selain daripada itu, kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada ibu bapa dalam membaikpulih gaya keibubapaan yang telah diberikan kepada anak-anak mereka selain memahami masalah personaliti agresif dalam kalangan remaja ini mempunyai hubungkaitnya dengan gaya asuhan keibubapaan mereka.

Hasil daripada kajian ini juga dapat memberi sumbangan yang tertentu terutamanya dalam pembentukan personaliti remaja. selain daripada itu, kajian ini juga boleh digunakan oleh masyarakat umum, bagi memberi pengajaran serta input yang berguna dalam membentuk personaliti yang berkualiti dalam kalangan remaja. kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada para guru dan sekolah dalam menangani masalah yang melibatkan personaliti agresif pelajar seperti ponteng sekolah, merokok, buli dan lain-lain lagi. Selain itu, kajian ini juga boleh menjadi sumber rujukan kepada guru-guru disiplin dan Kementerian Pelajaran Malaysia, bagi mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan dengan masalah-masalah yang melibatkan disiplin dalam kalangan sekolah menengah.

Diharapkan juga, hasil daripada kajian yang dilakukan ini juga dapat membantu dan menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang lain yang ingin membuat kajian lanjutan atau penyelidikan yang lebih terperinci berkenaan dengan isu yang dibincangkan ini dan boleh membuat penambahbaikan lagi bagi membantu generasi yang akan datang.

#### **5.0 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, masalah personaliti agresif yang berlaku dalam kalangan remaja di Malaysia ini semakin membimbangkan. Ibu bapa terutamanya seharusnya memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan personaliti anak-anak remaja mereka. Teori gaya keibubapaan Baumrind (1971) sangat membantu ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka dan sehingga kini, teori ini masih lagi digunakan oleh masyarakat di dunia. Akan tetapi, sebagai ibu bapa, mereka seharusnya bijak memilih gaya mana yang bersesuaian dengan persekitaran dan kehendak anak-anak mereka ini. Hal ini kerana, setiap anak-anak itu mempunyai personaliti yang berbeza dan ibu bapa inilah yang bertanggungjawab dalam membentuk personaliti anak-anak mereka menjadi yang terbaik. Selain itu, ibu bapa juga harus menggunakan cara yang berkesan didalam memberi kerjasama dan membentuk komunikasi yang baik diantara anak-anak mereka agar hubungan yang baik dapat dibina. Dengan terbentuknya hubungan yang baik di antara ibu bapa dan anak-anak, kepercayaan di dalam diri anak-anak ini terhadap ibu bapa dapat diwujudkan.

## RUJUKAN

- Allport, G. W. 1971. *Personality: A psychology interpretation*. London: Redwood Press Limited.
- Azizi Hj Yahaya dan Nalini A/P Madavan .2006. *Faktor-faktor lepak dan hubungan keibubapaan di kalangan pelajar di sekolah menengah di empat buah negeri Skudai*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Amaludin Ab. Rahman & Noralina Omar. 2008. *Kaunseling Remaja; tips dan panduan kearah satu keluarga satu kaunselor*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Syamel bin Atan & Salasiah binti Hanim Hamjah. 2018. *Pendekatan Dakwah Dalam Menangani Personaliti Agresif Remaja di Sekolah Integriti Kajang (SIK)*. At-Tahkim, Vol. 8, No. 13 .7. 2018.
- Ali Hafizar Mohamad Rawi, Norida Abdullah & Siti Nurul Suhada Shamshul al Kamal. 2017. *Hubungan antara jenis komunikasi dan gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku devian remaja; kajian literatur*. Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka, Malaysia. Vol. 10.
- Assyaadah binti Yaacob. 2017. *Tingkah laku agresif pelajar sekolah berdasarkan teori pilihan di lima buah sekolah di daerah Kota Kinabalu, Sabah*. Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip & Faizah bte Idris. 2011. *Persepsi pelajar terhadap perlakuan agresif yang berlaku di lima buah sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru*. *Journal of Education Psychology and Counseling* . Volume 1 Mac 2011, Pages 1-24.
- Abd Majid Mohd Isa & Rahill Mahyuddin. 1997. Psikologi Pendidikan 1: *Pertumbuhan dan Perkembangan*. Petaling Jaya: Longan Malaysia Sdn Bhd.
- Azizi Hj Yahaya, Yusof Boon & Shahrin Hashim. 2008. *Personaliti gaya hidup remaja*. Kuala Lumpur: Penerbitan UTM Press.
- Dr. Hasan Hj. Mohd Ali. 1998. *40 Kesilapan Mendidik Anak*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Dordi M & Pol S (2018). *Relationship of Parenting Styles with Personality and Academic Motivation among Adolescents*. *International Journal of Indian Psychology*, Vol. 6, (1), DIP: 18.01.058/20180601, DOI: 10.25215/0601.058
- Habibah Elias dan Noran Faudziah Yaakub. 2002. *Psikologi personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahawa dan Pustaka.
- Igbo, J.N. & Ihejiene, M. A. 2014. *Influence of parenting style on deviant behaviors and academic achievement of secondary school student in Garoua, Northern Cameroun*. International Journal of Education Science and Research, 4(5), 19-34.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2011. *Psikologi Remaja dan Masalah-masalah Psikososial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Jerry Edobor Odiase & Rosemary Ekechukwu. 2015. *Influence of Personality and Social Factors on Delinquent Behavior among Secondary School Adolescents in Rivers State*. Department of Education Psychology Guidance & Counseling, University of Port Harcourt, Nigeria. Volume 4(5).
- Kamaliah bte Hj. Andullah. 2001. *Pengaruh faktor dorongan.:Hubungan & kerjaya ibubapa dalam pemilihan kerjaya pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Teluk Batu Pahat, Johor*. ITM, Skudai, Johor. Tesis: Sarjana Muda.
- Keluarga Bahagia, Remaja Gembira. 2015. Retrieved From <http://www.myhealth.gov.my/keluarga-bahagia-remaja-gembira/>
- Prof. Madya Dr. Azizi Yahaya & Badrulzaman Baharom. 2007. *Persekutaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja*. Jabatan Asas Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Pravitasari, T. 2012. *Pengaruh persepsi pola asuhan permisif orang tua terhadap perilaku membolos*. Education Psychology Journal, 1(1), 1-8.

- Sara, S.S & Baba, M. M. (2016). *School environment as correlate of truancy behavior among secondary school student in Jigawa State, Nigeria: Implication for counseling*. *International Journal of Educational Benchmark*, 2(2), 23-38.
- Siti Nurshahizan. 2014. *Gaya keibubapaan terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah*. Tesis Master, Universiti Tun Hussein Onn.

# **HUBUNGAN ANTARA TINGKAH LAKU ASERTIF DENGAN KOMITMEN KERJA DALAM KALANGAN PEKERJA SOKONGAN DI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BUKIT KATIL, MELAKA**

**Noorsyahika Mohamed Nazri & Noraini Abdol Raop**

Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

syahikanazri9@gmail.com

## **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara tingkah laku asertif dengan komitmen kerja. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah persampelan bertujuan dengan mengedarkan soal selidik kepada 48 orang responden dalam kalangan pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Melaka. Soal selidik yang disediakan mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Bahagian A (demografi), bahagian B (inventori *Ratus Assertiveness Schedule* (RAS), dan bahagian C ialah inventori *Organizational Commitment Questionnaire* (OCQ). Data kajian dianalisis menggunakan SPSS. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kerja dengan komitmen organisasi ( $r_{(48)} = .189$ ,  $k < .05$ ). Kesimpulannya, faktor-faktor tingkah laku asertif mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen organisasi.

Kata Kunci: tingkah laku asertif, komitmen kerja, pekerja

## **Abstract**

This study carried out to identify the relationship between assertiveness with organizational commitment among firemen. Methodology research used the sampling method by distributing the questionnaire to 48 respondents among support workers at Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Melaka. The questionnaire provided has three sections including sections A, B and C. A sections (demography), B sections (Rathus Assertiveness Schedule RAS) and C sections is Organizational Commitment Questionnaire (OCQ). The findings showed that there are significant relationship between assertiveness with organizational commitment ( $r_{(48)} = .193$ ,  $k < .05$ ). In conclusion, the factors assertiveness have significant relationship with organizational commitment.

Keywords: assertiveness, organizational commitment, firemen

## **1.0 PENGENALAN**

Pekerja memainkan peranan utama dalam menjayakan matlamat yang ingin dicapai oleh sesebuah organisasi. Tingkah laku setiap pekerja mempunyai perbezaan tetapi jika digabungkan mereka akan memberi kesan, sama ada kesan negatif atau positif kepada sesebuah organisasi terutamanya misi dan visi organisasi.

Menurut Ryoko Nikura (1999), tingkah laku asertif adalah suatu keupayaan untuk menyatakan sesuatu yang berkaitan dengan pemikiran dan perasaan. Asertif bermaksud perlakuan yang membolehkan penyampaian atau proses komunikasi dilakukan dengan jelas dan penuh keyakinan untuk menyampaikan kehendak, keperluan dan perasaan daripada penyampai kepada penerima maklumat/mesej tanpa menyalahgunakan dalam apa pun hak asasi manusia (*human rights*) yang melibatkan kedua-dua belah pihak. Hal ini bermaksud komunikasi asertif akan menyebabkan kedua-dua pihak akan berpuas hati dengan proses komunikasi tersebut (Najmah Nawawi, 2013).

Komitmen disifatkan sebagai hubungan seorang pekerja dengan organisasi dan keputusan dibuat pekerja untuk meneruskan keahlian dalam organisasi (Meyer dan Allen, 1991). Pekerja yang komited sanggup melampaui keperluan minimum tugas mereka dan lebih cenderung untuk kekal dengan organisasi daripada pekerja tidak komited (Meyer dan Allen, 1997).

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tingkah laku asertif dan komitmen kerja dalam kalangan pekerja. Perancangan yang teliti boleh dilaksanakan untuk membantu meningkatkan komitmen kerja dalam organisasi.

Asertif adalah sifat yang sangat berbeza dengan agresif kerana agresif lebih kepada sifat mendesak dan memaksa orang lain untuk membuat sesuatu yang tidak disukai. Asertif wujud apabila tingkah laku submisif (berserah) dengan agresif digabungkan atau disatukan. Golongan yang bersifat asertif adalah golongan yang berserah tetapi tidak melakukan dengan rela hati (Martin dan Poland, 1980).

Komitmen pekerja pula dilihat sebagai suatu keperluan dalam perkembangan sebuah organisasi (O'Malley, 2000). Namun, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pekerja melanggar etika kerja iaitu dengan melewatkhan waktu mereka datang bekerja dengan memberi alasan yang tidak kukuh dan tidak masuk akal. Tingkah laku datang kerja lambat boleh menyebabkan prestasi sesebuah organisasi menjadi tidak maju dan menyebabkan banyak kerja tertangguh serta menjadikan produktiviti dan ekonomi organisasi (Farah Hanani, 2014).

Sengaja keluar pada waktu bekerja, adalah salah satu punca organisasi masih tidak berkembang di mana salah satu penyumbangnya adalah tidak mempunyai kepuasan sewaktu melakukan kerja. Hal ini demikian kerana, elemen penting yang perlu ada dalam diri pekerja adalah kepuasan kerja. Pekerja yang mempunyai tahap kepuasan kerja yang tinggi akan lebih produktif dan bermutu (Mullins, 1989). Porter et al. (1974) pula mendefinisikan komitmen kepada organisasi sebagai darjah kekuatan identifikasi dan penglibatan individu dalam sesebuah organisasi. Tiga ciri komitmen ialah keyakinan yang kuat ke atas matlamat dan nilai organisasi, kesediaan dan kesudian untuk menyumbangkan usaha kepada organisasi dan keinginan yang kuat untuk mengekalkan keahlian dalam organisasi.

Kelakuan tersebut telah menyebabkan terganggunya kelancaran kerja dalam sesebuah organisasi. Kebanyakan pekerja juga sering ponteng dan tidak datang bekerja kerana tidak mempunyai minat terhadap pekerjaan yang mereka lakukan dimana hal tersebut sangat mempengaruhi tahap kepuasan kerja. Seterusnya mengakibatkan mereka tidak melakukan tugas mereka secara bersungguh-sungguh atau mereka hanya mengabaikan tugas tersebut (Farah Hanani, 2014).

## 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti tingkah laku yang dominan dalam kalangan pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Melaka
- ii. Mengenal pasti tahap komitmen kerja dalam kalangan pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Melaka
- iii. Mengenal pasti hubungan antara tingkah laku asertif dan komitmen kerja terhadap organisasi dalam kalangan pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Melaka
- iv. Mengenal pasti perbezaan komitmen kerja berdasarkan jantina dalam kalangan pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Melaka

## 4.0 KAJIAN LEPAS

### Tingkah Laku Asertif

Kajian yang dijalankan oleh Mathison (2001) telah mengkaji perbezaan persepsi antara jantina terhadap keasertifan dalam kalangan pengurus wanita. Seramai 93 orang terdiri daripada 58

perempuan dan 35 orang lelaki yang mempunyai purata umur 33 tahun telah menyertai kajian di makmal. Kesemua responden telah diperdengarkan dengan rakaman perbualan selama tujuh minit antara dua orang pengurus yang berbeza jantina. Gaya komunikasi dalam perbualan itu disahkan oleh enam juri sebagai gaya sertif dan bukan juga gaya asertif atau agresif. Hasil kajian mendapati responden wanita lebih cenderung menganggap perbualan wanita lebih asertif berbanding responden lelaki.

Menurut Burley(1983), melalui proses kognitif positif, kajian yang dijalankan dalam kalangan Pengurus Pertubuhan Peladang Johor dengan jangkaan berupaya bekerja dan membina hubungan lebih baik, telah berjaya memaparkan hubungan signifikan antara tingkah laku asertif dengan konsep kendiri (dalam Rohana Hamzah dan Fadillah Ismail, 2008).

## **5.0 Komitmen Organisasi**

Oshagbemi (2000) dalam kajiannya membuktikan kajiannya terdapat perbezaan antara komitmen kerja dengan jantina dalam kalangan pensyarah universiti di United Kingdom. Keputusan kajian ini bertentangan dengan keputusan pengkaji. Keputusan yang diperoleh menunjukkan pensyarah perempuan lebih memberi komitmen kepada organisasi berbanding dengan lelaki yang sejawat dengannya.

Lopopolo (2000) yang menjalankan kajian keatas 273 ahli terapi fizikal di hospital mendapati bahawa stres mempunyai pengaruh yang negatif terhadap kepuasan dan komitmen terhadap organisasi. Satu kajian mengenai komitmen pekerja terhadap organisasi dan stres antara pekerja yang bekerja sendiri dengan pekerja makan gaji telah dijalankan oleh McKeage (1997). Hasil kajian menunjukkan bahawa pekerja yang bekerja sendiri mempunyai komitmen yang tinggi daripada yang bekerja makan gaji. Kajian ini juga mendapati adanya hubungan yang songsang antara komitmen dengan stres. Hal ini bermakna, semakin tinggi stres, semakin kurang komitmen terhadap organisasi. Secara keseluruhannya, keputusan kajian ini menunjukkan pekerja yang bekerja sendiri menghadapi tahap stres yang rendah berbanding pekerja makan gaji.

Kajian yang dijalankan Asliza Bt. Awang Kechil (2004) ke atas 81 orang guru kaunseling di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Johor Bahru menunjukkan terdapat hubungan perkaitan di antara tahap kecerdasan emosi dengan tahap kepuasan kerja dan komitmen terhadap kerjaya. Dapatkan kajian mendapati sekolah-sekolah menengah di daerah Johor Bahru adalah mempunyai komitmen yang tinggi.

## **6.0 PENDEKATAN TEORI**

Pendekatan teori yang pertama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini berkaitan teori tingkah laku asertif. Burley menyatakan ada empat gaya iaitu lisan, kognitif, emosi dan bukan lisan di dalam teorinya yang bertajuk ‘Teori Gaya Asertif’. Teori yang kedua ialah teori komitmen kerja Meyer dan Allen, 1997. Ikhsan (2010) menyatakan bahawa terdapat tiga komponen utama iaitu komitmen afektif, komitmen berlanjutan dan komitmen normatif.

## **7.0 METODOLOGI**

### **Reka bentuk kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai alat ujian. Kajian ini juga menggunakan jenis persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan.

### **Populasi, sampel dan lokasi kajian**

Menggunakan kaedah persampelan *Krejcie* dan *Morgan*, populasi responden yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 55 orang. Sampel kajian yang diambil adalah seramai 48 orang pekerja di Balai Bomba dan Penyelamat di Bukit Katil, Melaka. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jumlah populasi kemudian merujuk kepada jadual *Krejcie* dan *Morgan* berapa sampel yang

diperlukan. Kawasan kajian yang dipilih oleh pengkaji ialah Balai Bomba dan Penyelamat di Bukit Katil, Melaka.

### Alat kajian

Soal selidik yang diedarkan kepada sampel kajian terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A mengandungi maklumat mengenai demografi sampel, bahagian B terdiri daripada inventori *Ratus Assertiveness Schedule* yang mengandungi 30 soalan untuk mengukur tingkah laku asretif dan bahagian C ialah inventori *Organizational Commitment Questionnaire* yang mengandungi 15 soalan untuk mengukur tahap komitmen. Data dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.

### Kebolehpercayaan

Alat ujian *Rathus Assertiveness Schedule* mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .711 dan menunjukkan bahawa soal selidik ini bersesuaian serta boleh dipercayai untuk digunakan dalam kajian ini bagi mengukur gaya keibubapaan. Seterusnya, alat ujian *Organizational Commitment Questionnaire (OCQ)* mempunyai nilai kebolehpercayaan yang sederhana iaitu .657 dan dianggap boleh terima kerana alat ujian ini mudah difahami oleh responden serta item sesuai dengan responden sebagai seorang pekerja yang mempunyai masa yang terhad.

## 8.0 KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian adalah berdasarkan objektif kajian yang telah dibentuk di peringkat awal iaitu:

**Objektif 1:** Mengenal pasti tingkah laku yang dominan dalam kalangan pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Melaka.

Jadual 1: Tingkah laku dominan antara pekerja sokongan

Tahap	Kekerapan	Peratus
Pasif	31	64.6
Asertif	17	35.4
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan jadual majoriti pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat mempunyai tingkah laku dominan yang pasif di mana sebanyak 64.4 % manakala selebihnya adalah 35.4 % iaitu 17 orang bertingkah laku asertif.

Tingkah laku pasif merupakan tingkah laku yang dominan dalam kalangan pekerja sokongan tersebut. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh keadaan kerja mereka yang perlu sentiasa peka dan berwaspada dengan keadaan sekeliling serta perlu patuh dengan arahan pihak atasaran menyebabkan mereka bersifat pasif. Malah mereka juga perlu bertindak berdasarkan situasi yang berlaku mengikut prosedur yang telah ditetapkan lebih awal. Keadaan ini sedikit sebanyak menyumbang kepada tingkah laku pasif yang dimiliki.

**Objektif 2:** Mengenal pasti tahap komitmen kerja dalam kalangan pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Melaka

Jadual 2: Tahap komitmen kerja dalam kalangan pekerja sokongan

Tahap	Kekerapan	Peratus
Rendah	1	2.1
Tinggi	47	97.9
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan jadual di atas, majoriti daripada pekerja mempunyai komitmen yang tinggi terhadap pekerjaan mereka iaitu seramai 47 orang. Hanya seorang sahaja yang mempunyai tahap komitmen kerja yang rendah.

Tahap komitmen dalam kalangan pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat adalah berada pada tahap yang tinggi kerana mereka mempunyai semangat yang tinggi dalam melakukan tugas harian mereka. Selain semangat yang ada dalam diri mereka, faktor majikan turut membantu meningkatkan tahap komitmen mereka untuk sentiasa komited dengan kerja mereka.

**Objektif 3:** Mengenal pasti hubungan antara tingkah laku asertif dan komitmen kerja terhadap organisasi dalam kalangan pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Melaka.

Jadual 3: Hubungan antara tingkah laku asertif dengan komitmen kerja

Pembolehubah	Komitmen Kerja
Tingkah laku Asertif	.189
$k < .05$	

Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai pekali Pearson ialah .189 ( $r = .189$ ) dan nilai kebarangkalian adalah .02 yang diuji pada aras keyakinan ( $k <.05$ ). Maka nilai yang terhasil ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa tingkah laku asertif mempunyai hubungan terhadap komitmen kerja. Dengan ini, hipotesis diterima iaitu [ $r_{(48)} = .189$ ,  $k < .05$ ].

Komitmen kerja yang dipamerkan oleh pekerja dipengaruhi oleh tingkah laku asertif yang ada dalam diri pekerja di mana pekerja yang mempunyai tingkah laku asertif lebih cenderung untuk melakukan kerja dengan penuh tanggungjawab dan berkomitmen tinggi.

Hasil kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Melissa (2019) iaitu *Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dan Perilaku Asertif Dengan Perilaku Agresif Siswa*. Responden yang terlibat dalam kajian adalah seramai 288 orang iaitu terdiri daripada pelajar Kelas Xi SMA N 1 Ngaglik. Dapatkan kajian mendapati nilai signifikan antara tingkah laku asertif dengan tingkah laku agresif ialah -.458 di mana tidak melebihi nilai signifikan iaitu 0.000. Jadi, hipotesis diterima.

**Objektif 4:** Mengenal pasti perbezaan komitmen kerja berdasarkan jantina terhadap organisasi dalam kalangan pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Melaka

Jadual 4: Perbezaan Komitmen Kerja Berdasarkan Jantina

Jantina	t	N	Min	SP	Sig
Komitmen Kerja					
Lelaki		29	54.5862	7.74835	
Perempuan	1.292	19	52.0526	4.40295	.203
<b>Jumlah</b>		<b>48</b>			

Ujian-t telah digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan komitmen kerja berdasarkan jantina. Keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik  $t$  ialah 1.292 dengan nilai signifikannya .203 dan ia lebih besar dari nilai .05. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan komitmen kerja berdasarkan jantina. Maka hipotesis ini di terima [ $t_{(48)} = 1.292$ ,  $k > .05$ ].

Komitmen yang dipamerkan oleh pekerja lelaki adalah lebih tinggi berbanding perempuan. Hal ini demikian kerana, pekerja wanita lebih terikat kepada tanggungjawab sebagai seorang isteri, anak dan lebih kepada mengurus institusi keluarga. Manakala pekerja lelaki tidak mempunyai banyak halangan seperti had masa untuk pulang lewat ke rumah dan sebagainya.

Hasil kajian disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Harpiza (2005) yang bertajuk *Organizational Commitment among Academicians: Its Relationship with Stress Level*. Kajian tersebut dijalankan ke atas 180 orang pensyarah di 11 fakulti dalam Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor. Dapatkan kajian menunjukkan nilai signifikan adalah 0.063 yang mana ia melebihi aras signifikan iaitu 0.05. Maka hipotesis nol diterima iaitu tidak terdapat perbezaan komitmen kerja dalam kalangan pensyarah di UTM, Skudai.

## **9.0 KESIMPULAN**

Kajian ini telah dijalankan untuk melihat hubungan antara tingkah laku asertif dan komitmen kerja terhadap organisasi dalam kalangan pekerja sokongan di Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Melaka. Kejayaan sesebuah organisasi banyak dipengaruhi oleh suasana organisasi iaitu persekitaran dalam sesebuah organisasi. Persekitaran yang positif dapat membantu pekerja dalam menjadi lenih beromitmen dalam menjalankan tugas harian. Selain itu, iaanya dapat membantu pekerja menjadi lebih positif dan seterusnya dapat meningkatkan kejayaan sesebuah organisasi. Kepentingan kajian ini dapat dimanfaatkan terutamanya pihak pentadbir dalam membantu pekerja untuk lebih memberi komitmen terhadap pekerjaan mereka.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian yang dilakukan dapat menjawab segala persoalan serta memberikan gambaran yang jelas tentang hubungan tingkah laku asertif dengan komitmen kerja terhadap organisasi dalam kalangan pekerja sokongan.

## **RUJUKAN**

- Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani. 2001. *Tahap Komitmen Terhadap Organisasi: Satu Kajian Kes di Kalangan Anggota Polis Pangkat Rendah, Kontinjen Polis Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. Kedah.UUM Sintok.
- Alberti, RE & Emmons, ML. (1976). *Assertive Your Self -it's your perfect right*. Amerika Syarikat: Impact Publisher. Inc.
- Allport, G. A-S. (1928). *Reaction Study*. Boston: Houghton-Mifflin.
- Ahmad Fadil Jaafar (1997) *Satu Ujikaji Pembinaan Tingkahlaku Asertif Di Kalangan Pemimpin Persatuan Mahasiswa, Sebuah Universiti Tempatan*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Asliza Awang Kechil. (2004). *Hubungan tahap kecerdasan emosi dengan tahap kepuasan kerja dan komitmen terhadap kerjaya: Satu Kajian Di Kalangan Guru-guru Kaunseling Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Asri Marsidi, Hamrlia A. Latip (2007) *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Komitmen Pekerja Di Organisasi Awam*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Burley-Allen, M. (1983). *Managing assertively: How to improve your people skills: A self-teaching guide*. Hoboken, NJ: JohnWiley & Sons.
- Brockner, J. & Grover, S. L. (1998). Predictors of survivor's job involvement following layoffs: A field study. *Journal of Applied Psychology*.
- Delamater, R.J. & McNamara, J, R. 1991. *Perceptions of assertiveness by women involved in a conflict situation*. Behavior Modification.
- Davies, R.B (1971). Hypothesis Testing When A Nuisance Parameter Is Present Only Under The Alternative. *Biometrika* 64, 247-256.
- Farah Hanani (2014). *Faktor Utama Ketidakhadiran Kakitangan dan Strategi Kreatif Untuk Mengurangkan Masalah*. OUM Business School.
- Guilford, J. P., and Zimmerman, W. S. (1956). The Guilford-Zimmerman Temperament Survey. Beverly Hills, Calif: Sheridan Psychological Services.
- Gurses, N. & Demiray, E. (2009). Organizational commitment of employees of TV production center (Educational television ETV) for Open Education Faculty, Anadolu University. *The Turkish Online Journal of Educational Technology-TOJET*, 8(1), Article 5.
- Harpiza Ashari et al (2005). *Organizational Commitment among Academicians: It's Relationship with Stress Level*. Pusat Pengurusan Penyelidikan: Universiti Tenologi Malaysia.
- Hawa Omar & Dr. Hj. Hamdan Abd. Kadir (2014). Hubungan Tingkah Laku Asertif Dengan Komitmen Organisasi Dalam Kalangan Staf Sokongan UTHM. Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hoh Hee Mee. (1990). *Hubungan di antara Komitmen Kepada Organisasi dengan Kualiti kehidupan Bekerja: Satu kajian ke atas pekerja bank*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iverson, R. D. & Buttigieg, D. M. (1999). Affective, normative and continuance commitment: can the 'right kind' of commitment be managed? *Journal of Management Studies*, 36(3), 307-333.

- Kamus Dewan. (1998). Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Khairun Haslinda A. Hasan (2016). *Pengaruh Kepuasan Kerja Dan Komunikasi Organisasi Dengan Komitmen Organisasi Dalam Kalangan Pekerja Di Unit Keselamatan Di Kolej Universiti Islam Melaka*. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Laurie J. Mullins. (1989). *Management and Organizational Behavior*. Institute Purchasing Supply.
- Lopopolo, R. B. (2002). The Relationship of Role-Related Variables to Job Satisfaction and Commitment to the Organization in a Restructured Hospital Environment. *Physical Therapy*.
- Martin, R.A., & Poland, E.Y. (1980). *Learning to change: a self-management approach to adjustment*. New York.
- Mathieu, J.E., & Zajac, D.M. (1990). A review and meta-analysis of the antecedents, correlates, and consequences of organizational commitment. *Psychological Bulletin*, 108, 171-194.
- Mathison, D.L. (2001). Sex Differences in the Perception of Assertiveness among Female Managers. *The Journal of Social Psychology*, 126 (5), 599-606.
- Mac Neilage, L.A dan Adam (1982). *Assertiveness at Work: How to Increase Your Personal Power on Job*, New Jersey.
- Meyer, J.P. and Allen, N.J. (1991). A Three-Component Conceptualization of Organizational Commitment. *Human Resource Management Review*. Volume 1, Number 1.
- Meyer, J.P. and Allen, N.J. (1997). *Commitment in the Workplace: Theory, Research, & Application*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Mowday, R.P. (1982). *Employee Linkages: The Psychology of Commitment and Absenteeism and Turnover*. New York: Academic Press.
- Mueen B, Khursyid M. dan Hassan. (2006). Relationship of Depression and Assertiveness in Normal Population and Depressed Individuals.
- Muhammad Syaiful Izzhar Zulkifli et al (2018) Hubungan Komitmen Organisasi dan Motivasi dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Staf Pentadbiran Kolej Komuniti Masjid Tanah: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Najmah Nawawi, (2013) *Komunikasi Asertif*. Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi.
- Noorhafeza Herliani Adey & Ferlis Hj. Bahari (2010) Hubungan Antara Kecerdasan Emosi, Kepuasan Kerja Dan Komitmen Terhadap Organisasi. *Jurnal Kemanusiaan*. Universiti Malaysia Sabah.
- Nur Sabrina Bahrom (2010). *Hubungan Tingkah Laku Asertif Dengan Komitmen Terhadap Organisasi: Satu Kajian Kes di Kalangan Pembantu Perawatan Kesihatan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru*. Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Nur Shaheeda Binti Samsudin. (2013). *Hubungan Antara Tingkah Laku Asertif dengan Komitmen Kerja Terhadap Organisasi*. Kolej Universiti Islam Melaka.
- O'Malley M (2000). Creating commitment, John Wiley & Sons. Chichester O'Reilly, C.A. and D.F. Caldwell (1980). Job Choice: The Impact of Intrinsic and Extrinsic on Subsequent Satisfaction and Commitment. *Journal of Applied Psychology*.
- Onyeizugbo, E. U. (2003). Effects of gender, age, and education on assertiveness in a Nigerian sample. *Psychology of Women Quarterly*, 27, 12–16.
- Oshagbemi, T. (1997). Job Satisfaction Profiles of University Teachers. *Journal of Managerial Psychology*.
- Pekeling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Bil.1 2012.
- Porter, L. W., Steers, R. M., Mowday, R. T., & Boulian, V. (1974). Organizational Commitment, Job Satisfaction, and Turnover among Psychiatric Technicians. *Journal of Applied Psychology*.
- Nevid, J. S & Rathus, S.A. (1973). A 30-item Schedule for Assessing Assertive Behavior. *Behavior Therapy*. 4, 398-406.
- Rohana Hamzah dan Fadillah Ismail. (2008). *Asertif*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ryoko Nikura. (1999). Assertiveness among Japanese, Malaysian, Filipino and U.S. White-Collar Workers. *The Journal of Social Psychology*, 139(6). 690-699.
- White, P. Franke, M. and Kindle, P. (1995) *Integrated Solid Waste Management: A Lifecycle Inventory*. Blackie.

- Wiener, Y. (1982). Commitment in Organization: A Normative View. *Academy of Management Review*, 7, 418-428.
- Wolpe, J. (1969). *The Practice of Behavior Therapy*. New York: Pergamon.

# HUBUNGAN GAYA KEIBUBAPAAN DAN MOTIVASI KERJA DALAM KALANGAN TENTERA UDARA SUBANG, SELANGOR

Norsyafikah Abdul Halim & Noraini Abdol Raop

syafikahhalim7@gmail.com

Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

## Abstrak

Motivasi kerja terbentuk hasil daripada pelbagai aspek dan salah satunya melalui sosial yang wujud dalam keluarga. Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan gaya keibubapaan dengan motivasi kerja. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah persampelan bertujuan dengan menggunakan soal selidik ke atas 48 orang pekerja yang bekerja di Jabatan Kejuruteraan No. 16 Skuadron Tentera Udara Subang, Selangor. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A mengenai demografi, bahagian B terdiri daripada inventori *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) yang mengandungi 30 item soalan untuk mengukur gaya keibubapaan dan bahagian C merupakan inventori *A Quick Measure of Motivation Achievement* (AQMMA) yang terdiri daripada 14 soalan untuk mengukur motivasi pekerja. Data dianalisis dengan perisian IBM *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 22 dengan menggunakan ujian korelasi Pearson untuk mengkaji hipotesis yang telah dibina. Hasil keputusan menunjukkan bahawa gaya keibubapaan yang diamalkan tidak mempunyai hubungan dengan motivasi kerja iaitu tidak terdapat hubungan gaya keibubapaan autoritatif dengan motivasi kerja [ $r_{(48)} = -.007, k>.05$ ], tidak terdapat hubungan gaya keibubapaan autoritarian dengan motivasi kerja [ $r_{(48)} = -.275, k>.05$ ] dan tidak terdapat hubungan gaya keibubapaan permisif dengan motivasi kerja [ $r_{(48)} = .219, k>.05$ ]. Gaya keibubapaan dilihat tidak lagi dapat mempengaruhi pekerja memandangkan pekerja sudah dewasa, matang dan mampu membuat keputusan sendiri.

**Kata kunci:** Gaya keibubapaan, motivasi kerja, pekerja.

## Abstract

Work motivation formed as a result of various aspects and one of them is through social runs in families. The purpose of this research is to study the relationship between parenting style and motivation. In addition, to study the dominant parenting style among employees. The methodology used is purposive sampling method by using a questionnaire to the 48 employees working at the Department of Engineering No. 16 Squadron Air Force Subang, Selangor. The questionnaire is divided into three parts, part A include demographic section, part B consists of an inventory of Parental Authority Questionnaire (PAQ) which contains 30 items to measure parenting style and part C is inventory A Quick Measure of Motivation Achievement (AQMMA) comprising 14 questions to measure employee motivation. Data were analyzed using IBM software Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22 using Pearson correlation test to examine the hypothesis that has been built. The results showed no significant relationship between parenting style and motivation with no significant relationship between authoritative parenting style with work motivation [ $r_{(48)} = -.007, k>.05$ ], no significant relationship between authoritarian parenting style with work motivation [ $r_{(48)} = -.275, k>.05$ ] and no significant relationship between permissive parenting style with work motivation [ $r_{(48)} = .219, k>.05$ ]. Parenting styles has no longer influence the workforce as employees are mature and able to make their own decisions.

**Keyword:** Parenting style, motivation, employee.

## **1.0 PENGENALAN**

Motivasi sesuatu yang mempengaruhi bidang pertumbuhan, perkembangan, pembelajaran dan pencapaian manusia. Mohd Azhar (2001) menyatakan motivasi amat penting untuk berkreativiti sama ada secara individu atau berkumpulan, di mana motivasi ialah suatu keadaan individu atau kumpulan berusaha menggerakkan tingkah laku atau satu dorongan yang bertujuan untuk mencapai matlamat dan insentif tertentu. Seterusnya, motivasi merupakan perangsang bagi membangkitkan minat dan mengekalkan dorongan individu ke arah mencapai sesuatu matlamat menurut Tengku Sarina Aini (2006). Walau bagaimanapun, pencapaian seseorang individu adalah berbeza di antara satu sama lain mengikut hal tertentu.

Pada era globalisasi ini, ramai ibu bapa yang tidak menyedari bahawa sesetengah cara gaya asuhan ibu bapa yang diamalkan memberikan kesan sama ada positif atau negatif terhadap perkembangan anak-anak mereka. Menurut Alegre (2011) khususnya kepada personaliti dan tingkah laku. Di samping itu, ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam pengurusan emosi dan tingkah laku anak-anak mereka antaranya dalam pembentukan penghargaan kendiri dan pembentukan identiti menurut Shaffer & Kipp (2010). Oleh itu, gaya asuhan ibu bapa ini menjadi penyumbang kepada pembentukan motivasi dalam diri seseorang individu. Selain itu, kemesraan hubungan kasih sayang antara ibu bapa dan anak-anak menggambarkan kejayaan anak-anak dalam meningkatkan motivasi diri mereka dan membentuk hubungan baik dengan orang lain.

## **2.0 SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Kajian oleh Ali Hafizar Mohamad Rawi et.al, (2017) yang bertajuk “Hubungan Antara Jenis Komunikasi Dan Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja: Kajian Literatur” telah dijalankan kepada remaja yang pernah terlibat jenayah di beberapa daerah di negeri Pahang. Kajian ini mendapati, jenis komunikasi yang diamalkan ada kaitannya dengan gaya asuhan ibu bapa dan seterusnya akan memberi kesan kepada tingkah laku remaja. Kajian ini membuat kesimpulan bahawa ibu bapa perlu sedar akan batasan antara ibu bapa dan anak untuk menjamin keberkesanan gaya keibubapaan tersebut. Di samping itu, gaya keibubapaan yang sesuai dengan situasi yang diamalkan amat penting untuk menjamin perkembangan anak-anak.

Seterusnya, kajian oleh Erlanger A. Turner et.al (2009) yang bertajuk “*The Influence of Parenting Styles, Achievement Motivation, and Self-Efficacy on Academic Performance in College Students*” yang ini dijalankan ke atas 264 orang pelajar siswazah yang mengikuti kursus psikologi di sebuah universiti terletak di Barat Daya Amerika Syarikat. Hasil daripada kajian ini menunjukkan gaya keibubapaan secara signifikan mempengaruhi prestasi akademik dan motivasi pelajar.

Justeru itu, jelas menunjukkan gaya keibubapaan merupakan elemen yang sangat penting dalam pembentukkan diri dan motivasi individu. Oleh itu, gaya keibubapaan yang sesuai perlu dipraktikkan dengan baik kepada anak-anak sejak dari kecil.

## **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Untuk mengenalpasti gaya keibubapaan yang dominan.
- ii. Untuk mengenalpasti tahap motivasi kerja.
- iii. Untuk mengenalpasti hubungan gaya keibubapaan autoritatif dengan motivasi kerja.
- iv. Untuk mengenalpasti hubungan gaya keibubapaan authoritarian dengan motivasi kerja.
- v. Untuk mengenalpasti hubungan gaya keibubapaan permisif dengan motivasi kerja.

## **4.0 PENDEKATAN TEORI**

Teori pertama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini berkaitan gaya keibubapaan iaitu Model Gaya Keibubapaan Baumrind (1971) yang terbahagi kepada tiga gaya asuhan iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif. Kemudian, teori kedua yang digunakan oleh pengkaji berkaitan motivasi kerja ialah Teori Keperluan ERG yang diperkenalkan oleh Alderfer (1972). Konsep ERG didefinisikan ‘E’ sebagai *Existance* bermaksud kewujudan, ‘R’ sebagai *Relatedness* bermaksud perhubungan dan ‘G’ sebagai *Growth* bermaksud pertumbuhan.

Model Gaya Keibubapaan Baumrind digunakan dalam kajian ini kerana berkait rapat dengan pemboleh ubah yang dikaji iaitu gaya keibupaan dan motivasi kerja. Sebagai contoh, apabila seseorang pekerja mendapatkan asuhan jenis autoritatif sejak dari kecil maka pekerja tersebut akan menjadi pekerja yang bermotivasi tinggi, berkeyakinan dan mampu membuat keputusan yang terbaik demi kepentingan diri serta organisasi.

Teori seterusnya yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Keperluan ERG. Pemilihan teori ini berdasarkan kesesuaianya kerana gaya keibubapaan dapat dilihat pada peringkat keperluan berhubungan yang terkandung dalam teori ini. Gaya keibubapaan merupakan keperluan yang penting dalam membentuk dan mendorong kepada motivasi kerja seseorang individu.

## **5.0 METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan populasi responden yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 55 orang. Sampel kajian yang diambil adalah seramai 48 orang pekerja di Jabatan Kejuruteraan No.16 Skuadron Tentera Udara Subang, Selangor. Seterusnya, reka bentuk kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai alat ujian. Kajian ini juga menggunakan jenis persampelan bukan kebarangkalian.

Kemudian, alat kajian terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A mengandungi maklumat mengenai demografi sampel, bahagian B terdiri daripada inventori *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) yang mengandungi 30 item soalan untuk mengukur gaya keibubapaan dan bahagian C merupakan inventori *A Quick Measure of Motivation Achievement* (AQDMA) yang terdiri daripada 14 soalan untuk mengukur motivasi pekerja. Data dianalisis dengan menggunakan perisian IBM *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 22.

Di samping itu, *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .765. dan menunjukkan bahawa soal selidik ini bersesuaian serta boleh dipercayai untuk digunakan dalam kajian ini bagi mengukur gaya keibubapaan. Manakala, alat ujian *A Quick Measure of Motivation Achievement* (AQDMA) mempunyai nilai kebolehpercayaan yang sederhana iaitu .448. Menurut Shaw & Wright (1967), nilai kebolehpercayaan dianggap boleh terima kerana alat ujian ini ringkas dan mudah difahami oleh responden serta bersesuaian bagi skala versi pendek.

## **6.0 KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Keputusan bagi kajian ini adalah berpandukan objektif yang telah dibina. Terdapat lima objektif yang dibina untuk memenuhi keperluan kajian ini.

### **Objektif 1: Untuk mengenalpasti gaya keibubapaan yang dominan**

Jadual 1: Keputusan Gaya Keibubapaan Yang Dominan.

<b>Gaya keibubapaan</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan piawai</b>
Autoritatif	49.1667	6.04358
Autoritarian	30.8750	9.11306
Permisif	24.7083	4.44330

Berdasarkan Jadual 1, keputusan menunjukkan terdapat gaya keibubapaan yang dominan dalam kalangan pekerja di Jabatan Kejuruteraan No 16 Skuadron Tentera Udara Subang, Selangor.

Gaya keibubapaan yang dominan adalah gaya keibubapaan autoritatif sebanyak 49.1667. Manakala gaya keibubapaan yang paling rendah adalah gaya keibubapaan permisif iaitu 24.7083. Oleh itu, gaya keibubapaan yang dominan dan kerap diamalkan dalam kajian ini adalah gaya keibubapaan autoritatif.

Hal ini demikian, menunjukkan gaya keibubapaan autoritatif paling kerap dan sesuai dipraktikkan kerana ibu bapa yang menggunakan gaya autoritatif ini akan lebih memberikan perhatian kepada keperluan anak-anak dan meletakkan batasan yang jelas agar mudah difahami oleh anak-anak mereka. Kemudian, kesan daripada didikan gaya yang diterima ini akan membentuk dan menjadikan tentera yang berdedikasi, bertanggungjawab dan bermotivasi tinggi. Manakala gaya keibubapaan permisif paling sedikit dipraktikkan kerana ibu bapa yang menggunakan gaya ini akan menyebabkan anak-anak menjadi menyebabkan anak-anak kurang keyakinan diri dan selalu bergantung kepada orang sekeliling sebagai seorang pekerja.

Terdapat banyak kajian menunjukkan gaya keibubapaan autoritatif boleh membentuk tingkah laku anak yang positif. Gaya ini berbentuk asuhan yang mempunyai keterbukaan dengan anak, tegas tetapi memberi penjelasan atas setiap suatu yang diajar kepada anak serta mesra dengan anak. Menurut Melati, Zaharah dan Saedah (2010), mendapati bahawa gaya keibubapaan yang positif iaitu yang bercorak demokratik atau autoritatif akan mempengaruhi perkembangan anak-anak. Dapatkan ini juga disokong oleh Abdorreza dan Rozumah (2010), yang bersetuju bahawa ibu bapa autoritatif sangat mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak mereka disebabkan penglibatan secara langsung ibu bapa terhadap proses pembelajaran anak dan pemantauan terhadap kerja rumah yang telah dibekalkan oleh pihak sekolah.

### **Objektif 2: Untuk mengenalpasti tahap motivasi kerja**

Jadual 2: Keputusan Tahap Motivasi Kerja

<b>Tahap motivasi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (100%)</b>
Sederhana	21	43.8
Baik	25	52.1
Tinggi	2	4.2
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan Jadual 2, keputusan tahap motivasi kerja menunjukkan terdapatnya beberapa tahap motivasi kerja dalam kalangan pekerja di Jabatan Kejuruteraan No 16 Skuadron Tentera Udara Subang, Selangor. Tahap motivasi baik adalah paling ramai bilangannya seramai 25 orang (52.1%). Manakala tahap motivasi tinggi adalah paling rendah iaitu seramai 2 orang (4.2%). Oleh itu, tahap motivasi baik adalah paling tinggi dalam kajian ini.

Hal ini demikian, menunjukkan tahap motivasi baik adalah paling tinggi kerana pekerja sudah lama berkhidmat dan menyebabkan mereka mempunyai emosi yang stabil dan berupaya memotivasi diri mereka. Manakala, tahap motivasi tinggi adalah paling sedikit kerana faktor bebanan kerja dan jadual kerja yang padat itu yang menyebabkan pekerja tidak dapat mencapai tahap motivasi tinggi.

### **Objektif 3: Untuk mengenalpasti hubungan gaya keibubapaan autoritatif dengan motivasi kerja**

Jadual 3: Keputusan Korelasi Pearson Bagi Hubungan Gaya Keibubapaan Autoritatif Dengan Motivasi Kerja

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>Motivasi kerja</b>	<b>Nilai signifikan</b>
Autoritatif	-.007	.962

Berdasarkan Jadual 3, keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan nilai  $r = -.007$  dan nilai kebarangkalian adalah .962 yang diuji dengan aras keyakinan ( $k > .05$ ). Maka dengan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan motivasi kerja dalam kalangan pekerja di Jabatan Kejuruteraan No 16 Skuadron Tentera Udara Subang,

Selangor. Oleh itu, hipotesis kajian ini ditolak kerana tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan motivasi kerja [ $r_{(48)} = -.007$ ,  $k>.05$ ].

Gaya keibubapaan autoritatif ini tidak relevan lagi bagi golongan pekerja berbanding golongan pelajar kerana bagi pekerja yang sudah mempunyai karier sendiri pastinya sudah belajar untuk tinggal bersendirian dan tinggal berasingan dengan ibu bapa mereka. Hal ini demikian, menyebabkan pekerja tidak lagi mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif yang mereka terima sejak dari kecil. Manakala, bagi pelajar mereka dipengaruhi gaya keibubapaan autoritatif kepada setiap hari mereka dipantau secara mudah kerana tinggal bersama-sama dengan ibu bapa mereka.

Walau bagaimana pun, terdapat kajian yang tidak menyokong hipotesis ini ialah kajian yang dilakukan oleh Garliah & Nasution (2005) yang bertajuk *Peran pola asuh orang tua dalam motivasi berprestasi*. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara pola asuh dengan motivasi berprestasi pada mahasiswa. Oleh itu, Setiap gaya pengasuhan akan mempengaruhi anak-anak dalam mewujudkan motivasi dan pembentukan konsep diri seorang individu. Hasil kajian yang dilakukan ini memberikan hasil positif pada gaya keibubapaan autoritatif dan secara langsung mempengaruhi motivasi pelajar.

#### **Objektif 4: Untuk mengenalpasti hubungan gaya keibubapaan autoritarian dengan motivasi kerja**

Jadual 4: Keputusan Korelasi Pearson Bagi Hubungan Gaya Keibubapaan Autoritarian Dengan Motivasi Kerja.

Pemboleh ubah	Motivasi kerja	Nilai signifikan
Autoritarian	-.275	.058

Berdasarkan Jadual 4, keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan nilai  $r = -.275$  dan nilai kebarangkalian adalah .058 yang diuji dengan aras keyakinan ( $k>.05$ ). Maka dengan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara gaya keibubapaan authoritarian dengan motivasi kerja dalam kalangan pekerja di Jabatan Kejuruteraan No 16 Skuadron Tentera Udara Subang, Selangor. Oleh itu, hipotesis kajian ini ditolak kerana tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan authoritarian dengan motivasi kerja [ $r_{(48)} = -.275$ ,  $k>.05$ ].

Hal ini demikian, kerana gaya keibubapaan authoritarian tidak lagi memberi kesan kepada para pekerja apabila mereka sudah bekerjaya dan mampu membuat keputusan sendiri. Apabila sudah bekerjaya, motivasi pekerja banyak dipengaruhi oleh faktor lain seperti faktor persekitaran kerja. Oleh itu, pekerja akan bermotivasi apabila disediakan tempat kerja yang kondusif dan selesa bagi mengelakkan sebarang masalah.

Kajian yang menyokong hipotesis ini ialah dilakukan oleh Ishak Mad Shah (2004) yang bertajuk *Konsep kendiri dan pencapaian akademik golongan remaja: melihat sejauhmana gaya kepimpinan ibu bapa sebagai moderator*. Kajian ini juga menggunakan gaya keibubapaan yang sama iaitu gaya keibubapaan oleh Baumrind. Hasil kajian menunjukkan kepimpinan authoritarian ibu bapa tidak berperanan sebagai moderator kepada hubungan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik remaja. Kemudian, bagi gaya kepimpinan authoritarian dan hasil kajian yang diperolehi membuktikan bahawa amalan didikan yang menekankan kepada disiplin, kepatuhan, kuasa, tinggi kawalan dan kurang berkomunikasi lisan dengan anak, kurang memupuk minat anak kepada pelajaran walaupun mereka menanggap diri mereka secara positif. Oleh itu, remaja ini perlu mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi. Hal ini demikian, kerana remaja yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi akan berusaha sendiri untuk berjaya dalam pelajaran tanpa dipengaruhi oleh gaya kepimpinan authoritarian ibu bapa.

### **Objektif 5: Untuk mengenalpasti hubungan gaya keibubapaan permisif dengan motivasi kerja**

Jadual 5: Keputusan Korelasi Pearson Bagi Hubungan Gaya Keibubapaan Permisisif Dengan Motivasi Kerja.

Pemboleh ubah	Motivasi kerja	Nilai signifikan
Permisif	.219	.181

Berdasarkan Jadual 5, keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan nilai  $r = .219$  dan nilai kebarangkalian adalah  $.181$  yang diuji dengan aras keyakinan ( $k>.05$ ). Maka dengan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara gaya keibubapaan permisif dengan motivasi kerja dalam kalangan pekerja di Jabatan Kejuruteraan No 16 Skuadron Tentera Udara Subang, Selangor. Oleh itu, hipotesis kajian ini ditolak kerana tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan motivasi kerja [ $r_{(48)} = .219, k>.05$ ].

Hal ini demikian, kerana motivasi pekerja dipengaruhi oleh tempoh perkhidmatan pekerja dalam sesuatu organisasi. Apabila pekerja telah lama berkhidmat lebih dari enam hingga 10 tahun ke atas, mereka akan lebih bermotivasi kerana sudah mempunyai ilmu dan pengalaman yang banyak berkaitan skop pekerjaan mereka. Oleh itu, tentera udara di Jabatan Kejuruteraan No.16 Skuadron ini mempunyai motivasi tinggi disebabkan sudah lama berkhidmat dalam menjaga dan menguruskan tugas mereka sebagai penjaga keamanan negara.

Seterusnya, antara kajian yang menyokong hipotesis ini dilakukan oleh Azizi (2005) yang bertajuk Hubungan antara konsep kendiri, motivasi dan gaya keibubapaan dengan pencapaian pelajar. Hasil kajian ini merumuskan gaya keibubapaan permisif mendorong pencapaian yang merosot disebabkan faktor corak komunikasi yang terbuka dan sikap ibu bapa yang kurang menekankan tingkah laku terkawal ke atas anak. Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan gaya keibubapaan permisif tidak mempengaruhi motivasi dan pencapaian pelajar secara baik bahkan memberi kesan negatif kepada pelajar.

Walau bagaimana pun, terdapat kajian yang tidak menyokong hipotesis ini menurut kajian yang dilakukan oleh Garliah & Nasution (2005) yang bertajuk *Peran pola asuh orang tua dalam motivasi berprestasi*. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara pola asuh dengan motivasi berprestasi pada mahasiswa.

## **7.0 KESIMPULAN**

Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan ketiga-tiga gaya keibubapaan iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif tidak mempunyai hubungan ke atas motivasi kerja Tentera Udara Subang, Selangor. Gaya keibubapaan dilihat tidak lagi dapat mempengaruhi motivasi pekerja memandangkan pekerja sudah dewasa, matang dan mampu membuat keputusan sendiri. Malah, banyak faktor lain yang dilihat mampu memberi kesan kepada motivasi pekerja berbanding dengan gaya keibubapaan itu sendiri.

Kajian dengan menggunakan kedua-dua pembolehubah ini lebih bersesuaian jika dilakukan ke atas para pelajar. Keputusannya pasti berbeza jika dilaksanakan ke atas responden yang masih berlatarbelakangkan pelajar. Hal ini kerana, faktor ibubapa sangat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan pelajar termasuklah dalam menentukan motivasi mereka memandangkan keadaan pelajar yang masih muda dan memerlukan perhatian daripada ibubapa. Namun begitu, apabila seseorang pelajar tersebut telah meningkat dewasa dan memiliki kerjaya, faktor ibubapa bukanlah faktor utama yang dapat memberi kesan kepada motivasi kerja mereka lagi. Sebaliknya, terdapat pelbagai faktor utama lain yang memberi kesan seperti gaji, persekitaran kerja dan hubungan dengan rakan sekerja.

## RUJUKAN

- Abdorreza Kordi & Rozumah Baharudin. (2010). *Parenting Attitude and Style and Its Effect on Children's School Achievements*. International Journal of Psychological Studies 2(2).
- Abdul Razak Kamaruddin, Kamarulzaman Kamaruddin & Hashim Azmi Che Noh. (2005) *Motivasi Kerja Kakitangan Organisasi Sektor Awam: Perbandingan Antara Agensi Persekutuan Dan Negeri*. Jurnal Pengurusan Awam, Vol 4, 24-35.
- Alegre, A. (2011). *Parenting styles and children's emotional intelligence: what do we know?* The Family Journal, 19(1), 56-62. Doi: 10.1177/1066480710387486.
- Amni Fauziah, Asih Rosnaningsih & Samsul Azhar. (2017). *Hubungan Antara Motivasi Belajar Dengan Minat Belajar Siswa Kelas Iv Sdn Poris Gaga 05 Kota Tangerang*. Jurnal Pendidikan Sekolah Dasar, Vol 4, 47-53.
- Asmawati Desa, Fatimah Yussoff, Zainah Zamani & Nor Ba'yah Kadir. (2015). *Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga Dan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Ibubapa*. Jurnal Psikologi Malaysia, 29 (2): 32-41.
- Aswathappa, K. & Reddy, G. Sudarsana. (2009). *Organisational Behaviour*. India: Himalaya Publishing House.
- Azizi Yahaya. (2005) *Hubungan Antara Konsep Kendiri, Motivasi Dan Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian pelajar*. Akses atas talian pada 30 Oktober 2011 di [http://eprints.utm.my/2332/2/AziziYahaya\\_\\_Hubungan\\_Konsep\\_Kendiri,\\_motivasi\\_dan\\_gaya.pdf](http://eprints.utm.my/2332/2/AziziYahaya__Hubungan_Konsep_Kendiri,_motivasi_dan_gaya.pdf).
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2006). *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. (Cetakan Kedua). Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya (2010). *Persepsi Perlakuan Agresif Dan Faktor Yang Mempengaruhi di Lima Buah Sekolah Kawasan Bandar Johor Bahru*. Jurnal Teknologi, 53 (Sains Sosial), Sept. 2010. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Bambang Suryadi, Eha Soriha & Yuli Rahmawati. (2017) *Pengaruh Gaya Pengasuhan Orang Tua, Konsep Diri, Dan Regulasi Diri Terhadap Motivasi Berprestasi Siswa*. Jurnal Ilmu Pendidikan, Vol 23 (2), 91-98.
- Baumrind, D. (1991). *The Influence of Parenting Style on Adolescent Competence and Substance Use*. Journal Of Early Adolescence, 11(1), 56-95. Bobrow, A. (2002). Problem Behavior in the Classroom: What They Mean
- D'Angelo, L., Getson, P. & Luban, N. (1991). *Human Immunodeficiency Virus Infection in Urban Adolescents: Can We Predict Who is At Risk?* Pediatrics 88: 982-986.
- Diana Wulandari, Lee Jun Choi & Sawan @ Mohammad Syawal Narawi. (2018). *Pengaruh Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Gejala Ponteng Sekolah*. Journal of Education and Social Sciences, Vol. 9, Issue 2, ISSN 2289-9855.
- Erlanger A. Turner, Megan Chandler & Robert W. Heffer. (2009) *The Influence of Parenting Styles, Achievement Motivation, and Self-Efficacy on Academic Performance in College Students*. Journal of College Student Development, Vol 50 ( 3), 337-346.
- Garliah, L. & Nasution, FKS. (2005) *Peran Pola Asuh Orang Tua dalam Motivasi Berprestasi*. Jurnal Psikologia 1(1), 38-47.
- Hetherington, E. M, Parke, R. D. (2003). *Child Psychology: A Contemporary Viewpoint*. 5th Ed. New York: Mc Graw Hill
- Hiromi Hirata & Toshimitsu Kamakura. (2017) *The effects of parenting styles on each personal growth initiative and self-esteem among Japanese university students*. International Journal of Adolescence and Youth, Vol. 23, no. 3, 325–333.
- Hoang, T.N. (2007) *The Relations Between Parenting And Adolescent Motivation*. International Journal of Whole Schooling, 3 (2), 1-21.
- Irum Shahzadi, Ayesha Javed, Syed Shahzaib Pirzada, Shagufta Nasreen & Farida Khanam. (2014) *Impact of Employee Motivation on Employee Performance*. European Journal of Business and Management, Vol 6, 159-167.

- Ishak Mad Shah. (2004) *Konsep Kendiri Dan Pencapaian Akademik Golongan Remaja: Melihat Sejauhmana Gaya Kepimpinan Ibu Bapa Sebagai Moderator*. Universiti Teknologi Malaysia. Jurnal Teknologi : 33-44.
- Ishak Mad Shah. (2004) *Pengenalan Psikologi Industri & Organisasi Jilid II*. Universiti Teknologi Malaysia Press. Skudai, Johor Darul Ta'zim.
- Jamal, I. and Jas, L. and Suzana, J. & Yoo, F. (2014) *Hubungan antara perapatan keibubapaan dengan status identiti remaja Melayu (The relationship between parental attachment and identity statuses among Malay adolescents)*. Jurnal Pengajian Melayu, Vol 23, 85-98.
- Jessica Van Wingerden & Joost Van der Stoep. (2018). *The motivational potential of meaningful work: Relationships with strengths use, work engagement, and performance*. .PLoS ONE 13(6): e0197599.<https://doi.org/10.1371/journal.pone.0197599>.
- Juhana. (2012). *Psychological Factors That Hinder Students from Speaking in English Class (A Case Study in a Senior High School in South Tangerang, Banten, Indonesia)*. Journal of Education and Practice. Vol 3. No 12.
- Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon. (2015). *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Malaysia Sabah.
- Mitchell, B. (1989). *The Family Environment and Leaving The Parental Home*. Journal of Marriage and Family 51: 605-613.
- Mohamad Rawi Ali Hafizar, Abdullah Norida & Shamshul Al Kamal Siti Nurul Suhada. (2017) Hubungan Antara Jenis Komunikasi Dan Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Kajian Literatur*. Journal Of Human Capital Development, Vol 10, 33-53.
- Muhammad Rizal, M Syafie I, Djumahir & Rahayu M (2014) *Effect of compensation on motivation, organizational commitment and employee performance (Studies at local revenue management in Kendari City)*. International Journal of Business and Management Invention 3(2), 64-79.
- Nooraini Othman & Salasiah Khairullah. (2013). *Explorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan*. International Journal of Islamic Thought, Vol 4, 48-57.
- Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya. (2012). *Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Dengan Pencapaian Akademik*. Journal of Educational Psychology & Counseling, Volume 5, 30-57.
- Shaffer, D. R. & Kipp, K. (2010). *Developmental Psychology: Childhood and adolescence* (8th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Saifuddin Abdullah. 2007. *Kasih sayang berkesan didik anak*. Berita Harian, 10.02.2007. Retrieved on 12 Aug 2008, from [http://saifuddinabdullah.com.my/k\\_bharian/2007/feb/bh100207\\_kasihsayang.html](http://saifuddinabdullah.com.my/k_bharian/2007/feb/bh100207_kasihsayang.html)
- Shaw, M. E.; Wright, J. M. (1967). *Scales for the Measurement of Attitudes*. New York, NY: McGraw Hill.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2006), ‘Motivasi Pelajar Melalui Pendekatan Psikologi dalam Kaedah Pengajaran Menuju Pembangunan Holistik’, dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum, Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia. h. 300.
- Zarinah Arshat, Rozumah Baharudin, Rumayahuhari & Rojanah Kahar. (2002) *Tingkah Laku Keibubapaan dan Penyesuaian Tingkah Laku Anak dalam Keluarga Berisiko di Luar Bandar*. Jurnal Soc, Sci & Human, Vol 10 (2), 165-178.
- Universitas Psikologi. (2018, Oktober). *Pengertian motivasi kerja, faktor-faktor dan cara meningkatkan motivasi kerja*. Dimuat turun daripada <https://www.universitaspikologi.com/2018/10/pengertian-motivasi-kerja-dan-meningkatkan-motivasi-kerja.html>

## **KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DALAM KALANGAN PENGGUNA METHADONE**

**Nur Izati Binti Abdu Razak @ Idris, Suzyliana Binti Mamat**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

izatirazakidris1604@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan tentang kajian lepas tentang kesejahteraan psikologi dalam kalangan pengguna *methadone*. *Methadone* adalah ubat yang tergolong di dalam kumpulan opioid yang digunakan sebagai analgesik dan terapi gantian untuk merawat ketagihan heroin dan lain-lain ketagihan Opioid. Pelbagai pemboleh ubah yang berkaitan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pengguna *methadone* yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Diantaranya, menurut Salasiah (2010) dalam Kaedah Mengatasi Kebimbangan dalam Kaunseling: Analisis Dari Perspektif Al Ghazali menyatakan kebimbangan boleh berlaku kepada sesiapa sahaja dalam menjalani kehidupan. Antara ciri-ciri kebimbangan pula ialah apabila seseorang itu jantungnya berdegup kencang, berpeluh secara melampau, tidak dapat bertenang serta menggilil, mengalami ketegangan dan juga sering berperasaan takut dan gugup walaupun bukan dalam keadaan yang cemas. Menurut Atikah (2018) dalam Hubungan Antara Penghayatan Agama dengan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan menunjukkan agama merupakan faktor yang penting di dalam kehidupan setiap manusia. Manfaat apabila kajian ini dilakukan adalah ia akan dapat membantu membuka minda dan memberi pengetahuan kepada masyarakat mengenai pengguna *methadone*. Selain memberi pengetahuan kepada masyarakat, kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada pihak tertentu dalam mengambil tindakan yang sepatutnya untuk membantu golongan pengguna *methadone* ini dalam menjaga kesejahteraan psikologi mereka.

Kata Kunci: *Methadone*, kebimbangan, agama, kesejahteraan psikologi

### **ABSTRACT**

In general this study examines the users of methadone treatment. This study focuses on the psychological well-being among methadone users. Methadone is a drug that belongs to the opioid group which is used as an analgesic and replacement therapy to treat heroin addiction and other opioid addictions. According to Salasiah (2010) in Methods for Addressing Anxiety in Counseling: An Analysis from Al Ghazali's Perspective, anxiety can happen to anyone in life. Other features of anxiety are when a person's heart beats hard, sweats excessively, is not able to calm down and shiver, tense and often feels scared and nervous even when not anxious. According to Atikah (2018) in the Relationship between Religious Appreciation and the Well-Being of Psychology among School Sports Students, religion is an important factor in every person's life. The benefit of this study is that it will help open the mind and inform the public about methadone users. In addition to informing the public, this study can also benefit the authorities in taking appropriate action to assist these methadone users in maintaining their psychological well-being.

**Keywords:** methadone, anxiety, religion, psychological well-being

## **1.0 PENDAHULUAN**

*Methadone* adalah ubat yang tergolong di dalam kumpulan opioid yang digunakan sebagai analgesik dan terapi gantian untuk merawat ketagihan heroin dan lain-lain ketagihan opiat. Opiat diklasifikasikan sebagai ubat-ubat penekan kerana ia menyebabkan sistem saraf menjadi perlakan. Kesan *methadone* adalah lebih lama berbanding heroin. Kebiasaan *methadone* diambil sekali sehari dan ketahanannya di dalam badan boleh mencecah selama 72 jam.

Abu Mansor dan Mimi Aineen (2011) telah melakukan kajian tentang penggunaan *methadone* dalam rawatan penagihan dadah tegar di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menyingkap sejauh mana status methadone dari sudut perspektif Islam. Dapatkan kajian mendapati bahawa hukum asal *methadone* tidak harus penggunaannya. Ini adalah kerana menerusi metod perpustakaan dan wawancara bersama pakar mendapati bahawa kesan tindak *methadone* adalah serupa dengan morfin. Walau bagaimanapun, ia akan bertukar menjadi harus pengambilannya jika ia digunakan sebagai ubat untuk rawatan dengan menggunapakai konsep al-darurah. Namun, ia akan bertukar kembali menjadi tidak harus jika penggunaannya berlaku penyelewengan atau tersasar samada di pihak pesakit atau pihak perawat. Oleh yang demikian itu, kajian mendapati bahawa keharusan penggunaan methadone adalah berdasarkan niat, tujuan dan cara penggunaannya yang tidak boleh lari daripada konsep dan kaedah-kaedah fekah terutamanya konsep al-darurah serta al-darurah tuqaddar biqadariha.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia,(2010) *methadone* adalah sejenis sintetik yang berfungsi dengan menakluki tapak reseptor otak yang terjejas oleh heroin dan opiat lain. *Methadone* mempunyai kesan yang sama seperti heroin atau morfin dalam mencegah gejala tarikan dan memenuhi keperluan fizikal penagih untuk mengambil heroin. Pengambilan *methadone* ini dilakukan untuk mengurangkan risiko penagih untuk mendapat penyakit yang dibawa oleh darah seperti HIV, Hepatitis B dan juga Hepatitis C. Selain itu, *methadone* dapat menghentikan pengambilan dadah secara suntikan serta dapat mengurangkan tingkah laku berisiko dan jenayah. Pengambilan *methadone* dapat mengembalikan penagih kepada keluarga dan masyarakat serta dapat mengubah individu yang mengambil dadah ini menjadi orang lebih baik dan lebih berguna untuk masyarakat.

Selain itu, menurut garis panduan kaunseling yang dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, (2010) dalam unit farmasi menyatakan bahawa jenis-jenis dadah yang terlibat mempunyai beberapa kategori iaitu dadah depresi yang mana dadah ini akan mengurangkan aktiviti sistem saraf. Antara dadah jenis ini ialah heroin, morfin, *methadone*, ubat tidur dan alkohol. Dadah depresi bertindak sebagai untuk mengurangkan aktiviti saraf ke paras bahaya dan ia juga boleh menyebabkan pesakit berhenti bernafas.

Seterusnya, menurut Kememnterian Kesihatan Malaysia, (2010) ialah dadah jenis peransang. Dadah jenis peransang akan mempercepatkan sistem saraf. Dadah peransang berindak dengan mempercepatkan aktiviti badan dan boleh menyebabkan berlakunya peningkatan tekanan darah, peningkatan kadar jantung dan juga peningkatan suhu badan. Antara dadah jenis ini ialah *amphetamine*, ekstasi, kofin dan juga nikotin

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2010), pengambilan *methadone* ini juga melibatkan kes-kes yang tertentu sebagai contoh semasa hamil dan juga semasa menyusu. Sirap *methadone* ini selamat digunakan atau diambil semasa hamil kerana ia tidak akan menyebabkan kecacatan kepada bayi di dalam kandungan, kelahiran pra matang, berat kelahiran yang rendah dan tiada kesan sampingan kepada bayi. Seterusnya sirsp *methadone* ini selamat untuk ibu yang menyusukan bayi. Namun yang demikian, wanita yang positif HIV tidak selamat untuk menggunakan sirap *methadone*. Rawatan *methadone* ini hanya diberikan di hospital yang terpilih, Pusat Kesihatan Kecil dan beberapa klinik swasta yang telah diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pelbagai aspek boleh diselidiki oleh pengkaji iaitu perkara yang boleh diberikan tumpuan adalah bagaimana pengguna *methadone* ini bertingkah laku dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, sejauhmanakah keberkesanan penggunaan *methadone* ini. Selain melihat kesan penggunaan *methadone* terhadap pesakit, pengkaji juga dapat melihat tahap penghayatan agama pengguna *methadone*. Adakah pesakit masih mengingati dan mendalamai agama ataupun tidak setelah mereka membuat keputusan untuk berubah. Pengkaji juga ingin melihat adakah tahap keimbangan dan penghayatan agama mampu memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi pengguna *methadone*.

## 2.0 Kajian Lepas

Terdapat pelbagai kajian lepas yang berkaitan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pengguna *methadone* iaitu dalam konteks kemurungan, kebimbangan, penghayatan agama dan sebagainya. Di sini akan dibincangkan pelbagai kupasan berkaitan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pengguna *methadone* hasil daripada dapatan kajian lepas.

Dalam kajian kualitatif oleh Jessica De Maeyer et.al. (2011) yang bertujuan untuk memperluas pengetahuan kita mengenai persepsi individu yang bergantung pada opiat terhadap *Quality of Life (QoL)* yang baik dan kesan *methadone* pada komponen QoL yang baik. Temu ramah dilakukan dengan 25 individu yang bergantung kepada opiat berusia antara 26 dan 46 tahun yang memulakan rawatan *methadone* sekurang-kurangnya 5 tahun yang lepas. Hasil kajian ini menunjukkan lima tema utama yang menyumbang kepada QoL yang baik untuk individu yang bergantung kepada opiat: (1) mempunyai hubungan sosial, (2) memegang pekerjaan, (3) merasa baik tentang diri seseorang, (4) berdikari dan (5) mempunyai kehidupan yang bermakna. Individu yang bergantung kepada opiat menilai kemampuan *methadone* untuk menolong mereka berfungsi dengan normal, mengatasi masalah psikologi dan pergantungan mereka terhadap ubat terlarang, dan menyokong mereka dalam mencapai tujuan hidup tertentu. Sebaliknya bagi faktor stigmatisasi, diskriminasi, kebergantungan pada *methadone* dan kesan melumpuhkan ubat pada emosi mereka disebut sebagai akibat negatif yang biasa. Penemuan kajian ini menekankan pentingnya menyokong individu yang bergantung kepada opiat dalam kehidupan sehari-hari mereka melalui sokongan praktikal, sosial dan persekitaran (bersama dengan rawatan farmakologi) untuk meningkatkan QoL mereka. Kajian ini lebih jauh menggambarkan pengaruh *methadone* yang tidak jelas pada QoL individu yang bergantung kepada opiat, dan menunjukkan bagaimana sesuatu yang biasa dianggap sebagai 'baik' juga boleh menjadi 'buruk' bagi sesetengah orang. Usaha harus dilakukan untuk mengehadkan akibat negatif *methadone* terhadap QoL individu yang bergantung pada opiat, sambil meningkatkan potensi kebaikan.

Menurut Shane Darke et. al. (1994) Seramai 222 sampel dalam kalangan pengguna *methadone* diuji tahap kemurungan, kebimbangan, dan *anti-social personality disorder*. Prevalensi setiap jenis psikopatologi adalah tinggi. Terdapat sebilangan besar subjek yang menunjukkan kemurungan yang sangat teruk, kebimbangan dan sebahagian besar diklasifikasikan sebagai "kes psikiatri". Kemurungan dan kebimbangan sangat berkaitan, tetapi tingkah laku anti-sosial tidak berkaitan dengan *personal distress*. *Personal distress* berdasarkan andaian oleh penggunaan *benzodiazepin*, fungsi sosial yang buruk dan kesihatan yang lebih buruk. *Anti-social personality disorder* berdasarkan faktor usia yang lebih muda, lelaki, fungsi sosial yang lebih rendah, dan jenayah semasa.

Menurut Sangeeth Kaur et.al. (2007) dalam jurnal projek perintis program rawatan terapi gantikan (RTG) yang menggunakan methadone di pusat khidmat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di Malaysia. Beliau menyatakan bahawa di Malaysia juga turut menggunakan kaedah yang dipakai seperti di luar negara iaitu "*harm reduction*" yang mana ianya boleh diaktakan masih baru diperkenalkan. Kajian ini mengambil tiga buah pusat khidmat AADK sebagai sampel kajian. Tujuan yang sama adalah untuk mengurangkan risiko. Ianya disasarkan kepada penagih dadah yang mengambil dadah jenis heroin, morfin, atau opiate yang mana ianya bagi yang menggunakan pada tahap yang tegar sahaja. Hal ini adalah kerana untuk mengelakkan golongan ini berkongsi jarum suntikan dan akan menyebabkan kepada jangkitan HIV ataupun AIDS.

Menurut Wann (1997) dalam Hajar Asiah Binti Mohamad Noor (2014) menyatakan bahawa kebimbangan sebagai satu interpretasi negatif yang dibuat terhadap jenis atau bentuk tekanan atau bebanan yang terdapat di persekitaran sama ada yang telah, sedang dan apa yang akan dihadapi oleh individu tersebut. Kebimbangan juga merujuk kepada satu tafsiran kognitif yang dilakukan oleh individu tersebut terhadap sesuatu yang terdapat di persekitarannya. Tafsiran tersebut juga turut mendatangkan sesuatu yang negatif maka ia disebut sebagai kebimbangan. Menurut Salasiah (2010) dalam Kaedah Mengatasi Kebimbangan dalam Kaunseling: Analisis Dari Perspektif Al Ghazali, kebimbangan boleh berlaku kepada seseorang sahaja dalam menjalani kehidupan. Antara ciri-ciri kebimbangan pula ialah apabila seseorang itu jantungnya berdegup kencang, berpeluh secara

melampau, tidak dapat bertenang serta menggigil, mengalami ketegangan dan juga sering berperasaan takut dan gugup walaupun bukan dalam keadaan yang cemas.

Menurut Drever (1952), kebimbangan ialah perasaan takut dan kompleks. Kebimbangan yang melampau mampu menjaskan kehidupan sehari-hari manusia. Dapatlah dilihat bahawa kebimbangan merupakan suatu yang mengancam kehidupan seseorang individu dan juga sekiranya berlaku kebimbangan yang kronik akan menyebabkan seseorang itu mempunyai kesihatan mental yang kritikal. Seterusnya kebimbangan ini mempunyai langkah-langkah yang perlu diambil berat oleh semua individu antaranya berjumba dengan psikoterapi yang mana ia itu merupakan rawatan perbualan yang intensif, yang mana boleh membantu pesakit mengenali, memahami dan menerima sebab berlakunya kebimbangan yang berkemungkinannya tidak kelihatan dengan begitu jelas.

Menurut masyarakat Islam di Malaysia, istilah penghayatan agama dirujuk sebagai pelaksanaan amalan agama oleh seseorang Muslim dalam kehidupannya, sama ada melibatkan persekitaran perorangan seperti akidah, ibadah dan akhlak atau melangkau pelaksanaan syariah yang melibatkan individu lain, keluarga, masyarakat dan negara berasaskan pengetahuan dan kefahamannya mengenai agama. Menurut Atikah (2018) dalam kajian iaitu Hubungan Antara Penghayatan Agama dengan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan. Keputusan yang menunjukkan agama merupakan faktor yang penting di dalam kehidupan setiap manusia. Penghayatan agama mampu membentuk dan mempertingkat nilai insan dengan meraikan segala unsur yang ada padanya dari segi mental, fizikal, emosi dan spiritual. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan agama dengan kesejahteraan psikologi pelajar, [ $r = 0.316$ =  $P < 0.05$ ].

Penghayatan agama juga adalah amat penting dalam kehidupan seseorang. Hal ini adalah kerana dengan adanya pegangan agama yang kuat, kita tidak akan mudah terpesong daripada akidah. Menurut Wan Salim Wan Muhamad Nor (1989), seseorang yang menghayati agama akan menghidupkan agama dalam diri dan luarannya. Hal ini adalah disebabkan sesuatu itu akan dianggap hidup berdasarkan kewujudan roh dan tenaganya. Tanpa roh dan tenaga, segala tenaga pergerakan pun akan terhenti dan sesuatu itu menjadi kaku, beku dan mati. Penagih dadah juga berhak untuk diberikan peluang kedua untuk mereka mengubah kehidupan mereka kearah yang lebih baik. Oleh itu, semua pihak terutamanya para agamawan dan yang lain-lain hendaklah bekerjasama untuk mengajak mereka mendekatkan diri dan meningkatkan lagi penghayatan agama mereka.

Hasil dapatkan daripada perbincangan artikel konsep ini dapat membantu pengkaji-pengkaji membuat penyelidikan dengan lebih menyeluruh tentang kesejahteraan psikologi dalam kalangan pengguna *methadone*. Hasil daripada kajian akan datang akan dapat mengenalpasti lebih banyak faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi golongan ini.

### **3.0 MANFAAT**

#### **3.1 PIHAK YANG BERWAJIB**

Apabila kajian ini dijalankan, ia dapat membantu pihak tertentu seperti penguatkuasa anti dadah dan klinik kesihatan untuk mendapatkan maklumat dan mengetahui serba sedikit tentang kehidupan penagih. Ia juga membantu pihak tersebut untuk mengesan jika terdapat permasalahan yang dialami oleh pengguna *methadone* sepanjang penggunaan *methadone*.

#### **3.2 MASYARAKAT**

Kajian ini dapat membantu masyarakat menyedari dan membuka minda masyarakat bahawa terdapat rawatan alternatif bagi mengurangkan ketagihan dadah. Hal ini adalah kerana tidak semua masyarakat mempunyai pengetahuan mengenai rawatan *methadone* ini. Masyarakat juga akan bebas daripada persepsi yang mana penagih dadah akan selamanya akan menjadi penagih dadah.

### **3.3 INSTITUSI KEKELUARGAAN**

Kajian ini dapat menyedarkan ahli keluarga bahawa tidak semestinya jika ada di antara ahli keluarganya mempunyai ketagihan dadah tidak boleh diubati. Dengan adanya terapi dadah gantian ini, penagih dadah dapat mengurangkan tabiat ketagihan mereka. Keluarga boleh membawa penagih tersebut untuk menjalani rawatan dan membantu mereka untuk mengubah diri mereka kearah yang lebih baik.

### **3.4 PERKHIDMATAN SUKARELAWAN DAN NGO**

Kajian yang dilakukan turut memberi ruang kepada perkhidmatan sukarelawan dan NGO mengetahui keperluan-keperluan bagi golongan ini yang boleh diberi bantuan seperti perkhidmatan kaunseling dan kesihatan mental. Yang mana, golongan ini mungkin tidak menyedari mereka memerlukan bantuan dari segi peneguhan dalam diri mereka dari sudut fizikal dan psikologi.

## **4.0 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Diharapkan artikel konsep ini dapat membantu dan memberikan cadangan kepada pengkaji yang akan datang dalam menambahbaik dan meluaskan skop kajian ini. Selain itu, pengkaji seharusnya menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif iaitu mengedar soal selidik dan menemu bual pengguna *methadone*. Hal ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan lebih maklumat berkaitan dengan pengguna *methadone*. Dalam membuat sesi temubual, pengkaji hendaklah menyediakan soalan yang sesuai dengan pengguna methadone. Hal ini adalah untuk mengelakkan daripada mereka tersinggung dan mengelakkan mereka daripada bertindak agresif.

Selain itu, pengkaji akan datang juga disarankan untuk menjalankan kajian ini diseluruh klinik kesihatan dan hospital di dalam daerah bagi boleh mendapatkan keputusan ujian yang lebih tinggi nilai kebolehpercayaannya. Hal ini adalah kerana tidak kesemua pengguna *methadone* ini mempunyai masa dan kebiasaan mereka akan terus pulang dan bergegas bergerak ke tempat kerja mereka. Pengkaji juga tidak disarankan untuk membenarkan pengguna *methadone* membawa pulang soal selidik kerana bimbang mereka tidak akan menjawab dan memulangkannya. Pengkaji juga hendaklah menggunakan penulisan yang mudah difahami oleh pengguna *methadone* agar mereka mudah untuk membaca dan memahami apa yang pengkaji cuba sampaikan.

Selain itu juga, pihak klinik itu sendiri juga hendaklah bukan hanya memberi pengguna *methadone* mengambil ubat mereka malah mereka juga boleh membuka satu bahagian di mana di bahagian itu boleh diletakkan pegawai kaunseling ataupun pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Dengan adanya pegawai-pegawai ini, pengguna *methadone* dapat dipantau malah dengan adanya kaunselor, mereka dapat dibimbing untuk menguruskan kehidupan sehari-hari mereka. Hal ini adalah kerana tidak kesemua pengguna *methadone* dapat menguruskan kehidupan mereka dengan baik dan mempunyai motivasi yang tinggi untuk meneruskan kehidupan. Sesi kaunseling juga hendaklah dijalankan secara bersungguh-sungguh, efektif dan terlaksana kerana mereka akan mudah lalai jika tidak dipantau dengan betul.

Seterusnya ialah masyarakat. Masyarakat juga hendaklah tidak mengambil enteng tentang kehidupan mereka. Masyarakat sepatutnya berganding bahu dalam membantu mereka untuk berubah dan bukannya memandang mereka seperti sampah masyarakat. Masyarakat hendaklah mengambil tahu tentang kehidupan mereka setelah mereka memilih untuk tidak lagi mengambil dadah. Pengguna *methadone* ini sebenarnya memerlukan dorongan dan sokongan daripada masyarakat supaya mereka kuat untuk terus tidak terlibat dalam penagihan dadah. Masyarakat boleh melakukan pelbagai aktiviti bersama dengan mereka. Antara aktiviti yang boleh dilakukan ialah aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan. Masyarakat boleh mengundang sama pengguna *methadone* untuk bersama-sama menghadiri kuliah-kuliah yang dijalankan di masjid. Hal ini adalah untuk membuat mereka berasa lebih dekat dengan masyarakat dan merasa tidak tersisih. Jika masyarakat tidak berbuat sedemikian, mereka mungkin tidak akan mempunyai kesedaran untuk menghadiri aktiviti-aktiviti tersebut.

Akhir sekali ialah dengan mewujudkan peluang pekerjaan kepada pengguna *methadone*. Ini kerana tidak kesemua pengguna methadone mempunyi pekerjaan. Hal ini juga disebabkan tidak semua pihak menerima bekas penagih dalam sektor pekerjaan mereka. Oleh yang sedemikian, pihak berwajib hendaklah memainkan peranan dalam membantu dan membuka peluang kepada mereka ini dalam mendapatkan kerja supaya mereka dapat meneruskan kehidupan mereka dengan baik.

## 5.0 KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan artikel konsep ini dapat membantu pengkaji-pengkaji membuat penyelidikan dengan lebih menyeluruh tentang kesejahteraan psikologi dalam kalangan pengguna *methadone*. Hasil daripada kajian akan datang akan dapat mengenalpasti lebih banyak faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi golongan ini.

Oleh itu, setiap manusia di dunia ini perlu diberi peluang untuk mendapat kesejahteraan psikologi dalam diri mereka. Kesejahteraan psikologi adalah keadaan individu yang merasai perasaan bahagia, memiliki kepuasan hidup dan tidak mempunyai tanda-tanda kemurungan. Keadaan tersebut disebabkan fungsi psikologi positif dan dirinya iaitu penerima diri, hubungan sosial yang positif, mempunyai tujuan hidup, mengembangkan potensi dan mampu mengawal persekitaran luar. Keadaan psikologi yang baik akan membuatkan pengguna *methadone* ini boleh menjalani kehidupan seharian mereka dengan baik. Jika mereka tidak mempunyai keadaan mental yang baik, pasti ini akan menyebabkan mereka boleh bertindak di luar kawalan dan mereka juga boleh merasa rendah diri untuk berdamping dengan masyarakat.

## RUJUKAN

- Abu Mansor, Mimi Aineen (2011) Penggunaan methadone dalam rawatan penagihan dadah di Malaysia: kajian menurut perspektif Islam. Masters thesis, University of Malaya.
- Atikah Osman. (2018). Hubungan Antara Penghayatan Agama Dengan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan.
- Dr Suraya binti Yusoff. (2012). Terapi Gantian Methadone. Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Drever, J. (1952). Dictionary of Psychology. Harmondsworth: Penguin Books.
- Dr. Fazidah binti Yuswan, En Mohammad Nadzri md Dazali. (2016). Polisi dan Prosedur Operasi Piawai Program Rawatan Methadone
- Jessica De Maeyer, Wouter Vanderplasschen, Laura Camfield, Stijn Vanheule, Bernard Sabbe & Eric Broekaert. (2011). A good quality of life under the influence of methadone: A qualitative study among opiate-dependent individuals. *International Journal of Nursing Studies Volume 48, Issue 10*, Pages 1244-1257. Penerbit: Elsevier Ltd.
- Salasiah binti Hanin Hamjah. (2010). Kaedah Mengatasi Kebimbangan Dalam Kaunseling: Analisis Dari Perspektif Al-Ghazali
- Sangeeth Kaur, Hafidah Bt. Mohd2 & Mahmood Nazar Mohamed. (2007). Projek Perintis Program Rawatan Terapi Gantikan (RTG) Menggunakan Methadone Di Pusat Khidmat Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Shane Darke, Wendy Swift & Wayne Hall. (1994). Prevalence, severity and correlates of psychological morbidity among methadone maintenance clients. *Society For the Study of Addiction Journal Online Volume 89, Issue 2*. Pages: 131-249. Penerbit: Wiley.
- Wan Salim Wan Muhamad Nor (1989). Penghayatan al-Quran di Malaysia: Seminar Pengajian al-Quran Peringkat Kebangsaan.
- Wann, D.L. (1997). Sport Psychology. New Jersey: Prentice Hall.

## **FAKTOR KELUARGA MEMBERIKAN TEKANAN HIDUP KEPADА GOLONGAN PEROKOK**

**Nurul Huda binti Abd Manaf, Suzyliana binti Mamat**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

[nurulhudaabdmanaf@yahoo.com](mailto:nurulhudaabdmanaf@yahoo.com)

### **ABSTRAK**

Hubungan kekeluargaan penting bagi menggalakkan penyesuaian emosi dan tekanan hidup dalam kalangan individu untuk menceritakan sesuatu masalah kepada ahli keluarga kerana wujudnya komunikasi yang longgar dan interaksi yang kurang berkesan adalah faktor keluarga yang bermasalah. Selain itu, individu yang merokok juga akan mengalami tekanan seterusnya akan melahirkan perlakuan antisosial yang akan menyebabkan salah satu faktor boleh mendorong seseorang individu itu mudah terjebak dengan penyalahgunaan bahan. Merokok boleh menyumbang kepada pelbagai faktor ke arah gejala yang tidak sihat. Terdapat manfaat yang ingin dinyatakan iaitu melalui institusi keluarga, masyarakat dan pihak kerajaan. Institusi keluarga ialah hubungan keluarga yang akan menjadi lebih kukuh dan mesra apabila wujud kalangan ahli keluarga yang saling memahami antara satu sama lain. Kesan buruk berlaku bukan sahaja kepada remaja, masyarakat mahupun negara kerana individu merokok kian hari semakin meningkat. Tekanan adalah tindak balas fizikal, fisiologikal dan psikologikal berlaku dalam diri seseorang berpunca daripada keluarga, persekitaran yang mencabar dan mengancam. Sehubungan dengan itu, cadangan yang ingin dikemukakan adalah kerjasama masyarakat dalam memberikan kesedaran perlulah ditanamkan di dalam diri setiap masyarakat untuk memastikan gejala merokok ini tidak akan terus berkembang lagi. Oleh itu, ibu bapa haruslah bersikap tegas dan tidak perlu memberikan kelonggaran yang melampau kepada anak-anak.

Kata Kunci: Faktor keluarga, tekanan hidup, golongan perokok

### **ABSTRACT**

Family relationships are important to encourage emotional adjustment and stress in the family to communicate problems to family members because loose communication and ineffective interaction are problematic family factors. In the meantime, smoke also suffer from stress and develop antisocial behaviors that may cause one person to become more prone to substance abuse and smoking may contribute to various factors towards unhealthy symptoms. There are benefits to be mentioned through family, community and government institutions. Family institution is a family relationship that will grow stronger and stronger when there are family members who understand each other. The negative effects of not only teenagers, society and the country as individuals smoke more and more. Stress is a physical, physiological and psychological reaction that occur in a person's family, challenging and threatening environment. In this regard, the proposal that the community would like to bring to bear is the awareness of the need to inculcate in each community the need to ensure that these smoking symptoms will not continue to grow. Therefore, parents should be firm and not have to give children too much flexibility.

Keywords: Family factors, stress, smokers

## **1.0 PENDAHULUAN**

Keluarga merupakan persekitaran pertama yang utama bagi setiap individu atau remaja. Proses interaksi serta transaksi yang wujud dalam persekitaran keluarga boleh mempengaruhi kualiti perkembangan seseorang individu. Institusi keluarga juga adalah satu unit asas yang memainkan peranan penting dalam membentuk generasi masyarakat yang baik dan bertanggungjawab. Menurut Mohd Taib dan Mohd Khairi (2002) berpendapat bahawa, antara punca yang menimbulkan ketidakselesaan individu (perokok) dalam menceritakan sesuatu masalah kepada ahli keluarga mereka adalah disebabkan wujudnya komunikasi yang longgar dan interaksi yang kurang berkesan di kalangan ahli keluarga. Selain itu, pola komunikasi kekeluargaan yang lemah juga berupaya akan menyebabkan berlakunya aktiviti merokok dan perasaan ingin mencuba dalam kalangan individu (anak-anak) tersebut. Dengan itu, menurut Sapouna dan Wolke (2013) pula mengatakan bahawa hubungan kekeluargaan memainkan peranan penting dalam menggalakkan penyesuaian emosi dan tekanan dalam kalangan individu yang bermasalah, dan intervensi bagi membantu individu untuk lebih berdaya tahan dengan lebih berjaya jika dapat mensasarkan kepada kemahiran psikososial remaja dan hubungan mereka dengan sesama ahli keluarga.

Seterusnya, menurut Satir (1927) dan Faudziah (2009) ada mengatakan bahawa terdapat beberapa kriteria untuk menggambarkan sesebuah keluarga itu mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapuh adalah apabila sesebuah keluarga tidak mempunyai keyakinan diri, tidak suka berterus terang antara sesama ahli keluarga, tidak jujur dalam jalinan kekeluargaan dan ibu bapa atau keluarga yang bersikap terlalu tegas atau terlalu keras jarang berinteraksi dengan masyarakat salah satu penyebab juga. Di samping itu, Murdock (1967) berpendapat bahawa keluarga sebagai satu kelompok sosial yang tinggal di bawah satu bumbung yang mempunyai kerjasama dalam kegiatan ekonomi dan menambah zuriat. Di dalamnya terdapat orang dewasa daripada kedua-dua jantina dan sekurang-kurangnya dua orang daripada mereka terdiri daripada pasangan perkahwinan yang telah diterima umum. Oleh itu, Hairunnaja Najmudin (2003) dan Maizatul (2007) pula mendefinisikan bahawa keluarga ialah institusi di mana seseorang individu itu mendapat pendidikan terawal. Proses didikan atau proses sosialisasi yang diterima oleh seseorang sejak kecil dalam keluarga berpengaruh kepada tingkah laku atau perbuatan mereka. Manakala, status sosioekonomi keluarga merupakan unsur penting dalam latarbelakang keluarga. Namun itu, status sosioekonomi merujuk kepada kedudukan sosial ibu bapa mengikut hierarki yang ditentukan oleh penilaian masyarakat oleh Smith (1986).

Hubungan kekeluargaan yang rapuh akan mewujudkan suasana keluarga yang negative dan mengakibatkan anak-anak melakukan perkara-perkara yang melanggar peraturan serta berlawanan dengan norma kehidupan. Menurut Nik Rosila (1998) ada menjelaskan bahawa terdapat sikap permitif ibu bapa terhadap kawalan disiplin anak-anak, kepimpinan autokratik, hubungan di antara anak dan ibu bapa yang terganggu, layanan yang kasar, model yang negatif serta keluarga yang berpecah belah menyebabkan anak-anak atau individu akan mengalami tekanan. Malah, dengan melahirkan perlakuan antisosial ini menyebabkan salah satu faktor boleh mendorong seseorang individu mudah terjebak dengan penyalahgunaan bahan. Selain itu, Goldenberg (1985) ada menyatakan bahawa keluarga sebagai satu sistem sosial yang mempunyai peraturan, peranan, struktur, tatacara komunikasi, perbincangan dan penyelesaian masalah yang menjadi tugas perlu dilaksanakan secara efektif. Ikatan kekeluargaan banyak mempengaruhi kualiti kehidupan sebagai seorang remaja yang akan menempuh alam seterusnya sejurus mewarisi segala keturunan sesebuah keluarga itu. Menurut Razal Azuan (2006) menjelaskan bahawa kepuasan hubungan kekeluargaan anak dalam keluarga akan menentukan bagaimana anak itu akan bertindak balas terhadap linkungan keluarga yang ada di sekitarnya. Walaubagaimanapun, anak yang dibesarkan dalam keluarga tidak harmonis, sukar untuk mengembangkan keterampilan sosialnya. Manakala, keluarga yang kukuh dimana setiap ahli di dalamnya sentiasa bersama dan bersatu dalam menghadapi apa jua keadaan, mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan mempunyai serta meletakkan satu matlamat untuk mencapai kebahagiaan dalam sesebuah kekeluargaan.

Tekanan juga merupakan satu gangguan emosi atau ancaman perasaan. Selain itu, tekanan adalah perubahan menekan atau keadaan tertekan yang mana individu menanggung beban yang sukar ditanggung oleh mereka. (Mohd Mazlan Musa, 2003). Di samping itu, menurut Angela (2009) menyatakan bahawa, tekanan merujuk kepada sesuatu tindak balas badan bagi satu perubahan yang memerlukan penyesuaian emosi, fizikal atau mental. Tekanan juga telah ditakrifkan sebagai satu keadaan yang resah, cemas, tegang, dan sebagainya akibat daripada tekanan mental atau fizikal menurut Kamus Dewan (2005). Manakala, Munafo (2002) mengatakan bahawa peringkat pergantungan bermula apabila individu itu merokok merasakan perbuatan yang dilakukannya adalah bertujuan untuk berseronok sahaja. Selanjutnya, menurut Khairina (2002) pula adalah amalan merokok dikalangan remaja belasan tahun, pelajar penuntut pengajian tinggi (IPT) bukanlah satu fenomena yang baru lagi zaman moden ini. Malah, terdapat remaja di bawah 18 tahun yang semakin berani membeli dan menghisap rokok secara terbuka di khalayak ramai. Oleh itu, pelbagai kempen telah dilakukan oleh kerajaan bagi mencegah individu yang terus terjebak ke dalam aktiviti merokok yang boleh mendatangkan kesan buruk ke atas dirinya dan orang sekeliling. Menurut Ashton & Stepney (1982) bahawa “Merokok mungkin objek yang paling ketagihan dan pergantungan menghasilkan – khusus diri suapan ditadbir diketahui oleh manusia”. Kandungan rokok adalah terdiri daripada tiga bahan asas yang cukup membahayakan kesihatan iaitu nikotin, tar dan gas karbon monoksida.

## 2.0 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Hubungan kekeluargaan setiap ahli keluarga perlu dititikberatkan bagi menjamin dan memastikan institusi keluarga yang dibina mampu mencapai keserasian, ketenteraman dan kesejahteraan dari segi fizikal dan mental. Selain itu, semua ini penting bukan sekadar untuk melahirkan keluarga yang ideal bahkan menyediakan masyarakat yang sempurna kelak. Seterusnya, faktor keluarga yang kukuh dan padu dapat melahirkan serta menyediakan anak-anak dan seluruh ahli dalam institusi keluarga ke arah pembentukan kendiri dan personaliti yang baik. Menurut teori pembelajaran sosial oleh Bandura adalah ibu bapa merupakan idola kepada remaja yang masih muda, tabiat yang diamalkan akan diperhatikan dan diikuti oleh anak-anak berkenaan secara disedari atau tidak.

Seterusnya, kos kehidupan yang meningkat juga akan menyebabkan ibu bapa semakin sibuk bekerja untuk menampung keperluan harian dan perbelanjaan keluarga. Kadangkala mereka perlu bekerja lebih masa dan menyebabkan pemeliharaan dan pendidikan anak-anak terabai. Kajian Mohd Taib Dora (2011) menunjukkan bahawa akibat faktor kewangan (ekonomi) mungkin menyebabkan pasangan sering berleter, bergaduh menggunakan kata-kata kesat, kurang bekerjasama dalam kalangan ahli keluarga dan mengabaikan tanggungjawab rumahtangga. Selain itu, kurang perhatian dan kasih sayang kepada anak-anak serta kekosongan jiwa dalam kalangan anak-anak menyebabkan mereka mencari jalan keluar dan terlibat dalam pelbagai masalah sosial luar rumah.

Menurut kajian Wolfe, D.A & Mash (2006) menyatakan remaja yang mengalami gangguan emosi seperti bimbang terhadap kegagalan akan membuat penyesuaian semasa berhubung dengan situasi baru. Jika tidak ada penyesuaian yang memuaskan di antara individu dengan persekitarannya, maka individu itu akan menghasilkan perbuatan yang meyimpang. Perlakuan mereka akan menimbulkan masalah sosial yang besar kepada masyarakat dan negara. Merokok dalam kalangan perokok boleh dikatakan didorong oleh pelbagai faktor yang menyumbang kepada individu untuk merokok ialah pengaruh sosial, pengaruh persekitaran, pengaruh psikologi dan sebagainya. Namun begitu, gejala ini akan mendatangkan kesan buruk bukan sahaja kepada remaja, masyarakat mahupun negara kerana jumlah individu yang merokok kian hari semakin meningkat pada zaman kini. Model Stres Cooper.al (1988) menerangkan bahawa tekanan adalah sebarang kuasa yang meletakkan faktor psikologikal dan fizikal melampaui tahap keupayaan individu. Ini bermaksud halangan yang timbul akan mengakibatkan tekanan. Sehubungan dengan itu, setiap individu mempunyai keupayaan dan pendekatan berbeza bergantung kepada jenis personaliti serta mekanisme daya tindak digunakan. Sekiranya tekanan gagal ditangani maka ia akan menimbulkan masalah dan berkemungkinan individu akan mengalami tekanan yang terus dan berlarutan.

### **3.0 KAJIAN LEPAS**

Dalam kajian Abdullah Al Hadi (1993) telah membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak responden kumpulan kajian dengan responden kumpulan kawalan. Responden kumpulan kajian mempunyai tahap kasih sayang yang lebih rendah dengan ibu bapa berbanding responden kumpulan kawalan. Hasil kajian ini memberikan implikasi tentang perlunya ibu bapa dalam memberikan tumpuan dan mempertingkatkan hubungan kasih sayang dengan anak-anak. Hal ini kerana, kasih sayang, perhatian merupakan satu keperluan penting dalam diri seseorang remaja. Secara logiknya remaja yang diberikan perhatian yang secukupnya oleh ibu bapa tidak akan mencari sumber perhatian lain bagi memenuhi keperluan tersebut. Di samping itu, kajian oleh Azizi Yahya, Noordin dan Mohd Sofie (2010), menyatakan bahawa pada peringkat pelajar dan remaja, seseorang individu akan mengalami perubahan yang amat pesat sekali sama ada dari segi fizikal, emosi maupun sosial.

Pada zaman inilah remaja mula terdedah kepada alam luar nikah malah persekitaran ini sudah menjadi rumah kedua kepada mereka. Seseorang juga mula belajar dari persekitaran luar yang tidak diajar di rumah oleh ibu bapa. Menurut Battleheim (1950) bahawa pada tahap inilah remaja mula mengubah tingkah laku, sikap, dan nilai malah seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa. Kajian Rintis Pandangan Kanak-kanak Mengenai Strategi Pemasaran Kempem Anti-Merokok di Pantai dalam Kuala Lumpur menurut Rokiah et.al (2013), adalah untuk melihat sejauhmana kempem-kempem yang dijalankan untuk individu tidak merokok berupaya memberi kesedaran kepada kanak-kanak dan remaja. Namun demikian, hasil kajian mendapati kempem ini lansung tidak berkesan kerana ia tidak menakutkan remaja dengan gambar-gambar kempem anti merokok yang dijalankan. Strategi pemasaran dan pengiklanan kempem ini perlu ditambah baik dan diberi lebih lagi penekanan supaya ia lebih berkesan pada masa akan datang.

Di samping itu, menurut kajian Spyros, Pelagidou, Chloros, Haidich, dan Sichletidis (2012) telah mengkaji mengenai merokok di kalangan anak muda di utara Greek. Objektif kajian adalah untuk mengkaji data epidemiologi tentang hubungan rokok dengan risiko dan beberapa faktor pencegahan. Instrumen kajian ini menggunakan dua borang soal selidik. Sampel kajian adalah dipilih secara rawak sebanyak 133 sekolah dan 18,904 orang peserta. Lokasi kajian dijalankan di Northern Greek. Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun kelaziman merokok tidak terlalu tinggi gred, kekerapan sehari penggunaan rokok adalah amat membimbangkan. Selanjutnya, menurut Hasnida dan Indri Kemala (2005), dengan kajian mengenai hubungan antara tekanan dan perilaku merokok pada mahasiswa lelaki dengan objektif kajian adalah untuk mengetahui hubungan antara tekanan dan perilaku merokok pada mahasiswa lelaki. Instrumen ini dijalankan dengan menggunakan kaedah skala stress dan skala perilaku merokok. Skala stress merupakan skala yang telah disusun berdasarkan aspek-aspek psikologis dari stres yang telah dikemukakan oleh Sarafino (1994) yang meliputi aspek kognisi, emosi, dan perilaku sosial. Manakala skala perilaku merokok pula merupakan skala yang disusun berdasarkan aspek-aspek perilaku merokok yang telah dikemukakan oleh Aritonang (1997) iaitu fungsi merokok dalam kehidupan sehari-hari, intensiti merokok, tempat merokok dan waktu merokok. Dapatkan kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara tekanan dan perilaku merokok mahasiswa.

### **4.0 SIGNIFIKAN KAJIAN**

Berdasarkan sorotan kajian lepas terdapat beberapa manfaat hasil daripada kajian yang telah dilakukan iaitu:-

#### **4.1 Institusi Keluarga**

Hasil sorotan kajian lepas dapat dilihat menjadi satu panduan untuk sesebuah keluarga memahami dengan lebih mendalam tentang ikatan sebuah kekeluargaan yang dihadapi oleh setiap individu mengenai permasalahan sesama ahli keluarga. Faktor keluarga akan menjadi lebih kukuh dan mesra

apabila ada ahli keluarga yang saling memahami antara satu sama lain. Selain itu, persefahaman yang terjalin juga boleh mengelakkan individu tersebut daripada menyakiti hati dan menyinggung perasaan diantara ahli keluarga. Sebagai ahli keluarga wajib menyayangi antara satu sama lain untuk mengelakkan seseorang dalam kalangan ahli keluarga melakukan perkara-perkara yang tidak diingini. Jika kekuatan ikatan kekeluargaan kurang dititiberatkan maka mudahlah seseorang dalam ahli keluarga terjebak dengan masalah sosial. Dengan itu, ibu bapa mestilah mengetahui segala perlakuan yang disenangi dan tidak disengani oleh ahli keluarga.

Terdapat masalah sosial seperti merokok dapat diatasi oleh sesebuah keluarga itu. Maka, lahirlah sebuah didikan yang baik oleh kedua orang tuanya. Masalah merokok setiap individu ini akan berlaku setelah keakraban hubungan sesama ahli keluarga tidak dijaga dengan sempurna. Permasalahan kajian ini kerana hubungan kekeluargaan dan tekanan hidup kalangan perokok turut memberikan kesedaran dan kefahaman kepada mereka tentang bahaya pengambilan bahan terlarang. Selain itu, tekanan juga penting bagi individu terlibat dengan merokok kerana ia membolehkan seseorang perokok itu dipengaruhi dengan tekanan. Walhal, tidak semestinya hubungan keluarga yang rapuh sahaja menjadikan seseorang tertekan. Ahli keluarga juga perlu berusaha untuk mengetahui sebuah ikatan kekeluargaan itu membawa kebergantungan pada rokok atau adakah tekanan hidup itu meningkatkan perokok yang masih tegar terlibat. Kelebihan yang didapati oleh ahli keluarga adalah dengan menyedarkan individu iaitu perokok akan sesebuah hubungan keluarga amatlah penting dan harus diutamakan lebih, berbanding rokok yang dipilih oleh mereka sebagai pemusnah masa depan mereka serta menjelaskan kesihatannya tersebut.

#### **4.2 Masyarakat**

Sorotan lepas hasil kajian ini, diharap dapat membantu dalam memberikan maklumat dan perkongsian ilmu kepada masyarakat berkenaan gejala merokok ini supaya mereka lebih peka, bertanggungjawab dan prihatin terhadap individu (perokok) tersebut supaya aktiviti ini dapat dikurangkan melalui kesedaran dan kerjasama masyarakat keseluruhannya. Secara umumnya, mereka memahami tentang bahaya merokok di kalangan masyarakat tetapi mereka seolah-olah memberi jawapan dengan menyokong ke arah penglibatan yang lebih hebat dalam usaha individu merokok termasuk membenarkan iklan-iklan rokok dipampangkan di semua tempat strategik dan juga media massa. Selain itu, dari sudut lain pula, muncul juga kumpulan yang memperjuangkan amalan merokok ini sebagai hak asasi manusia. Namun begitu, masyarakat melihat merokok adalah amalan biasa dan telah menjadi ‘trend’ dalam masyarakat yang berorientasikan kemajuan dalam semua bidang terutamanya ekonomi negara. Di samping itu, klinik-klinik kesihatan di Malaysia juga telah menyediakan perkhidmatan rawatan berhenti merokok secara percuma yang disediakan untuk mendapatkan perkhidmatan walaupun kebanyakan perokok berbuat demikian setelah mereka disahkan menghidap penyakit yang berpunca daripada aktiviti merokok. Oleh itu, kita harus terus aktif, agresif dan optimis dalam mengambil langkah mengawal gejala perbuatan merokok daripada menjadi amalan kepada diri sendiri, anak-anak, ahli keluarga dan insan tersayang demi masa depan masyarakat yang sihat dan selamat pada masa hadapan.

#### **4.3 Negara/ Kerajaan**

Dalam sorotan kajian, diharap boleh membantu pihak kerajaan dalam mendapatkan maklumat dan sumber idea untuk mengetahui punca-punca individu yang suka merokok dengan lebih teliti dan boleh melaksanakan satu agenda dalam meyelesaikan masalah perokok dalam kalangan individu berkenaan. Di samping itu, tembakau dan rokok pula telah menjadi antara sumber pendapatan negara serta perlaksanaan cukai yang tinggi terhadap harga jualan rokok. Manakala, pendapatan cukai menurut pemimpin negara ada menyatakan bahawa tembakau dan rokok tidak boleh dihapuskan memandangkan pendapatan hasil jualan dan perolehan amat besar dalam sektor pencukaian negara. Tidak ada pihak yang berani memberi pendapat untuk menghapuskannya kerana hasil dari sumber tersebut turut memberi keuntungan kepada pelbagai pihak terutamanya kaum tani yang mengusahakan tanaman tembakau tersebut.

Seterusnya, kenyataan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu Zuraida Kamaruddin telah berkata bahawa pihak berkuasa tempatan akan menyediakan kawasan khas merokok di tempat awam dan pemilik kedai makan boleh memohon peruntukan dari pihak berkenaan. Dengan itu, larangan merokok di restoran telah dikuatkuasakan sejak 1 Januari serta masih membenarkan perokok melakukan aktiviti merokok di jarak 3 meter dari luar restoran berkenaan. Oleh itu, kebanyakan rakyat di negara ini bergantung kepada hospital kerajaan bagi mendapatkan rawatan. Mengikut perangkaan Kementerian Kesihatan Malaysia (2010), bilangan pesakit dimasukkan ke hospital kerajaan kerana penyakit yang berkaitan dengan saluran pernafasan. Ini juga bermakna kerajaan terpaksa membelanjakan kewangan yang besar bagi menangani penyakit yang berpunca daripada aktiviti merokok.

## 5.0 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Diharapkan hasil kajian sorotan lepas ini dapat memberikan cadangan kepada pengkaji yang akan datang dalam menambahbaik dan meluaskan skop kajian ini. Ini dapatlah membantu pengkaji dalam mendalami emosi dan meneroka masalah yang sering dihadapi oleh kalangan perokok tegar. Selain itu, kajian lanjutan dalam proses kekeluargaan dan tekanan hidup diperlukan dalam membantu mengenalpasti elemen-elemen seperti kegagalan dalam hubungan sesama ahli keluarga yang membantu pengkaji dalam kajian ilmiah ini. Kajian akan datang juga boleh memfokuskan untuk mengenalpasti perbezaan faktor keluarga dengan tekanan hidup berdasarkan soalan demografi seperti umur, tempat tinggal, sektor pekerjaan dan lain-lain dalam kalangan perokok.

Selain itu juga, pengkaji akan datang disarankan untuk melakukan kajian ini bagi mendapatkan keseluruhan hasil yang diinginkan bagi memperolehi keberkesanannya lagi dalam kajian ini. Seterusnya, ibu bapa juga wajarlah mencorakkan anak-anak mereka dengan baik dan mereka haruslah menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak. Menurut kajian di Amerika Syarikat (2018) mendapati bahawa pemberhentian amalan merokok oleh ibu bapa dapat meningkatkan pemberhentian merokok di kalangan anak-anak. Justeru itu, ibu bapa yang merokok amat digalakkan untuk berhenti demi kepentingan diri sendiri, anak-anak dan sebuah keluarga. Jadi itulah mereka seharusnya menegah perbuatan merokok dalam anak-anak mereka. Ianya adalah salah satu cara bagi mengelakkan diri sendiri terjebak dengan masalah sosial. Namun begitu, ada pelbagai cara lagi yang lebih menarik bagi seseorang individu (perokok) mengisi masa lapang dengan menghilangkan perasaan tekanan atau tertekan dalam sesuatu keadaan. Oleh itu, mereka tidak perlulah merokok bagi mengatasi sesuatu masalah.

Cadangan kajian lanjutan kepada pengkaji yang akan datang juga dapat memberikan kerajaan bagi membendung gejala merokok yang semakin berleluasa kini. Usaha meningkatkan lagi harga sekotak rokok dan sekatan dalam penyeludupan rokok secara haram haruslah dipertingkatkan lagi supaya masyarakat tidak mengalami ketagihan dalam gejala merokok sehingga menjelaskan kesihatan, persekitaran, hubungan kekeluargaan serta menyebabkan individu tertekan. Selanjutnya, kajian lanjutan dapat memantapkan lagi pengurangan gejala merokok di tempat awam. Pengkaji haruslah peka dan lebih mementingkan isu seperti ini supaya pihak berwajib turut mengadakan kempen, aktiviti beriadah atau ceramah bagi mengatasi masalah hubungan kekeluargaan dengan memberikan tekanan kepada perokok dalam kalangan individu berkenaan. Namun itu, penglibatan orang ramai dan masyarakat juga boleh menampakkan lagi keseriusan akan perkembangan masalah aktiviti merokok kerana hubungan sebuah ikatan kekeluargaan memberikan tekanan hidup yang dihadapi oleh seseorang. Jika gejala ini semakin meningkat di sekitar kawasan tertentu, mestilah dititikberatkan agar dapat memberikan kesedaran dan kefahaman kepada golongan yang terlibat. Konklusinya, kita boleh melahirkan golongan pemimpin melalui mengadakan aktiviti-aktiviti kempen, ceramah dan sebagainya untuk berlaku perubahan yang baru ke arah kecemerlangan.

## **6.0 RUMUSAN**

Bagi sesetengah pihak, merokok umpama makanan harian yang tidak boleh dipisahkan, ada juga dalam kalangan perokok yang mengaitkan perbuatan menghisap rokok sebagai status menunjukkan seseorang individu telah matang atau sebagai melambangkan imej yang bersifat kemegahan. Selain itu, rokok yang dibakar adalah seperti membakar wang kertas yang sepatutnya boleh digunakan untuk tujuan lain yang lebih berfaedah. Perokok juga bukan sahaja membahayakan diri mereka sendiri tetapi juga membahayakan kesihatan keluarga dan orang sekeliling mereka. Kurang perhatian dan kasih sayang kepada anak-anak serta kekosongan jiwa dalam kalangan anak-anak menyebabkan mereka mencari jalan keluar dan terlibat dalam pelbagai masalah sosial di rumah. Menurut Abdullah Al Hadi (1993) berpendapat bahawa kawalan dan juga pengawasan dari ibu bapa memainkan peranan penting dalam menghalang anak-anak terlibat dengan gejala sosial. Dengan itu, rokok bukanlah sesuatu yang perlu dibanggakan dan bukanlah juga simbol menunjukkan kedewasaan tetapi sikap negatif yang menggambarkan ketidakwarasan seseorang perokok.

Selanjutnya, komitmen yang diberikan oleh ibu bapa akan dapat memberikan gambaran kepada anak-anak membentuk diri mereka dengan lebih baik dan mereka akan berasa selamat serta akan mewujudkan hubungan kekeluargaan yang harmoni. Manakala, kepuasan hubungan kekeluargaan anak dalam keluarga menentukan begaimana anak itu akan bertindak balas terhadap lingkungan keluarga yang ada di sekitarnya. Seterusnya, tekanan juga boleh memberi kesan yang berbeza bergantung kepada individu yang mengalaminya. Sekiranya individu itu melihat tekanan sebagai suatu yang negatif, ia boleh memberi kesan buruk terhadap kesihatan, mental dan emosi seseorang. Ini secara tidak lansung akan menjelaskan pemikiran individu. Manakala tekanan dari sudut positif pula akan menimbulkan tindak balas positif dalam dirinya serta pemikirannya. Oleh itu, tekanan bukanlah satu tindak balas luaran yang khusus atau bentuk reaksi daripada sudut fisiologi dan tingkah laku tetapi merupakan suatu hubungan antara individu dengan persekitarannya. Malah, sekiranya individu berada dalam keadaan tertekan bermakna individu telah memberi reaksi terhadap keadaan persekitarannya.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Al Hadi Mohamed, (1993). *Faktor-faktor Keluarga Dan Tingkah Laku*. UKM.
- Angela (2009). *Tahap Stres Dan Tekanan*, Mahasiswa. UKM.
- Ashton H. dan Stepney R. (1982). *Smoking: Psychology and Pharmacology*. London: Taristock Publication.
- Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bin Bahari. (2010). *Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Terhadap Tingkah Laku*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Battleheim (1950), *Hubungan Tingkah Laku Dengan Sikap Pelajar Remaja*.
- Dionisions G Spyros, Despoina T Pelagidou, Diamantes Chloros, Anna-Bettina Haidich, Eleni Kretsi, Christina Koubaniou, Stavros Konstantopoulos, Konstantinos Gourgoulianis dan Lazaros T Sichhletidis. (2012). *Merokok Di kalangan Remaja Di Utara Greek*.
- Hairunnaja Najmudin (2003), *Memahami & Membimbang Remaja Nakal, Kaunseling Siri*. Perpustakaan Kuala Lumpur.
- Kalaivanee A/P Sandran (2010). Majalah Sains, *Definisi Tekanan Hidup Kawal atau Gagal*. <https://www.majalahsains.com/tekanan-hidup/>.
- Kamus Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat, (2005).
- Maizatul Akmam (2007), Perkaitan Antara Hubungan Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya & Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar, UTM.
- Modul Berhenti Merokok (2001). “Panduan Berhenti Merokok”. Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Mohd Taib dan Mohd Khairi (2002), *Pola-pola Komunikasi Kekeluargaan: Kajian di Kalangan Keluarga Penagih dan Bukan Penagih di Negeri Kedah*. Sekolah Pembangunan Sosial.
- Munafo, M. et al (2002). *Smoking Cessation Matters In Primary Care*: Oxon, Radcliffe Press.
- Murdock (1967), Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Disiplin Pelajar.

- Razal Azuan (2006). Hubungan Kekeluargaan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Serdang, UPM.
- Rokiah et.al (2013). Kajian Rintis Pandangan Kanak-kanak Mengenai Strategi Pemasaran Kempen Anti-Merokok, Kuala Lumpur.
- Sapouna, M & Wolke, D (2013), Kefungsian Keluarga Dan Ketahanan Diri Pelajar Sekolah Menengah Harian.
- Sapouna, M & Wolke, D (2013), Resilience to bullying victimization: The role of individual, family and peer characteristics. *Child Abuse & Neglect*.
- Sarafino (1994). Health psychology: biopsychosocial Interaction.
- Smith (1986), Perkaitan Antara Hubungan Keluarga.
- Wolfe, D.A & Mash (2006). *Behavioral and Emotional Disorder in Adolescents*.

# **HUBUNGAN ANTARA GAYA PEMBELAJARAN DAN TEKANAN DI KALANGAN PELAJAR KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA MASJID TANAH (KKT), MELAKA.**

**Fatin Nabilah Binti Abdul Hamid & Siti Haziqah binti Shaban**

[fnnabilah96@gmail.com](mailto:fnnabilah96@gmail.com)

Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau hubungan gaya pembelajaran dan tekanan di kalangan pelajar-pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Masjid Tanah, Melaka (KKT). Kajian ini melibatkan seramai 217 orang pelajar KKT yang terdiri daripada 5 bidang pengajian iaitu Diploma Teknologi Kejuruteraan Automatif (DTKA), Diploma Teknologi Kejuruteraan Pemprosesan Polimer Komposit (DTKPPK), Diploma Teknologi Kejuruteraan Pemprosesan Seramik (DTKPS), Diploma Teknologi Kejuruteraan Pemprosesan Plastik (DTKPP) dan Diploma Industri Pembuatan Komposit Aeroangkasa (DIPKA). Satu set borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A maklumat demografi, bahagian B soal selidik *Learning Style Questionnaire Dunn & Dunn Inventory (LSQ)* dan bahagian C *Student Life-Stress (SLSI)*. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (versi 22). Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan di antara gaya pembelajaran dengan tekanan di kalangan pelajar [ $r = -.174$ ,  $k < .05$ ]. Manakala, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran berdasarkan bidang pengajian [ $F (2, 56) = .464$ ,  $k > .05$ ].

**Kata kunci:** Gaya pembelajaran, tekanan, pelajar.

## **1.0 PENGENALAN**

Setiap manusia itu berbeza dan unik. Ini juga termasuk di kalangan pelajar. Ini dapat dibuktikan dengan perbezaan gaya pembelajaran yang wujud disebabkan oleh perbezaan personaliti dan minat. Menurut Felder & Henriques (1995), sesetengah pelajar gemar belajar sendiri dengan tempoh masa yang tersendiri, dengan keadaan yang selesa berbanding belajar secara berkumpulan. Ada pelajar yang mendapat maklumat dengan cara yang berbeza, seperti melihat dan mendengar, menghayati dan melakonkan, berfikir secara logik dan mengikut gerak hati dan ada juga yang meneliti dan membayangkan.

Pada umumnya, gaya pembelajaran ialah sebuah teknik atau cara untuk mempelajari atau memahami sesuatu megikut dominan individu. Gaya pembelajaran adalah salah satu elemen yang sangat penting kerana ia menentukan sama ada pelajar itu dapat belajar dengan baik atau sebaliknya. Tokoh-tokoh ilmuwan telah banyak memperkenalkan pelbagai teori dan modal gaya pемебелajaran yang boleh dijadikan panduan kepada pelajar. Oleh disebabkan itu, pelajar haruslah mengetahui gaya pembelajaran yang sesuai untuk mereka gunakan.

Antara model gaya pembelajaran yang diperkenalkan ialah model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978). Dunn dan Dunn membahagikan gaya pembelajaran kepada lima bahagian iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal. Menurut model ini, ianya berdasarkan prinsip-prinsip seperti kebanyakkan individu mampu dan boleh belajar, setiap individu mempunyai gaya pembelajaran tertentu dan gaya pembelajaran akan bertindak balas dengan iklim, sumber serta pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, Dunn dan Dunn juga menyatakan bahawa seseorang itu dapat meningkatkan pencapaian jika proses pengajaran dan pembelajaran dapat disesuaikan mengikut gaya pembelajaran masing-masing.

Jika seseorang itu gagal untuk menemui gaya pembelajaran yang sesuai untuk diri mereka, maka tekanan akan muncul. Ini kerana manusia tidak akan pernah lari daripada masalah. Setiap manusia pasti akan menghadapi masalah dalam menjalani kehidupan sehari-hari ada masalah itu kecil atau besar. Hasil daripada wujudnya masalah ini akan mengakibatkan seseorang itu akan menjadi stress atau tertekan. Tekanan ini boleh memberi kesan positif (eustress) dan kesan negatif (distress). Apabila tekanan ini dilihat dari pandangan negatif atau mengalami tekanan yang terlalu tinggi, ianya akan memberikan impak negatif kepada kesihatan dan pencapaian akademik pelajar (Campbell & Stevenson, 1992). Kajian yang dilaksanakan ini berdasarkan teori Gazelle B.M.

Akhirnya, pelajar menjadi tertekan kerana tidak mampu memahami dan menguasai dengan gaya pembelajaran yang cuba diikuti. Menurut kajian Ida Hartina (2016), tekanan sering terjadi ke atas pelajar institusi pengajian tinggi. Dengan hal itu, pengkaji berminat untuk melihat mengenai sejauh manakah hubungan antara gaya pembelajaran dan tekanan di kalangan pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA Masjid, Tanah Melaka.

Menurut Nursen İlçin, Murat Tomruk, Sevgi Sevi Yeşilyaprak, Didem Karadibak dan Sema Savci (2018) mengenai kajian Hubungan antara Gaya Pembelajaran dan Prestasi Akademik pelajar Psikoterapi di Turki. Kajian ini juga menggunakan soal selidik Grasha-Riechman Student Learning Style Scales dan menggunakan CGPA atau gred keseluruhan semester sebagai penentu prestasi akademik pelajar. Selain itu, ujian Kruskal-Wallis digunakan untuk membandingkan di antar enam kumpulan gaya pembelajaran (Bebas, Bergantung, Berdaya saing, Bergabung atau Usaha sama, Mengelak dan Mengikuti / Independent, Dependent, Competitive, Collaborative, Avoidant, and Participant). Hasil dapatan kajian mendapati bahawa gaya pembelajaran yang biasa digunakan ialah Bergabung (Collaborative) iaitu sebanyak 34.8%. Manakala, prestasi akademik mempunyai korelasi yang negatif dengan Mengelak (Avoidant) iaitu ( $p<0.0001$ ,  $r = -0.400$ ). disamping itu, prestasi akademik menunjukkan terdapat hubungan signifikan dengan gaya pembelajaran Mengikuti (Participant) daripada gaya pembelajaran yang lain ( $p<0.003$ ). kesimpulannya, walaupun kebiasaan pelajar psikoterapi Turki ialah Bergabung (Collaborative) tetapi gaya pembelajaran Mengikuti (Participant) lebih tinggi prestasi pembelajarannya. Jika strategi pengajaran ini mengalakkan lebih gaya pembelajaran Mengikuti (Participant) di kalangan pelajar, ini mungkin meningkatkan lahi prestasi akademik pelajar psikoterapi Turki.

Seterusnya kajian dalam negara. Melalui kajian oleh Nurul Farahana Mazlan bte Jamian (2012, Julai) yang bertajuk Kecenderungan Gaya Pembelajaran Model Dunn & DUNN dan Model Honey & Mumford di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda FPTP di UTHM. Kajian ini menggunakan seramai 295 orang responen di kalangan pelajar program Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan di Universiti Tunku Hussein Onn Malaysia. Hasil kajian mendapati kategori Persekutaran adalah gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh responden diikuti Kategori Teoris, Aktivis, Reflektif, Pragmatis, Psikologikal, Fizikal, Sosiologikal dan Emosional. Tahap kecenderungan pelajar lebih tinggi bagi Model Honey dan Mumford ( $Min=3.95$ ) berbanding Model Dunn dan Dunn ( $Min=3.71$ ).

Persekutaran, Sosiologikal, Psikologikal, Fizikal, Aktivis, dan Reflektif menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina pelajar dan indikator gaya pembelajaran Emosional, Psikologikal, Aktivis, Reflektif, Teoris dan Pragmatis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan kelayakan kemasukan pelajar.

Antara objektif kajian ialah:

1. Untuk mengkaji hubungan antara gaya pembelajaran dan tekanan di kalangan pelajar KKT, Melaka.
2. Untuk melihat perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan bidang pengajian dalam kalangan pelajar KKT, Melaka.

## **2.0 METODOLOGI**

### **2.1 REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini adalah lebih berbentuk kuantitatif yang menggunakan reka bentuk tinjauan (survey). Tinjauan menjadi suatu kaedah yang mudah, iaitu sampel diberikan alat untuk dipenuhi dengan maklumat, kemudian maklumat tersebut diproses mengikut kaedah yang telah dirancang oleh penyelidik. Populasi kajian adalah merupakan pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA Masjid Tanah (KKT), Melaka.

### **2.2. POPULASI**

Terdapat 500 pelajar KKT dari pelbagai bidang pengajian secara keseluruhannya.

### **2.2 SAMPEL KAJIAN**

Sampel kajian bagi kajian ini ialah seramai 217 responden dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970).

### **2.3 INSTRUMEN KAJIAN**

Jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini dalam mendapatkan maklumat dan data adalah melalui soal selidik. Penyelidik telah menyediakan satu set soal selidik yang mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A mengandungi empat item yang berkaitan dengan latar belakang responden. Soalan-soalanya merangkumi jantina, umur, semester pengajian dan bidang pengajian. Bahagian B pula mempunyai 45 item memngenai gaya pembelajaran iaitu menggunakan *Learning Style Questionnaire Dunn & Dunn Inventory*. Manakala, bahagian C mempunyai 51 soalan yang menggunakan *Student Life Stress Inventory*.

## **3.0 DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu dapatan kajian deskriptif dan dapatan kajian inferensi.

### **Keputusan Deskriptif**

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut demografi. Hasil kajian mendapati bahawa responden lelaki lebih ramai daripada responden perempuan iaitu seramai 161 responden lelaki (74.2%) berbanding 56 orang responden perempuan (25.8%). Manakala, bagi taburang bidang pengajian, seramai 103 responden (47.5%) untuk DTKA, 53 orang responden (24.4%) untuk DTKPPK, 44 orang responden (20.3%) untuk DTKPS, 11 orang responden (5.1%) untuk DTKPP dan yang paling minimum atau sedikit ialah 6 orang responden (2.8%) bagi DIPKA.

Hasil taburan demografi responden mengikut jantina menunjukkan bahawa responden lelaki kebih ramai berbanding perempuan. Hal ini kerana kebanyakkan pelajar KKT terdiri daripada kalangan pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Bagi taburan demografi bidang pengajian pula, jumlah responden tertinggi ialah seramai 103 orang bagi DTKA. Jumlah responden yang paling sedikit ialah seramai 6 orang bagi DIPKA.

Jadual 1: Taburan Demografi

Demografi	N	Peratus
Jantina		
Lelaki	161	74.2
Perempuan	56	25.8
<hr/>		
Bidang Pengajian		
DTKA	103	47.5
DTKPPK	53	24.4
DTKPS	44	20.3
DTKPP	11	5.1
DIPKA	6	2.8
$\Sigma$	217	100

### **Analisis Kebolehpercayaan Alat Ujian Yang Digunakan**

#### **Bahagian B: *Learning Style Questionnaire Dunn & Dunn Inventory (LSQ)***

Analisis kebolehpercayaan bagi soal selidik yang digunakan pada bahagian B iaitu *Learning Style Questionnaire Dunn Inventory* iatu untuk mengkaji gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar KKT. Nilai kebolehpercayaan ini adalah rendah daripada kajian yang dilakukan oleh Siti Noor Faizah binti Norshahedi (2016) iatu  $\alpha = .83$ . Oleh itu, alat ujian ini boleh diterima pakai untuk kajian pada masa akan datang kerana mempunyai kebolehpercayaan yang sangat tinggi.

#### **Bahagian C: *Student Life-Stress Inventory (SLSI)***

Analisis kebolehpercayaan bagi soal selidik yang digunakan pada bahagian C ialah *Student Life-Stress Inventory* iatu untuk mengkaji tekanan yang dialami oleh pelajar KKT. Nilai kebolehpercayaan untuk soal selidik ini ialah .730. Menurut Sidek Mohd. Noah dalam Noraini Abdol Raop (2015), sesuatu ujian atau alat ukuran itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperoleh oleh individu yang sama dan menjawab ujian yang sama, pada masa yang berbeza. Oleh yang demikian, alat ujian ini boleh diterima untuk kajian pada masa akan datang kerana selari dengan apa yang dikemukakan oleh beliau.

#### **Keputusan Inferensi**

Analisis Inferensi digunakan oleh pengkaji ke atas data yang diperoleh berkaitan dengan penerimaan atau penolakan hipotesis. Kaedah Korelasi Pearson dan Anova digunakan bagi mengkaji hubungan dan perbezaan.

**Hipotesis 1: Tidak terdapat hubungan signifikan antara gaya pembelajaran dan tekanan pelajar.**

Jadual 2: Pekali Korelasi Pearson bagi hubungan antara gaya pembelajaran dengan tekanan pelajar.

Pembelajaran	Korelasi Pearson	Tekanan
Gaya Pembelajaran		-.174*
	Signifikan	.010
	N	217
148.75	min	61.12

k<.05

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa nilai korelasi antara gaya pembelajaran dengan tekanan. Min bagi gaya pembelajaran adalah 61.12, manakala min bagi tekanan ialah 148.75. Selain itu nilai korelasi Pearson bagi gaya pembelajaran dan tekanan adalah -.174 ( $r = -.174$ ) dan nilai ini adalah signifikan kerana signifikannya adalah .010 dan ianya lebih kecil dari aras keyakinan .05. Oleh itu, hipotesis adalah ditolak, kerana terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan tekanan [ $r = -.174$ ,  $k < .05$ ].

**Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran berdasarkan bidang pengajian pelajar.**

Jadual 3: Analisis Anova bagi perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan bidang pengajian pelajar

	Bidang Pengajian	Dk	F	Sig.
Gaya Pembelajaran	Antara Kumpulan	27.406	4	.464
	Dalam Kumpulan	3130.235	212	.762

P> .05

Hasil dalam jadual Anova di atas menunjukkan perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan bidang pengajian responden. Keputusan menunjukkan bahawa nilai statistic ialah .464 dengan nilai signifikan yang diperoleh adalah sebanyak .762. Nilai ini melebihi aras signifikan iaitu .05. Ini menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan antara gaya pembelajaran bersasarkan bidang pengajian. [ $F (2,56) = .464$ ,  $k>.05$ ]. Hipotesis diterima.

#### 4.0 PERBINCANGAN

Bagi hipotesis pertama, keputusan menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara gaya pembelajaran dan tekanan pelajar. Kajian ini disokong oleh kajian oleh Nurul Afidah binti Mohd Sebry (2012), dimana kajian ini menyatakan, gaya pembelajaran mempunyai hubungan yang boleh menyebabkan tekanan di kalangan pelajar. Ini bermakna, gaya pembelajaran yang kurang sesuai diamalkan boleh menyebabkan seseorang pelajar boleh alami tekanan.

Bagi hipotesis kedua, keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara gaya pembelajaran dengan bidang pengajian pelajar. Kajian ini disokong oleh Felder (1996), menyatakan bahawa setiap bidang pengajian pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang sama. Pelajar boleh menerima maklumat dalam bentuk fakta, data dan algoritma. Selain itu, ada yang lebih kepada visual seperti gambar dan lain-lain.

## **5.0 KESIMPULAN**

Pemilihan gaya pembelajaran yang sesuai adalah penting bagi seseorang pelajar untuk memastikan keselesaan dan penerimaan maklumat yang dipelajari secara menyeluruh. Ini kerana mengetahui dan menguasai ilmu merupakan suatu kemahiran yang perlu ada dalam diri semua pelajar kerana pelajar merupakan aset penting untuk pembangunan negara pada masa akan datang. Oleh disebabkan itu, pelajar haruslah mengenali dan mengetahui gaya pembelajaran yang sesuai dan efektif untuk diri mereka. Oleh itu, gaya pembelajaran memberi impak kepada tekanan pelajar. Ini kerana jika seseorang pelajar itu gagal untuk mengenali gaya pembelajaran tersendiri, ini akan memberi kesan kepada perolehan maklumat dan mengurangkan keberkesanan gaya pembelajaran mereka. Namun begitu, perbezaan bidang pengajian tidak mengkhususkan atau memilih secara dominan satu jenis gaya pembelajaran sahaja. Ini kerana setiap pelajar itu berbeza walaupun berada dalam satu bidang pengajian yang sama.

## **RUJUKAN**

- Campbell, R.L., & Svenson, L.W. (1992). Perceived level of stress among university undergraduate students in Edmonton, Canada. *Perceptual & Motor Skills*. 75, 552-554.
- Dunn, R. & Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*. Reston. Virginia: Reston Publishing.
- Dunn, R. & Stevenson, J. (1997). Teaching Diverse College Students to Study within a Learning-Styles Prescription. *College Student Journal*, 31(3): 333 – 339
- Felder, R.M. & Henriques, E.R. (1995) Learning and teaching styles in foreign and second language education. *Foreign Language Annals*. In Azlinda Abdul Aziz.
- (Ed). Learning style adopted by students in learning English as a second language. (pp. 1-91). *Unpublished master thesis*, Universiti Teknologi Mara, Kuala Lumpur.
- Felder, R. M. (1996). *Matter of Style*. ASEE Prism, 6, 18-23. Dimuat turun daripada:  
<http://www4.ncsu.edu/unity/lockers/users/f/felder/public/papers/LS-Prism.htm>.
- Jamian, N. (Julai, 2012). *Kecenderungan Gaya Pembelajaran Model Dunn & DUNN dan Model Honey & Mumford di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda FPTP di UTHM*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga, (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raop, N. (2015). *Ujian Dan Pengukuran Dalam Psikologi*. Fakulti Sains Sosial: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Sebry, N. (2010). *Tahap Dan Punca Tekanan dalam kalangan Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.

# **HUBUNGAN ANTARA JENIS KOMUNIKASI IBU BAPA DENGAN TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 5 DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN HAJI ABDUL MALEK, MELAKA**

**Nurul Huda Binti Ali, Siti Haziqah Binti Shaban**  
Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)  
[nurulhuda1512.nh@gmail.com](mailto:nurulhuda1512.nh@gmail.com)

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmanakah jenis komunikasi ibu bapa mempengaruhi tingkah laku devian dalam kalangan pelajar tingkatan lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek di Negeri Melaka. Sampel kajian terdiri daripada 122 pelajar yang berusia 17 tahun yang dipilih secara persampelan bertujuan. Insturmen kajian yang digunakan ialah *Resived Family Comunication Pattern (RFCP)* diasaskan oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1990) yang mempunyai nilai kebolehpercayaan 0.744 dan *Delinquency Scale* diasaskan oleh Junger (1997) yang mempunyai nilai kebolehpercayaan 0.856. Analisis deskriptif akan digunakan untuk menganalisis demografi responden manakala analisis inferensi untuk menganalisis mengenai korelasi Pearson dan ujian T-test. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jenis komunikasi ibu bapa dengan tingkah laku devian di kalangan pelajar tingkatan lima di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka ( $r = -.156$ ,  $k > .05$ ). Bagi hasil kajian ujian T-test pula, terdapat perbezaan di antara tingkah laku remaja dengan jantina di kalangan pelajar tingkatan lima di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka ( $t(120) = 3.236$ ,  $k < .05$ ).

Kata kunci: Jenis Komunikasi Ibu Bapa, Tingkah Laku Devian, Jantina

## **ABSTRACT**

This study aimed to identify the extent to which parents' communication influences devian behavior among elementary students at Tun Haji Abdul Malek Secondary School in Malacca. The study sample consisted of 122 17-year-old students who were randomly selected. The research institutes used were the Resived Family Comunication Pattern (RFCP) based on Ritchie and Fitzpatrick (1990) with a reliability value of 0.744 and the Delinquency Scale based on Junger (1997) with a reliability value of 0.856. Descriptive analysis will be used to analyze respondents' demographics while inference analysis to analyze Pearson correlation and T-test. The results of this study showed that there was no significant relationship between the type of parent communication and devotional behavior among the fifth-graders at SMK Tun Haji Abdul Malek, Malacca ( $r = -.156$ ,  $k > .05$ ). According to the results of the T-test, there was a significant difference in adolescent behavior and gender among fifth graders at SMK Tun Haji Abdul Malek, Malacca ( $t(120) = 3.236$ ,  $k < .002$ ).

Keyword: Parent Communication, Devian Behavior, Gender

## **1.0 PENGENALAN**

Pada era modenisasi, terdapat pelbagai gejala berhubung dengan disiplin yang melanda di Negara kita, terutama di kalangan remaja. Pelbagai kajian dilakukan bagi untuk mengenalpasti punca atau faktor yang menyebabkan kepada peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Kebiasaannya budaya merokok, ponteng sekolah, tidak menghormati guru, bergaduh sesama sendiri dan vandalisme melibatkan remaja di sekolah. Hal ini menyebabkan remaja tanpa segan silu melakukan gejala seperti ini walaupun dalam berpakaian seragam sekolah. Bukan sekadar itu, mereka juga terlibat dengan gejala gangsterisme, pembuangan bayi dan seks bebas. Tambahan lagi, ada

segelintir remaja berani melakukan jenayah berat seperti membunuh, merogol, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh pensyarah-pensyarah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai profil tingkah laku remaja berisiko mengambil dadah. Keputusan dari kajian tersebut menunjukkan bahawa profil tingkah laku remaja berisiko mengambil dadah mengandungi 6 jenis tingkah laku iaitu melihat kawan menyalahguna dadah, merokok, menghidu gam, mengambil bahan khayal, bergaul dengan kawan menghisap gam dan minum air ketum. Hasil dari keputusan tersebut, terdapat beberapa implikasi dan cadangan yang dikemukakan untuk mengatasi masalah remaja dalam menyalahguna dadah (Jurnal Antidadah Malaysia, 2015). Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik untuk mencorak tingkah laku anak-anak yang memberi kesan ke atas pembentukan personaliti, motivasi dan pencapaian akademik. Namun begitu, menjadi faktor kepada salah laku anak-anak adalah nilai kekeluargaan yang semakin pudar dan rapuh.

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti jenis komunikasi yang digunakan sehingga dapat melahirkan satu tingkah laku positif atau negatif oleh remaja pada masa kini. Ibu bapa yang bersikap positif akan cenderung menggunakan bentuk komunikasi yang baik dan berkesan terhadap anak-anak. Menurut Barnes dan Olson (1985), dalam kajiannya yang menunjukkan komunikasi di antara ibu bapa dan anak adalah baik, hubungan keluarga menjadi rapat, akan wujud kasih sayang dan memudahkan urusan dalam menyelesaikan masalah (penulisan Che Hasniza Che Noh dan Fatimah Yussof, 2011).

Selain itu, kurangnya komunikasi antara ibu bapa dengan anak-anak akan mengakibatkan remaja bertingkah laku devian. Menurut Conger dan Peterson (1984) mendapati keluarga yang bermasalah menunjukkan berlakunya gangguan komunikasi dan ini akan menyebabkan remaja mengalami masalah mental yang serius (penulisan Che Hasniza Che Noh dan Fatimah Yussof, 2011). Kegagalan komunikasi ibu bapa yang baik menyebabkan remaja lebih menjurus kepada rakan sebaya atau pihak luar untuk melakukan sesuatu perkara. Hal ini akan menyebabkan hubungan ibu bapa dengan anak-anak akan renggang. Hal ini demikian, kajian ini cuba memfokuskan kepada sejauhmana komunikasi ibu bapa mempengaruhi tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Komunikasi keluarga boleh memberi pengaruh yang berbeza terhadap tingkah laku dan psikologi remaja (Koerner dan Fitzpatrick, 2002).

Kajian ini dilakukan untuk membantu pelbagai pihak seperti guru, sekolah dan pelajar itu sendiri. Dengan itu, kajian ini memberi manfaat yang besar kepada ibu bapa juga kerana mereka paling dekat dan boleh dedikasikan ketika berada di rumah. Kajian yang dijalankan oleh Kruttschnitt (1998) berkaitan dengan tingkah laku devian remaja, beliau menjelaskan bahawa hubungan kekeluargaan mempunyai kesan yang ketara dalam pembentukan personaliti individu (Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan, 2006). Menurut Siti Mahidda Binti Mahadi (2017), hasil kajian yang dilakukan menerangkan jenis komunikasi ibu bapa terhadap tingkah laku devian remaja tidak terdapat hubungan yang signifikan. Kajian yang dijalankan oleh Ali Hafizar Mohamad Rawi, Norida Abdullah dan Siti Nurul Suhada Shamshul Al Kamal (2017) berkaitan dengan hubungan antara jenis komunikasi dan gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku devian remaja. Kajian ini bertujuan melihat sejauhmana komunikasi ibu bapa dan gaya keibubapaan mempengaruhi tingkah laku devian dalam kalangan remaja yang pernah terlibat jenayah.

Seterusnya, menurut Aziyah Abu Bakar (2015), beliau mengkaji mengenai komunikasi keluarga dan pengurusan konflik dari persepektif remaja melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa strategi konflik yang diamalkan oleh remaja mempunyai potensi untuk mengekalkan keharmonian dalam hubungan ibu bapa dan anak. Menurut Nor Af'ida Binti Rameli (2014), beliau mengkaji mengenai pengaruh persekitaran dan perumahan terhadap tingkah laku remaja di Ampang Jaya, Selangor. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan antara persekitaran perumahan dengan tingkah laku devian remaja di perumahan pangsa kos rendah.

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

- 2.1 Mengenal pasti hubungan yang signifikan di antara jenis komunikasi ibu bapa terhadap tingkah laku devian pelajar tingkatan Lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek.
- 2.2 Mengkaji perbezaan yang signifikan di antara tingkah laku devian dengan jantina terhadap pelajar tingkatan Lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek.

## **3.0 METODOLOGI**

### **3.1 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai alat ujian serta berbentuk tinjauan. Kaedah tinjauan dan teknik bertujuan digunakan untuk mengambil data berdasarkan alat ujian digunakan.

### **3.2 Alat Kajian**

Terdapat dua alat ujian yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya adalah *Revised Family Communication Pattern (RFCP)* dan *Delinquency Scale*. Dalam soal selidik ini mempunyai 3 bahagian iaitu

- 3.2.1 Bahagian A: Latar Belakang Responden
- 3.2.2 Bahagian B: Soal Selidik *Revised Family Communication Pattern (RFCP)*
- 3.2.3 Bahagian C: Soal Selidik *Delinquency Scale*

### **3.3 Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi responden yang digunakan seramai 190 orang pelajar tingkatan Lima. Sampel kajian yang diambil seramai 122 orang pelajar tingkatan Lima.

### **3.4 Lokasi Kajian**

Kawasan kajian yang pengkaji pilih ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek, Melaka.

## **4.0 DAPATAN KAJIAN**

### **4.1 Kebolehpercayaan**

- 4.1.1 Kebolehpercayaan bagi soal selidik *Resived Family Communication Pattern (RFCP)* ialah 0.744
- 4.1.2 Kebolehpercayaan bagi soal selidik *Delinquency Scale* ialah 0.856

### **4.2 Keputusan Deskriptif**

Taburan data di dalam jadual 4.1 di bawah menunjukkan bahawa pelajar lelaki mempunyai kekerapan seramai 74 orang manakala pelajar perempuan mempunyai 48 orang. Peratusan bagi pelajar lelaki adalah 60.7%, pelajar perempuan pula menunjukkan 39.3%. Hal ini menunjukkan terdapat perbezaan di antara kedua-dua jantina lelaki dan perempuan. Secara keseluruhannya, kekerapan yang paling tertinggi di sekolah tersebut adalah pelajar berbangsa Melayu dengan jumlah 93 orang iaitu sebanyak 76.2%. Manakala bagi pelajar berbangsa Cina pula seramai 20 orang dan pelajar India seramai 9 orang. Hal ini menunjukkan, masing-masing mempunyai peratusan iaitu 16.4% dan 7.4%.

Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina dan Bangsa

	<b>Demografi</b>	<b>Kekerapan (N)</b>	<b>Peratus %</b>
<b>Jantina</b>	Lelaki	74	60.7
	Perempuan	48	39.3
<b>Bangsa</b>	Melayu	93	76.2
	Cina		
	India	20	16.4
		9	7.4
<b>4.3 Jumlah</b>		<b>122</b>	<b>100</b>

### 4.3 Keputusan Inferensi

Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai pekali korelasi adalah ( $r = -.156$ ) manakala aras signifikan kajian ialah .087 yang diuji pada aras keyakinan 0.05. Hal ini mendapat bahawa nilai pekali lebih besar daripada aras keyakinan ( $k>0.05$ ). Oleh itu, tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jenis komunikasi ibu bapa dengan tingkah laku devian [ $r = -.156$ ,  $k>0.05$ ]. Maka hipotesis yang dibina adalah ditolak kerana tidak terdapat hubungan di antara jenis komunikasi ibu bapa dengan tingkah laku devian di kalangan pelajar tingkatan Lima di SMK Tun Haji Abdul Malek.

Jadual 4.3: Pekali Korelasi Pearson bagi Jenis Komunikasi Ibu Bapa dengan Tingkah Laku Devian Remaja

<b>Pembolehubah</b>	<b>Tingkah Laku Devian</b>
<b>Jensi Komunikasi Ibu Bapa</b>	<b>-.156</b>
$k >0.05$	

Analisis Ujian t pada jadual 4.4 menunjukkan skor min perbezaan signifikan antara tingkah laku devian remaja berdasarkan jantina lelaki iaitu 65.85 manakala perempuan pula ialah 55.56. Keputusan menunjukkan bahawa nilai t bagi keperbezaan di antara tingkah laku devian berdasarkan jantina lelaki dan perempuan ialah 3.236. Nilai dk adalah 120 manakala nilai signifikannya sebanyak .002. Hal ini menunjukkan nilai ini lebih kecil daripada aras keyakinan ( $k<0.05$ ). Oleh itu, kajian ini mendapat bahawa terdapat perbezaan di antara tingkah laku devian remaja berdasarkan jantina lelaki dan perempuan iaitu [ $t (120) = 3.236$ ,  $k<.05$ ]. Maka hipotesis yang dibina adalah diterima kerana terdapat perbezaan yang signifikan di antara tingkah laku devian berdasarkan jantina lelaki dan perempuan.

Jadual 4.4: Pekali Ujian t bagi Perbezaan Tingkah Laku Devian Remaja berdasarkan Jantina

<b>Pembolehubah</b>	<b>Jantina</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>Std.Deviation</b>	<b>t</b>	<b>dk</b>	<b>Sig</b>
<b>TingkahLaku</b>	L	74	65.85	21.58	3.236	120	.002
<b>Devian</b>	P	48	55.56	13.52			
$k<0.05$							

## **5 PERBINCANGAN KEPUTUSAN KAJIAN**

Dalam bahagian ini membincangkan mengenai keputusan kajian yang diperolehi sepanjang kajian telah dijalankan. Di samping itu, pengkaji juga turut menyatakan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu sebagai sokongan kepada hipotesis tersebut. Namun begitu, terdapat kekangan dalam menganalisis data kerana ada sesetengah pelajar tidak menjawab soal selidik dengan jujur. Kebanyakan pelajar cina sukar memberi kerjasama dalam pengedaran soal selidik dijalankan.

Keputusan bagi analisis jenis komunikasi ibu bapa dengan tingkah laku devian menunjukkan nilai pekali korelasi ialah [ $r = .156$ ,  $k>0.05$ ]. Oleh itu, hipotesis yang dibina oleh pengkaji ditolak kerana tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jenis komunikasi dengan tingkah laku devian remaja. Hal ini menunjukkan bahawa komunikasi ibu bapa dengan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek mengamalkan bentuk komunikasi yang positif dan berada di tahap yang baik. Oleh itu, hipotesis yang dibina bertentangan dengan kajian lepas, dijalankan oleh Siti Mahidda Binti Mahadi (2017). Kajian tersebut menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara jenis komunikasi ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.

Selain itu, keputusan bagi keperbezaan di antara tingkah laku devian remaja berdasarkan jantina yang menunjukkan nilai  $t$  ialah 3.236. Hal ini telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan diantara tingkah laku devian berdasarkan jantina iaitu [ $t (21.58) = 3.236$ ,  $k<0.05$ ]. Maka hipotesis tersebut diterima kerana lelaki lebih cenderung untuk bertingkah laku devian berbanding perempuan. Kenyataan ini di sokong oleh Badrulzaman Bin Baharom (2006), hasil daripada kajian pengkaji bahawa pelajar lelaki lebih ramai terlibat dengan tingkah laku devian. Kajian ini juga disokong oleh Gold dan Reimer (1975) iaitu pengkaji mengkaji ke atas 1395 pelajar berusia antara 11 hingga 18 tahun mendapati bahawa tingkah laku devian lebih banyak dilakukan oleh pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan.

## **6 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya bahagian ini menerangkan keseluruhan hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Terdapat keputusan yang berbeza dengan kajian lepas. Peratus pelajar SMK Tun Haji Abdul Malek yang terlibat dengan tingkah laku devian secara keseluruhannya berada dalam tahap kesederhanaan. Kebanyakan pelajar terlibat dengan aktiviti ponteng sekolah, ponteng kelas, melepak dan datang lewat. Bagi kes-kes yang lebih berat seperti merokok, penyalahguna dadah, mencabul kehormatan dan sebagainya menunjukkan peratusan yang sedikit. Oleh itu, ibu bapa perlu mengeratkan lagi hubungan dengan anak-anak supaya tidak wujud tingkah laku yang negatif dalam diri anak-anak. Pihak sekolah atau guru juga memberi dorongan, didikan atau kawalan kepada pelajar yang masih mempunyai masalah disiplin.

## **RUJUKAN**

- Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin, Hashim Hassan (2006). Krisis dan Konflik Institusi Keluarga. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Ali Hafizar Mohamad Rawi, Norida Abdullah, Siti Nurul Suhada Shamshul Al Kamal (2017). Hubungan Antara Jenis Komunikasi Dan Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja: Kajian Literatur. (Universiti Teknikal Malaysia Melaka). Jurnal Human Capital Development, 10(1).
- Aziyah Abu Bakar (2015). Pola Komunikasi Keluarga Dan Pengurusan Konflik: Dari persepektif Remaja Melayu (Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur). Jurnal PENGAJIAN MEDIA MALAYSIA, 17(1), 11-28.
- Badrulzaman Bin Baharom (2006). Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Di Daerah Pontian, Johor. Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Che Hasniza. C. N, Fatimah. Y (2011). Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu Di Terengganu (Universiti Kebangsaan Malaysia). *Jurnal HADHARI*, 3(2), 45-62.

Nor Af'ida Binti Rameli (2014). Pengaruh Persekutaran Keluarga dan Perumahan Terhadap Tingkah Laku Remaja Di Ampang, Selangor. Ijazah Sarjana Sains, Universiti Putra Malaysia.

Siti Mahidda Binti Mahadi (2017). Hubungan Jenis Ibu Bapa Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad Arshad, Batu Aman Segamat, Johor. Ijazah Sarjana Muda Psikologi. Kolej Universiti Islam Melaka.

Mohammad Nasir Bistaman, Aslina Ahmad, Amelia Mohd Noor, Ahmad Jazimin Jusoh, Mohd Bazlan Mustafa, noraini Ismail, Samsiah Mohd Jais, Faizura Rohaizah, Mohd Noor Idris (2015). Profil Tingkah Laku Remaja Berisiko Mengambil Dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 9(1), 2231-9387.

# **MENGKAJI HUBUNGAN DI ANTARA MOTIVASI DENGAN PENGHARGAAN KENDIRI DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SRI MEDAN**

**Muhammad Adib Haikal Norjayadi & Puan Siti Haziqah Shaban**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

## **ABSTRAK**

Kepentingan motivasi dan penghargaan kendiri dalam kalangan pelajar amatlah perlu dititikberatkan, hal ini kerana kedua-dua elemen ini menjadi pendorong kepada jiwa pelajar supaya lebih bersemangat dalam menjalani kehidupan. Secara umumnya, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tentang motivasi dan penghargaan kendiri pelajar. Kajian ini merupakan suatu kajian tinjauan yang dilaksanakan terhadap 148 murid tingkatan empat yang terdiri daripada 79 murid pelajar perempuan dan 69 pelajar lelaki dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Medan, Batu Pahat, Johor. Data kajian yang telah diedarkan kepada responden dianalisis secara kuantitatif. Borang soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian demografi, bahagian B terdiri daripada inventori *Student Work Preference (SWPI)* yang terdiri daripada 30 item soalan, manakala bahagian C merupakan soalan *Rosenberg self-esteem* yang terdiri daripada 10 soalan. Hasil kajian mendapat terdapat hubungan yang signifikan diantara motivasi dengan penghargaan kendiri [ $r=.390$ ,  $k<.05$ ]. Bagi hasil kajian ujian T-test pula, tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara motivasi dengan jantina di kalangan pelajar tingkatan empat SMK Seri Medan [ $t (146)=1.120$ ,  $k>.05$ ].

Kata Kunci : Motivasi, penghargaan kendiri, pelajar.

## **ABSTRACT**

Motivation and self-esteem need to be emphasis among the student, both element been the proponents to students for gain more positive vibes in life. Generally, the purpose of this research is to study the motivation and self-esteem among students. Respondent in this study is about 148 student form four which is 69 from male students and 79 female students from Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Medan, Batu Pahat, Johor. The survey data that was distributed to the respondents were using quantitative analyze. The questionnaire consisted of three sections, include demographic section, section B inventory *Student Work Preference (SWPI)* dan sectIon C *Rosenberg self-esteem inventory*. The results show that there is a significant relationship between motivation and self-esteem [ $r=.390$ ,  $k<.05$ ]. For the result of T-test, there is no significant relationship between motivation and genders amongs Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Medan students [ $t (146)=1.120$ ,  $k>.05$ ].

Keywords : Motivation, self-esteem, students.

## **1.0 PENGENALAN**

Penghargaan kendiri merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia yang perlu dicapai, hal ini kerana penghargaan kendiri merupakan kayu ukur dalam menilai kesempurnaan diri. Menurut Azizi Hj Yahya dan Rakan-rakan (2005) penghargaan kendiri merupakan orientasi positif atau negatif terhadap individu dan merupakan satu penilaian keseluruhan terhadap taksir dan nilai diri. Manakala, motivasi pula merupakan elemen yang penting bagi individu untuk meneruskan kehidupan atau menegakkan pendirian, ia juga sebagai pendorong kepada individu untuk mencapai sesuatu. Maka motivasi ini penting dalam mencapai penghargaan kendiri. Menurut Azizi Yahaya (2005) mentakrifkan motivasi sebagai penggerak kepada kemahuhan dan keinginan untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu.

Motivasi sering didengar dan diperkatakan, malah akan menimbulkan keyakinan dalam diri seseorang pelajar itu sendiri kerana motivasi dapat memperbaiki diri dan mencapai kejayaan seseorang dalam pelajaran. Sekaligus, ia dapat membantu pelajar untuk memberi perhatian terhadap tugas dan pembelajaran yang dijalankan oleh tenaga pengajar. Jika seseorang itu memiliki motivasi yang positif secara tidak langsung pemikiran dan tingkah lakunya akan turut selari dengan kehendaknya. Motivasi menyediakan ruang dan peluang kepada seseorang untuk mengawal persepsinya (Azizi Yahaya, 2005).

Dalam konteks pendidikan, konsep penghargaan kendiri perlu dititik beratkan dan pelajar perlu didedahkan dengan aspek penghargaan kendiri supaya mereka menjadi masyarakat yang mampu bersaing dengan pelbagai aspek kehidupan. Penting bagi semua guru termasuk ibu bapa memahami pembentukan, pendedahan, pengekalan dan pengurangan penghargaan kendiri dalam diri anak-anak. Perkembangan penghargaan kendiri memainkan peranan penting dalam membantu perubahan penghargaan kendiri mengikut umur. Pendidik dan ibu bapa perlu tahu cara untuk berkomunikasi dan membina penghargaan kendiri dalam diri anak-anak tidak kira apa jenis kebolehan anak-anak tersebut. Untuk menuntun pemikiran anak-anak ke arah yang betul, guru juga harus berperanan melatih mereka menghormati individu lain dan bukan dipengaruhi oleh tekanan rakan sebaya atau media masa.

Khalid, Abdul Rahman (2013) dalam kajian yang bertujuan untuk melihat keberkesanan model kaunseling kelompok berstruktur terhadap penghargaan kendiri dan motivasi pelajar. Soal selidik yang menggunakan *Self Esteem Inventory* (SEI) dan Ujian Motivasi Pencapaian (SWPI). Kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pendekatan kaunseling kelompok menggunakan modul KKB berkesan dalam meningkatkan tahap penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian pelajar.

Seterusnya, Maisarah, Adyani dan Azlina (2016) turut mengkaji hubungan antara konsep kendiri dan motivasi dengan pencapaian pelajar dalam kursus Makroekonomi. Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A (latar belakang), bahagian B (konsep kendiri akademik), bahagian C (konsep kendiri bukan akademik) dan bahagian D (motivasi pencapaian). Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor konsep kendiri akademik dan bukan akademik berada pada tahap sederhana dengan purata pencapaian skor min adalah 2.91 (SP = 0.68) dan 3.18 (SP = 0.68), masing-masing. Motivasi pelajar juga berada pada tahap sederhana dengan purata pencapaian skor min adalah 2.90 (SP = 0.67).

Marilena Z Leana-Tascilar (2018) melakukan kajian di Universiti Istanbul, Turki. Mengkaji peranan motivasi dan penghargaan kendiri dalam pencapaian akademik pelajar berbakat turki. kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara komponen penghargaan kendiri dan motivasi dan untuk menilai yang manakah ramalan pencapaian akademik yang terbaik diantara pelajar berbakat Turki. Kajian penghargaan kendiri adalah menggunakan borang soal selidik *Coopersmith Self-Esteem* dan skala intrinsik lawan ekstrinsik orintasi motivasi telah digunakan untuk menilai komponen motivasi dalam bilik darjah. Hasil kajian ini mendapatkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penghargaan kendiri, motivasi dan pencapaian para pelajar di Universiti Istanbul.

Jelas menunjukkan motivasi dan penghargaan kendiri merupakan elemen yang sangat penting bagi pembentukan diri yang sempurna, oleh itu pihak yang terlibat seperti ibu bapa, guru, sekolah, badan kebajikan perlu menjalankan langkah yang proaktif dalam meningkatkan motivasi pelajar seterusnya menjana penghargaan kendiri para pelajar.

## 2.0 OBJEKTIF KAJIAN

2.1 Mengenalpasti hubungan diantara motivasi dengan penghargaan kendiri dalam kalangan Pelajar tingkatan empat SMK Sri Medan.

2.2 Mengenalpasti perbezaan yang signifikan antara motivasi dengan jantia dalam kalangan pelajar tingkatan empat SMK Seri Medan.

## 3.0 METODOLOGI

### 3.1 Populasi dan sampel kajian

Menggunakan kaedah persampelan *Krejcie* dan *Morgan*, populasi responden yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 250 orang pelajar. Sampel kajian yang diambil adalah seramai 148 orang murid tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Medan.

### 3.2 Reka bentuk kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai alat ujian serta berbentuk kuantitatif. Kaedah tinjauan digunakan untuk mengambil data berdasarkan alat ujian digunakan.

### 3.3 Lokasi kajian

Kawasan kajian yang dipilih pengkaji ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Medan, Batu Pahat, Johor.

### 3.4 Alat kajian

Soal selidik yang diedarkan kepada sampel kajian terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat demografi yang perlu diisi oleh murid tingkatan empat. Seterusnya, bahagian B terdiri daripada soal selidik *Student Work Preference Inventory* (SWPI), terdapat 30 item. Bahagian C merupakan soal selidik *Rosenbreg self-esteem scale* (RES) yang terdiri daripada 10 item. Data dianalisis dengan menggunakan program SPSS versi 22.0.

### 3.5 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan bagi soal selidik *Student Work Preference Inventory* (SWPI) ialah .75. Jelas menunjukkan bahawa kebolehpercayaan bagi inventori ini mempunyai kebarangkalian yang tinggi dan boleh dipercayai. Manakala, kebolehpercayaan bagi soal selidik *Rosenbreg self-esteem scale* (RES) ialah .80. inventori ini mempunyai kesahan yang tinggi dan boleh dipercayai dalam melakukan kajian.

## 4.0 DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Keputusan Deskriptif

Jadual 4.1 menunjukkan taburan demografi yang terdiri daripada jantina, aliran kelas dan pendapatan keluarga

Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan (N)	Peratus %
Lelaki	69	46.6
Perempuan	79	53.4

Pengkaji telah menjalankan kajian keatas 148 orang pelajar lelaki dan perempuan. Bagi demografi jantina ini lelaki terdiri daripada 69 (46.6%) orang pelajar, manakala perempuan pula terdiri daripada 79 (53.4%) orang pelajar.

Jadual 4.2 Taburan Bilangan dan Peratusan Mengikut Tingkatan dan Kelas

Kelas	Frekuensi	Peratus (%)
4 Arif	21	14.2
4 Bestari	19	12.8
4 Cerdik	20	13.5
4 Dedikasi	19	12.8
4 Efisien	25	16.9
4 Fokus	22	14.9
4 Gigih	14	9.5
4 Puma	8	5.4
<b>Jumlah</b>	<b>148</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4.2 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut tingkatan. Seramai 148 orang (100%) responden mewakili Tingkatan 4 yang terdiri daripada 8 kelas. Seramai 21 orang (14.2%) jumlah responden terdiri daripada pelajar 4 Arif. Bagi pelajar daripada 4 Bestari dan 4 Dedikasi masing-masing mencatatkan jumlah 19 orang (12.8%) jumlah responden. 4 Cerdik seramai 20 orang (13.5%). 4 Fokus seramai 22 orang (14.9%). Responden tertinggi dicatatkan daripada pelajar 4 Efisien seramai 25 orang (16.9%). Bagi kelas 4 Gigih seramai 14 orang (9.5%) orang responden manakala 4 Puma mencatatkan nilai responden yang terendah dengan jumlah 8 orang (5.4%).

Jadual 4.3 Taburan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga

Pendapatan keluarga	Frekuensi	Peratus (%)
RM 1500 dan kebawah	87	58.8
RM 1501 – RM 2500	35	23.6
RM 2501 – RM 3500	9	6.1
RM 3501 – RM 4500	5	3.4
RM 4501 dan keatas	12	8.1
<b>Jumlah</b>	<b>148</b>	<b>100</b>

Seterusnya, berdasarkan jadual 4.3, pendapatan keluarga bagi pelajar SMK Sri Medan didominasi oleh pelajar yang mempunyai pendapatan keluarga RM 1500 dan kebawah dengan 87 (58.8%) pelajar, diikuti pelajar yang terdiri daripada keluarga berpendapatan RM 1501- RM 2500 iaitu seramai 35 (23.6%) orang pelajar. Pendapatan keluarga RM 3501- RM 4500 menduduki peratus terendah iaitu seramai 5 (3.4%) orang pelajar sahaja.

#### 4.2 Keputusan Inferensi

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan. Hasil kajian ini adalah berdasarkan kepada skor mentah responden yang diperoleh melalui soal selidik. Data daripada soal selidik yang telah dianalisis menggunakan ujian min dan sisihan piawai melalui program “statistical Package for Social Science” (SPSS) versi 22.0.

Jadual 4.4 : Terdapat Hubungan di antara Motivasi dan Penghargaan Kendiri.

Pemboleh ubah	Penghargaan kendiri
Motivasi	.390
$k < .05$	

Berdasarkan jadual 4.4, hasil kajian mendapati terdapat hubungan diantara motivasi dan penghargaan kendiri. Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai pekali ialah .390 ( $r=.390$ ) dan kebarangkalian adalah .000 yang diuji pada aras keyakinan ( $k<.05$ ). Oleh itu, hasil menunjukkan bahawa motivasi mempunyai hubungan terhadap penghargaan kendiri [ $r=.390, k<.05$ ]. Maka hipotesis yang dibina adalah diterima kerana terdapat hubungan yang signifikan diantara motivasi dengan penghargaan kendiri.

Jadual 4.5 : Tidak terdapat perbezaan antara motivasi dan jantina.

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	Dk	k	Sig.
Lelaki	69	68.6957	8.01525	1.120	146	.265	.795
Perempuan	79	67.2125	8.02827				
$K > .05$							

Analisis ujian t pada jadual 4.5 menunjukkan bahawa nilai t (146) = 1.120 dimana min bagi jantina bagi lelaki 68.6957 lebih tinggi berbanding perempuan iaitu 67.2152. Manakala nilai signifikan ialah .795. Oleh itu, hasil dapatan menunjukkan bahawa nilai t bagi keperbezaan antara motivasi dan jantina lelaki dan perempuan ialah 1.120. Dengan ini, kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan diantara motivasi dengan jantina para pelajar [ $t(146)=1.120, k>.05$ ]. Maka hipotesis yang dibina adalah ditolak kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara motivasi dengan jantina.

## 5.0 PERBINCANGAN KEPUTUSAN KAJIAN

Dalam bahagian ini membincangkan mengenai keputusan kajian yang diperolehi sepanjang kajian telah dijalankan. Di samping itu, pengkaji juga turut menyatakan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu sebagai sokongan terhadap hipotesis tersebut. Dalam keputusan deskriptif, menggunakan skala Krejcie dan Morgan, seramai 148 daripada 250 responden yang telah dipilih terdiri daripada kalangan remaja iaitu pelajar tingkatan empat SMK Seri Medan. Hal ini melibatkan 148 orang pelajar iaitu pelajar lelaki 69 orang manakala pelajar perempuan 79 orang. Bagi mendapat maklumat mengenai responden, pengkaji telah menyediakan borang soal selidik yang terdiri daripada inventori bahagian B terdiri daripada soal selidik *Student Work Preference Inventory* (SWPI), terdapat 30 item. Bahagian C merupakan soal selidik *Rosenbreg self-esteem scale* (RES) yang terdiri daripada 10 item dan diedarkan kepada kesemua responden yang dipilih. Namun begitu, terdapat kekangan dalam menganalisis data kerana ada sesetengah pelajar tidak menjawab soal selidik dengan jujur.

Berdasarkan hasil kajian bagi analisis hubungan antara motivasi dengan penghargaan kendiri yang menunjukkan nilai pekali korelasi ialah [ $r=.390, k>.05$ ]. Oleh itu, keputusan hipotesis yang dibina oleh pengkaji diterima kerana terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi dengan penghargaan kendiri. Hal ini disokong dalam kajian Khalid (2013) dalam kajian yang bertujuan untuk melihat keberkesanan model kaunseling kelompok berstruktur terhadap penghargaan kendiri dan motivasi pelajar. Berdasarkan analisis yang telah dibuat olehnya, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian antara ujian pra dan ujian pos terhadap kelompok rawatan. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pendekatan kaunseling kelompok menggunakan modul KKB berkesan dalam meningkatkan tahap penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian pelajar.

Selain itu, berdasarkan hasil kajian yang telah pengkaji peroleh, jelaslah menunjukkan bahawa nilai t bagi jantina ialah 1.120 . Hasil kajian, mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi dengan jantina [ $t (146)=1.120$ ,  $k>.05$ ]. Maka dapat disimpulkan dalam kajian ini bahawa lelaki mempunyai motivasi yang lebih tinggi berbanding perempuan. Namun, hasil kajian ini bertentangan dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh M. Kaviza (2019), dimana dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan perbezaan motivasi intrinsik iaitu jantina dan aras pencapaian telah memperkenan perbezaan yang signifikan min motivasi intrinsik [ $t (519) = 3.82$ ,  $p=0.00$ ] antara murid lelaki dan perempuan. Hal ini kerana dengan adanya minat dan dorongan dari dalaman, murid tersebut akan sentiasa bermotivasi dan mempunyai keyakinan yang tinggi dalam mempelajari mata pelajaran yang diminati dengan menyelesaikan segala permasalahan dan kesulitan yang telah dihadapi bagi mencapai matlamat pembelajaran yang ingin dicapai (Brophy, 1998; Ayuni Mohamad Bakri & Rohaidah Kamaruddin, 2016).

## 6.0 KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi dengan penghargaan kendiri dalam kalangan pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Medan. Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan motivasi dalam jantina dikalangan pelajar. Jelas menunjukkan bahawa jantina tidak memainkan peranan yang utama dalam motivasi para pelajar. Pengkaji berpandangan bahawa mungkin terdapat faktor-faktor lain yang mampu mempengaruhi motivasi seperti dorongan ibu-bapa, cara pembentukan pelajar dan juga persekitaran. Pengkaji juga berharap agar para penyelidik yang lain dapat mengkaji dan memperluaskan kajian ini dengan menyatukan faktor-faktor lain dalam kajian ini.

## RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Fawziah Yahaya, Zurihanmi Zakariya & Noordin Yahaya (2005). *Pembangunan Kendiri*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Jamaluddin Ramli & Wey May Lin (2015). *Hubungan Antara Tingkah Laku Keibubapaan Dengan Penghargaan Kendiri Di Kalangan Remaja*. Thesis Ph.D Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Zurihanmi Zakaria (2015). *Psikologi Kognitif*. Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Khalid, Abdul Rahman (2013) *Keberkesanan model Kaunseling Kelompok Berstruktur terhadap perhargaan kendiri dan motivasi pelajar*. Masters thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris. <http://ir.upsi.edu.my/2646/1/Keberkesanan%20model%20Kaunseling%20Kelompok%20Berstruktur%20terhadap%20perhargaan%20kendiri%20dan%20motivasi%20pelajar.pdf>
- M. Kaviza (2019) *Motivasi Intrinsik Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat Yang Mengambil Mata Pelajaran Sejarah*. Jurnal Artikel Universiti Utara Malaysia. file:///C:/Users/User/Downloads/875834bfeb0f4aa476fd6806b9d45eac0c83%20(1).pdf
- Maisarah Abu Bakar, Nurul Adyani & Azlina Azmi (2016) Hubungan antara konsep kendiri dan motivasi dengan pencapaian pelajar bagi kursus makroekonomi. Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/PMJSSH/article/view/1277>
- Sevgi Topcu, Marilena Z Leana (2018) The role of motivation and self-esteem in the academic achievement of Turkish gifted students. Jurnal Gifted Education International. <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/0261429416646192>

# **HUBUNGAN PENGHAYATAN AGAMA DENGAN SOKONGAN SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR BADAN BERUNIFORM KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

**Muhammad Yusuf Ibrahim & Siti Aishah Yahya**

Fakulti Sains Sosial,  
Kolej Universiti Islam Melaka  
muhdyusufibrahim@gmail.com

## **ABSTRAK**

Badan beruniform merupakan aktiviti kokurikulum yang terdapat di sekolah mahupun di institut pengajian tinggi. Hal ini untuk pembangunan pelajar dari segi fizikal dan mental mereka kerana dikhuatiri mereka menjadi individu yang pasif. Selain itu, badan beruniform juga dapat membentuk disiplin dalam diri para pelajar. Penghayatan agama yang tinggi dalam diri setiap manusia amat penting untuk menentukan arah tuju kehidupan mereka. Penghayatan agama dan sokongan sosial amat penting dalam diri para pelajar kerana mereka akan menjadi pelapis yang akan mentadbir Negara pada masa hadapan. Kajian ini dijalankan untuk menentukan tahap penghayatan agama keatas sokongan sosial dalam kalangan pelajar badan beruniform di Kolej Universiti Islam Melaka. Penghayatan agama amat penting bagi pelajar kerana menurut Raba (2001), penghayatan agama amat penting dalam kehidupan individu muslim kerana memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti, memberi ketenangan emosi Hasnan Kassan (2002) mananamkan keyakinan diri manusia Qardhawi (1985) serta menurut Hamka (1997) kebahagiaan hidup (Siti Aishah, 2018). Kesimpulannya, penghayatan agama amatlah penting untuk memberi sokongan sosial kepada diri sendiri dan orang lain.

**Kata Kunci:** badan beruniform, sokongan sosial, penghayatan agama.

## **ABSTRACT**

Uniformed bodies are co-curricular activities available in schools and institutes of higher learning. This is for the development of students in terms of their physical and mental because it is feared that they will become passive individuals. In addition, uniformed bodies can also form discipline in students. A high appreciation of religion in every human being is very important to determine the direction of their lives. Appreciation of religion and social support is very important in the students because they will be the backbone who will govern the country in the future. This study was conducted to determine the level of religious appreciation of social support among students of uniformed bodies at the Islamic University College of Melaka. Appreciation of religion is very important for students because according to Raba (2001), appreciation of religion is very important in the life of Muslim individuals because it has a great influence on behavior and personality, give emotional peace Hasnan Kassan (2002) instill human self-confidence Qardhawi (1985) and according Hamka (1997) happiness of life (Siti Aishah, 2018). In conclusion, the appreciation of religion is very important to provide social support to yourself and others.

**Keys:** uniformed bodies, appreciation of religion, social support

## **1.0 PENDAHULUAN**

Badan beruniform diwujudkan di institusi pengajian tinggi kerana para mahasiswa pada masa kini kurang bergiat aktif dalam kurikulum dan hanya fokus pada kurikulum. Hal ini akan dapat mengasah bakat mahasiswa dan dalam masa yang sama dapat mendisiplinkan diri serta menanamkan semangat patriotism dalam diri para mahasiswa. Oleh itu, pelajar juga dapat menambah kemahiran serta pengetahuan yang tidak dapat dipelajari di dalam kelas pada waktu cuti tanpa rasa tertekan di samping mengelakkan pelajar-pelajarnya menghabiskan cuti dengan aktiviti yang tidak berfaedah (Kingston International College, 2007).

Walaubagaimanapun, para mahasiswa yang menyertai badan beruniform seperti Kor Sispa atau Wataniah tidak semestinya mempunyai penghayatan agama dan sokongan sosial yang tinggi. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan terhadap para mahasiswa yang menyertai badan beruniform di Kolej Universiti Islam Melaka untuk mengukur tahap penghayatan agama dan sokongan sosial dalam diri mereka. Penghayatan agama amat penting bagi mahasiswa kerana menurut Raba (2001), penghayatan agama amat penting dalam kehidupan individu muslim kerana memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti, memberi ketenangan emosi Hasnan Kassan (2002) menanamkan keyakinan diri manusia Qardhawi (1985) serta menurut Hamka (1997) kebahagiaan hidup (Siti Aishah, 2018).

Sejarah dengan itu, penyertaan para mahasiswa dalam badan beruniform amatlah penting namun tahap penghayatan agama dan sokongan sosial dalam diri pelajar tersebut patut dititikberatkan supaya mereka mereka stabil bukan sahaja dari sudut jasmani dan mental malah juga dari sudut rohani. Menurut Siti Aishah (2018) penghayatan agama yang tinggi teramatlah diperlukan dalam menjamin kesejahteraan psikologi yang seimbang terhadap pelajar kerana jika kurangnya pengetahuan agama akan membuat jatuhnya sesuatu generasi itu sendiri.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Tidak dapat dinafikan bahawa badan beruniform merupakan aktiviti yang baik untuk para mahasiswa dari aspek kesihatan fizikal dan mental, disiplin serta keayakanan diri. Namun, permasalahan mengenai penghayatan agama seringkali disisihkan. Para pelajar yang merupakan golongan remaja merupakan tonggak dan pewaris kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan negara (Noor Hafizah, 2017). Justeru itu, menyedari bahawa aspek keagamaan merupakan elemen penting untuk mengekang masalah sosial yang lebih rumit, maka penerapan dan pengukuhan agama dalam kalangan anak-anak perlu diberikan perhatian utama. Menurut McCullough dan Willioughbr (2006) untuk mengatur kehidupan dengan lebih tenang, para remaja perlu mempunyai pegangan dan pengetahuan agama yang tinggi.

Para pelajar institusi pengajian yang menyertai badan beruniform merupakan individu dalam lingkungan remaja dan meningkat dewasa. Menurut Nestmeann dan Hurrelmann (1994), remaja memerlukan sokongan sosial daripada ibu bapa, guru, rakan, rakan sekelas dan orang di sekelilingnya untuk membantu mereka menghadapi liku-liku hidup. Sokongan ini mampu memberi perlindungan dan peningkatan kesihatan remaja menerusi psikologikal hidup remaja apabila remaja mengalami gangguan konflik dalam hidup. Malahan mampu memberi peningkatan penghargaan kendiri, nilai dan keyakinan diri serta kesejahteraan dalam hidup. Oleh itu, para pelajar khususnya yang menyertai badan beruniform perlu

mendapat sokongan sosial yang mantap supaya mereka dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik.

Bagi pelajar badan beruniform, kebiasaannya mereka mengetahui tentang kewajipan dalam menjalankan tugas-tugas didalam suruhan agama yang telah ditetapkan. Namun, disebabkan kekangan dan kesibukan belajar serta latihan diwaktu petang dan hujung minggu, mereka menjadi alpa dalam melaksanakan kewajipan tersebut. Perkara ini secara tidak langsung seharusnya dititikberatkan oleh mereka terutamanya bagi yang beragama Islam dalam menghayati penghayatan agama yang sebenar-benarnya perlu dalam kehidupan sehari-hari.

Apabila penghayatan agama berkurangan dalam diri, ia secara tidak langsung memberi kesan kepada sokongan sosial dalam diri para pelajar. Hal ini kerana, dalam setiap agama, terdapat garis-garis panduan yang perlu dilakukan oleh setiap penganutnya. Menurut H. Ibrahim Lubis (1982) orang yang beragama dikaitkan sebagai manusia yang memiliki ketenangan zahir dan batin. Oleh itu, secara tidak langsung, apabila seseorang penganut telah melakukan garis-garis panduan uang telah ditetapkan oleh agama mereka, maka sokongan sosial yang diterima disekelilingnya adalah positif.

### **3.0 DEFINISI OPERASI KONSEP KAJIAN**

#### **3.1 Penghayatan Agama**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, penghayatan agama adalah kata terbitan yang berasal dari kata hayat. Ia menggambarkan perihal atau proses menghayati atau mendalamai, menjawai sesuatu samaada melalui penglihatan, pendengaran, pembacaan dan sebagainya. Melalui menghayatan, seseorang itu dapat merealisasikan sesuatu yang dianggap dalam kehidupan secara individu ataupun masyarakat.

Istilah penghayatan agama atau *religiosity* merujuk kepada gaya hidup beragama atau kehidupan beragama khususnya kepada agama di Barat. Sayid Sabiq (1982) menyatakan bahawa agama mempunyai suatu kekuasaan yang tinggi dalam hati dan jiwa serta memberikan kesan yang mendalam terhadap perasaan. Penghayatan agama amat penting dalam kehidupan individu Muslim kerana memberi ketenangan emosi (Hasan Kassan, 2002), memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personality, memberi kebahagiaan hidup (Hamka 1997) serta menanamkan keyakinan diri manusia (Qardhawi, 1985).

Malah, konsep penghayatan agama merangkumi dimensi akidah, ibadah, akhlak, dan syariah dimana ianya mempunyai kaitan rapat dengan aspek dalaman dan kerohanian. Menurut Imam Al-Ghazali, dari konsep kerohanian, penghayatan agama ialah dalaman seseorang yang melibatkan elemen qalbu, roh, nafs dan aql secara langsung ataupun tidak akan memamerkan peribadi dan tingkah laku luaran dalam bentuk perkataan atau perbuatan (Zulkiple, 2006).

Dalam kajian ini pengkaji mahu melihat sejauhmana hubungan pelajar yang menyertai badan beruniform melalui kehidupan sehari-hari dalam menghayati dan melakukan penghayatan agama dan pengkaji juga ingin melihat sejauhmana sokongan sosial yang diterima oleh pelajar badan beruniform di kolejnya. Penghayatan agama dan sokongan sosial

yang difokuskan dalam kajian ini dilihat secara keseluruhan pengamalan agama dan sokongan sosial dalam kehidupan yang merangkumi semua aspek.

### **3.2 Sokongan Sosial**

Sokongan sosial bermaksud sokongan yang diperolehi oleh masyarakat sekeliling iaitu rakan dan seseorang individu. Mereka ini terdiri daripada golongan yang mempunyai pergaulan rapat dengan individu. Sokongan sosial bermaksud apa sahaja jenis sokongan yang berupaya membantu atau menyokong. Kebiasaannya, sokongan sosial adalah dari segi mental dan emosi kerana adalah lebih baik dapat berkongsi masalah, perasaan atau bebanan dengan seseorang yang boleh dipercayai (Azizi Yahaya & Roslee Ahmad, 2006).


Menurut Sarason dan Levine (1983) sokongan sosial boleh dijadikan sumber utama untuk menghadapi krisis hidup, mengatasi masalah, dan tempat pergantungan untuk mendapatkan kasih sayang. Sokongan sosial boleh diberikan oleh pelbagai pihak seperti ahli keluarga, rakan sekerja, penyelia, dan individu lain yang signifikan kepada individu. Bentuk sokongan yang berbeza memberikan pengaruh yang berbeza atas penerimaan sokongan sosial. Banyak kajian terdahulu yang telah membuktikan individu yang menerima sokongan yang baik, bebas daripada kemurungan dan masalah emosi.

## **4.0 PENDEKATAN TEORI**

### **4.1 Teori Keperluan Abraham Maslow**

Maslow menyifatkan bahawa manusia adalah satu makhluk yang sentiasa berusaha untuk melengkapkan semua keperluan diri dan akhirnya mencapai kesempurnaan. Contohnya, seorang individu yang lapar, ianya bukan sebahagian daripada diri individu tersebut sahaja yang mengalami proses tersebut, sebaliknya keseluruhan diri individu menunjukkan rasa lapar yang dialami, ia bersifat menyeluruh. Beliau menekankan keseluruhan diri individu bergerak, bukan hanya sebahagian darinya sahaja.

Teori Maslow mempunyai kaitan dengan personaliti dan menitikberatkan beberapa andaian yang berkaitan dengan motivasi (Johari Hassan dan Pushavalli Rajoo, 2012). Motivasi lahir dari keperluan yang diperoleh setiap individu. Manakala personaliti merupakan impak abstrak dalam usaha mencapai keperluan tersebut. Maslow menganggap motivasi sebagai sesuatu yang kompleks, dimana tingkahlaku luaran yang diperlihat oleh manusia. Begitu juga anggapan bahawa individu akan terus bermotivasi oleh kerana sesuatu matlamat. Matlamat ini sebagai keperluan yang perlu dipenuhi oleh semua manusia tanpa mengambil kira budaya, pesekitaran, bangsa dan juga perbezaan generasi yang pada dasarnya merujuk kepada umur seseorang itu.



**Rajah 2.1 Hierarki Keperluan Maslow**

Keperluan yang ditunjukkan oleh Maslow boleh dilihat dalam bentuk hierarki diatas. Menurut beliau, keperluan pada tahap yang paling bawah harus dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang individu naik ke keperluan tahap kedua. Dengan kata lain, keperluan pada peringkat kedua tidak akan wujud jika keperluan pada peringkat pertama tidak mencapai tahap kesempurnaan. Maslow juga menyebut terdapat perbezaan di antara keperluan peringkat bawah dengan keperluan di peringkat tinggi (Siti Norliyana Hassan, 2006).

Keperluan fisiologi wujud sebaik sahaja individu lahir ke dunia. Keperluan penghargaan kendiri timbul diperingkat remaja dan dewasa. Manakala, keperluan kesempurnaan kendiri wujud selepas pertengahan umur. Kepuasan memenuhi keperluan pada peringkat tinggi akan membawa erti yang mendalam kepada diri individu tersebut seperti gembira. Keperluan pada peringkat tertinggi iaitu kesempurnaan kendiri dianggap sebagai keperluan pertumbuhan. Keperluan-keperluan pada peringkat rendah adalah keperluan yang semestinya dilalui oleh setiap individu bagi mengekalkan kestabilan. (Fatimah Omar dan Suryati Supardi, 2000).

Tingkat yang paling asas dimulai dengan keperluan fisiologi. Manusia tidak akan mampu untuk meneruskan kehidupan tanpa keperluan-keperluan asas ini. Air, makanan, dan tempat tinggal adalah antara aspek penting yang terkandung dalam tingkat ini.

Tingkat kedua pula ialah keperluan keselamatan. Tahap ini amat penting bagi menjamin kesejahteraan hidup dan kelangsungan hidup dengan baik. Ia termasuklah dalam jagaan masyarakat, kestabilan hidup, bebas dari sebarang ancaman dan risiko yang berbahaya.

Tingkat ketiga ialah keperluan kasih sayang dan kepunyaan. Setiap manusia yang normal memerlukan kasih sayang daripada orang lain dan hubungan dengan manusia lain. Ia tidak terikat dengan kekasih, malah kasih sayang yang diterima daripada ahli keluarga,

sahabat juga diperlukan. Dengan kata lain, manusia tidak akan mampu untuk hidup bersendirian dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Tingkat yang seterusnya ialah keperluan penghargaan kendiri. Sebagai seorang manusia amatlah menginginkan penghargaan, pujian, sanjungan dan juga penghormatan daripada orang sekeliling. Dengan adanya itu, manusia akan berasa lebih dihargai dan rasa dirinya berharga.

Tingkat paling tinggi dalam Hierarki Keperluan Maslow ialah keperluan kesempurnaan kendiri. Tingkat ini memerlukan usaha manusia yang paling maksimum untuk mencapai kesempurnaan kendiri yang ada dalam setiap individu. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa tingkat teratas ini tidak mungkin dapat disempurnakan seandainya tingkat-tingkat lain tidak dapat dipenuhi dengan baik.

#### **4.2 Teori Psikologi Individu**

Teori psikologi individu dikembangkan oleh Alfred Adler, sebagai suatu sistem yang komparatif dalam memahami individu dan dalam kaitannya dengan lingkungan sosial *Individual psychology* atau psikologi individu dikembangkan oleh Alfred Adler dan pengikutnya antara lain adalah Rudolph Dreikurs, Martin Son Tesgard, dan Donal Dinkmeyer.

Adler berpendapat bahawa manusia dimotivasikan dengan dorongan-dorongan sosial. Menurut Adler, manusia pada dasarnya adalah makhluk sosial yang mana mereka menghubungkan dirinya dengan orang lain, ikut sama dalam kegiatan-kegiatan kerjasama sosial, menempatkan kesejahteraan sosial di dalam diri sendiri dan mengembangkan gaya hidup yang mengutamakan orientasi sosial.

Manusia rela melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan atau aktiviti sosial seperti berorganisasi untuk melengkapkan kesejahteraan diri masing-masing. Manusia akan berasa puas dengan melakukan aktiviti sosial seperti membantu mangsa perang, mangsa bencana alam, masyarakat lain yang memerlukan sokongan dan sebagainya. Keperluan-keperluan sosial ini merupakan bawaan sejak lahir, perkembangan diri individu sejak masa kanak-kanak akan sangat menentukan cara individu berperanan dalam lingkungan sosialnya (Hassan Kassan, 2002).

#### **4.3 Aspek Rohani menurut Imam Al-Ghazali**

Kerohanian merujuk kepada perihal rohani, sifat-sifat rohani atau rohaniah atau menurut Bahasa Melayu membawa maksud kejiwaan atau kebatinan. Dari segi pengertian, aspek kerohanian menurut Al-Ghazali menyentuh persoalan dalaman dan kejiwaan manusia yang berkait dengan unsur-unsur seperti nafsu, roh, qalbu dan akal.

Qalbu mempunyai dua makna iaitu qalbu jasmani dan qalbu rohani. Pertama, daging sanubari yang berada di bahagian sisi lambang kiri iaitu daging dengan makna khusus (hati jasmani) yang di dalamnya mempunyai lubang yang mengandungi darah hitam. Maksud yang kedua ialah yang halus, unsur rohani yang dihambarkan kepada Tuhan (ketuhanan), bersifat kerohanian atau latifah yang mempunyai kebergantungan kepada hati jasmani. Latifah merupakan hakikat manusia yang mampu memahami dengan kefahaman maknawi, mengetahui dan dapat merasai ganjaran pahala dan dosa (H.M Arifin, 1977).

Roh mempunyai dua makna. Pertama, jisim yang halus iaitu jirim latif yang mengandungi darah hitam yang bersumberkan dari qalbu jasmani. Darah akan mengalir ke seluruh badan melalui otot dan tulang. Pancaran cahaya kehidupan, rasa, penglihatan, pendengaran, dan bau muncul dari roh ini. Bahkan, roh berfungsi sebagai penggerak kepada seluruh jasmani.

Makna kedua adalah Al-Latifah, pada diri manusia yang juga merupakan salah satu makna qalbu (hati rohani), sesuatu yang halus lahir dari manusia, yang mengetahui dan merasa. Ia merupakan suatu urusan ketuhanan yang menakjubkan, yang melangkaui batasan akal dan kefahaman manusia untuk mengetahui hakikatnya, sebagaimana firman Allah s.a.w dalam surah al-Isra' ayat 85 yang bermaksud:

*"Katakanlah! Ruh itu termasuk dalam Tuhan Ku"*

Nafsu yang mempunyai dua pengertian. Pertama, merangkumi makna desakan marah dan syahwat dalam diri manusia. Perkataan nafsu yang biasa digunakan dalam istilah Tasawwuf merujuk kepada sifat-sifat tercela pada diri manusia, kerana itulah ahli Sufi sering menggesa kearah memerangi hawa nafsu yang dinamakan mujahadah al nafs dan memecahkan syahwat.

Pengertian nafsu yang kedua pula ialah yang halus yang telah dinyatakan iaitu hakikat manusia, diri insan itu sendiri dan zatnya yang boleh disifatkan secara berbeza-beza mengikut situasi. Jika nafsu itu dalam keadaan tenteram di bawah perintah Allah s.a.w dan jauh dari pengaruh dan godaan nafsu syahwat, ia dinamakan diri atau jiwa yang tenang yakni nafsu mutma'innah. Allah berfirman dalam Al-Quran, Surah Al-Fajr, ayat 27-30 yang bermaksud:

*"Wahai nafsu yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan reda dan diredhai.  
Maka, masuklah kamu ke dalam (kalangan) hamba-hambaKu, masuklah kamu akan  
syurgaKu"*

Nafsu yang pertama tidak digambarkan kembalinya kepada Allah s.w.t kerana sifatnya menjauhkan diri dari Allah s.w.t bahkan termasuk dalam pengaruh syaitan. Jika tidak sempurna tahap ketenteramannya tetapi nafsu itu dalam keadaan terdorong dan menahan desakan syahwat, ia dinamakan jiwa yang mencela yakni nafsu lawwamah. Namun, jika ia dalam keadaan tidak memerangi sebaliknya tunduk menuruti kehendak syahwat dan godaan syaitan, ia dinamakan nafsu atau jiwa yang menyuruh atau menurut kepada kejahatan iaitu nafsu al-ammarah.

Selain itu, akal turut membawa maksud yang berbeza. Pertama, bermaksud pengetahuan tentang hakikat sesuatu perkara. Oleh yang demikian, akal sesuai dikaitkan dengan tentang sifat pengetahuan yang tempatnya tersimpan di qalbu. Maksud akal yang kedua ialah sifat mengetahui dan memahami ilmu-ilmu atau pengetahuan, yang berada atau berlaku di qalbu, iaitu hakikat diri manusia yang dinyatakan di dalam Al-Quran dan al-Sunnah dengan lafadz 'al-qalbu'. Ia sebenarnya memberi pengertian unsur pemahaman atau sesuatu yang difahami dalam diri manusia tentang hakikat sesuatu.

Akal turut disebut sebagai hati jasmani yang terletak di dalam dada atas perkara unik antara hati jasmani dan al-latifah yang merupakan hakikat diri manusia, kerana segala pergerakan tubuh manusia dihubungkan dengan cetusan al-latifah melalui pergerakannya

iaitu hati jasmani. Secara analogi, hati jasmani merupakan kerajaan atau pusat pentadbiran bagi al-latifah yang berfungsi sebagai pusat bagi seluruh gerak badan.

Menurut Imam Ghazali, istilah-istilah hati (al-qalb), ruh (al-ruh), nafsu (al-nafs) dan akal (al-aql), masing-masing mempunyai dua makna berbeza iaitu makna zahir (fizikal) dan makna batin (rohani). Keempat-empat unsur ini sangat difokuskan dalam disiplin kerohanian Imam al-Ghazali kerana jika diteliti secara mendalam, hati, roh, nafsu dan akal adalah hakikat diri manusia yang halus, yang dapat mengerti perintah-perintah syarak, dapat merasai kekuasaan Allah s.w.t dapat mengetahui hakikat-hakikat sesuatu. Unsur-unsur halus inilah yang diperhalusi oleh Imam al-Ghazali dengan membentangkan segala fungsinya, faktor-faktor zahir yang mempengaruhinya seperti tangan, kaki, mata, telinga, lidah dan lain-lain anggota, atau dari faktor-faktor batin seperti nafsu syahwat.

Beliau juga menekankan jalan-jalan atau cara-cara menjaga unsur-unsur halus tersebut agar segala tindak tanduk luaran dapat membetulkan semula segala peraturan hidup yang ditetapkan oleh syarak. Oleh hal yang demikian, keseluruhan aspek kerohanian ini tidak terbatas dalam dimensi batin semata-mata kerana ia turut merangkumi dalam kerangka ketaatan zahir kepada Allah s.w.t dan rasulnya dalam memahami hak sebagai hamba dan hak sesama hamba, yang menghasilkan tingkah laku selaras dengan hak ubudiyyat sebagai hamba Allah dan mematuhi segala syariat Rasulullah termasuk menuaikan tanggungjawab kepada manusia lain.

Dengan kata lain, aspek kerohanian Imam Al-ghazali menggabungkan ketaatan dan dimensi zahir dan batin untuk menghasilkan maksud ‘kesemataan’ yang hanya layak untuk Allah s.w.t dan keranaNya sahaja.

## **5.0 KAJIAN-KAJIAN LEPAS**

### **5.1 Kajian Luar Negara**

Kajian yang dilakukan oleh Zaenah Pontoh dari Universiti Surabaya dan M.Farid dari Universiti Darul Ulum Jombang yang bertajuk Hubungan Antara Religiusitas dan Dukungan Sosial dengan Kebahagiaan Pelaku Konversi Agama. Subjek kajian ini adalah seramai 60 orang iaitu golongan mualaf di TiongHoa yang berusia 40 hingga 55 tahun. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara keagamaan dan sokongan sosial dengan kebahagian. Selain itu, hipotesis yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara keagamaan dan sokongan sosial dengan kebahagiaan ternyata diterima.

Seterusnya kajian daripada Eka Lestari, Drs. H. Raja Arlizon dan Dra. Hj. Elni Yakub, M.S dari Fakulti Keguruan Ilmu Pendidikan dari Universiti Riau dimana tajuk kajian mereka ialah Hubungan antara Sokongan Sosial dengan Harga Diri dalam kalangan pelajar kelas SMP 8 Pekan Baru. Kajian ini melibatkan 350 orang pelajar dimana pengkaji ingin mengetahui tentang gambaran sokongan sosial dan harga diri pelajar tersebut. Hasil kajian mendapatkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara sokongan sosial dengan harga diri pelajar dimana jika sokongan sosial yang terdapat dalam diri pelajar baik maka harga diri akan meningkat.

Seterusnya, kajian daripada Sulis Winurini dari Pusat Penelitian Badan Keahlian di Jakarta iaitu bertajuk Hubungan Religiositas dan Kesehatan Mental pada Remaja Pesantren di

Tabanan. Sampel kajian adalah seramai 139 orang remaja di pondok pesantren. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan antara skor keagamaan dan skor kesihatan mental pada sampel kajian. Selain itu, dapatkan juga menunjukkan semakin tinggi tingkat nilai keagamaan dalam diri remaja maka semakin tinggi kesejahteraan sosial mereka dan begitu juga sebaliknya.

## 5.2 Kajian Dalam Negara

Kajian yang dilakukan oleh Nurul Hudani Md Nawi, Muhammad Fadhli Ahmat, Syed Mohd Fadhullah Sied Esahak, Zakaria Awang Hamat dan Iezwan Iesnordin dari Universiti Malaysia Sabah yang bertajuk Hubungan antara Sokongan Sosial dengan Kemurungan dalam kalangan Penagih Dadah. Kajian ini melibatkan 100 responden dalam kalangan penagih dadah. Hasil dapatkan kajian mendapati bahawa terdapat keperluan bagi menghasilkan satu modal berorientasikan pendekatan emosi di dalam kalangan penagih dadah secara holistik dan bersepada bagi menyokong keperluan aspek emosi yang mempengaruhi kemurungan dalam kalangan penagih dadah.

Seterusnya ialah kajian oleh Tengku Aizan Hamid (2001) dari Universiti Putra Malaysia yang bertajuk Sokongan Sosial, Kualiti Hubungan dan Kesejahteraan Psikologi antara Anak Dewasa dengan Ibu Bapa. Kajian ini melibatkan 25 orang ibu, 25 orang bapa dan 50 anak dewasa yang menunjukkan kualiti hubungan yang tinggi akan menambahkan psikologi anak dan ibu bapa. Anak dewasa muda dan ibu bapa yang berpendapatan tinggi mempunyai kualiti hubungan yang rendah. Anak dewasa muda juga jarang menerima sokongan sosial. Anak dewasa dan ibu bapa yang tinggal bersama perlu mewujudkan dan mengekalkan hubungan baik antara mereka bagi menjamin kesejahteraan psikologi. Langkah-langkah perlu diambil bagi mengalakkkan lagi persafahaman melalui komunikasi berkesan dan program-program perpaduan keluarga.

Melalui kajian oleh Nabila Farhana Mohamed Nidzam dan Fadzli Adam (2015, September) dari Universiti Zainal Abidin, Malaysia mengenai kajian Penghayatan Agama dan Resiliensi Wanita Islam Pasca Pencereraian. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis dokumen iaitu berbentuk kaedah kualitatif. Ini menunjukkan cabaran-cabaran yang dihadapi wanita Islam pasca pencereraian. Hasil dapatkan kajian menunjukkan pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi wanita ISalam pasca pencereraian yang memberikan kesan traumatis dalam kehidupan mereka.

## 6.0 LANGKAH-LANGKAH MEMUPUK PENINGKATAN PENGHAYATAN AGAMA

Agama merupakan aspek rohani yang penting dalam kehidupan setiap manusia di atas muka bumi ini. Menurut Karl Marx dalam buku penulisannya yang berjudul “*A Contribution to the Critique of Hegel’s Philosophy of Right*” (1843), “Agama adalah candu masyarakat”. Kenyataan ini diolah oleh pelbagai pihak dan menyatakan setiap manusia amat memerlukan agama dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini kerana agama adalah satu pegangan yang akan dipercayai dan dipatuhi oleh manusia untuk meneruskan kehidupan mereka. Manusia yang tidak mempunyai agama bagaikan laying-layang yang tidak bertali.

Tidak dinafikan, majoriti individu di muka bumi ini mempunyai agama. Akan tetapi, yang menjadi persoalannya adalah “Adakah setiap individu patuh pada agama mereka?” Sebagai contoh individu yang beragama Islam khususnya remaja, mereka menganuti agama Islam akan tetapi mereka tidak mengamalkan gaya hidup Islam malahan sering melanggar hukum dalam agama Islam. Hal ini boleh dikaitkan dengan isu yang terdapat di Malaysia iaitu kes dadah, seks, anak luar nikah, minum arak dan sebagainya. Perkara ini demikian terjadi kerana kurangnya penghayatan agama di dalam diri setiap masyarakat. Oleh itu terdapat beberapa langkah untuk memupuk peningkatan penghayatan agama dalam diri masyarakat terutamanya golongan remaja.

Institusi kekeluargaan amat penting dalam meningkatkan penghayatan agama dalam diri ahli keluarga mereka. Hal ini demikian bermaksud ibu bapa memainkan peranan penting dalam meningkatkan penghayatan agama dalam diri anak-anak mereka. Dipetik dari artikel harian metro pada 26 Mac 2019, Imam al-Ghazali ada berpesan: “Anak-anak adalah amanah atas ibu bapa. Jika sudah terbiasa dengan perkara kebaikan, anak itu akan membesar dalam kebaikan dan biasa dengannya. Sebaliknya, jika dibesarkan dalam suasana yang tidak baik dan dipersiakan seperti haiwan, menderitalah dia dan binasa. Dosa juga akan ditimpakan ke atas orang yang dipertanggungjawabkan itu.” Oleh itu, ibu bapa perlulah memberi didikan agama yang secukupnya kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi supaya kepercayaan agama dan penghayatan agama dalam diri mereka sentiasa meningkat.

Selain itu, individu juga memainkan peranan dalam peningkatan penghayatan agama dalam diri mereka. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan menghadiri kelas-kelas agama yang dijalankan di masjid, tokong, kuil dan sebagainya mengikut agama masing-masing. Seperti yang diketahui, setiap agama mengajarkan kebaikan dan nilai murni yang baik. Oleh yang demikian apabila individu menghadiri kelas agama dan mendalaminya dengan lebih mendalam, kemungkinan besar setiap individu akan mempunyai sikap dan personaliti yang baik dan disenangi oleh masyarakat.

Seterusnya, langkah yang boleh diambil untuk memupuk peningkatan penghayatan agama adalah bermula di bangku sekolah lagi. Seperti yang diketahui, sekolah merupakan tempat untuk setiap individu mempelajari ilmu pengetahuan. Menurut Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin (1988) sewaktu merancang penggubalan kurikulum peringkat menengah, persoalan penerapan nilai-nilai murni menjadi mauduk atau tajuk utama khususnya dalam menyediakan anak bangsa yang mempunyai ketahanan diri yang teguh. Oleh itu, pihak sekolah hendaklah lebih cakna dalam membentuk penghayatan agama para pelajar. sebagai contoh dengan mengadakan ceramah agama, kelas fardhu ain, kelas-kelas al-quran dan sebagainya khususnya kepada murid-murid yang beragama Islam. Hal ini juga boleh diperlakukan di institusi pengajian tinggi kerana majoriti remaja belajar dan menimba ilmu disana.

Kesimpulannya, setiap individu memainkan peranan dalam memupuk dan meningkatkan penghayatan agama dalam diri masyarakat khususnya remaja kerana mereka merupakan penyambung kepada generasi yang akan menentukan masa hadapan negara kita. Jika mereka dipupuk sejak dari kecil maka peluang untuk menjadi pemimpin yang bagus pada masa akan datang menjadi cerah. Bak kata pepatah, “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

## **7.0 STRATEGI MENINGKATKAN SOKONGAN SOSIAL**

Sokongan sosial merupakan perkara penting kepada setiap individu dalam kehidupan mereka. Menurut Nestmeann dan Hurrelmann (1994), individu memerlukan sokongan sosial daripada ibu bapa, guru, rakan, rakan sekelas dan orang di sekelilingnya untuk membantu mereka menghadapi liku-liku hidup. Sokongan ini mampu memberi perlindungan dan peningkatan kesihatan menerusi psikologikal hidup individu apabila individu mengalami gangguan konflik dalam hidup. Malahan mampu memberi peningkatan penghargaan kendiri, nilai dan keyakinan diri serta kesejahteraan dalam hidup. Oleh itu, terdapat beberapa cara untuk meningkatkan sokongan sosial.

Sokongan sosial yang boleh datang dalam pelbagai bentuk dan memainkan peranan yang berbeza dalam kehidupan. Antara cara untuk meningkatkan sokongan sosial adalah dengan memberi sokongan dari aspek emosi. Caranya adalah dengan memulihkan seseorang apabila mereka memerlukannya dan berada di sana dengan bahu untuk menangis apabila keadaan tidak dapat dikawal. Jenis sokongan ini boleh menjadi sangat penting semasa individu dalam keadaan tekanan atau ketika mereka merasa kesepian. Sebagai contoh, apabila melihat rakan sedang didalam masalah atau tekanan, kita perlulah prihatin terhadap mereka dengan bertanyakan masalah mereka supaya mereka tidak hanya memendam apa yang dirasakan dan akan merosakkan fikiran mereka kelak.

Selain daripada itu adalah sokongan dari segi keperluan. Sokongan jenis ini lebih kepada menjaga keperluan fizikal dan menawarkan bantuan apabila seseorang individu yang memerlukannya. Sebagai contoh membawa makanan panas apabila rakan sedang sakit atau memberi tumpang kenderaan kepada rakan yang tidak mempunyai kenderaan. Hal ini demikian dapat memberi impak positif kepada rakan-rakan atau individu lain kerana mereka akan merasa dirinya dihargai dan merasa terdapat orang yang prihatin terhadap dirinya dan dalam masa yang sama individu tersebut tidak akan merasa keseorangan. Sokongan sedemikian adalah penting apabila seseorang mempunyai keperluan segera yang mesti ditangani.

Seterusnya, terdapat juga sokongan sosial dari segi maklumat. Hal ini berkait rapat dengan bimbingan, nasihat, maklumat, dan mentoring. Sokongan sedemikian boleh menjadi penting untuk membantu dalam membuat keputusan atau perubahan besar dalam kehidupan seseorang. Dengan mempunyai bentuk sokongan ini, seseorang individu mungkin merasa kurang cemas dan menekankan tentang masalah yang mereka cuba selesaikan. Hal ini demikian kerana terdapat sebahagian besar individu yang sukar membuat keputusan dalam kehidupan mereka dan perlukan pendapat daripada orang lain dalam menentukan apa yang mereka ingin lakukan dalam kehidupan mereka. Oleh itu, sokongan dari segi maklumat juga merupakan sokongan sosial yang amat penting kepada individu.

Secara tuntasnya, sokongan sosial amat penting untuk setiap individu dan antara individu yang memainkan peranan dalam sokongan sosial adalah ahli keluarga iaitu ibu bapa dan adik beradik, rakan, guru, mentor, kaunselor dan sebagainya. Jika setiap individu prihatin dan mempunyai perasaan empati dengan individu lain, masalah mental seperti kemurungan, tekanan dan sebagainya dapat dikurangkan dan setiap individu akan menjalani kehidupan dengan lebih ceria dan bahagia.

## **8.0 KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, kajian ini telah menerangkan tentang penghayatan agama dan sokongan sosial. Melalui kajian ini, didapati betapa pentingnya penghayatan agama dalam membentuk sokongan sosial dalam kalangan pelajar yang menyertai badan beruniform di Kolej Universiti Islam Melaka. Secara keseluruhan, pengkaji berharap kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha meningkatkan pengetahuan agama yang mendalam dan meningkatkan sokongan sosial dalam diri seseorang pelajar itu, bagi menjamin nilai kesejahteraan psikologi yang tinggi dalam diri mereka.

## **RUJUKAN**

- Adam, F & Nidzam N (2015). *Penghayatan Agama dan Resiliensi Wanita Pasca Pencerahan*. Universiti Zainal Abidin: Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century
- Ahmat, M., Esahak, M., Hamat, Z., Nawi, N. & Iesnordin, I. *Hubungan antara Sokongan Sosial dengan Kemurungan dalam kalangan Penagih Dadah*. Universiti Malaysia Sabah: Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 20 : 29–4
- Alias Baba (1992). *Statistik untuk Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amin, A., Khairudin, R., Nasir, R., Sani, M., Sulaiman, W., & Zamani, Z. (2016). *Hubungan antara Kesunyian dan Sokongan Sosial Terhadap Kemurungan dalam Kalangan Wanita Hamil Tanpa Nikah*. Universiti Malaysia: Jurnal Psikologi Malaysia 30 (1) (2016): 152-159 ISSN-2289-8174.
- Arina Charansarn. (2014). *Social Support and Quality of Life of Widows Involved in Southern Thailand's Violence*. Universiti Utara Malaysia.
- Barrera M (1981). *Social Support in the adjustment of Pregnant Adolescent*: Assessment Hills: Sage.
- Benjamin L Moran & David L Dubois (2002). Relation of Social Support and Self- Esteem to Problem Behavior Investigation of Differing Models: The Journal of Early Adolescence.
- Blake, J.A & Champion, D.J. (1976). *Method and issues in social Research*. New York: John Willey and Sons.
- Creswelll, J.W. (2002; 2005; 2010). *Education Research Planning Conducting And Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Pearson Merril Prentice Hall.
- Deraman, S., Yusof, F. & Zakaria, M. *Hubungan Sokongan Sosial dan Pengertian Hidu dalam kalangan pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Masjid Tanah*. Kolej Universiti Islam Melaka
- Dhamayantie E., (2012). *Peranan Dukungan Sosial pada Interaksi Positif Pekerjaan-Keluarga dan Kepuasan Hidup*. Universiti Tanjungpura. Indonesia.
- Faizah M., Rozmi I., Norizan H. (2018). *Peranan Sokongan Sosial terhadap Kemurungan dalam kalangan Remaja Penagih Dadah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamid, T. (2001). *Sokongan Sosial, Kualiti Hubungan dan Kesejahteraan Psikologi antara Dewasa dengan Ibu Bapa*. Universiti Putra Malaysia: Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 9(1): 61 - 69 (2001).
- Iran Hermen. (2009). *Statistik dan Analisis data Sains Sosial*. Alor Setar: Penerbitan Pustaka.
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational and Phsyhological Measurement. 30, 603.

- Lestari E., Arlizon A., Yakub E. (2018). *Hubungan Antara Dukungan Sosial Dengan Harga Diri (Self Esteem) Siswa Kelas viii Smp Negeri 8 Pekanbaru*. Universiti Riau. Indonesia.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhsin Mansur Abdullah & Siti Nordinar Tamim (1998). *Psikologi Remaja*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Noor Hidayah Amin. (2008). *Proses Perkembangan Remaja*. Kuala Lumpur. Hartamas.
- Osman, A. & Yahya, S. (2016). *Hubungan antara Penghayatan Agama Dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan Pelajar Sekolah Sukan*. Kolej Universiti Islam Melaka: Jurnal Maw'izah, Maw'izah's Journal Jilid 1 2018: 154 – 165.
- Ruzieha Abd. Halim. (2017). *Penghayatan Agama Islam sebagai Mediator Dalam Hubungan Antara Persekitaran Sosial dengan Salah Laku Seksual Pelajar Islam*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sarason, I.G, H.M. Levine, R.B. Basham & B.R Sarason (1983). *Assessing Social Support: The Social Support Questionnaire*. Journal of Personality and Social Psychology.
- S. Dupont, B. Galand dan F. Nils. (2015). *The impact of different sources of social support on academic Performance: Intervening factors and mediated pathways in the case of master's thesis*. University Saint-Louis. Belgium.
- Shinta L. Mustika T. (2019). *Hubungan Antara Religiusitas Dan Kecerdasan Emosional Terhadap Komunikasi Sosial (studi pada perilaku prososial mahasiswa)*. Pekanbaru. Riau.
- Sidek Mohd Noah (1997). *Penilaian Dalam Kaunseling*. Terengganu: Universiti Putra Malaysia.
- Sulis Winurini. (2019). *Hubungan Religiouitas dan Kesehatan Mental pada Remaja Pesantren di Tabanan*. Jakarta.
- Zainab Pontoh & M.Farid. (2015). Hubungan Antara Religiusitas dan Dukungan Sosial dengan Kebahagiaan Pelaku Konversi Agama. Surabaya.

# **HUBUNGAN PENGHAYATAN AGAMA TERHADAP PEMBENTUKAN PERSONALITI PELAJAR FAKULTI SAINS SOSIAL DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

**Muhamad Hamizan Hamzah, Siti Aishah Yahya**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

[miejanamza7@gmail.com](mailto:miejanamza7@gmail.com)

## **ABSTRAK**

Terdapat pelbagai isu yang melanda masyarakat terutamanya golongan pelajar yang berdepan dengan masalah kurangnya sikap akhlak dan sahsiah dalam diri masyarakat, terutamanya dalam golongan remaja di Malaysia ini. Salah satu punca berlaku isu sedemikian termasuklah ketandusan penghayatan agama dalam diri seorang Muslim. Kurangnya didikan serta dorongan agama yang diberikan oleh orang disekeliling mereka termasuklah menjadi punca kepada golongan ini kurang penghayatan terhadap agama. Isu vandalisme, LGBTQ, buli, penyalahgunaan dadah dan sebagainya merupakan antara gejala yang meruntuhkan akhlak mereka ini. Hal ini malah memberi kesan yang negatif terhadap kualiti pendidikan seseorang individu itu. kajian ini merupakan suatu kajian tinjauan yang dilaksanakan terhadap pelajar Fakulti Sains Sosial di Kolej Universiti Islam Melaka. Para ilmuan telah lama mengkaji bahawa kecenderungan ke arah agama akan membentuk sifat manusia dan akan menentukan sifat manusia itu sendiri. Tujuan utama pelaksanaan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan penghayatan agama terhadap pembentukan personaliti pelajar Fakulti Sains Sosial Kolej Universiti Islam Melaka. Kesimpulannya, penghayatan agama dalam diri seseorang perlu dititik beratkan dalam membentuk personaliti seseorang yang lebih baik.

**Kata Kunci:** Penghayatan agama, personaliti, pelajar

## **ABSTRACT**

There are various issues affecting the community especially among students who are facing problems of lack of character and personality in society, especially among Malaysian youth. One of the causes of such issues is the lack of religious appreciation among Muslims. The lack of religious education and encouragement given by the people around them were also the cause of this lack of appreciation for religion. Issues of vandalism, LGBTQ, bullying, drug abuse and so on are some of the symptoms that have plagued their morals. This can have a negative impact on the quality of education of an individual. This study is a study conducted on students of the Faculty of Social Sciences at the Islamic College University of Malacca. Researchers have long studied that religious tendencies shape human nature and determine one's own nature. The main purpose of this study was to identify the relationship of religious appreciation to the personality of the student of Faculty of Social Sciences of the Islamic College Universtiy of Malacca. In conclusion, a person's religious upbringing should be emphasized in developing a better personality.

**Keyword:** Religious appreciation, personality, students

## **1.0 PENGENALAN**

Isu mengenai gejala sosial di Malaysia semakin meluas dan semakin sukar untuk dibendung sejak kebelakangan ini. Jika isu sedemikian timbul pada waktu dahulu, masyarakat sering mengaitkannya dengan istilah ‘budaya kuning’ di mana istilah itu menggambarkan kehidupan Barat yang menjadi ikutan terutamanya golongan remaja di Malaysia pada waktu ketika itu. pada ketika itu, masyarakat memandang buruk budaya-budaya tersebut yang telah merosakkan akhlak serta sahsiah diri seseorang

itu. namun, setelah sekian lama istilah tersebut semakin kurang digunakan dan menganggap perkara sedemikian sebagai budaya kita sendiri. Sebahagaian itulah gejala-gejala sosial yang berlaku pada waktu kini bukanlah suatu perkara yang asing dalam masyarakat kita ini.

Kadar jenayah dan isu sosial semakin meningkat di negara kita ini. Ia bukan sahaja membimbangkan golongan ibu bapa, malah turut memberi impak kepada pihak sekolah yang dianggap sebagai ejen kawalan sosial yang seharusnya berperanan dalam pembentukan moral dan tingkah laku serta moral generasi muda (Rozana dan Nor Hashimah,2005). Kesannya, ia secara tidak langsung memberi kesan terhadap tugas seorang pengajar kerana pelajar yang bermasalah seringkali dikaitkan dengan gejala sosial tidak kira di dalam kawasan atau luar kawasan sesebuah institusi.

Menurut Akma Abdul Hamid (2005), kebanyakan pelajar yang bermasalah terdiri daripada golongan pelajar yang tidak dapat mematuhi peraturan sekolah yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Untuk itu, pihak instisusi pendidikan telah menyediakan pelbagai usaha termasuklah kursus motivasi dan kaunseling kepada pelajar yang bermasalah dan mengharapkan golongan ini dapat berubah kepada yang lebih baik.

## 2.0 SENARIO PERSONALITI DALAM KALANGAN PELAJAR DI MALAYSIA

Menurut ahli psikologi, personaliti merangkumi pemikiran, persepsi, nilai, sikap, watak, keupaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi dan sebagainya. Mischel (1999) menyatakan konsep personaliti sebagai organisasi dinamik sistem psikofizikal setiap individu yang menentukan tingkah laku dan pemikiran.

Profesor Dr. Yusuf al-Qardawi berkata,” apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah daripada kalangan yang berakhhlak mulia dan berhemah tinggi, tentunya negara kita pada masa hadapan menjadi sebah negara yang makmur dan sejahtera tetapi jika keadaan sebaliknya, maka bersediah dengan kemungkinan yang buruk yang akan berlaku”. Hal ini bermaksud bahawa sebagai generasi muda inilah yang akan mewarnai dan mencorak peradaban negara dan bangsa pada masa hadapan.

Kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2016 mendapati sebanyak 4.8% pernah melakukan hubungan seks, peratusan remaja yang pernah melakukan hubungan seks adalah lebih tinggi dalam lingkungan umur 18-24 tahun berbanding 13-17 tahun di mana masing-masinf adalah sebanyak 8.3% dan 2.3%. LPPKN Adalah lembaga yang banyak menyumbangkan kajian terhadap remaja dan wanita.

Kadar peningkatan krisis akhlak dan moral golongan remaja di negara ini semakin menggerunkan apabila statistik menunjukkan jumlah kes jenayah membabitkan pesalah juvana meningkat sebanyak 111 peratus dalam tempoh setahun. Berdasarkan statistik dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,816 kes dicatatkan pada 2013 berbanding hanya 3,700 kes pada 2012 iaitu membabitkan peningkatan sebanyak 4,116 kes. Malah, angka kegiatan jenayah berat golongan remaja yang tamat persekolahan pula mencatatkan peningkatan ketara sehingga 137 peratus kepada 2,011 kes berbanding hanya 849 kes dicatatkan pada 2012. Kategori jenayah berat ini turut dikaitkan dengan remaja bawah umur berusia antara 12 hingga 17 tahun. Angka direkodkan turut meningkat kira-kira 47 peratus di seluruh negara dan ada daripada mereka terlibat dengan kes bunuh dan juga rogol.

Dalam kajian Ismail Mustari, Selamat Hashim, Azmi Shah Suratman, Abd Basit Abd Samat, Abd Rahman Hamzah dan Abd Hafiz Abdullah (2004) yang bertajuk “Kajian Sahsiah Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Johor (SMAKJ)”, mereka mengkaji tentang sahsiah pelajar serta kategori masalah yang dihadapi oleh pelajar. Subjek kajian terdiri daripada empat kumpulan iaitu pelajar asrama, pelajar di sekolah, warden asrama dan pentadbir atau guru-guru SMAKJ.

Daripada 680 orang pelajar dari tingkatan 2 hingga tingkatan 5 hanya 587 pelajar telah dipilih mewakili kelas masing-masing, bilangan yang sama dan dalam tahap yang sama dipilih mewakili pelajar yang tinggal di asrama. Seramai lima orang responden adalah guru dan tiga orang adalah warden asrama. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan tiada jurang perbezaan tahap sahsiahan pelajar dari segi jantina.

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Johari bin Hj. Sihes, Abdul Rahim bin Hamdan, Jamaluddin bin Ramli dan Nora Salis binti Samigan (2009) yang bertajuk “Tahap Pengetahuan Agama dan Amalan serta Gaya Hidup mereka”. Kajian tersebut telah dijalankan ke atas mahasiswa Islam di Universiti Teknologi Malaysia. Alat ujian yang digunakan adalah Inventori Personaliti Unmatic. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 300 orang mahasiswa Islam di UTM yang berada pada tahun ketiga dan keempat serta yang tinggal di kolej-kolej kediaman mahasiswa. Hasil daripada kajian tersebut didapati bahawa tahap pengetahuan agama mahasiswa Islam di UTM adalah tinggi dan dari aspek pengalaman agamanya masih di tahap sederhana. Hasil kajian tersebut menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan agama dengan amalan agama yang membawa kepada pembentukan personaliti individu.

Kesimpulannya, penghayatan terhadap agama merupakan faktor yang sangat penting dalam pembentukan personaliti diri seseorang itu.

### **3.0 PENGHAYATAN AGAMA DAN PEMBENTUKAN PERSONALITI**

Konsep penghayatan agama merupakan penghayatan Islam (Zulkiple Abdul Ghani, 2006). Hal ini kerana keagamaan memebri maksud keislaman (Mahmood Zuhdi, 2006). Oleh itu, dalam konteks al-Qardawi (1984: 12) menggambarkan konsep penghayatan agama sebagai menghayati agama dalam pelbagai aspek kehidupan dengan secara menyeluruh berdasarkan pengertian akidah sebagai pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup, serta akhlak sebagai etika hidup termasuk menjauhi perbuatan syirik dan perbuatan-perbuatan yang ditegah oleh Allah s.w.t. (Zulkiple Abdul Ghani, 2006).

Menurut Koenig, Kvale dan Ferrel (dalam Papalia dkk, 2002: 419) menunjukkan bahawa individu yang tahap penghayatan agamanya tinggi mempunyai sikap yang lebih baik, lebih merasa puas dan hanya mengalami sedikit kesepian. Hal ini menunjukkan bahawa penghayatan agama merupakan faktor yang memberikan pengaruh terhadap personaliti diri seseorang itu.

Kajian yang dilakukan oleh Ellison et.all (1989) dan Ellison (1991) yang menjalankan kajian mengenai hubungan antara komitmen kepada agama dan tahap kepuasan hidup serta personaliti individu. Beliau telah mengkaji seramai 80 orang responden daripada masyarakat Amerika Syarikat yang mana kajian tersebut menunjukkan bahawa penglibatan dalam organisasi keagamaan dan tahap kepercayaan agama tinggi akan meningkatkan kualiti hidup dan memiliki personaliti yang menarik. Kajian ini merumuskan bahawa penglibatan individu dalam kegiatan agama akan memberi kesan yang positif terhadap kepuasan hidup dan personaliti mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Lewis (2002), mendapati wujudnya perhubungan yang signifikan antara individu yang mempunyai pengetahuan agama dan kebahagiaan hidup. Selain itu, seseorang yang mempunyai pengetahuan agama yang tinggi juga dilihat mampu mengurus tekanan dan dapat menangani sesuatu keadaan sukar dalam keadaan yang tenang.

Penghayatan agama yang tinggi amatlah dititik beratkan di dalam diri pelajar, untuk mengelakkan daripada berlakunya perbuatan-perbuatan negatif yang boleh menjelaskan personaliti seseorang itu di samping mendapat keberkatan oleh Allah serta mempengaruhi kesejahteraan masyarakat sekeliling.

Kesimpulannya, penghayatan agama perlulah diberi perhatian oleh setiap individu kerana hal tersebut membantu memberi perengaruh yang kuat terhadap personaliti seseorang itu.

#### **4.0 LANGKAH-LANGKAH MEMUPUK PENGHAYATAN AGAMA**

Kefahaman tentang agama sahaja tidak mencukupi untuk menjadikan seseorang itu benar-benar menghayati dan mengamalkan agama dalam kehidupannya. Ini kerana, penghayatan agama melibatkan aspek kefahaman, perasaan (Norsaleha Mohd. Salleh, 2013) dan pelaksanaan agama secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan dengan segala dimensi iaitu akidah, ibadah, akhlak dan syariah dalam usaha untuk memartabatkan kembaliumat Islam sebagai umat terbaik dan umat pertengahan di muka bumi Allah ini.

Penghayatan agama amat penting dalam kehidupan seseorang itu kerana ia memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti (Raba, 2001), memberi ketenangan emosi (Hasnan Kassan, 2002) menanamkan keyakinan diri manusia (Qardhawi, 1985) serta kebahagiaan hidup. (Hamka, 1997)

Melihat kepada kepentingan dan peranan penghayatan agama dalam membentuk muslim mukmin yang baik, usaha bagi membangunkan penghayatan agama perlu dilaksanakan dan dipergiatkan. Usaha ini harus dilaksanakan diperingkat kanak-kanak lagi supaya masyarakat dapat menjalani kehidupan yang diredhai oleh Allah SWT sekaligus membendung masalah sosial yang berlaku pada masa kini.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (2002), pembangunan penghayatan agama di kalangan kanak-kanak dapat dibuat melalui pendidikan yang dimainkan oleh ibu bapa dan guru-guru. Pendidikan yang diterapkan menurut pandangan ini dapat meningkatkan tahap penghayatan anak-anak terhadap agam Islam itu sendiri.

Abdullah Nasih Ulwan menyatakan terdapat tujuh perkara yang menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak iaitu pendidikan Iman, Akhlak, Psikologi, Akal, Fizikal, Sosial dan Seksual.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan, perkara yang dimaksudkan dengan pendidikan keimanan adalah penekanan terhadap dasar-dasar keimanan, rukun Islam dan dasar-dasar syariat. Dasar-dasar keimanan yang melibatkan rukun iman dan perkara-perkara ghaib seperti percaya dengan seksaan kubur, syurga dan neraka.

Dalam usaha menanamkan akhlak mulia kepada anak-anak, beberapa kaedah dicadangkan oleh Abdullah Nasih Ulwan iaitu menjauhkan diri daripada peniruan dan taklid buta, larangan bermewah-mewah, larangan mendengarkan muzik yang melalaikan, larangan menyerupai jantina yang berlainan, dan sebagainya.

Pendidikan psikologi bermaksud mendidik anak supaya berani, berterus terang, bermotivasi, suka berbuat baik terhadap orang lain dan menahan diri ketika marah. Penerapan pendidikan psikologi ini memberi kesan yang sangat baik terhadap keperibadian dan sahsiah anak-anak.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan, pendidikan ilmu di kalangan anak-anak harus diterapkan pada masa kanak-kanak. Ini kerana fikiran mereka sangat jernih, ingatan yang kuat dan semangat belajar yang besar. Selain itu, ilmu yang diberikan semasa kecil akan kekal dalam ingatan dan amalan anak-anak.

Pendidikan fizikal diterapkan bagi menjadikan anak-anak membesar dengan sihat dan selamat. Sekaligus dapat mengetahui kepentingan menjaga kesihatan diri yang sangat dituntut dalam agama. Oleh itu, cara praktikal yang disarankan ialah dengan memberi nafkah kepada keluarga dan

anak, menyeimbangkan makan, minum dan tidur, mencegah diri daripada terdedah kepada sebarang wabak, merawat penyakit dan membiasakan anak-anak bersukan atau melakukan aktiviti sukan.

Pendidikan sosial yang dimaksudkan ialah pendidikan bergaul dengan masyarakat daripada pelbagai latarbelakang dan umur. Penerapan ke atas pendidikan ini akan membiasakan anak-anak dengan adab sosial yang baik tanpa melanggar hukum agama.

Dalam peringkat kanak-kanak sekitar umur lapan sehingga 14 tahun (Nazneen Ismail, 2014), penekanan yang harus dibuat adalah dengan mengajarkan tentang bahagian-bahagian dan peranan alat sulit yang ada pada anak-anak. Dalam peringkat ini juga, pemisahan tempat tidur di antara anak lelaki dan anak perempuan hendaklah dilakukan. Selain itu, antara metode pendidikan seksual yang dijelaskan oleh Abdullah Nasih Ulwan ialah mengajar adab meminta izin, adab memandang, menghindarkan anak daripda rangsangan seksual, penjelasan dan peringatan kepada anak-anak akan bahaya pergaulan bebas disamping hikmah perkahwinan yang sah.

## **5.0 STRATEGI PEMBENTUKAN PERSONALITI DALAM KALANGAN PELAJAR**

Setiap pelajar mempunyai personaliti yang berbeza antara satu sama lain, sama ada positif mahupun negatif. Setiap daripada mereka ini mempunyai matlamat hidup sendiri yang tersendiri, tidak kiralah sama ada matlamat jangka pendek mahupun matlamat jangka panjang. Matlamat-matlamat ini seterusnya akan menjadi landasan kepada tindakan yang akan diambil. Pengalaman-pengalaman yang pernah dilalui akan dijadikan sebagai panduan di dalam kehidupan akan datang. Sebagai pendidik, guru-guru di sekolah sering mengharapkan pembentukan personaliti yang positif di kalangan pelajar-pelajarnya, kerana ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi kejayaan masa depan mereka.

Sekolah secara umumnya dan guru secara khususnya memainkan peranan penting dan mempunyai pengaruh yang besar di dalam menerapkan nilai-nilai mumi. Melaluinya, pelajar dididik supaya berakhlek, berrnoral dan mengamalkan budaya hidup yang mumi. Abd Rahim Abd Rashid (2001) juga menjelaskan pendidikan dan persekolahan perlu memainkan peranan yang berkesan bagi menyemai dan mananamkan nilai-nilai mumi sebagai langkah membentuk dan melahirkan masyarakat yang mempunyai kualiti moral, sosial dan kerohanian. Tanggungjawab bagi mendidik dan memupuk nilai-nilai mumi tidak boleh diambil ringan.

Oleh yang demikian, menurut Shahabudin Hashim, et al. (2003), pembentukan personaliti yang positif di kalangan pelajar boleh dibentuk melalui tindakan guru-guru yang sentiasa mempamerkan sikap positif, disamping memberi nasihat-nasihat berguna kepada pelajar. Selain itu, kursus-kursus peningkatan kerjaya dan personaliti juga sedikit sebanyak mampu membentuk personaliti positif pelajar, dengan syarat, pelajar-pelajar perlu diberi kemahiran bagi menilai diri dan menetapkan matlamat kehidupan yang realistik.

## **6.0 SARANAN PENGKAJI**

Berdasarkan kajian, terdapat beberapa saranan dan cadangan yang boleh dikemukakan untuk membentuk personaliti yang positif dalam kalangan pelajar secara menyeluruh. Ibubapa bertanggungjawab sepenuhnya menyemai, mengasuh dan membimbing anak-anak supaya mencintai Allah dan Rasul-Nya mengatasi cinta kepada makhluk yang lain. Hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik Radiallahu Anhu bawah Rasulullah SAW bersabda: "Tidak sempurna iman seseorang itu sehinggalah aku lebih dikasih berbanding ayahnya dan anaknya dan seluruh umat manusia," (Riwayat al-Bukhari). Perkara yang sangat penting dan patut ditekankan oleh setiap ibu bapa dalam mendidik anak-anak ialah solat. Solat merupakan kewajipan yang mesti dilaksanakan setiap umat Islam. Dengan Solat manusia akan terhindar daripada perbuatan keji dan mungkar.

Ibu bapa hendaklah memastikan anak-anak berada di dalam rumah pada waktu malam khususnya waktu maghrib dengan diisi aktiviti-aktiviti ibadah agar dapat membendung anak-anak dari terdedah dan terpengaruh dengan gejala-gejala sosial yang boleh merosakkan akhlak dan membelakangkan petunjuk Allah SWT. Daripada Jabir Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Jangan lepaskan haiwan ternakan dan anak-anak kamu apabila matahari terbenam hingga berlalunya awal waktu Isyak, kerana syaitan akan bertebaran apabila matahari terbenam sehingga berlalunya awal waktu Isyak”. (Riwayat Muslim).

Selain itu, kerjasama masyarakat dan polis adalah penting kerana mengikut pakar kriminologi iaitu St John Robilliard, Reiner dan Elmer H.Johson menyatakan hubungan polis dengan masyarakat mempengaruhi masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Komuniti perlu memainkan tanggungjawab dalam pencegahan jenayah sebagaimana yang digariskan mengikut undang-undang sebagaimana peruntukan Seksyen 11 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) yang mewajibkan tindakan orang ramai untuk menolong Majistret, Jaksa Pendamai dan Polis dalam menangkap atau menahan orang yang telah melepaskan diri dari ditangkap, orang yang menganggu keamanan dan memberhentikan rusuhan serta gaduh gempar.

Nilai-Nilai mumi perlu menjadi agenda utama dalam pembangunan negara, pembangunan pendidikan, penggubalan dan pelaksanaan kurikulum, polisi dan dasar pembangunan sekolah dan mencorakkan peranan dan tanggungjawab guru (Abd. Rashid Abd Rahim, 2001 ). Sekolah perlu memainkan peranan yang penting dalam menonjolkan nilai- nilai murni dengan mewujudkan suasana yang memberangsang dan budaya sekolah yang positif (Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Isa dan Rahil Hj. Mahyuddin, 1996). Dalam menjayakan aspek penerapan nilai mumi dan penghayatan nilai mumi, guru merupakan orang yang penting dalam melaksanakan strategi KBSM ini. Guru hendaklah terlebih dahulu mengamal dan menghayati nilai mumi hendak diajar (Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Isa dan Rahil Hj. Mahyuddin, 1996). Lickona (1991) menjelaskan tentang tanggungjawab guru sebagai model penerapan nilai mumi, iaitu guru perlu menjadi penjaga, model dan mentor; mencipta komuniti moral; mengamal disiplin moral; membina kelas yang bercirikan demokrasi; mengajarnilai merentas kurikulum; menggunakan pembelajaran kooperatif; membina 'conscience of craft'; memupuk keprihatinan melangkaui batas kelas; membina budaya moral yang positif di sekolah; dan jadikan ibu bapa sebagai rakan kongsi.

## 7.0 KESIMPULAN

Penghayatan agama memainkan peranan yang penting dalam pembentukan personaliti seseorang pelajar itu. Keperluan seseorang pelajar itu adalah dari segi fisiologi dan psikologi dalam waktu perkembangan dan pembentukan identiti diri. Perubahan secara fizikal dan mental memberi kesan kepada remaja. Oleh itu, penerapan agama dalam diri mereka amatlah penting dalam memberikan panduan kepada mereka bagaimana untuk membentuk akhlak dan personaliti diri mereka itu. Penerapan nilai agama yang diamalkan secara berkesan akan dapat memeberi kesan dari segi penghayatan agama dalam diri mereka itu sendiri, agama yang dihayati dalam kehidupan seharian akan dapat menjadi pelindung daripada gejala-gejala negatif yang boleh merosakkan masyarakat kita ini.

## RUJUKAN

- Habibah Alias dan Noran Fauziah Yaakub (1997). Psikologi Personaliti, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Abdullah Nasih Ulwan. 2002. Tarbiyah al-Aulad fi Al-Islam. Kaherah: Dar al Salam
- Muhammad Hatta Shaharom (1989). Psikologi Keluarga: Ke arah Rumahtangga Bahagia, Pustaka Salam: Kuala Lumpur.
- Yusuf Al-Qardawi. 1984. *Ke Arah Pelaksanaan Syariah Islamiyyah*. Terjemahan Abdul Rahman Ahmad Jerlun. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

- Nazneen Islamil. 2014. Psikologi Islam. Selangor: Mustread Sdn Bhd
- H. Ibrahim Lubis. 1982. *Agama Islam: Suatu Pengantar*. Jakarta Timur: Ghaila Indonesia Al-Ghazali,
- Abu Hamid Muhammad. 1998. *Ihya' Ulum al-Din*. Terjemahan TK. H.
- Ismail Yaakub. Singapura: Pustaka Nasional.
- Sheikh Othman Sheikh Salim. 2002. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Salim Wan Muhamad Nur. 1989. *Penghayatan al-Quran di Malaysia. Seminar Pengajian al-Quran Peringkat Kebangsaan*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, halaman 1-28.
- Muhammad Saifudin Hakim, *Setiap Muslim Wajib Mempelajari Agama*, muslim.or.id, 8 November 2013  
<https://muslim.or.id/18810-setiap-muslim-wajib-mempelajari-agama.html>
- Sumberpengertian.id, Pengertian Agama Secara Umum dan Menurut Para Ahli, 24 Mei 2017  
<https://www.sumberpengertian.id/pengertian-agama-secara-umum-menurut-para-ahli>
- Personaliti Agama: Sheikh Ninowy Pecinta Ilmu, BH Online, 1 April 2018  
<https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/04/406069/persoalan-agama-sheikh-ninowy-pecinta-ilmu/amp>

**MENGKAJI HUBUNGAN DI ANTARA KESUNYIAN DENGAN KETAGIHAN  
INTERNET DALAM KALANGAN PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA  
PSIKOLOGI SEMESTER 1 HINGGA 6, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

**NurAqilla Daniela Binti Ahmad Azmi & Norhasima Binti Abdullah**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

[aqilladaniela@gmail.com](mailto:aqilladaniela@gmail.com), [norhasima@kuim.edu.my](mailto:norhasima@kuim.edu.my)

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kesunyian dan ketagihan internet pelajar ijazah muda psikologi semester 1 hingga 6 kerana kebanyakan dari kalangan pelajar akan lebih cenderung untuk bersendirian ataupun meluangkan masa di atas talian. Pengkaji telah mengambil responden seramai 76 orang yang terdiri daripada 11 orang lelaki dan 65 orang perempuan dengan menggunakan borang soal selidik. Data kajian telah dianalisis secara kuantitatif. Seterusnya, borang soal selidik terdiri daripada 3 bahagian, iaitu bahagian A adalah demografi responden yang mempunyai jantina dan semester. Bahagian B pula adalah soal selidik UCLA *Loneliness Scale* yang mempunyai 20 soalan dan bahagian C adalah soal selidik *IAT (Internet Addiction Test)* yang juga mempunyai 20 soalan. Hasil kajian mendapat terdapat hubungan yang signifikan di antara kesunyian dengan ketagihan internet [ $r = .039$ ,  $k < .05$ ]. Begitu juga dengan ujian-T di mana terdapat perbezaan yang signifikan di antara ketagihan internet berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Semester 1 hingga 6, Kolej Universiti Islam Melaka [ $t^{(74)} = .830$ ,  $k > .05$ ].

**Kata kunci:** Kesunyian, ketagihan internet, pelajar universiti

**ABSTRACT**

This study aimed to determine the level of loneliness and internet addiction of psychology students in semester 1 to 6, University College of Islam Malacca because most of the students would be more likely to be alone or spend their time online. The researcher recruited 76 respondents consisting of 11 men and 65 women using the questionnaire form. The study data were quantitatively analyzed. Subsequently, the questionnaire consisted of 3 sections, part A is the respondents' demographics that included gender and semester. Part B is a UCLA Loneliness Scale questionnaire with 20 questions and Part C is an IAT (Internet Addiction) questionnaire with 20 questions. The results showed that there was a significant relationship between loneliness and internet addiction [ $r = .039$ ,  $k < .05$ ]. Similarly, the T-test where there was a significant difference in gender-based on internet addiction among undergraduate students Semester 1 to 6, University College of Islam Malacca [ $t^{(74)} = .830$ ,  $k > .05$ ].

**Keywords:** Loneliness, internet addiction, university students

**1.0 PENGENALAN**

Manusia hendaklah sentiasa bersosial dan menjaga hubungannya sesama yang lain. Manusia itu adalah bersifat sosial dan mereka ingin membentuk dan mengekalkan perhubungan positif di antara orang-orang dalam hidupnya. Di dalam sebuah kajian Siti Nur Adibah (2013) mengatakan bahawa kesunyian mungkin menjelaskan suasana, kemahiran sosial dan juga keramahan mereka (Jones et al., 1981; Karaoglu et al., 2009). Selain itu, semua manusia akan berasa kesunyian pada sesuatu masa dalam hayat mereka (Demir & Fidiloglu, 1999). Walaupun penyelidikan tentang kesunyian telah bertambah dalam beberapa tahun kebelakangan ini, namum tiada maksud khusus yang telah dicapai berkenaan konsep kesunyian (Madora & Woodward 1986).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, definisi rangkaian komputer antarabangsa yang membolehkan pengguna komputer di seluruh dunia berhubung antara satu sama lain dan mencapai maklumat pangkalan data dari seluruh dunia. Manakala, ketagihan internet adalah di mana kita terlalu taksub dalam penggunaan internet sehingga mengabaikan semua perkara yang berlaku di sekeliling kita, bahkan diri kita juga boleh jadi tidak terurus. Ketagihan internet merujuk kepada penggunaan internet tanpa kawalan yang membawa kepada masalah individu, sosial dan profesional (Sahin dan Korkmaz, 2011) Selain itu, konsep bagi ketagihan internet ini merujuk kepada penggunaan secara berlebihan yang memberikan pelbagai masalah kepada kehidupan (Sahin, 2014). Tidak terdapat penerangan yang standard bagi masalah ‘kecelaruan internet’ ini (Chou, Condron & Belland, 2005). Namun, simptom bagi masalah ini boleh digambarkan menerusi ketidakupayaan untuk menghadkan penggunaan internet, masih menggunakan internet meskipun telah mengalami kemerosotan dalam akademik dan sosial dan mempunyai perasaan kebimbangan yang keterlaluan apabila mereka menghadkan penggunaan internet (Ozturk et al, 2007).

## **2.0    OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenalpasti tahap kesunyian dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Psikologi Semester 1 hingga 6, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).
2. Mengenalpasti tahap ketagihan internet dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Psikologi Semester 1 hingga 6, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).
3. Mengkaji hubungan antara kesunyian dengan ketagihan internet dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Psikologi Semester 1 hingga 6, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).
4. Mengkaji perbezaan antara kesunyian berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Psikologi Semester 1 hingga 6, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).
5. Mengkaji perbezaan antara ketagihan internet berdasarkan semester dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Psikologi Semester 1 hingga 6, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

## **3.0    METODOLOGI**

### **3.1    Populasi dan sampel kajian**

Populasi kajian telah diambil daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Psikologi Semester 1 hingga 6 Kolej Universiti Islam Melaka. Jumlah keseluruhan mereka adalah seramai 95 orang dan sampel kajian yang diambil pula adalah seramai 76 orang dengan merujuk kepada *Krejcie and Morgan (1970) Table Scale*. Pengkaji telah mengambil kedua-dua jantina lelaki dan perempuan.

### **3.2    Reka bentuk kajian**

Kajian ini menggunakan borang soal selidik bagi mengumpulkan data responden dan kejadian tinjauan ini adalah berbentuk kuantitatif.

### **3.3    Lokasi Kajian**

Kajian telah dilakukan di Kolej Universiti Islam Melaka.

### **3.4    Alat kajian**

Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi beberapa bahagian yang berkaitan dengan kajian seperti Bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah demografi responden yang mempunyai jantina dan semester. Bahagian B pula adalah soal selidik UCLA *Loneliness Scale* yang mempunyai 20 soalan dan bahagian C adalah soal selidik *IAT (Internet Addiction Test)* yang juga mempunyai 20 soalan.

3.4.1 Kebolehpercayaan alat ujian UCLA *Loneliness Scale* mempunyai nilai yang tinggi iaitu antara 0.89 hingga 0.94 (Russell, D. W. 1996).

3.4.2 Kebolehpercayaan bagi alat ujian *IAT* (*Internet Addiction Test*) juga mempunyai nilai yang tinggi iaitu 0.94.

## 4.0 DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Keputusan Deskriptif

Jadual di bawah menunjukkan taburan demografi yang terdiri daripada jantina dan semester:

Jadual 4.1: Taburan mengikut jantina responden

Jantina	N	Peratus
Lelaki	11	14.5
Perempuan	65	85.5
<b>Jumlah</b>	<b>76</b>	<b>100.0</b>

Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 76 orang. Responden lelaki seramai 11 orang bersamaan 14.5%, manakala responden perempuan pula seramai 65 orang bersamaan 85.5%. Berikut adalah jadual bagi responden lelaki dan perempuan dengan lebih terperinci dan juga disertakan dalam lampiran C.

Jadual 4.2: Taburan mengikut semester responden

	N	Peratus
Semester 1	11	14.5
Semester 2	14	18.4
Semester 3	8	10.5
Semester 4	12	15.8
Semester 5	9	11.8
Semester 6	22	28.9
<b>Jumlah</b>	<b>76</b>	<b>100.0</b>

Di dalam jadual 4.2 dan Lampiran C telah menunjukkan statistik seramai 11 orang (14.5%) dari semester 1, 14 orang (18.4%) dari semester 2, 8 orang (10.5%) dari semester 3 iaitu semester yang paling rendah menjawab soal selidik. Semester 4 pula terdapat 8 orang (10.5%), 9 orang (11.8%) dari semester 5 dan yang paling ramai yang telah menjawab adalah dari semester 6 iaitu seramai 22 orang (28.9%).

### 4.2 Keputusan Inferensi

Pada bahagian ini, pengkaji telah menggunakan statistik inferensi dengan kaedah korelasi, ujian-t dan ANOVA Satu Hala bagi menyatakan keputusan kajian. Hasil keputusan kajian telah dibahagikan kepada beberapa hipotesis tertentu.

Jadual 4.3: Terdapat hubungan di antara kesunyian dengan ketagihan internet

Pembolehubah	Ketagihan Internet
Kesunyian	.039*

\* $p < .05$

Berdasarkan jadual di atas, keputusan analisis menunjukkan nilai pekali Pearson adalah 0.39 ( $r = 0.39$ ) dan nilai kebarangkalian pula ialah .007 yang diuji pada aras keyakinan ( $k < .05$ ). Dengan ini, hasil kajian mendapati bahawa kesunyian mempunyai hubungan terhadap ketagihan internet dan

adanya perkaitan yang kuat. Maka, terdapat hubungan yang signifikan di antara kesunyian dengan ketagihan internet [ $r^{(76)} = .039$ ,  $k < .05$ ].

Jadual 4.4: Terdapat perbezaan di antara kesunyian berdasarkan jantina

	N	Min	Sisihan Piawai	t	df	k	Sig
Lelaki	11	55.1818	6.40028	.830	74	.663	.409
Perempuan	65	53.3077	7.00652				

$k > .05$

Keputusan kajian menunjukkan nilai  $t^{(74)} = .830$  di mana min kesunyian bagi lelaki adalah lebih tinggi iaitu 55.1818 (SP = 6.40028) berbanding dengan perempuan iaitu 53.3077 (SP = 7.00652). Manakala, nilai signifikannya pula adalah .409 lebih besar daripada .05. Maka, tidak terdapat perbezaan kesunyian berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar [ $t^{(74)} = .830$ ,  $k > .05$ ].

Jadual 4.5: Terdapat perbezaan di antara ketagihan internet berdasarkan semester

Ketagihan internet	JDK	dk	MKD	F	Sig
Antara kumpulan	1211.183	5	242.237	1.447	.218
Dalam kumpulan	11715.501	70	167.364		

Anova sehala telah digunakan oleh pengkaji untuk melihat adakah terdapat perbezaan ketagihan internet berdasarkan semester. Keputusan mendapati bahawa nilai statistik F adalah 1.447 dengan nilai signifikannya adalah .218 lebih besar dari nilai .05. Maka, tidak terdapat perbezaan ketagihan internet berdasarkan semester [ $F^{(75)} = 1.447$ ,  $k > .05$ ].

## 5.0 PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN KAJIAN

Dalam bahagian ini akan membincangkan tentang keputusan kajian yang telah diperoleh sepanjang kajian dijalankan. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara ketagihan dengan kesunyian. Menurut sebuah kajian yang dijalankan oleh A. Tutgun, L., Deniz & K. Moon (2011) terhadap 595 orang pelajar daripada tiga buah universiti di Turki dan Korea Selatan mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan positif yang rendah antara masalah penggunaan internet dan tahap kesunyian dalam kalangan pelajar bagi kedua-dua buah negara.

Seterusnya, bagi hipotesis terdapat perbezaan di antara kesunyian berdasarkan jantina dan juga hipotesis terdapat perbezaan di antara ketagihan internet berdasarkan semester, tiada kajian yang selari dengan pengkaji jalankan. Namun begitu, terdapat sebuah kajian oleh Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norhasni Zainal Abidin, Andi Suwirta (2014) telah mengkaji perbezaan penggunaan internet bermasalah berdasarkan jantina, namun keputusannya adalah tidak terdapat perbezaan di antaranya. Pengkaji kajian tersebut mengatakan bahawa lelaki dan perempuan tidak berbeza dari segi masalah. Selari itu, kajian yang dijalankan oleh V. Brenner (1997); E. Ceyhan (2007); dan Yonca Aslanbay & Emine Cobanoglu (2009) tidak menunjukkan sebarang perbezaan signifikan dalam penggunaan internet bermasalah antara pelajar lelaki dan perempuan.. Maka, pengkaji berpendapat bahawa kesunyian dan ketagihan internet tidak mempunyai perbezaan signifikan berdasarkan jantina dan semester.

Pelajar universiti kadang kala lebih cenderung untuk meluangkan masa di atas talian lebih lama kerana mereka bebas melakukan apa sahaja tanpa pengawasan daripada ibu bapa mereka. Kemudian, apabila mereka sudah terlalu ketagih dengan internet, mereka akan cenderung untuk bersendirian tanpa keluar bersosial dengan orang lain. Ini kerana, sesetengah daripada mereka akan melihat perkara yang tidak elok di internet dan perlu berseorangan apabila mereka menonton perkara yang

tidak elok itu, seperti pornografi. Bagi remaja yang dirundung sepi, jiwanya mula rasa terasing. Dia jadi tidak tahu apa yang harus dilakukan. Akhirnya melakukan apa sahaja yang tergerak oleh hatinya. Kadang-kadang gerakan hatinya itu lebih menjurus kepada sesuatu yang salah dan tidak bermanfaat. Aktiviti seperti menonton bahan-bahan lucu akan dipilih untuk mengatasi rasa sunyi. Lalu timbul ketagihan dan ingin terus melakukannya lagi (Sidek Baba, 2007).

## 6.0 KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kesunyian dengan ketagihan internet, begitu juga dengan keputusan kajian yang lain iaitu terdapat perbezaan kesunyian berdasarkan jantina dan terdapat perbezaan ketagihan internet berdasarkan semester. Pengkaji berpendapat bahawa kita haruslah mengurangkan masa bersendirian kerana kesunyian dan ketagihan adalah berkait rapat. Selain itu, ketagihan internet juga boleh membawa kita ke dalam lembah kesunyian.

## RUJUKAN

- Aslanbay, Yonca & Emine Cobanoglu. (2009). *Internet Addiction among Turkish Young Consumers. Young Consumers: Insight and Ideas for Responsible Marketers*, 10(1), Pages 60-70.
- Brenner, V. (1997). *Psychology of Computer Use. XLVII. Parameters of Internet Use, Abuse, and Addiction: The First 90 Days of the Internet Usage Survey*. Psychological Reports, 80, Pages 679-882.
- Ceyhan, E. (2007). *University Students' Problematic Internet Use in Terms of Reason for Internet Use*. Paper presented in the 6th WSEAS International Conference on Education and Educational Technology, in Italy, on November 21-23.
- Chien, C., Codron L. & Belland J.C. (2005). *A Review of The Research on Internet Addiction*. Educational Psychology Review, 17, 363-388.
- Madura & Woodward. (1986). *International Review of Modern Sociology*. Vol. 16, No. 1 – Vol. 42, No. 2.
- Ozturk, O., Odabasioglu, G., Eraslan, D., Genc Y., & Kalyoncu, O. A. (2007). *Internet Addiction: Clinical Aspects and Treatment Strategies*. Journal of Dependence, 8, 36-41.
- Sahin, C. (2014). *An Analysis of The Relationship Between Internet Addiction and Depression Levels of High School Students*. Participatory Educational Research, Volume 1, Number 2, Pages 53-67.
- Sahin, C., Korkmaz, O. (2011). *Adaptation of Internet Addiction Scale to Turkish*. Ahmet Kelesoglu Education Faculty (AKEF) Journal, 32: 101-115.
- Sidek Baba. (2007). Wahai Remaja: Kembaramu Bermula Disini. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Siti Nur Adibah. (2013). *Hubungan Di antara Kesunyian Dengan Ketagihan Internet*. Diakses atas talian pada 1 Mac 2020  
[https://www.academia.edu/5166543/HUBUNGAN\\_DI\\_ANTARA\\_KESUNYIAN\\_DENGAN\\_KETAGIHAN\\_INTERNET](https://www.academia.edu/5166543/HUBUNGAN_DI_ANTARA_KESUNYIAN_DENGAN_KETAGIHAN_INTERNET)
- Tutgun, A., L. Deniz & K. Moon. (2011). *A Comparative Study of Problematic Internet Use and Loneliness among Turkish and Korean Prospective Teachers*. Turkish Online Journal of Educational Technology, 10(4), Pages 14-30.

# **HUBUNGAN ANTARA PENGARUH MEDIA MASSA DAN KONSEP KENDIRI TERHADAP TINGKAH LAKU AGRESIF PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT KATIL, MELAKA.**

**Nur Afiza Binti Ahmad Kamarudin & Norhasima Binti Abdulah**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

[nuzaahmadk@gmail.com.my](mailto:nuzaahmadk@gmail.com.my), norhasima@kuim.edu.my

## **ABSTRAK**

Pengaruh media massa dan konsep kendiri dalam kalangan pelajar amatlah perlu dititikberatkan kerana keduanya mempengaruhi tingkah laku kehidupan pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh media massa dan konsep kendiri terhadap tingkah laku agresif pelajar. Responden merupakan pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil di Melaka. Seramai 60 orang pelajar yang terlibat iaitu 28 orang pelajar lelaki dan 32 orang pelajar perempuan. Data kajian yang telah yang diedarkan kepada responden dianalisis secara kuantitatif. Maklumat dikumpulkan melalui borang soal selidik yang mempunyai empat bahagian. Bahagian A adalah bahagian demografi manakala bahagian B terdiri daripada inventori soal selidik The Attractive Media and The Effect on Audience Questionnaire (Heinichi, Molenda, Russel dan Ely, 1991) yang mempunyai 12 soalan.. Bahagian C pula inventori dari soal selidik The Rosenberg Self-Esteem Scale yang dibangunkan oleh Rosenberg, M. (1965) yang terdiri daripada 10 soalan, dan juga bahagian D iaitu inventori dari soal selidik General Aggression Model (Anderson dan Dill, 2002) yang mempunyai 35 soalan. Hasil kajian mendapati bahawa pengaruh media massa tidak terdapat hubungan dengan tingkah laku agresif ( $r = .189$ ,  $K > .05$ ), namun hasil korelasi Pearson bagi konsep kendiri terhadap tingkah laku agresif pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara keduanya ( $r = -.355$ ,  $K < .05$ ).

Kata kunci: Media massa, konsep kendiri, tingkah laku agresif.

## **ABSTRACT**

The influence of mass media and self-esteem among students are important because both influence the behavior of students' life. This study was conducted to determine the relationship between mass media and self-esteem on students' aggressive behavior. Respondents were students from Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil, Melaka. 60 students has been selected which including 28 boys and 32 girls. The questionnaire that was distribute to the respondents to obtain data were quantitatively analyzed. The data collected through four-part of questionnaire. Section A is a demographic section while section B consists of 12-question inventory of The Attractive Media and The Effect on Audience Questionnaire (Heinichi, Molenda, Russel and Ely, 1991). Part C is an inventory of the Rosenberg Self-Esteem Scale questionnaire, developed by Rosenberg, M. (1965) which consist of 10 questions, as well as part D, which is an inventory of the General Aggression Model questionnaire (Anderson and Dill, 2002) consist of 35 questions. The results showed that the influence of mass media was unrelated to aggressive behavior ( $r = .189$ ,  $K > .05$ ). Meanwhile, Pearson's correlation of self-esteem to aggressive behavior showed that there was a significant relationship between both variables ( $r = -.355$ ,  $K < .05$ ).

**Keywords:** Mass media, self-esteem, aggressive behavior

## **1.0 PENGENALAN**

Media elektronik seperti televisyen dan video di internet banyak menayangkan rancangan yang terdapat unsur-unsur keganasan. Kebanyakan remaja gemar menonton televisyen dan video di internet dan secara tidak langsung mereka akan terpengaruh dengan watak antagonis atau watak jahat dalam rancangan tersebut. Adegan yang ditonton telah memberikan kesan serta pengaruh kepada mereka untuk melakukan gejala sosial dalam kehidupan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini didapati kesan menonton pelbagai program yang agresif dalam media telah mewujudkan masalah dimana telah meningkatnya kecenderungan untuk melakukan tindakan kekerasan dalam kalangan remaja (Baron dan Bryne, 1991). Tambahan pula, rancangan dari Barat sering memaparkan gaya hidup yang bebas dan mewah. Lantaran itu remaja mula meniru cara hidup sedemikian dan mempraktikkannya dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Terdapat banyak rancangan televisyen yang menayangkan cerita berunsur negatif di media, termasuklah tayangan yang memaparkan tingkah laku negatif seperti remaja yang berani melawan nasihat ibu bapa kerana memperjuangkan hak kebebasan mereka. Fenomena ini jelas menyebabkan nilai hormat menghormati semakin luntur antara ahli keluarga. Menurut Anderson (2000), keganasan dalam media juga meningkatkan rangsangan dan menyebabkan seseorang itu hilang kawalan semasa berada dalam dunia yang nyata. Selain daripada itu, terdapat juga rancangan yang memaparkan adegan-adegan yang menjolok mata dan menghairahkan, yang tidak sepatutnya dipertontonkan. Program televisyen sebegini seolah-olah memberikan satu fahaman bahawa mengadakan hubungan seks rambang adalah dibolehkan selagi tidak ada pencabulan hak dan kebebasan serta tiada paksaan antara kedua pihak.

Budaya seperti inilah yang mendedahkan remaja kepada penyakit -penyakit kelamin yang berbahaya seperti AIDS dan HIV. Bahkan, lambakan bahan picisan yang berunsurkan seks juga mudah didapati kerana dijual di merata-rata tempat selain harganya yang murah dan mampu dibeli oleh remaja. Selain daripada itu, video cekera padat (VCD), bahan-bahan pornografi juga mudah didapati melalui internet yang sukar dibuat tapisan oleh pihak yang berwajib. Kesannya jelas dimana pelajar-pelajar agresif yang menonton filem-filem ganas dalam media mempunyai kecenderungan untuk bertingkah laku agresif berbanding dengan mereka yang tidak menyaksikannya (Rosly, 2007).

Banyak kajian telah dilakukan oleh pakar-pakar psikologi dan mendapati pendedahan kepada kelangsangan dalam media merupakan antara sebab utama mengapa keadaan ini berlaku. Golongan pelajar merupakan golongan yang paling ramai terlibat dengan tingkah laku langsang akibat kesan dari pendedahan berulangan tingkah laku ini dalam media yang ditonton (Pennel dan Brown, 1999).

Perkara yang dipaparkan menerusi media juga dapat mengubah kendiri penonton seperti program fesyen yang ditonjolkan di televisyen dapat mengubah sikap kanak-kanak dan remaja serta membentuk tingkah laku mereka. Lebih-lebih lagi remaja perempuan yang mudah terpengaruh dengan iklan seperti barang alat solek, penjagaan bentuk badan yang ramping serta banyak lagi yang mempamerkan wanita yang cantik sebagai model iklan bagi mempromosikan produk. Beberapa kajian juga telah dijalankan bagi mengkaji hubungan antara permainan video dengan keagresifan. Scott (1995) dalam kajian yang dijalankan oleh Anderson, C. A., & Dill, K. E. (2000), mengatakan bahawa hanya teori yang menyokong pendapat yang mengatakan permainan video dapat meningkatkan tingkah laku agresif. Dengan kata lain, sekiranya digunakan dengan baik, faedahnya akan menguntungkan namun sekiranya disalahgunakan, hal ini akan mendatangkan mudarat kepada kanak-kanak ataupun remaja tersebut (Zaleha Yaacob, 2010).

## **2.0 OBJEKTIIF KAJIAN**

1. Mengenalpasti hubungan antara pengaruh media massa dengan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil Melaka.
2. Mengkaji hubungan antara konsep kendiri terhadap tingkah laku agresif pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil Melaka.
3. Mengkaji perbezaan pengaruh media massa berdasarkan jantina pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil Melaka.
4. Mengkaji perbezaan konsep kendiri pelajar berdasarkan jantina di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil, Melaka.
5. Mengkaji perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan jantina pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil, Melaka.

## **3.0 PENDEKATAN TEORI**

Dalam bahagian pendekatan teori, penyelidik menggunakan teori pembelajaran sosial yang telah diasaskan oleh Albert Bandura (1973). Seterusnya, teori kedua yang digunakan di dalam kajian ini adalah Teori Heiraki Keperluan Maslow (1951) yang menekankan aspek manusia mempunyai naluri semulajadi yang baik dan mempunyai keinginan mencapai kesempurnaan kendiri. Kemudian, untuk teori ketiga pengkaji merujuk kepada Teori Pembelajaran Pemerhatian Anderson dan Bushman (2002), dimana berkaitan unsur keganasan yang diterima daripada model yang dilihat.

## **4.0 METODOLOGI**

Dalam populasi dan sampel kajian, pengkaji menggunakan skala Krejcie dan Morgan. Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil, Melaka yang mempunyai seramai 932 orang pelajar. Keseluruhan bilangan pelajar tingkatan 1 dan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil adalah seramai 103 orang iaitu 48 orang pelajar tingkatan 1, dan 55 orang pelajar tingkatan 2. Namun, responden yang telah dipilih adalah dalam bentuk persempelan bertujuan dimana seramai 60 orang sahaja dalam tingkatan 1 dan 2. 60 orang responden yang dipilih terdiri daripada 28 orang pelajar lelaki dan 32 orang pelajar perempuan. Pelajar-pelajar agresif yang menjadi responden dalam kajian ini merujuk kepada pelajar pelajar yang telah melakukan kesalahan dari segi keganasan tingkah laku fizikal seperti bergaduh, memukul, membuli, mencuri dan membawa senjata berbahaya. Selain itu, kesalahan dari segi verbal dan juga nonverbal seperti menghina, memfitnah, bercakap kasar, menengking, menyebut perkataan lucah, menunjukkan isyarat lucah serta isyarat untuk berkelahi.. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang sedang disiasat, telah disiasat, telah dikenakan dendaan atas kesalahan mereka dan pelajar yang telah menerima sesi kaunseling serta maklumat mereka terdapat dalam rekod disiplin dan kaunseling. Seterusnya, untuk reka bentuk kajian, kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk kuantitatif dan berbentuk deskriptif dan infensiensi. Borang soal selidik telah diedarkan dan digunakan sebagai alat ujian untuk mengumpul maklumat yang dikehendaki pengkaji. Seterusnya kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil yang terletak di Km 9, Jalan Tun Kudu, Bukit Katil, Melaka.

### **4.1 Alat kajian**

Borang soal selidik yang diedarkan kepada sampel kajian mempunyai empat bahagian. Bahagian A, mengandungi item-item yang berkaitan dengan faktor demografi iaitu umur, bangsa dan jantina, Responden hanya perlu menjawab dengan menandakan ( ✓ ) pada ruangan yang disediakan mengikut kesesuaian maklumat yang ada. Seterusnya, bahagian B ialah mengenai soal selidik daya tarikan program-program media. Soal selidik ini diadaptasi daripada soal selidik *The Attractive Media and The Effect on Audience Questionnaire* yang telah dibangunkan oleh Heinichi, Molenda, Russel dan Ely (1991). Soal selidik ini digunakan untuk melihat program-program dalam media yang menjadi daya tarikan untuk ditonton oleh pelajar-pelajar agresif. Soal selidik ini mengandungi 12 soalan dan dibahagikan kepada 4

subskala iaitu program media menggambarkan kewujudan secara asli, siaran secara langsung sesuatu peristiwa, teknik pergerakan gambar dan informasi. Kemudian, untuk bahagian C, soal selidik yang diadaptasi dari *The Rosenberg Self-Esteem Scale* yang dibangunkan oleh Rosenberg, M. (1965) digunakan. Bahagian ini mengukur konsep kendiri pelajar. Soal selidik ini mempunyai 10 item yang mengukur tentang diri berdasarkan kedua-dua perasaan positif dan negatif mengenai diri sendiri. Bahagian yang keempat adalah bahagian D yang merupakan soal selidik tahap tingkah laku langsang yang diadaptasi daripada soal selidik *General Aggression Model* yang telah dibina oleh Anderson dan Dill (2002). Soal selidik ini bertujuan untuk mengira tahap tingkah laku langsang dalam kalangan pelajar yang mengandungi 35 item dan dibahagikan kepada kelangsungan fizikal, verbal, nonverbal, seksual dan anti-sosial.

#### **4.2 Kebolehpercayaan**

Kebolehpercayaan bagi ketiga- tiga alat ujian adalah tinggi sekaligus menunjukkan bahawa ketiga- tiga soal selidik ini sesuai serta boleh dipercayai untuk digunakan dalam kajian ini. Kebolehpercayaan bagi soal selidik The Attractive Media and The Effect on Audience Questionnaire (Heinichi, Molenda, Russel dan Ely, 1991) ialah .940. Kemudian, kebolehpercayaan bagi soal selidik The Rosenberg Self-Esteem Scale yang dibangunkan oleh Rosenberg, M. (1965) yang terdiri daripada 10 soalan ialah .879. Dan seterusnya, kebolehpercayaan bagi soal selidik General Aggression Model (Anderson dan Dill, 2002) yang mempunyai 35 soalan ialah .958.

### **5.0 KEPUTUSAN KAJIAN**

#### **5.1 Keputusan Deskriptif**

Jadual di bawah menunjukkan taburan demografi yang terdiri daripada jantina dan bangsa sampel kajian yang merupakan pelajar- pelajar tingkatan 1 dan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil, Melaka.

Jadual 5.1.1: Taburan demografi responden berdasarkan jantina.

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	28	46.7
Perempuan	32	53.3
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100</b>

Jadual 5.1.1 menunjukkan taburan demografi responden berdasarkan jantina. Hasil daripada kajian didapati responden lelaki adalah seramai 28 orang (46.7%) manakala responden perempuan adalah seramai 32 orang (53.3%). Perangkaan menunjukkan bahawa responden perempuan melebihi responden lelaki sebanyak 6.6%.

Jadual 5.1.2: Taburan demografi responden berdasarkan bangsa.

<b>Bangsa</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Melayu	60	100
Cina	0	0
India	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100</b>

Jadual 5.1.2 menunjukkan taburan demografi responden berdasarkan bangsa iaitu bangsa Melayu, Cina dan India. Hasil daripada kajian didapati bahawa kesemua responden seramai 60 orang pelajar terdiri daripada bangsa Melayu. Dengan ini peratus untuk taburan demografi bangsa adalah sepenuhnya dipelopori oleh bangsa Melayu (100%).

## 5.2 Keputusan Inferensi

Dalam bahagian ini, pengkaji mengemukakan statistik inferensi yang telah diperolehi melalui kaedah korelasi dan ujian-t. Hipotesis dibina adalah untuk melihat hubungan yang signifikan antara pengaruh keganasan media massa, konsep kendiri dengan tingkah laku agresif pelajar-pelajar sekolah. Kesemua hipotesis telah diuji dengan menggunakan kaedah korelasi dan ujian t.

Jadual 5.2.1: Pekali korelasi Pearson bagi hubungan pengaruh media massa terhadap tingkah laku agresif pelajar

<b>PEMBOLEHUBAH</b>	<b>Tingkah Laku Agresif Pelajar</b>
<b>Pengaruh Media Massa</b>	Korelasi .189
k>.05	

Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai pekali korelasi adalah .189 ( $r = .189$ ) dan nilai kebarangkalian .149 telah diuji pada aras .05. Nilai kebarangkalian ini lebih besar dari aras keyakinan ( $K>.05$ ). Ini menunjukkan bahawa pengaruh media massa tidak terdapat hubungan dengan tingkah laku agresif ( $r = .189$ ,  $K>.05$ ). Tahap korelasi adalah sangat lemah.

Jadual 5.2.2: Pekali korelasi Pearson bagi konsep kendiri terhadap tingkah laku agresif pelajar

<b>PEMBOLEHUBAH</b>	<b>Tingkah Laku Agresif Pelajar</b>
<b>Konsep Kendiri</b>	Korelasi -.355
k>.05	

Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai pekali korelasi adalah -.355 ( $r = -.355$ ) dan nilai kebarangkalian .005 telah diuji pada aras .05. Nilai kebarangkalian ini lebih kecil dari aras keyakinan ( $K>.05$ ). Ini menunjukkan bahawa konsep kendiri terdapat hubungan dengan tingkah laku agresif ( $r = -.355$ ,  $K<.05$ ).

Jadual 5.2.3: Perbezaan antara pengaruh media massa dengan jantina antara lelaki dan perempuan dalam kalangan pelajar.

<b>JANTINA</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>T</b>	<b>Dk</b>	<b>Sig.</b>
<b>Lelaki</b>	28	48.2857	.163	58	.871
<b>Perempuan</b>	32	48.0000			
k>.05					

Keputusan menunjukkan bahawa nilai-t bagi data di atas adalah .163. Darjah kebebasan (dk) pula ialah 58 dan nilai kesignifikan ialah .871 yang diuji pada aras keyakinan .05. [ $F(58) = .163$ ,  $K>.05$ ]. Min yang diperolehi bagi lelaki ialah 48.2857 manakala bagi perempuan pula ialah 48.0000. Oleh itu, hasil kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara tingkah laku agresif berdasarkan jantina.

Jadual 5.2.4: Perbezaan antara konsep kendiri dengan jantina antara lelaki dan perempuan dalam kalangan pelajar

<b>JANTINA</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>T</b>	<b>Dk</b>	<b>Sig.</b>
<b>Lelaki</b>	28	33.6071	-.921	58	.361
<b>Perempuan</b>	32	34.8125			

k>.05

Keputusan menunjukkan bahawa nilai-t bagi data di atas adalah -.921. Darjah kebebasan (dk) pula ialah 58 dan nilai kesignifikan ialah .361 yang diuji pada aras keyakinan .05. [F(58) = -.921, K>.05]. Min yang diperolehi bagi lelaki ialah 33.6071 manakala bagi perempuan pula ialah 34.8125. Kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara tingkah laku agresif berdasarkan jantina.

Jadual 4.2.5: Perbezaan antara tingkah laku agresif dengan jantina antara lelaki dan perempuan dalam kalangan pelajar

<b>JANTINA</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>T</b>	<b>Dk</b>	<b>Sig.</b>
<b>Lelaki</b>	28	110.7143	.958	58	.342
<b>Perempuan</b>	32	106.7500			

k>.05

Keputusan menunjukkan bahawa nilai-t bagi data di atas adalah .958. Darjah kebebasan (dk) pula ialah 58 dan nilai kesignifikan ialah .342 yang diuji pada aras keyakinan .05. [F(58) = .958, K>.05]. Min yang diperolehi bagi lelaki ialah 110.7143 manakala bagi perempuan pula ialah 106.7500. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara tingkah laku agresif berdasarkan jantina.

## 6.0 PERBINCANGAN KEPUTUSAN KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat hubungan antara pengaruh media massa dengan tingkah laku agresif. Hasil kajian ini turut disokong oleh hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Rice, Huston dan Wright (1987), yang menyatakan walaupun terdapat pelbagai bentuk keganasan dalam media, tetapi kesan tingkah laku ganas dan liar yang dipamerkan oleh kanak-kanak adalah pada tahap yang rendah. Selain itu, kajian ini juga disokong oleh dapatan kajian Bradley dan Cuthbert (1997), yang menyatakan walaupun media memaparkan pelbagai bentuk dan jenis keganasan tetapi ramai pelajar masih tidak terpengaruh untuk melakukan tingkah laku liar adalah pada tahap yang tinggi. Pengkaji berpandangan bahawa walaupun remaja melihat program-program yang memaparkan keganasan di media namun pengaruh keganasan tersebut tidak semestinya mempengaruhi tingkah laku mereka.

Kemudian, hasil kajian pengkaji mendapati bahawa terdapat hubungan antara konsep kendiri terhadap tingkah laku agresif. Hal ini disokong oleh Sonu Kumar Giri (2009), dalam kajiananya yang bertujuan untuk meneroka hubungan antara harga diri dan tingkah laku agresif sama ada individu yang mempunyai konsep kendiri yang tinggi lebih agresif daripada individu yang mempunyai konsep kendiri yang rendah. Hasil daripada kajianya mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara konsep kendiri terhadap tingkah laku agresif disebabkan oleh individu yang mempunyai konsep kendiri yang tinggi lebih agresif daripada individu yang mempunyai konsep kendiri yang rendah. Tambahan pula, individu yang tinggi konsep kendirinya sering cuba menguasai orang lain dengan menunjukkan kelakuan agresif, yang merupakan ciri kolektif yang tinggi. Pada pendapat pengkaji juga, individu yang tinggi konsep kendirinya adalah seorang yang berani dan lebih mudah

cenderung untuk melakukan tingkah laku yang agresif berbanding individu yang mempunyai konsep kendiri yang rendah.

Keputusan kajian berkaitan perbezaan pengaruh media masa, konsep kendiri dan tingkah laku agresif berdasarkan jantina pula menunjukkan bahawa ketiga-tiganya tidak terdapat perbezaan berdasarkan jantina. Hasil dapatan kajian ini disokong oleh Zaleha (2010), yang mengatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengaruh keganasan media dengan jantina. Hal ini disebabkan beliau mendapati jantina pelajar tidak langsung memainkan peranan dalam tingkah laku individu yang menyebabkan keganasan akibat pengaruh media. Dapatan kajian ini adalah turut selari dengan kajian yang dijalankan oleh Bickham et al. (2005), bahawa walaupun pelajar-pelajar ini berbeza dari segi jantina tetapi mereka mempunyai banyak persamaan dalam bentuk tingkah laku, kegemaran, berpakaian dan menonton program media.

Hal ini bertentangan dalam kajian yang dilakukan oleh Azizi Yahaya, Mo Gooh, Lee, Halimah Ma'alip dan Ronnel Dunggi (2014). Hasil kajian yang didapati mereka adalah min lelaki lebih tinggi iaitu daripada perempuan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap punca-punca menonton media agresif antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Berikutnya adalah kerana menurut kajian mereka, pelajar-pelajar perempuan didapati lebih meminati program berbentuk informasi kerana ia bersesuaian dengan watak jantinanya yang mempunyai tingkah laku kurang agresif dan takut untuk menonton kisah-kisah agresif secara langsung. Manakala, pelajar-pelajar lelaki pula lebih meminati program-program media yang dapat menggambarkan kewujudan secara asli kerana bersesuaian dengan watak jantinanya yang lebih agresif dan berani untuk melihat adegan-adegan ganas yang ditayangkan secara langsung melalui media. Pengkaji berpendapat bahawa pelajar-pelajar lelaki dan pelajar-pelajar mempunyai persamaan didalam aspek menonton program-program di media sosial di sebabkan minat yang lebih kurang.

## 7.0 KESIMPULAN

Kajian yang telah dijalankan telah memberi pendedahan kepada pengkaji dan pengkaji berpandangan bahawa mungkin terdapat faktor-faktor lain yang mampu mempengaruhi tingkah laku seseorang itu seperti gaya keibubapaan, cara pembelajaran atau juga kesan pesekitaran. Akhir kata, pengkaji turut berharap agar para penyelidik yang lain, dapat mengkaji dan memperluaskan serta mempekarangkan lagi kajian ini dengan menggunakan faktor-faktor dan boleh ubah yang lebih pelbagai.

## RUJUKAN

- Anderson, C. A., & Bushman, B. J. (2002). *Human Aggression*. Annual Review of Psychology, 53, 27 - 51.
- Anderson, C. A. & Dill, K. E. (2000). *Video Games and Aggressive Thoughts, Feeling and Behavior In The Laboratory And In Life*. Journal of Personality and Social Psychology, 78, 772 – 790.
- Albert Bandura. (1973). *Aggression A Social Learning Analysis*. United States: Prentice- Hall Inc. Englewood, New Jersey.
- Azizi Yahaya, Mo Gooh, Lee, Halimah Ma'alip & Ronnel Dunggi. (2014). *Pengaruh Media Berunsur Agresif Dan Kelangsangannya Terhadap Tingkah Laku Pelajar Sekolah Menengah*. Akses atas talian pada 25 Februari 2020 di [https://www.researchgate.net/publication/264972758\\_Pengaruh\\_Media\\_Berunsur\\_Agresif\\_Dan\\_Kesannya\\_Terhadap\\_Tingkah\\_Laku\\_Pelajar\\_Sekolah\\_Menengah](https://www.researchgate.net/publication/264972758_Pengaruh_Media_Berunsur_Agresif_Dan_Kesannya_Terhadap_Tingkah_Laku_Pelajar_Sekolah_Menengah). National Action Research Conference, Universiti Malaysia Sabah. DOI 10.13140/2.1.2909.3761
- Baron, R. A., Bryne, D., & Suls, J. (1991). *Aggression and Heat: Mediating Effects of Prior Provocation and Exposure To An Aggressive Model*. Journal of Personality and Social Psychology, 31, 825 – 832.

- Bushman, B. J., & Anderson, C. A. (2002). *Violent Video Games and Hostile Expectations: A Test Of General Aggression Model*. Iowa State University.
- David S. Bickham. (2005). *Center on Media and Child Health. Children's Hospital Boston/Harvard Medical School*. (Thesis Ph.D) National Institute Of Child Health & Development Bethesda. MA02115, R01-HD33474
- Heinich, R., Molenda, M. & Russel, J. D. (1991). *Instructional Media and the New Technologies Of Instruction*. Mac Millan, New York
- Hustons, A., Wright, J., Rice, M., Kerkman, D. & St. Peters, M. (1987). *The Development of Television Viewing Patterns Early Childhood: a Longitudinal Investigation*. The Society for Research in Child Development, Baltimore.
- Lang, Peter J., Bradley, Margaret M., & Bruce N. Cuthber. (1997). *Motivated Attention: Affect, Activation and Action*. In P. J. Lang, R. F. Simons, & M. Balaban (Eds). *Attention Orienting*, 97-135
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size for Research*. Educational and Psychological Measurements, 30, 607-610.
- Pennel, A. E., & Brown, K. D. (1999). *Film Violence and Young Offenders. Aggression and Violent Behavior*. 4, 13 – 28.
- Rosly. (2007). *Kelangsangan Dalam Media Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Agresif Pelajar*. (Tesis Master). Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Akses atas talian pada 18 Februari 2020 di <http://eprints.utm.my/id/eprint/6442/1/RoslyKayarMFP2007.pdf>
- Rosenberg, M. (1965). *Society and the Adolescent Self-Image*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Shahabuddin Hashim, Mahani Razali, Ramlah Jantan. (2003). *Psikologi Pendidikan*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd. ISBN 983-3585-50-7. Kuala Lumpur.
- Sonu Kumar Giri. (2009). *Psikologi Project Report. Department Of Computer Science & Engineering*. Indian Institute of Technology Ropar. Akses pada 4 Mac 2020 di [https://www.academia.edu/2054419/Self\\_esteem\\_vs\\_aggressiveBehaviour](https://www.academia.edu/2054419/Self_esteem_vs_aggressiveBehaviour)
- Zaleha Bte Yaacoob. (2010). *Pengaruh Keganasan Dalam Media Terhadap Tingkah Laku Agresif Remaja*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

# **HUBUNGAN ANTARA SOKONGAN SOSIAL DAN KESUNYIAN TERHADAP KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN WARGA EMAS: SATU KAJIAN DI SEKITAR KUALA SUNGAI BARU, MELAKA.**

**Nur Adilah Rooslin & Siti Marhamah binti Kamarul Arifain**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

[nuradellarooslin@gmail.com](mailto:nuradellarooslin@gmail.com), sitimarhamah@kuim.edu.my

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara sokongan sosial dan kesunyian terhadap kesihatan mental dalam kalangan warga emas di sekitar Kuala Sungai Baru, Melaka. Kajian ini melibatkan seramai 86 orang responden. Kajian ini tertumpu kepada golongan warga emas. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesihatan mental warga emas, juga pengkaji ingin mengkaji hubungan antara sokongan sosial dan kesunyian terhadap kesihatan mental warga emas. Seterusnya, pengkaji turut mengkaji perbezaan tahap kesihatan mental berdasarkan jantina dalam kalangan warga emas. Kajian ini dilakukan kerana telah banyak berlakunya peningkatan kadar pengabaian warga emas. Malah, terdapat segelintir golongan dalam masyarakat beranggapan bahawa warga emas sebagai satu bebanan. Selain itu, masalah kesunyian juga merupakan salah satu faktor yang menjadi penyebab utama yang menyebabkan berlakunya masalah kesihatan mental. Hasil kajian mendapati bahawa seramai 27 orang responden yang mempunyai tahap kesihatan mental yang rendah berbanding 59 orang responden yang mempunyai tahap kesihatan mental yang tinggi. Seterusnya, hasil kajian juga turut mendapatitidak terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial terhadap kesihatan mental. Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan kesunyian terhadap kesihatan mental warga emas dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesihatan mental mengikut jantina dalam kalangan warga emas. Kesimpulannya, kesemua faktor di atas perlu dititik beratkan agar dapat membantu warga emas tidak merasakan bahawa diri mereka diabaikan dan membiarkan mereka merasakan bahawa mereka dihargai juga disayangi.

**Kata Kunci:** Sokongan sosial, kesunyian, kesihatan mental, warga emas.

## **ABSTRACT**

This study aimed to examine the relationship between social support and loneliness in mental health among elderly in Kuala Sungai Baru, Malacca. This study involved 86 respondents. The objective in this study was to identify the mental health level of the elderly, as well as the researcher wanted to study the relationship between social support and loneliness in mental health on elderly. Furthermore, the study also examined differences in mental health levels based on gender among elderly. This study was conducted because of the increasing rates of neglected of senior citizens. In fact, there are some in the community who considered the elderly as a burden. In addition, the problem of loneliness is also one of the leading causes of mental health problems. The study found that 27 respondents with low level of mental health compared to 59 respondents with high level of mental health. Furthermore, the study also found that there was no significant relationship between social support and mental health. Besides, there was significant correlation between loneliness and mental health. Then, the study was found that there was no significant differences between mental health withgender among elderly. As conclusion, all of the above factors need to be stressed in order to help the elderly feel that they are being neglected and to let them feel that they are also loved.

**Keywords:** Social support, loneliness, mental health, elderly.

## **1.0 PENGENALAN**

Malaysia semakin menginjak arus kemodenan sehingga menyebabkan perubahan dalam pola penjagaan warga emas kian berubah. Kebanyakan mereka telah diantar ke pusat-pusat jagaan dan tidak dihiraukan oleh anak-anak dan keluarga sendiri (Siti Marziah, Khadijah & Nasrudin, 2013). Warga emas yang kesunyian lebih terdedah kepada penyakit dan risiko kematian. Pengasingan sosial dan kesunyian adalah masalah serius dalam kalangan warga emas kajian demi kajian menunjukkan warga emas yang kesunyian lebih terdedah kepada penyakit dan risiko kematian. Pengasingan sosial dan kesunyian adalah masalah serius dalam kalangan warga emas. Warga emas wanita lebih berisiko menghidap sindrom kesunyian kerana ikatan hubungan ibu dan anak begitu kuat berbanding bapa. Lantaran kesunyian dan kenangan lalu sering bermain di benak warga emas wanita. (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2016). Perasaan kesunyian ini timbul kerana banyak faktor yang tidak dijangkakan. Antaranya ialah personaliti dan karakter individu, budaya dan juga nilai yang dipegang oleh seseorang individu itu. (Amran et al., 2012).

Kesihatan mental ialah kemampuan individu, kelompok dan persekitaran berinteraksi antara satu sama lain bagi mempromosi kesejahteraan subjektif serta fungsi yang optima dan penggunaan keupayaan kognitif, efektif dan perhubungan ke arah pencapaian matlamat individu dan kumpulan yang selari dengan keadilan. Kesihatan mental merupakan satu aspek yang penting di dalam kehidupan seseorang. Oleh disebabkan itu, ia memainkan peranan penting pada setiap peringkat usia. Kualiti hidup seseorang itu juga bergantung pada kesihatan mental. Maka, setiap individu perlu menitik beratkan tahap kesihatan mental sepertimana kita menitik beratkan tahap kesihatan fizikal. Menurut Norliah Lasemang (2017), kesihatan mental adalah situasi dimana seseorang individu menyedari potensinya boleh berdaya tindak terhadap stres kehidupan, boleh bekerja dengan produktif dan boleh menyumbang kepada masyarakat. Kesihatan mental juga merujuk kepada cara berfikir, merasa dan bertindak. Dalam pada itu, cara menghadapi masalah dan mengatasi serta cara berinteraksi dengan orang lain juga merangkumi kesihatan mental.

Sejak akhir-akhir ini, terdapat banyak liputan dibuat mengenai kesihatan mental. Ini merupakan satu perkembangan dimana isu mengenai kesihatan mental telah mula mendapat perhatian orang ramai berbanding dahulu. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dzulkefly Ahmad menyatakan bahawa kesihatan mental akan menjadi fokus kementeriannya untuk tahun 2019. (Firdaus Abd Gani, 2019).

Dipetik dari kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, 40 peratus daripada warga Malaysia akan menghadapi masalah kesihatan mental dalam tempoh hayat mereka dan tinjauan pada 2017 oleh Kementerian Kesihatan mendapat 18,336 orang menderita tekanan perasaan di pelbagai peringkat berdasarkan imbasan kesihatan ke atas 273,203 individu. Beliau juga berpendapat pihak kerajaan perlu memperkuatkannya langkah-langkah pencegahan awal agar dapat membantu dalam mengurangkan kes masalah kesihatan mental. (Berita Harian Online, 2018).

Statistik Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan menunjukkan isu penyakit mental dalam kalangan rakyat semakin membimbangkan. Penyakit mental boleh dikategorikan sebagai derita dalam senyap yang akan menjaskan kesejahteraan insan. Oleh itu, semua kaunselor pendidikan perlu mengambil langkah supaya melihat semula program pembangunan, pencegahan, pemulihan dan krisis membabitkan organisasi masing-masing, (Berita Harian Online, 2018). Maka, kesihatan mental boleh mempengaruhi kehidupan sehari-hari seseorang samada dalam sedar atau tidak sedar. Masalah kesihatan mental berkait rapat dengan gaya hidup, tingkah laku, masalah kewangan, kemiskinan, kebimbangan dan tekanan perasaan.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Kadar pengabaian warga emas semakin hari kian meningkat. Warga emas juga merupakan individu yang sering dikaitkan dengan masalah kesihatan mental. Hal ini berlaku kerana adanya individu yang

bersikap ingin mengejar status, pangkat, kebendaan sehingga menyebabkan berlakunya fenomena pengabaian warga emas. Disebabkan kesibukan yang dihadapi, maka berlakulah pengabaian terhadap warga emas yang menginginkan perhatian dan kasih sayang daripada anak mereka. Abdullah (1992), mendapati masyarakat Melayu mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk menghantar warga emas ke pusat jagaan dan kebajikan warga emas.

Malahan, ada segelintir golongan dalam masyarakat kita yang sering menganggap bahawa warga emas ini banyak menimbulkan bebanan. Tanggapan sedemikian adalah amat menyedihkan. Tanggapan sebegini menyebabkan warga emas menjadi satu golongan yang dipinggirkan oleh masyarakat pada masa kini. Perkara sebegini menyebabkan golongan warga emas sendiri berasa mereka membebangkan masyarakat, maka tidak hairan terdapat beberapa kes yang dilaporkan media mengenai warga emas hilang dan dijumpai di tepi-tepi jalanan. Hal ini, secara tidak langsung merupakan penyebab utama mengapa warga emas dihantar ke pusat jagaan orang tua bagi menjamin kebajikan mereka. Menurut Aishah dan Katiman (2012), anak-anak kini sibuk dengan pendidikan, kerjaya dan keluarga sendiri. Tuntutan pendidikan, kerjaya dan keluarga menyebabkan sesetengah anak terpaksa berhijrah ke daerah, negeri atau negara lain. Oleh itu, keadaan ini menjadi halangan kepada mereka untuk menjaga dan melihat keperluan ibu bapa mereka sepenuhnya.

Pelbagai faktor menyumbang kepada kesejahteraan mental rakyat dan ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu risiko atau faktor pelindung. Kedua-duanya mempunyai aspek sosial tersendiri dan mampu wujud dalam satu masa yang sama. Lantaran itu, kesejahteraan mental memerlukan rakyat mempunyai kemahiran daya tahan untuk bangkit semula. Hal ini bergantung kepada sifat dalaman seperti sikap, personaliti, lokus kawalan atau faktor luaran dalam persekitaran seperti sokongan sosial keluarga dan program pencegahan di pelbagai agensi. Di Malaysia, terdapat sejumlah 132 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di bawah JKM yang dikendalikan oleh NGO telah ditubuhkan pada tahun 2012. PAWE disasarkan kepada warga emas yang sihat dan dapat menguruskan diri. Bagi memastikan warga emas dapat berdikari dan berinteraksi sesama mereka dan masyarakat setempat, pelbagai aktiviti dan program telah disediakan di pusat berkenaan seperti program keagamaan, rekreasi, terapi dan pemulihan, pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan dan latihan serta kursus yang bersesuaian (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014).

Selain itu, masalah kesunyian juga merupakan salah satu faktor penyebab utama yang menyebabkan berlakunya masalah kesihatan mental. Yahaya dan Zainon (1992) yang mengatakan masalah kesihatan mental mampu mempengaruhi perasaan kesunyian mereka. Sepatutnya pada lewat usia sebeginilah warga emas memerlukan kehidupan yang penuh dengan kasih sayang, merasakan bahawa diri mereka dihargai dan bergembira menjalani kehidupan disamping keluarga (Yahya et. al 1992).

### **3.0     OBJEKTIF KAJIAN**

- 3.1     Mengenalpasti tahap kesihatan mental dalam kalangan warga emas.
- 3.2     Mengkaji hubungan antara sokongan sosial terhadap kesihatan mental dalam kalangan warga emas.
- 3.3     Mengkaji hubungan antara kesunyian terhadap kesihatan mental dalam kalangan warga emas.
- 3.4     Mengkaji perbezaan kesihatan mental berdasarkan jantina dalam kalangan warga emas.

## **4.0 METODOLOGI**

### **4.1 Populasi Dan Sampel Kajian**

#### **4.1.1 Populasi Kajian**

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji melibatkan golongan warga emas dikawasan Kuala Sungai Baru, Melaka. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Negeri Melaka (2019) mendapati bahawa populasi warga emas di sekitar kawasan Kuala Sungai Baru, Melaka adalah seramai 110 orang.

#### **4.1.2 Sampel Kajian**

Berdasarkan jadual persampelan Krejcie & Morgan (1970), seramai 86 orang responden telah diambil sebagai sampel kajian.

### **4.2 Kaedah Persampelan**

Pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak mudah iaitu setiap warga emas mempunyai peluang untuk menjadi responden kajian.

### **4.3 Lokasi Kajian**

Lokasi kajian adalah di sekitar kawasan perkampungan di Kuala Sungai Baru, Melaka.

### **4.4 Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai alat kajian untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Pengkaji menggunakan borang soal selidik yang bersesuaian dengan tujuan kajian dan berkesan untuk kajian yang dilakukan. Instrumen berbentuk soal selidik ini mudah untuk diedarkan kepada responden bagi mendapatkan data yang tepat. Instrumen kajian yang digunakan adalah instrumen kajian yang diasaskan oleh Barrera (1981), Inventori Tingkah Laku Sokongan Sosial (*Inventory of Socially Supportive Behaviour: ISSB*), Inventori *Loneliness Scale* (UCLA) dan Inventori *Depression, Anxiety and Stress Scale* (DASS). Data dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 22.0.

## **5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **5.1 Keputusan Deskriptif: Latar Belakang Responden**

Responden dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah terdiri daripada warga emas penduduk Kampung Kuala Sungai Baru, Melaka. Latar belakang responden melibatkan aspek tahap kesihatan mental, jantina, umur dan bangsa.

Jadual 5.1 Taburan Frekuensi Tahap Kesihatan Mental Warga Emas

Tahap	Frekuensi (N)	Peratus (%)
Rendah	27	31.4
Tinggi	59	68.6
Jumlah	86	100

Jadual 5.1 menunjukkan bahawa hasil kajian taburan data tahap kesihatan mental warga emas mendapati bahawa seramai 27 orang responden mempunyai tahap kesihatan mental yang rendah (31.4%) berbanding 59 orang responden yang mempunyai tahap kesihatan mental yang tinggi (68.6%)

**Jadual 5.2 Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Jantina**

<b>Jantina</b>	<b>Frekuensi (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Lelaki	59	68.6
Perempuan	27	31.4
Jumlah	86	100

Jadual 5.2 menunjukkan bahawa hasil kajian taburan data responden mengikut jantina. Kajian mendapati responden lelaki adalah seramai 59 orang (68.6%), manakala responden perempuan pula seramai 27 orang (31.4%).

**Jadual 5.3 Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Umur**

<b>Umur</b>	<b>Frekuensi(N)</b>	<b>Peratus(%)</b>
60 - 65	41	47.7
66 - 70	36	41.9
71 – 75	9	10.5
Jumlah	86	100

Jadual 5.3 menunjukkan bahawa hasil kajian taburan data responden mengikut umur daripada 86 orang responden kajian tersebut adalah seramai 41 orang responden (47.7%) yang terdiri daripada umur 60 hingga 65 tahun. Seterusnya, seramai 36 orang responden (41.9%) yang berumur dalam lingkungan 66 hingga 70 tahun, manakala seramai 9 orang responden (10.5%) yang berumur dalam lingkungan 71 hingga 75 tahun.

**Jadual 5.4 Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa.**

<b>Bangsa</b>	<b>Frekuensi(N)</b>	<b>Peratus(%)</b>
Melayu	58	67.4
India	14	16.3
Cina	14	16.3
Jumlah	86	100

Jadual 5.4 menunjukkan hasil kajian taburan data responden mengikut bangsa. Seramai 58 orang responden (67.4%) yang terdiri daripada warga emas yang berbangsa Melayu. Manakala warga emas yang berbangsa India dan Cina adalah sama seramai 14 orang responden (16.3%). Jadual ini menunjukkan warga emas berbangsa Melayu adalah lebih ramai berbanding daripada bangsa lain.

## 5.2 Keputusan Inferensi

Dalam bahagian ini, pengkaji menyatakan jadual statistik inferensi yang telah diperoleh melalui kaedah Korelasi Pearson bagi mengkaji hubungan yang digunakan untuk menguji hipotesis yang dibina untuk melihat hubungan antara sokongan sosial dan kesunyian dengan kesihatan mental dalam kalangan warga emas penduduk kampung di Kuala Sungai Baru, Melaka. Kesemua hipotesis ini telah diuji dengan menggunakan kaedah Korelasi Pearson dan ujian t.

5.2.1 Hipotesis 1 : Terdapat hubungan antara sokongan sosial terhadap kesihatan mental dalam kalangan warga emas.

Jadual 5.5 Korelasi antara sokongan sosial terhadap kesihatan mental dalam kalangan warga emas

Pembolehubah	Kesihatan mental
Sokongan sosial	-.079
k>.05	

Analisis ujian korelasi pada Jadual 5.5 menunjukkan bahawa nilai pekali ialah  $-.079$  ( $r=-.079$ ) dan nilai kebarangkalian adalah  $.469$  yang diuji pada aras keyakinan ( $k>.05$ ). Oleh itu, jadual menunjukkan bahawa sokongan sosial tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kesihatan mental [ $r=-.079$ ,  $k>.05$ ].

Hasil kajian ini tidak selari dengan kajian Nurul Hudani, Puteri Hayati, Mohd Dahlan dan Getrude Cosmas (2016) yang mendapati bahawa sokongan sosial yang tinggi dapat membantu dari sudut intergenerasi semakin baik di antara hubungan anak dan warga emas. Dapatkan kajian ini juga tidak selaras dengan kajian oleh Fatimang dan Rahmah (2011) mendapati bahawa sokongan sosial, hubungan kekeluargaan dan keadaan persekitaran tempat tinggal mempengaruhi tahap kesihatan mental warga emas. Warga emas yang mempunyai sokongan sosial yang baik mampu untuk menjalankan aktiviti yang sihat dengan komuniti seperti berkomunikasi dengan jiran dan sebagainya.

5.2.2 Hipotesis 2 : Terdapat hubungan antara kesunyian terhadap kesihatan mental dalam kalangan warga emas.

Jadual 5.6 Korelasi antara kesunyian terhadap kesihatan mental dalam kalangan warga emas

Pembolehubah	Kesihatan mental
Kesunyian	.184**
k<.05	

Analisis ujian korelasi dalam Jadual 5.6 menunjukkan bahawa nilai pekali ialah  $.184^{**}$  ( $r=.184$ ) dan nilai kebarangkalian adalah  $.000$  yang diuji pada aras keyakinan ( $k<.05$ ). Oleh itu, jadual menunjukkan bahawa kesunyian mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kesihatan mental [ $r=.184^{**}$ ,  $k<.05$ ].

Hasil kajian ini disokong melalui hasil kajian Siti Marziah, Khadijah dan Nasrudin Subhi (2013) yang menyatakan bahawa kesunyian dikenalpasti sebagai masalah kesihatan mental utama dalam kalangan warga emas. Kesunyian merupakan satu masalah serius kerana mendatangkan kesan buruk kepada 40% daripada populasi warga emas Eropah dan Amerika Syarikat (Weeks, 1994). Perasaan seperti ini boleh memburukkan lagi tahap kesihatan dan memendekkan jangka hayat warga emas (Luo, Hawley, Waite et al., 2012).

Namun, dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian Amran Hassan et al. (2012), yang mendapati bahawa kebanyakan warga emas tidak berasa terlalu sunyi bergantung kepada bagaimana warga emas menghadapinya. Warga emas yang pandai untuk menguruskan diri sendiri dan mampu untuk mengamalkan sosialisasi yang sihat dapat melindungi kesejahteraan psikologi mereka.

### 5.3.3 Hipotesis 3 : Terdapat perbezaan terhadap kesihatan mental berdasarkan jantina.

Jadual 5.7 Keputusan Ujian t bagi perbezaan kesihatan mental berdasarkan jantina.

Jantina	N	Min	Sisisian Piawai	t	dk	k	Sig.
Lelaki	59	45.91	7.31	.455	84	.650	.307
Perempuan	27	46.74	8.79				

$k>.05$

Analisis ujian t dalam jadual 5.7 telah menunjukkan skor min terdapat perbezaan yang signifikan antara kesihatan mental dengan jantina iaitu lelaki dengan 45.91, manakala skor min bagi perempuan pula 46.74. Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesihatan mental terhadap jantina iaitu .455. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan kesihatan mental berdasarkan jantina [ $t (84)=.455$ ,  $k>.05$ ].

Hasil kajian ini selari dengan kajian Ponnunusamy Subramaniam, Azlina Wati dan Shazli Ezzat (2009), yang mendapati kedua-dua jantina lelaki dan perempuan mencatatkan kadar atau kes yang rendah dalam skala kemurungan iaitu masing-masing 25% dan 35.7%. Namun, jantina berkemungkinan merupakan faktor risiko atau pelindung dalam kesihatan mental. Ia turut disokong oleh Nguyen et al (2002) mendapati bahawa faktor gaya hidup mempengaruhi kesihatan mental dalam kalangan warga emas di mana lelaki berkecenderungan mengamalkan haya hidup tidak sihat seperti merokok dan tidak mengambil berat tentang pemakanan berbanding dengan wanita semasa waktu muda.

## 6.0 KESIMPULAN

Warga emas mempunyai risiko yang tinggi terhadap gangguan kesihatan mental jika tidak diberi perhatian dengan sebaiknya. Perasaan kesunyian ini juga merupakan perasaan kebiasaan yang dialami oleh warga emas kerana mereka telah melalui transisi kehidupan yang berbeza iaitu sudah tidak memiliki pekerjaan dan anak-anak juga telah membesar dan meninggalkan rumah untuk mencari pekerjaan di tempat lain. Perasaan kesunyian yang tinggi mampu untuk mengganggu kesihatan mental warga emas terutamanya yang tinggal berseorangan di rumah. Di sini pentingnya sokongan sosial dan juga merupakan faktor pelindung dalam membantu warga emas daripada kesunyian dan gangguan mental. Jadi, sebagai komuniti dan anak-anak perlukan kita memberi perhatian kepada warga emas yang masih hidup. Ini dapat membantu mereka membentuk sikap positif yang berpanjangan apabila terpaksa berhadapan dengan keadaan kesunyian ini.

## RUJUKAN

- Abdullah (1992). *Masalah dan Faktor Orang Tua-tua Melayu ke Pusat Jagaan Orang-orang Tua, Kajian Penyelidikan*, FPPSM. UTM, Skudai.
- Amran Hassan, Asmah Ismail, SuriatiGhazali & NorbayahArifin. (2012). Kesunyian atau ‘Loneliness’: Mengapa Ini Berlaku Di Kalangan Warga Emas. *Prosiding of International Environment and Health Conference 2012*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed & KatimanRostam (2012). Warga Tua Melayu di Pinggir Wilayah Metropolitan, Selangor: Pengalaman Dan Persepsi Tentang Diri. *Malaysia Journal of Society and Space* 8, 1-14.
- BeritaHarian Online (2018), *Henti Pinggir Individu Alami Masalah Kesihatan Mental*. Putrajaya.
- Fatimang, L.,& Rahmah, MA. (2011).Penjagaan pesakit strok: adakah ia satu bebanan? Apa yang penjaga persepsikan? *Journal of Community Health*,17 (1), 32-41.
- FirdausAbdGani (2019), *GejalaKemurungan: Kesedihan Biasa atau Penyakit?*Astro Awani.
- KhairulAzranHussin (2018), *Penyakit Mental Masalah Kesihatan Kedua*. Berita Harian Online.

- Krejie, R. V & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (2014) [Cited 30 March 2020]. Available from: [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)
- Luo, Y., Hawkley, L. C., Waite, L. J. et al, (2012). Loneliness, Health & Mortality in Old Age: A National Longitudinal Study. *Social Science and Medicine*, 74 (6), 907-914.
- Nguyen, H.T., Black, S.A. & Ray, L.A. (2002). Predictors of decline in MMSE scores among older Mexican Americans. *Jurnal of Gerontology*. 57: 181-185.
- Norliah Lasemang, (2017). KesihatanFizikal Dan Mental. 10.13140/RG.2.2.36631.57762.
- Nurul Hudani, Puteri Hayati, Mohd Dahlan & Getrude Cosmas, (2016). *Intergenerasi, Sokongan Psikologi dan Sosial Penjagaan Warga Tua dalam Pelbagai Etnik di Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Ponnunasaki Subramaniam, Azlina Wati & Shazli Ezzat (2009). Kecelaruan Psikogeriatrik di Kalangan Warga Tua: Satu Kajian Awal. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 7 (1): 37-47.
- Sharifah Rosila (2013). *Pengaruh Faktor Peribadi, Sokongan Sosial, Tahap Kesihatan dan Agama ke atas Warga Tua Produktif*. Universiti Utara Malaysia: Kedah.
- Siti Marziah, Khadijah Alavi & Nasrudin Subhi (2013). Risiko kesunyian Dalam Kalangan Warga Tua di Rumah Seri Kenangan. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*, 1 (1): 49-56
- Weeks, D. J. (1994). A Review of Loneliness Concept: With Particular Reference to Old Age. *International Journal of Geriatric Psychiatry*. 9 (5), 345-355.
- Yahaya Mahamood & Zainon Jalani (1992). Orang TuaMelayu (IV) :PersepsiMereka TerhadapKematian. *MajalahPsikologi*, 12, 61-78.

## **DASAR MALAYSIANIZATION: KESANNYA DALAM MENJADIKAN SISTEM PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA BERJAYA**

**Nurliana Suhaini & Nuratiqah Suhaini**

nurliana@kuim.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan memberikan satu penilaian terhadap perkhidmatan awam di Malaysia terutama semasa perubahan pentadbiran dari pentadbiran British dan beransur – ansur di tadbir sepenuhnya oleh orang Melayu. Melihat perkhidmatan awam terutamanya dalam konteks *Malaysianization* dan kesannya sebagai alat pembangunan negara dan tulang belakang jentera pentadbiran negara.

**Kata Kunci:** Perkhidmatan awam, *Malaysianization*, pembangunan negara.

### **ABSTRACT**

This study provides an assessment of the public service in Malaysia particularly during the change of the British administration and gradually being governed by Malays. By looking at civil service especially in the context of Malaysianization and its effects as a national development tool also as the backbone of the national administration machinery.

**Keywords:** Public service, Malaysianization, national development.

### **1.0 PENGENALAN**

“Dasar *Malaysianization*” dalam perkhidmatan awam akhirnya memberikan kesan besar ke arah menjadikan sistem pentadbiran negara berjaya. Beberapa pandangan dan pengalaman daripada tokoh – tokoh akan diambil sebagai penguat kepada kebenaran dasar ini. Menurut V.S. Winslow, seawal 1956 lagi proses ini semakin popular namun ketika itu dikenali dengan “Memalayakan” perkhidmatan awam iaitu dengan maksud mengisi jawatan – jawatan bahagian satu secara beransur – ansur dengan rakyat Malaya yang berkelayakan dan berpengalaman.<sup>1</sup> Oleh yang demikian di masa hadapan perkhidmatan awam akan berkurangan membawa cap “British” kecuali bagi prinsip – prinsip “British” yang tertentu. Sebagai contoh perkara yang British tidak mahu mengubahnya seperti kesaksamaan dan keutuhan politik.

Selain itu, reformasi perkhidmatan awam Malaysia telah dijalankan semasa proses ‘*Malayanizing*’ Perkhidmatan Awam apabila ia menerima pakai program ‘*Malayanization*’ dalam perkhidmatan awam. Secara dasarnya, terdapat dua objektif iaitu dinamakan untuk menggantikan ekspatriat dan keduanya untuk meluaskan birokrasi.<sup>2</sup> Reformasi ini dilaksanakan secara berperingkat di mana satu pelaku tempatan yang sesuai disediakan, ekspatriat diarahkan untuk meletakkan jawatan dan digantikan dengan pegawai tempatan. Jadi, ia dilaksanakan untuk peralihan yang lancar dengan beberapa masalah. Maka, jelaslah bahawa reformasi ini mampu menaikkan nama perkhidmatan awam kerana mereka berupaya mencari jalan untuk meningkatkan mutu kerja pegawai tempatan selain dapat menggantikan ekspatriat sepanjang masa dan ini akan merugikan pegawai tempatan yang mungkin

<sup>1</sup> V.S. Wisslow berjudul “Perkhidmatan Awam dan Penjawat awam di Malaysia” dalam Tun Muhammad Suffian, H.P.Lee dan F.A Trindade, *Perlembagaan Malaysia Perkembangannya : 1957 – 1977*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1978, hlm., 312.

<sup>2</sup> Phang Siew Nooi, *Transition in Administrative Reforms : Decentralization and Shifting of Power to Local Government*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2008, hlm.2.

jauh lebih layak dari ekspatriat.<sup>3</sup> Zaman melaksanakan transformasi negara dan keperluan untuk meneruskan perubahan pentadbiran telah mempercepatkan usaha-usaha kerajaan ke arah menyusun semula struktur perkhidmatan awam dan perubahan ini juga perlu dilaksanakan dan mengingatkan keperluan sebuah populasi untuk menyedari kepentingan kemerdekaan dan jangkaan yang menyeluruh untuk masa depan yang baik.<sup>4</sup> Selain itu, perlu juga mengawal perbelanjaan kerajaan, menyambung jurang yang wujud dalam pembangunan luar Bandar dalam ketidakseimbangan ekonomi di antara sektor bandar dan luar bandar. Perkhidmatan awam juga perlu dilatih dan dilengkapi dengan kemahiran yang terbaik dan pengetahuan dalam pentadbiran awam, ekonomi, sains dan teknologi. Pendek kata, adalah sangat penting reformasi pentadbiran dan inovasi ini perlu diperkenalkan di dalam perkhidmatan awam.

## 2.0 KESAN “DASAR MALAYSIANIZATION”

Bertepatan sebenarnya dengan pengalaman Abdullah Salleh, beliau telahpun diberikan peranan pada awal tahun 60 – an iaitu mengimplementasikan “*dasar Malaysianization*” dalam perkhidmatan awam. Ketika itu beliau berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam maka menjadi tugasnya dalam menjayakan proses dasar ini. Dasar yang diwujudkan oleh kerajaan ini seterusnya dilaksanakan oleh perkhidmatan awam dari segi pengambilan pegawai – pegawai kerajaan kanan untuk berkhidmat di dalam berbagai perkhidmatan awam seperti perkhidmatan kejuruteraan, perundangan dan lain – lain lagi.<sup>5</sup> Tujuan dasar ini dilaksanakan juga adalah untuk mengambil alih jawatan – jawatan yang dipegang oleh pegawai barat. Usaha ini berjalan hampir 10 tahun dan akhirnya semua jawatan dapat diambil alih sepenuhnya oleh warganegara Malaysia.<sup>6</sup> Dalam masa yang sama kerajaan telah melancarkan rancangan pembangunan ini ke seluruh pelusuk Negara dengan mengwujudkan *The First Malaya Plan 1956*.

Jelasnya dalam proses “*Malaysianization*” ini, perkara yang ingin ditonjolkan adalah kesan dasar ini kepada negara. Oleh yang demikian akan dikupas satu – persatu kejayaan dasar ini. Pertamanya Rancangan lima tahun yang dihasilkan oleh Unit Perancangan Ekonomi dan dilaksanakan oleh Kementerian – kementerian dan kerajaan negeri. Justeru itu dalam masa 10 tahun merdeka banyak perubahan – perubahan yang dilakukan oleh kerajaan untuk meninggikan taraf sosio – ekonomi rakyat jelata serta meningkatkan taraf kehidupan ekonomi orang – orang kampung.<sup>7</sup> Tanggungjawab ini telah dilaksanakan oleh Tun Razak dengan usaha beliau melancarkan secara besar – besaran rancangan pembangunan kampung, yang berakar umbikan dari bawah, dari segi perancangan yang membawa kepada peringkat negeri seterusnya kepada peringkat pusat. Abdullah Salleh begitu mengagumi Tun Razak dan beliau berasa amat bertuah kerana dapat mendampingi Tun Razak ketika memegang jawatan Setiausaha rendah, Jabatan Perdana Menteri kerana dapat melihat dari dekat kesungguhan seorang pemimpin dalam usaha memerangi kemiskinan dan meningkatkan kehidupan rakyat khususnya bumiputera telah mendapat perhatian yang amat baik sekali.<sup>8</sup> Lantas tidak hairan jika Tun Razak digelar Bapa Pembangunan. Negara dengan keprihatinan beliau sehingga melawat ke negeri – negeri, daerah – daerah dan kampung – kampung untuk melihat sendiri keberkesanan rancangan pembangunan yang dilakukan.

Selain Tun Razak, Tun Mahathir tidak kurang hebatnya dalam mengepalai pentadbiran Negara. Beliau turut meneruskan usaha Tun Perak terutama dalam pemodenan. Sebelum “*Dasar Malaysianization*” ini dilaksanakan, pentadbiran awam adalah bercorak ‘*maintenance administration*’ sahaja di mana pengawalan perjalanan pentadbiran diutamakan. Walau bagaimanapun dengan

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm., 4.

<sup>5</sup> Abdullah Mohd Salleh, *Teks Syarahan “Perkhidmatan Awam”*, Kuala Lumpur : INTAN, 2001,hlm.,5.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm., 6.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm., 7.

<sup>8</sup> *Ibid.*

kemerdekaan, terdapat perubahan dalam pemikiran masyarakat. Bagi memenuhi hasrat juga cita-cita rakyat dalam memakmurkan hidup, kerajaan telah mengubah corak pentadbiran daripada ‘maintenance administration’ kepada ‘development administration’.<sup>9</sup> Tambahan pula rakyat sudah mulai sedar hak-hak mereka dan pandai untuk menuntut berbagai-bagai jenis perkhidmatan serta tahap perkhidmatan yang tinggi. Tidak kurang juga pihak politik juga turut menuntut tahap komitmen yang tinggi daripada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam untuk melaksanakan dasar-dasar yang diputuskan oleh mereka. Selain itu dengan keadaan ekonomi negara yang merosot, perkhidmatan awam terpaksa mencari jalan untuk menggunakan sumber-sumber yang sedia ada secara lebih optimum. Kesemua hal ini yang telah menyebabkan berlaku usaha modenisasi dalam perkhidmatan Awam Malaysia. Namun jelas usaha ini membawa hasil yang optimum kepada pentadbiran di Malaysia.<sup>10</sup>

Sebenarnya proses modernisasi dalam pentadbiran bukanlah satu perkara yang baru dalam perkhidmatan Awam Malaysia. Penubuhan bahagian Organisasi dan kaedah di Perbendaharaan pada tahun 1948 untuk menjalankan kerja-kerja pembaharuan berkaitan dengan organisasi dan kaedah merupakan satu permulaan ke arah ini. Satu lagi unit baru turut dimajukan iaitu Unit Kemajuan Pentadbiran, di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1966 dengan matlamat untuk membawa kepada modenisasi dalam pentadbiran awam. Kemudiannya salah satu daripada usaha untuk memajukan pentadbiran awam yang dijalankan oleh unit ini ialah dengan menjalankan satu tinjauan yang mendalam mengenai keperluan latihan dalam perkhidmatan awam. Hasil daripada tinjauan itu, Institut Tabiran Awam Negara (INTAN) telah ditubuhkan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesan pegawai-pegawai Kerajaan melalui latihan.

Seterusnya satu lagi usaha yang dilakukan iaitu sistem belanjawan baru, iaitu sistem Belanjawan Program dan Prestasi telah diperkenalkan secara berperingkat dalam tahun 1969 untuk menggantikan sistem belanjawan yang lama. Di bawah sistem ini, Peruntukan yang diberikan itu adalah berdasarkan kepada fungsi, program dan aktiviti. Melalui sistem baru ini perkhidmatan awam dijangka dapat mengesan prestasi tiap-tiap program kerajaan. Tidak ketinggalan juga Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Malaysia (sekarang dikenali sebagai Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia) telah ditubuhkan pada tahun 1977 untuk memberikan perkhidmatan perundingan pengurusan kepada organisasi-organisasi Kerajaan. Malah turut mengemaskini pentadbiran awam dan mengukuhkan keupayaan tadbiran untuk melaksanakan rancangan ekonomi negara dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti perancangan tenaga manusia.

Jelas sebenarnya usaha-usaha modernisasi yang dilaksanakan dalam perkhidmatan awam adalah bersifat ‘intervention’ ataupun ‘campurtangan’ dalam pelbagai bidang. Bidang tersebut termasuk bidang personel, kewangan, sistem dan prosedur serta alat kelengkapan pejabat. Campur tangan tersebut terdapat dalam dua bentuk pertama iaitu pembaharuan pentadbiran yang dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh negara ataupun lebih tepat jika dikatakan mempunyai kesan yang menyeluruh ke atas semua agensi kerajaan. Manakala bentuk yang kedua iaitu campur tangan secara pembangunan agensi iaitu perubahan diperkenalkan kepada satu agensi berdasarkan kepada keperluannya sahaja. Selain itu terdapat beberapa lagi pemodenan yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti penggunaan Kad perakam waktu yang dimulai sejak tahun 1981 dan sistem memakai tanda nama pada tahun 1983. Berikut merupakan usaha kearah pengubahan sikap dan nilai. Selain untuk memastikan akan melaksanakan tugas mereka dengan dedikasi dan tekun selama berada di pejabat. Oleh itu tidak dapat dinafikan pelbagai usaha perubahan dilaksanakan oleh kerajaan dalam memantapkan perkhidmatan awam negara.

Begitu juga amanat yang disampaikan oleh Tun Mahathir tentang langkah memantapkan lagi perkhidmatan negara dalam ucapan perasmian Kompleks JPA, di jalan Tun Ismail. Beliau telah

<sup>9</sup> 2005/0002560, Buletin Intan 1987 “Kearah Perkhidmatan Awam Yang Cemerlang : Pelaksanaan Modenisasi dalam Perkhidmatan Awam, hlm., 4.

<sup>10</sup> Ibid.

menyebut bahawa selaras dengan kepesatan pembangunan Negara, sudah menjadi hasrat kerajaan untuk menyediakan kemudahan dan ruang pejabat yang lebih selesa kepada kakitangan dan juga orang awam ketika berurusan dengan mereka. Lantas kerajaan sentiasa menjalankan usaha penyelenggaraan dari semasa ke semasa. Tambahan pula beliau turut menyatakan tentang peranan JPA sebagai agensi yang menguruskan kakitangan kerajaan tentulah sedar akan kesan sumbangan tenaga manusia terhadap kejayaan Negara. Beliau turut mengambil contoh negara yang miskin dari segi sumber semula jadi tetapi dalam bidang ekonomi seperti Jepun dan Korea Selatan adalah yang terbaik.<sup>11</sup> Hal ini sebenarnya berpunca daripada sumber tenaga manusia yang terlatih, berdisiplin, rajin dan inovatif. Sebenarnya juga objektif asas pembangunan sumber manusia ialah untuk membolehkan tenaga manusia itu digunakan secara maksima. Justeru itu berdasarkan kepentingan tersebut, pembangunan sumber manusia daripada segi sikap dan kecekapan hendaklah dijadikan agenda utama dalam perkhidmatan awam.<sup>12</sup>

### 3.0 RUMUSAN

Tuntasnya setelah meneliti sejarah pemerintahan dan pentadbiran negara jelas kelihatan pengaruh barat seperti yang telah dinyatakan oleh *Baron de Montesquieu* tentang pengasingan kuasa yang dilaksanakan meniru gaya pentadbiran di Amerika. Namun hakikatnya sistem pengasingan tersebut tidaklah dilaksanakan dengan jitu. Hal ini disebabkan terdapat juga campur tangan antara ketiga – tiga badan tersebut dalam mentadbir Malaysia. Walau bagaimanapun berlandaskan sistem pentadbiran Barat tersebut tidak dapat dinafikan sistem pemerintahan dan pentadbiran Negara tetap kelihatan tersusun dan kemas. Kemudiannya apabila melihat sistem perkhidmatan awamnya pula sememangnya perlu dibanggakan dengan perubahan yang sentiasa positif terutama apabila orang tempatan sendiri yang mengepalainya. Ketepatan dalam usaha pembangunan semakin jelas apabila di bawah pimpinan orang tempatan berbanding motif keuntungan sahaja yang diutamakan semasa di bawah pentadbiran British. Seterusnya dalam membincangkan hal berkaitan “*dasar Malaysianization*” tersebut pula jelas sememangnya perlu dibanggakan kerana usaha dalam kemajuan sentiasa dilaksanakan oleh kakitangan kerajaan. Kejayaan dasar ini suatu kebanggaan kerana Malaysia boleh maju dengan usaha sendiri. Pelbagai perubahan dan kemodenan yang dilaksanakan saban tahun tanpa ada sikap berputus asa. Pemimpin dan kerajaan tonggak utama dalam mencorakkan kejayaan dasar ini. Sesungguhnya pengkajian dalam “*dasar Malaysianization*” ini tiada noktahnya dan amat menarik untuk mengkajinya dengan lebih mendalam kerana dasar ini tiada penghujungnya selagi mana Malaysia masih wujud dan sentiasa dalam proses membaiki kemajuan negaranya.

### Bibliografi

- Abdul Rahman Haji Ismail. 2005. *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Abdullah Mohd Salleh. 2001. *Teks Syarahan “Perkhidmatan Awam”*. Kuala Lumpur: INTAN. 2003/0001786.
- Abdullah bin Ayub. 1961. *Cara pemerintahan Tanah Melayu (1957 – 1963)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali Mayudin (pnyt.). 2002. *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Intan. 2006. *Pentadbiran dan pengurusan Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Khalijah Md. Khalid, Syakila Yacob dan Sharifah Mariam Syed Mohammad Alhasbi. 2007. *Tiang Seri Tadbir: PTD 50 Tahun Gemilang Bersama Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Khasnor Johan. 1984. *The Emergence of Modern Malay Administrative Elite*. New York: Oxford University Press.

<sup>11</sup> Mahmood taib, *Imbasan KPPA*, Kuala Lumpur : INTAN, 1995, hlm., 32 – 33.

<sup>12</sup> *Ibid.*

- Lembaga Penyelidikan Undang – undang. 2008. *Perlembagaan Persekutuan*. Selangor: International Law Book Services.
- Malike Brahim. 2012. *Sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Malaysia. 1995. *Perkhidmatan Awam di Malaysia: Meniti zaman*. Kuala Lumpur: Arkib Negara.
- Mahmood taib. 1995. *Imbasan KPPA*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Ramlah Adam. 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- V.S. Wisslow. 1978. Berjudul “Perkhidmatan Awam dan Penjawat awam di Malaysia” dalam Tun Muhammad Suffian, H.P.Lee dan F.A Trindade. *Perlembagaan Malaysia Perkembangannya: 1957 – 1977*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

### **Akhbar**

- Buletin Intan. 1987. ‘Kearah Perkhidmatan Awam Yang Cemerlang: Pelaksanaan Modenisasi dalam Perkhidmatan Awam. (2005/0002560).

### **Artikel**

- Siew Nooi, Phang. 2008. *Transition in Administrative Reforms: Decentralization and Shifting of Power to Local Government*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.